



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**e-PROCEEDING**

*WEBINAR*  
**PELESTARIAN WARISAN  
BUDAYA DI PERSADA DUNIA  
2022**

**20 JANUARI 2022**

JABATAN PENGAJIAN WARISAN  
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**Ketua Editor:**

Siti Nur Anis Muhammad Apandi

**Editor Bersama:**

Farrah Atikah Saari  
Sudirman Kiffli  
Rohayati Junaidi  
Sahrudin Mohamed Som  
Nurulhda Sulaiman  
Mumtaz Farhani Mohamad

**e-PROCEEDING**  
*WEBINAR*  
**PELESTARIAN WARISAN  
BUDAYA DI PERSADA DUNIA  
2022**

**Hak cipta, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 2022.**

**Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diimbas, dimuat naik, diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada pengarang atau penerbit.**

***E-proceeding* bagi Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global 2022**

**Nombor e-ISBN: 978-967-0021-14-0**

**Diterbitkan oleh:  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok Kelantan  
Malaysia**

## KANDUNGAN

<b>KATA UCAPTAMA YBHG. PROF DR. DATUK AWANG SARIYAN (ATMA, UKM)</b>	i
<b>KATA-KATA ALUAN DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN</b>	ii
<b>KATA-KATA ALUAN DARI GUANGDONG UNIVERSITY OF FOREIGN STUDIES</b>	iii
<b>KATA-KATA ALUAN DARI SICHUAN INTERNATIONAL STUDY UNIVERSITY</b>	iv
<b>PRAKATA</b>	v
<b>PENGENALAN</b>	vi
<b>BENCAO GANGMU DAN KITAB TIB: SECEBIS SEJARAH BUDAYA PERUBATAN TRADISIONAL CHINA DAN MELAYU.</b>	1
Wan Jun Li dan Zaiton Binti Zakarya.	
<b>SAKIT PUAN DALAM PERSPEKTIF KITAB PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU-CHINA.</b>	12
Rohaidah Haron dan Zaiton binti Zakarya.	
<b>TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR CHINA DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG.</b>	23
Wang Jing.	
<b>PERBEZAAN MOTIF REKABENTUK KERIS DI MALAYSIA DAN INDONESIA.</b>	
Najhan Saufi bin Maaropi, Azzrul Hisyam bin Ruslan, Mohamad Hakimi Amri bin Sobri, Intan Aisyah binti Mohd Arshad, Mas Annur Amirah binti Anuar, Nur Fairuz Ashiqin Azmi, Aina Mardhiah binti Zamri, Nur Zulaikha binti Alyasak, Nurhanis Hanina binti Abdul Latiff & Auni Husna binti Ismail.	30
<b>UNSUR ESTETIKA BAHASA YANG TERDAPAT DALAM NOVEL MAGIS KARYA RAMLEE AWANG MURSHID.</b>	
Mumtaz Farhani binti Mohamad, Anis Nazurah Bt Md Karim, Nurul Shazana binti Marajah, Nooraizzati binti Ahmad Puat, Wan Nur Akmal binti Wan Ismail & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	41
<b>NILAI SOSIAL DALAM NOVEL SRENGENGE MELALUI TEORI SOSIOLOGI SASTERA: PENDEKATAN SOSIOLOGI.</b>	56
Zahida Atiqah binti Abdul Wahab, Naizatul Nazira binti Abdul Aziz, Nur Arfadina binti Sukri, Nor Izzah binti A.Wahab, Nor Ayuni binti M.Aris & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	
<b>PRINSIP PEMILIHAN KATA DALAM CEREKARAMA AYAHANDA BERDASARKAN TEORI KONSEPTUAL KATA KUNCI.</b>	
Sakinah Harumi binti Zulhazmi, Nurul Shahirah binti Muda, Nur Aslinda binti Mohd Anuar, Nurul Syuhada binti Roslan, Muhammad Hafiz bin Zulkifli & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	67
<b>NILAI MORAL DALAM FILEM PASKAL MENGGUNAKAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU.</b>	78
Nirhoshan Vharmhan Nair, Nor Aishah Alysa binti Azhar, Nur Diani binti Halim, Alyaa Ateerah binti Rosli, Syarah Aqilah binti Zulfakar & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	
<b>NILAI KEMANUSIAAN DALAM FILEM MAGIKA (2010): SATU PENGKAEDAHAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU OLEH HASHIM AWANG (1989).</b>	
Rabbyatul Adawiyah binti Che Hussin, Hakimah Syafiqah binti Abdul Latif, Ilya Maisarah binti Che Zakaria, Nur Hidayah bt Razman, Wan Siti Nur Aini binti Wan Noor Ajman & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	89

<b>UNSUR MITOS DALAM CERKARAMA DUYUNG MENGGUNAKAN TEORI STRUKTURALISME IAITU MITOS DARIPADA LEVI-STRAUSS.</b>	100
Azimah binti Abdul Aziz, Nazeerah binti Hazizan, Naziratul Akmal binti Abdul Hamid, Nik Norsyahira Aila binti Abdul Rahman, Nor Aqma Fazlin binti Shahidin & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	
<b>UNSUR KEROHANIAN DALAM FILEM MUNAFIK KARYA SYAMSUL YUSOF: ANALISIS PENDEKATAN DAKWAH.</b>	111
Nasha Azreena binti Mohd Jaihan, Nur Ainnul Humairah binti Mohd Yusoff, Dayang Nuraziemah binti Nooradik, Nurul Farisha binti Sudin, Siti Nur Zaahirah binti Mohd Jafri & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	
<b>NILAI SOSIAL MELALUI TEORI PENDEKATAN SOSIOLOGI DALAM FILEM MELAYU ZOMBI KAMPUNG PISANG.</b>	120
Nor Aima Salsabila binti Mamat, Nurul Afiqah binti Zulkefli, Nurul Nabilah binti Shamsudin, Siti Munirah binti Sayuti, Siti Nur Anis binti Wan Abdullah, Siti Nur Syakira binti Ab Aziz & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	
<b>ASPEK MORAL DALAM NOVEL DI SEBALIK DINARA BERDASARKAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU.</b>	132
Che Wan Muhammad Othman bin Che Wan Md Azam, Nur Ameliya binti Roslan, Nur Hanis Athirah binti Rosazlan, Nur Hanis binti Mohd Ramlee, Nurul Syazwani Farhana binti Mohd Isa & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi.	
<b>SOROTAN STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU PELAJAR ASING.</b>	145
Nurul Afifah Adila Mohd Salleh.	
<b>PENGARUH IMPERIALISME TERHADAP SALMAH BINTI ISMAIL @ SALOMA DI TANAH MELAYU.</b>	155
Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, Wan Hasmah Wan Teh, Norasmahani Hussain dan Norazilawati Abd Wahab.	
<b>PEMIKIRAN DALAM NOVEL BIMASAKTI MENARI BERDASARKAN TEORI SPB4K.</b>	181
Rohayati Junaidi,.	
<b>KEISTIMEWAAN SENIBINA RUMAH DATO' HAJI AHMAD MAHER SEBAGAI KHAZANAH WARISAN YANG PERLU DIPELIHARA.</b>	193
Farrah Atikah Saari, Mohamad Rahimi Akmal Mat Hassan, Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Sahrudin Mohamed Som.	
<b>FUNGSI PEMASARAN PAMERAN TERHADAP KOLEKSI DI MUZIUM DIRAJA NEGERI KEDAH DARUL AMAN.</b>	201
Nor Amira bt Sharom.	
<b>KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA PENGUNJUNG DI MUZIUM SUNGAI LEMBING.</b>	208
Nur Athirah Zahirah Azman.	
<b>INSPIRASI ELEMEN MODEN TERHADAP BAJU KURUNG RIAU : ANALISIS FUNGSI</b>	213
Nurulahda Binti Sulaiman, Rohaiza Binti Abdul Rahman, Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi, Farrah Atikah Binti Saari, Mohd Zaimmudin Bin Mohd Zain, Sarah Wahida Binti Hasbullah, Norhasliyana Hazlin binti Zainal Amri.	
<b>LAMPIRAN</b>	225

**KATA UCAPTAMA YBHG. PROF DR. DATUK AWANG SARIYAN (ATMA, UKM)**

Persefahaman antara pendukung tamadun sedunia tidak seharusnya dilihat sebagai sekadar kesan alamiah interaksi antara satu tamadun dengan tamadun yang lain, bahkan sudah sampai pada tahap keperluan yang wajar direncanakan dan diupayakan. Dugaan berlakunya pertentangan tamadun (the clash of civilizations) sebagai fenomena zaman kini dan zaman mendatang sebagaimana yang diungkapkan oleh Samuel P. Huntington (2002) tidak seharusnya diterima bulat-bulat sebagai hukum alam yang menimpa umat manusia sejagat. Pelbagai kelainan yang wujud dalam tamadun-tamadun sedunia, baik pada sisi sistem nilainya, pemikiran, pandangan sarwa, amalan mahupun yang lain-lain tidak sewajarnya dijadikan alasan untuk memperlebar jurang ketamadunan manusiawi atau untuk mewajarkan krisis ketamadunan yang sampai pula berlangsung dalam bentuk pertempuran ketenteraan atau penjajahan. Perlu difikirkan dan direncanakan pemupukan persefahaman antara tamadun untuk mencapai kesejahteraan umat sejagat.

Dalam hubungannya dengan keperluan memupuk persefahaman antara tamadun itu, bidang ilmiah ada peranannya yang tersendiri, di samping peranan yang dapat dimainkan oleh bidang yang lebih banyak mendapat perhatian, terutamanya politik hubungan antarabangsa dan ekonomi. Pengajian Melayu sebagai bidang ilmiah memiliki peranan dan sumbangan yang khusus dalam memenuhi bahagian tertentu gagasan persefahaman antara tamadun.

YBHG. PROF. DATUK DR. AWANG SARIYAN

Profesor dan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia

### **KATA-KATA ALUAN DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua tetamu, penceramah dan peserta ke webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global anjuran Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok. Program ini merupakan kolaborasi bersama antara pihak FTKW, UMK dengan Sichuan International Study University, Universiti Bangsa-bangsa Guangxi, Guang Dong Foreign Study University dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Terima kasih juga kepada Ybhg. Prof Datuk Awang Sariyan sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka kerana telah sudi menerima jemputan sebagai penyampai Ucap Tama sempena webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global.

Secara amnya, pemilihan universiti dari negara China adalah kerana terdapat universiti awam di China yang telah menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu. Sekaligus, universiti di China telah menerima baik dan memartabatkan Bahasa dan Budaya Melayu di luar Nusantara. Persidangan bersama ini bertujuan untuk mengumpulkan ahli penyelidik dan profesional dalam kalangan akademik dari Malaysia dan China. Webinar ini menyediakan peluang terbaik untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar idea penyelidikan dalam bidang warisan yang lebih berkualiti dalam menghadapi cabaran masa depan. Ia juga merupakan satu proses perkembangan ilmu dan penyampaian maklumat secara lebih berkesan.

Persidangan ini diharapkan menjadi penanda aras untuk membina jaringan yang lebih kukuh antara penyelidik dan ahli akademik di rantau Asia.

Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa kerja dan semua yang telah menyokong usaha fakulti dalam merealisasikan persidangan ini. Diharap webinar ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Terima kasih.

Dr. Hanisa Hj. Hassan

Dekan Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

**KATA-KATA ALUAN DARI GUANGDONG UNIVERSITY OF FOREIGN STUDIES**

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Sebagai Ketua Jabatan Bahasa Melayu Guangdong University of Foreign Study China, saya berasa berbesar hati menghadiri sesi Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global kali ini. Hal ini kerana, saya turut sama berasa teruja dengan penerbitan *e-proceeding* hasil dari webinar yang sama. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan dan syabas serta tahniah kepada penganjur Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK dan para peserta webinar kali ini. Saya percaya webinar kali ini akan menjadi peluang yang baru untuk kedua-dua pihak membina hubungan ilmiah di peringkat antarabangsa. Tamadun Cina dan Tamadun Melayu merupakan tamadun yang bersejarah panjang dan kaya dengan warisan pusakanya. Sebagai sarjana pada zaman globalisasi ini, kerjasama dalam bidang ilmiah ini membawa makna yang luas dan mendalam bagi kedua-dua pihak di persada global. Jurusan Bahasa Melayu Guangdong University of Foreign Study merupakan salah satu jurusan tingkat pertama yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan China sejak tahun 2021.

Diharapkan agar penerbitan *e-proceeding* hasil dari webinar kali ini boleh menjadi permulaan yang baharu antara kedua-dua pihak dalam kerjasama ilmiah pada masa akan datang. Selari dengan peribahasa Melayu mengatakan “tak kenal maka tak cinta”. Peribahasa Cina pula ada mengatakan “ada sahabat yang datang dari jauh hati saya rasa gembira”.

Sekian, terima kasih.

Dr. Wanjun Li,

Ketua Jabatan Bahasa Melayu Guangdong University of Foreign Studies, China.



**KATA-KATA ALUAN DARI SICHUAN INTERNATIONAL STUDY UNIVERSITY**

Salam sejahtera,

Terlebih dahulu izinkan saya mewakili Jabatan Bahasa Melayu, Kolej Bahasa-Bahasa Dan Budaya Timur Sichuan International Study University (SISU) untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan untuk menganjurkan Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global kali pertama ini.. Saya juga berasa bangga dengan penerbitan e-proceeding hasil dari yang sama.

SISU merupakan salah satu universiti pengajian bahasa-bahasa asing yang paling awal ditubuhkan di China. Salah satu matlamat utama penubuhan SISU adalah untuk menjadi sebuah institusi yang mengumpulkan pakar-pakar bahasa asing yang berkualiti tinggi di serata dunia untuk berkongsi ilmu kepakaran masing-masing kepada para pelajar SISU. Sehubungan dengan itu, SISU terus berusaha dan menyokong segala usaha berkaitan perkembangan pendidikan bahasa-bahasa asing di peringkat global. SISU menyakini bahawa usaha Webinar Pelestarian Warisan Budaya di Persada Global dan penerbitan *e-proceeding* ini selari dengan matlamat SISU yang bergerak ke arah menjadi pusat pengajian budaya dan penyelidikan dalam bidang bahasa dan budaya negara asing serta hubungan antarabangsa di Barat Daya China. Kami juga berbesar hati dapat menyertai persidangan ini dengan cara menyediakan platform yang terbaik untuk berkongsi pengetahuan tentang warisan budaya di peringkat global. Selain itu, SISU berharap agar semua pihak yang terlibat terus berpeluang untuk bekerjasama bagi mengadakan aktiviti kolaborasi akademik antarabangsa seperti ini dari masa ke masa.

Akhir kata, tahniah kepada semua pihak yang telah menyokong usaha dalam merealisasikan persidangan ini. Diharap webinar ini dapat diteruskan pada masa depan.

Terima kasih.

Dr. Yang Li

Ketua Jabatan Bahasa Sichuan International Study University, China

### PRAKATA

Alhamdulillah dengan rahmat Allah SWT, *e-proceeding* bagi Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global edisi pertama telah berjaya diterbitkan oleh sidang redaksi. Lipatan sejarah telah melakarkan pelbagai corak dan warna warni cabaran, dugaan, pengalaman dan pengajaran untuk menjadi kenang-kenangan, panduan dan ikhtibar bersama. Namun, berbekalkan semangat dan muafakat bersama yang diiringi dengan rasa tanggungjawab, *e-proceeding* ini telah siap siaga untuk berbakti sebagai bahan bacaan ilmiah dan sumber rujukan bagi semua lapisan masyarakat sama ada di Malaysia dan luar negara. Boleh dikatakan bahwa *e-proceeding* Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global ini sebagai salah satu sumber *gold-key* kepada pengkaji akan datang kerana makalah ini memuatkan pelbagai perbincangan dalam pelbagai bidang seperti bahasa, kesusasteraan, kesenian dan sosio-budaya masyarakat di Malaysia dan antarabangsa. Perbincangan ilmiah yang dikemukakan juga diyakini mampu menjadi sumber idea untuk dikembangkan dalam kajian seterusnya. Lebih menarik lagi idea-idea yang terkandung dalam penerbitan ini boleh dikaji secara mendalam dan sistematik untuk menghasilkan penulisan artikel jurnal dan juga kajian peringkat sarjana mahupun ijazah kedoktoran.

Akhir kalam, saya mewakili sidang redaksi menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya ada kekurangan dan kekhilafan yang dilakukan sepanjang proses pembikinan *e-proceeding* Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program webinar dan penerbitan *e-proceeding* ini. Harapan saya agar pihak FTKW, UMK dan rakan strategik bersedia untuk meneruskan kerja sama bagi memastikan keunikan dan ilmu warisan budaya setiap masyarakat dapat dibincangkan dan dikongsikan di peringkat global.

Siti Nur Anis Muhammad Apandi

Pensyarah/ Ketua-*proceeding* Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global.

### PENGENALAN

Warisan dan budaya Melayu merupakan 'harta berharga' yang perlu dipertahankan dan diperkasakan oleh setiap rakyat Malaysia sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Dalam konteks 'Dunia Tanpa Sempadan' masa kini telah menjadi suatu kelebihan kepada Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia khususnya bagi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk memupuk nilai keyakinan bangsa di seluruh dunia terhadap kelebihan Warisan Budaya Melayu. Usaha ini untuk menjadikan warisan dan budaya Melayu terus berada di kedudukan tertinggi sama ada peringkat tempatan mahupun global

Sehubungan itu, penerbitan e-proceeding *Webinar Pelestarian Warisan Budaya Melayu Di Persada Global* merupakan satu bukti wujudnya cantuman erat gagasan idea dan usaha ahli akademik di Malaysia dan antarabangsa, khususnya dari negara China untuk memelihara dan menyokong perkembangan ilmu warisan melalui penyampaian maklumat secara lebih berkesan. Selain itu, penerbitan ini diyakini mampu memberi pengetahuan kepada khalayak untuk mengetahui perkembangan bidang keilmuan warisan dan budaya dari masa ke masa.

Menerusi penerbitan ini, pihak Jabatan Pengajian Warisan (JPW) ingin membawa misi bagi memperkasakan ilmu pengetahuan manusia dalam bidang teknologi kreatif dan warisan secara berterusan dan dipercayai mampu menjadi tulang belakang kepada pemerkasaan warisan budaya Melayu di peringkat global. Justeru, semua pihak yang terlibat amat berbesar hati untuk menjadi pundak utama dan pemangkin minat dunia terhadap Warisan Budaya Melayu di peringkat tempatan dan juga global dari masa ke masa. Diharapkan juga penerbitan ini mampu memberi pulangan yang besar kepada semua pihak khususnya dalam membentuk sebuah hubungan diplomatik antara pihak UMK dengan universiti-universiti antarabangsa yang terlibat.

**BENCAO GANGMU DAN KITAB TIB:  
SECEBIS SEJARAH BUDAYA PERUBATAN TRADISIONAL CHINA DAN MELAYU**

Wanjun Li dan Zaiton binti Zakarya  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Budaya Asia,  
Universiti Pengajian Asing Guangdong.  
[liwanjun@gdufs.edu.cn](mailto:liwanjun@gdufs.edu.cn) & [zaitonzakaryagdufs@gmail.com](mailto:zaitonzakaryagdufs@gmail.com)

**Abstrak:** Kertas kerja ini membincangkan sejarah budaya perubatan tradisional di negara China dan di Alam Melayu. Perubatan tradisional adalah harta yang tidak ternilai dan telah dikembangkan selama berabad-abad demi kesejahteraan dan kesihatan manusia. Perubatan tradisional merupakan satu bentuk amalan yang berkaitan tentang kesihatan yang telah dirancang untuk mencegah, merawat, dan menguruskan penyakit serta memelihara kesihatan mental dan fizikal individu. *Bencao Gangmu* merupakan kitab perubatan tradisional di negara China yang amat terkenal dan merupakan kitab unggul dalam perubatan kuno. Manakala dalam Alam Melayu pula, kitab tib iaitu kitab perubatan merupakan khazanah bertulis yang amat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Kertas kerja ini membincangkan sejarah dan budaya perubatan dalam kedua-dua negara ini. Kedua-dua kitab ini dianggap penting dan merupakan khazanah tidak ternilai dalam masyarakat masing-masing. Walaupun perubatan tradisional ini sudah berabad-abad lamanya, namun perubatan ini masih lagi dipercayai dan diamalkan sehingga hari ini. Perbincangan yang terdapat dalam kitab perubatan ini menggambarkan kebijaksanaan masyarakat China dan Alam Melayu dalam bidang perubatan tradisional masing-masing.

**Kata Kunci:** Sejarah, Perubatan, China, Melayu, Bencao Gangmu, Kitab Tib

## **PENGENALAN**

Perubatan tradisional adalah harta yang tidak ternilai dan telah dikembangkan selama berabad-abad lamanya demi kesejahteraan dan kesihatan manusia. Perubatan tradisional ini adalah satu bentuk amalan yang berkaitan tentang kesihatan yang telah dirancang untuk mencegah, merawat, dan menguruskan penyakit serta memelihara kesihatan mental dan fizikal individu. Setiap masyarakat di dunia pasti ada rawatan kesihatan tersendiri termasuk masyarakat di negara China dan alam Melayu. Masyarakat China dan Alam Melayu masing-masing mempunyai rawatan tradisional tersendiri yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Dalam makalah ini, kitab *Bencao Gangmu* dan Kitab Tib dilihat dan dibincangkan secara ringkas untuk memberi gambaran tentang sejarah perubatan tradisional mengikut budaya masing-masing.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif penulisan makalah ini adalah untuk membincangkan sejarah budaya perubatan dalam masyarakat China dan sedikit pengenalan tentang kitab perubatan tradisional China yang unggul iaitu *Bencao Gangmu*. Seterusnya, makalah ini juga dapat melihat sejarah budaya perubatan dalam alam Melayu dan secebis pengenalan tentang Kitab Tib Melayu. Perbezaan sejarah perubatan tradisional antara kedua-dua tamadun ini dapat dilihat berdasarkan dapatan kajian ini.

### METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian ini memberi tumpuan kepada analisis kandungan dengan melihat dan menjelaskan sejarah perubatan tradisional dengan merujuk kitab perubatan, dokumen sejarah, perbincangan, dan rujukan daripada sumber kedua-dua tamadun, iaitu tamadun China dan Alam Melayu. Pengkaji turut menjalankan tatacara kualitatif dengan meneliti dan menganalisis kitab *Bencao Gangmu* dan *Kitab Tib* bagi mendapatkan data dalam kajian ini.

### DAPATAN KAJIAN

#### Secebis Sejarah Budaya Perubatan Tradisional China

Teori asas ilmu perubatan tradisional China terbentuk pada Zaman Berperang (475-221BC). Pemisahan disiplin pembedahan (anatomi) dan perubatan sudah wujud sejak masa itu. Metodologi “Si Zhen”(四诊) telah dijalankan sebagai kelaziman, termasuk melihat (望), menghidu (闻), bertanya (问) dan mengambil nadi (切). Rawatan biasa termasuk terapi batu (bianshi, 砭石), terapi akupunktur (zhenci, 针刺), minuman perubatan (tangyao, 汤药), pembakaran daun Ai (aizhi, 艾灸) dan sebagainya.<sup>1</sup>

Pada Dinasti Xi Han(202BC-8AD), kitab perubatan yang paling awal di China, iaitu *Kitab Perubatan Maharaja Huang Di* telah wujud. Kitab ini bukan hasil usaha seorang sahaja, tetapi koleksi warisan penyemakan dan tambahan generasi demi generasi ahli-ahli perubatan aliran Huanglao Taoisme. Tajuknya diberi mengikut nama Maharaja Huang Di bermaksud kedudukan asal usulnya begitu penting seperti Maharaja Huang Di dianggap sebagai nenek moyang kaum China pada zaman purba. Dari segi keseluruhan sejarah perubatan tradisional China, kitab ini dianggap salah satu kitab unggul dalam empat kitab perubatan tradisional utama. Falsafahnya mementingkan cara perawatan keseluruhan yang berdasarkan Taoisme, iaitu persatuan antara alam sekitar, tumbuhan, psikologi dan masyarakat. Kitab ini adalah koleksi hasil-hasil perkembangan kajian astronomi, kira-kira, pisikal, geografi, psikologi dan lain-lain di China sejak Zaman Chun Qiu hingga Zaman Berperang.<sup>2</sup>

Isi kandungan kitab ini ada dua bahagian, iaitu *Su Wen* dan *Ling Shu*. *Su Wen* menjelaskan organ-organ abdomen, meridian tubuh badan, alasan penyakit, mekanisme penyakit, bukti penyakit, diagnosis penyakit, cara rawatan, prinsip rawatan, terapi jarum dan sebagainya. Tema isi kandungan *Ling Shu* tidak jauh berbeza dari *Su Wen*, tetapi lebih teliti tentang titik-titik akupunktur, alat akupunktur, teknik jarum akupunktur dan prinsip akupunktur.<sup>3</sup> *Kitab Perubatan Maharaja Huang Di* telah mengasaskan teori-teori fisiologi, patologi, diagnosis dan terapi perubatan tradisional China.<sup>4</sup> Pengaruhnya begitu jauh dan mendalam sehingga kitab ini dianggap sebagai asal usul perubatan China.

Selepas Dinasti Xi Han, berdasarkan pencapaian *Kitab Perubatan Maharaja Huang Di*, ramai tokoh perubatan penting turut wujud, dan banyak kitab perubatan baru yang penting juga diselenggarakan dan disusun lagi. Contohnya, *Kitab Perubatan Shen Nong pada Dinasti Dong Han*, *Kitab Susah*, *Kitab Teori*

---

<sup>1</sup> 甄志亚：《中国医学史》，人民卫生出版社，2008年，第21页。

<sup>2</sup> 佚名：《黄帝内经》，二册，中华书局，2010年。

<sup>3</sup> 佚名：《黄帝内经》，二册，中华书局，2010年。

<sup>4</sup> 余瀛鳌、李经纬：《中医文献辞典》，北京科学技术出版社，2000年，第5页。

*Penyakit, Koleksi Kitab Perubatan, Kitab Perubatan Baru, Preskripsi Emas untuk Kecemasan, Kitab Perubatan Jenis Bukti*, dan sebagainya. Antara kitab-kitab tersebut, ada banyak ilmu pengetahuan kebudayaan perubatan yang berasal dari luar China juga diterima, khususnya semasa Dinasti Tang ke Dinasti Sui, termasuk Arab, Parsi, India dan sebagainya.

Teori perubatan China berkembang selaras dengan penyelenggaraan kitab-kitab atas. Teori-teori yang penting termasuk Teori Yin Yang Wu Xing, Teori Rupa Nadi, Teori Hubungan Organ, Saraf dan Nadi, Teori Alasan dan Mekanisme Penyakit dan Prinsip Asas Diagnosis dan Perawatan. Teori Yin Yang falsafah asas Taoisme yang menganggap dunia boleh dibahagikan kepada sepasangan unsur yang bertentangan dan berkaitan. Konsep falsafah ini digunakan sebagai prinsip asas untuk menerangkan segala perubahan gejala alam sekitar dan hubungan masyarakat manusia.

Teori Wu Xing yang berasal dari Teori Yin Yang dan berkembang kemudian ini menjadikan falsafah perubatan tradisional China istimewa. Wu Xing maksudnya lima unsur, termasuk air, api, logam, kayu dan tanah. Berbanding dengan falsafah empat unsur Yunani kuno, iaitu tanah, air, api dan kosong (Aether), logam adalah unsur unik yang termasuk falsafah Taoisme. Lima unsur ini mempunyai hubungan yang saling melawan(克) ataupun saling menolong(生) antara satu sama lain. Yin Yang adalah abstraksi untuk semua pasangan hubungan yang wujud antara semua unsur tersebut.

Hingga Dinasti Ming, sebuah kitab perubatan yang mengumpulkan warisan ilmu kitab-kitab yang dahulu wujud, iaitu *Bencao Gangmu*. Selaras dengan erti tajuknya, kitab ini menyusun hampir semua prinsip perubatan penting dalam perubatan tradisional China sebelum Dinasti Ming.

### **Kitab Perubatan Tradisional China yang Unggul: *Bencao Gangmu***

*Bencao Gangmu* sebuah kitab perubatan tradisional China yang disusun oleh Li Shizhen dan anak cucunya dari tahun 1552 ke 1578.<sup>5</sup>

Draf kitab ini dipercayai di semak dengan besarnya sekurang-kurangnya tiga kali. Terdapat banyak versi kitab ini di dalam dan luar China. Ada 72 versi telah diwarisi di dalam China, dan versi ini dibahagikan kepada “satu asal tiga cabang”, satu asal itu nama kumpulan untuk Zu Ben, iaitu versi Jin Ling (金陵本) dan versi She Yuan Tang; tiga cabang itu nama kumpulan untuk versi Jiang Xi, versi Qian Ben dan versi Zhang Ben.

Ahli sejarah China Britain, Prof Joseph Needham menganggap Dinasti Ming kemuncak sejarah perkembangan sains China kuno. *Bencao Gangmu* pencapaian sains Dinasti Ming yang tertinggi dan Li Shizhen sebagai “Putera Bidang Sains Perubatan”.<sup>6</sup> Jumlah perkataannya *Bencao Gangmu* 1.90 juta, kandungannya 52 bab. Sebanyak 1892 jenis perubatan termasuk 1094 jenis tumbuhan, 443 jenis haiwan, 161 jenis logam atau batu dan 194 jenis bahan perubatan lain. Semua indeks perubatan yang disenaraikan mempunyai cara persiapan dan fungsi terapi masing-masing. Tambahan pula, ada 11 ribu lebih preskripsi dan 1 ribu lebih buah lukisan.

Berdasarkan versi Jin Ling *Bencao Gangmu*, kitab ini dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

Bahagian 1 mengandungi bab 1 dan 2, termasuk kandungan, contoh titik karangan, lukisan.

---

<sup>5</sup> [明]李时珍：《本草纲目》（金陵版排印本），三册，人民卫生出版社，2005年，第2页。

<sup>6</sup> 甄志亚：《中国医学史》，人民卫生出版社，2008年，第121页。

Bahagian 2 mengandungi bab 3 dan 4. Bahagian ini mengandungi cara rawatan 130 jenis penyakit, perubatan, penggunaan, pembahagian bahan perubatan kepada bahagian kecil seperti tumbuhan, sayur dan pokok buah dan sebagainya.

Bahagian 3 bahagian yang paling penting dan meliputi bab 5 ke 52. Kategori besar dinamakan “Bu” (部), manakala kategori kecil dinamakan “Lei” (类). Sejumlah 16 Bu dan 60 Lei termasuk dalam bahagian ini.

**1.1 16 Buah Bu dalam Bencao Gangmu**

	部Bu ( Kategori Besar )	Terjemahan
1	水	Air
2	火	Api
3	土	Tanah
4	金石	Logam dan batu
5	草	Rumput
6	谷	Padi
7	菜	Kayu
8	果	Buah
9	木	Kayu
10	服器	Pakaian dan Alat
11	虫	Serangga
12	鳞	Ular
13	介	Kura-kura
14	禽	Burung terbang
15	兽	Burung tidak terbang
16	人	Manusia

Di bawah “Bu” rumput, ada lagi 10 kategori kecil, namanya “Lei”. “Lei” ini menjadi agak tipikal dalam kitab ini.

### 1.2 10 Buah Lei dalam Bu Rumput Bencao Gangmu

	类Lei ( Kategori Kecil )	Terjemahan
1	山草	Rumput Bukit
2	芳草	Rumput Wangi
3	隰草	Rumput di Tempat Lembab
4	毒草	Rumput Racun
5	蔓草	Rumput Bentuk Rangkaian
6	水草	Rumput yang Tumbuh di Air
7	石草	Rumput yang Tumbuh di Tempat Berbatu
8	苔草	Rumput Sedge
9	杂草	Rumput Macam-macam
10	有名未用	Ada Nama Tetapi Fungsi Kurang Pasti

Tidak susah untuk didapati bahawa kajian *Bencao Gangmu* sudah mencapai tahap yang jauh lebih tinggi daripada kajian generasi dahulu. Kitab ini bukan sahaja satu kumpulan warisan kitab-kitab sebelumnya, tetapi juga satu koleksi hasil kajian lengkap yang diselesaikan oleh para sarjana perubatan China pada Dinasti Ming dan generasi sebelumnya. Berdasarkan pencapaian tamadun China sendiri dan juga pinjaman daripada tamadun asing, *Bencao Gangmu* merupakan satu ensiklopedia ilmu perubatan yang unggul pada zamannya.

### Secebis Sejarah Budaya Perubatan Tradisional Melayu

Tiada bukti bertulis yang lengkap mengenai asal-usul perubatan Melayu untuk memastikan tarikh dan cara orang-orang Melayu mengubati penyakit dan keuzuran pada masa lampau. Menurut Arba'iyah Mohd Noor (2014), kajian mengenai perubatan Melayu pernah dilakukan oleh beberapa pengkaji barat yang berada di sekitar rantau ini seperti Winstedt, Wilkinson, Skeat, dan Endicott. Bagi pengkaji-pengkaji barat ini, mereka percaya perubatan Melayu ini mempunyai pengaruh kuat dengan kepercayaan magis dan makhluk ghaib. Hal ini berlaku disebabkan oleh pengaruh daripada kepercayaan animisme, diikuti oleh unsur-unsur Hindu dan akhir sekali ialah unsur Islam. Namun, kajian mereka banyak merujuk kepada sumber lisan dan



pengalaman peribadi sendiri dengan para pengamal perubatan Melayu sahaja dan kurang menggunakan manuskrip-manuskrip Melayu yang terdapat dalam alam Melayu ini.

Dalam kehidupan masyarakat zaman dahulu, mereka juga tidak dapat lari dari ditimpa penyakit dalam kehidupan. Keuzuran dan penyakit ini juga bergantung kepada keseimbangan tubuh badan seseorang manusia. Terdapat beberapa faktor keuzuran dalam kepercayaan masyarakat Melayu iaitu disebabkan oleh penyakit tua, terkena sihir, faktor alam sekitar, dan kuasa luar biasa seperti hantu, polong, dan pelesit. Oleh kerana keuzuran dan penyakit-penyakit tersebut, masyarakat Melayu telah cuba mencari cara atau kaedah untuk merawatnya dengan merujuk kepada pakar perubatan tadi seperti bomoh, pawang, dan dukun. Ab. Razak Ab. Karim (2018) menjelaskan pakar perubatan tradisional tadi akan mencuba bahagian-bahagian fauna, flora, dan mineral-mineral tertentu kepada pesakit dan mana-mana ramuan yang mujarab untuk mengubati penyakit. Tumbuhan dan herba serta akar-akar kayu akan digunakan sebagai ramuan utama. Dengan erti kata lain, bomoh atau dukun akan membuat uji kaji pada setiap bahagian flora bagi memastikan keberkesanan mengubati penyakit tertentu.

Penulisan Mohd. Taib Osman yang bertajuk *Perbomohan: Satu Aspek World-view dalam Kebudayaan Melayu* (1977), kepercayaan masyarakat Melayu dipengaruhi pada dasarnya oleh agama Hindu-Buddha, dan seterusnya agama Islam iaitu agama yang dibawa masuk oleh pedagang-pedagang dan pengembang agama pada masa lampau. Alam Melayu telah dikunjungi oleh ramai pedagang dari seluruh rantau. Kesan daripada pengaruh tersebut telah membentuk *world-view* masyarakat Melayu pada umumnya. *World-view* orang Melayu adalah juga *world view* bagi pengamal perubatan Melayu. Menurut penulis lagi, pawang dan bomoh merupakan elemen utama sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Bomoh dan pawang ini dikatakan berperanan dalam menentukan kesihatan keluarga dan masyarakat umum, terutamanya dari segi menghilangkan unsur-unsur ghaib yang menyebabkan keuzuran.

Selain itu, sebelum kedatangan Islam ke rantau alam Melayu khususnya di Tanah Melayu, masyarakat Melayu telah lama mempunyai cara perubatan tradisional. Mereka mengetahui khasiat dan menggunakan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekeliling mereka sejak dahulu lagi untuk mengubati sesuatu penyakit. Memandangkan alam Melayu ini penuh dengan tumbuhan semula jadi, masyarakat pada zaman dahulu telah mempunyai cara tersendiri untuk mengubati penyakit yang wujud ketika itu. Mereka juga telah menggunakan akar-akar kayu dan diberikan nama khas untuk setiap jenis perubatan yang dilakukan. Pengamal tradisional ini akan membuat uji kaji pada setiap bahagian flora bagi memastikan keberkesannya bagi mengubati penyakit-penyakit tertentu.

Ilmu berkaitan perubatan ini pada awalnya hanya diwarisi dari satu generasi kepada generasi yang lain dan dimonopoli oleh golongan tertentu atau ahli-ahli keluarga sahaja. Kebudayaan perubatan secara lisan ini kurang berkembang dan bersifat setempat dan lokal. Oleh sebab faktor inilah seseorang bomoh atau dukun itu akan mudah terkenal dengan ilmu perubatan yang diamalkannya, seperti bomoh patah tulang, bomoh jampi, tukang urut, tukang bekam, bomoh kayap, dan sebagainya. Mereka yang ingin menuntut ilmu perbomohan ini perlulah memiliki beberapa ciri-ciri fizikal dan mental. Dalam tulisan Werner (1986) beliau menyatakan bomoh mendapat ilmu perubatan daripada bomoh-bomoh lain yang dijadikan guru. Faktor-faktor yang menentukan keupayaan seseorang menjadi individu yang berjaya mendapatkan ilmu adalah seperti faktor keturunan, daya kreatif, ingatan yang kuat, dan mempunyai keberanian.

Tambahan pula, dalam kebudayaan tradisi, masyarakat Melayu sudah biasa menggunakan herba dan tumbuh-tumbuhan dalam pelbagai kegunaan bermula dari ramuan masakan hinggalah kepada pengubatan harian yang tidak dapat dipisahkan dari budaya kehidupan orang Melayu. Perubatan tradisi yang banyak menggunakan herba dan tumbuh-tumbuhan ini telah diterima dalam kebudayaan masyarakat Melayu kerana kaedah ini dianggap selamat dan tidak memberi kesan sampingan terhadap tubuh badan manusia. Sejak

dari kecil lagi anak-anak Melayu telah didedahkan tentang penggunaan rempah ratus ini, terutamanya anak-anak perempuan. Masyarakat Melayu telah menggunakan pelbagai jenis rempah ratus, herba, dan tumbuh-tumbuhan yang berada di sekeliling mereka dalam kehidupan harian mereka, misalnya halia, kunyit, dan lada hitam.

Perubatan Melayu Tradisional ini dapat ditakrifkan melalui dua maksud, iaitu 'perubatan' yang berasal daripada perkataan 'ubat' yang membawa maksud sesuatu benda yang digunakan sama ada dimakan atau disapukan untuk menyembuhkan penyakit atau menyihatkan badan. Manakala 'tradisional' pula bermaksud sesuatu yang bersifat mengikut tradisi atau masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang berbentuk turun-temurun. Sehubungan dengan itu, perubatan tradisional dalam Perubatan Melayu Tradisional boleh ditakrifkan sebagai himpunan amalan yang dicipta untuk tujuan menghadapi masalah yang dihadapi oleh mereka sama ada semasa sihat mahupun semasa uzur. Himpunan pengetahuan ini bukan sahaja digunakan untuk mengekalkan kesihatan, malah untuk memulih dan mengembalikan apa-apa yang telah hilang. Dalam masyarakat Melayu, mereka percaya bahawa setiap keuzuran itu pasti ada punca atau sebabnya dan setiap keuzuran itu juga pasti ada ubatnya.

Pada peringkat awal perkembangan kebudayaan perubatan dalam alam Melayu, kebudayaan perubatan tradisional ini tidak dapat dipisahkan dengan para bomoh dan Tok Dukun sejak berabad-abad dahulu. Konsep perubatan dalam alam Melayu sebelum kedatangan Islam banyak memasukkan unsur mitos dan kepercayaan menurut agama dan kepercayaan masing-masing. Kepercayaan masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam lebih tertumpu kepada semangat atau roh yang dapat dikaitkan dengan animisme iaitu kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai semangat dan roh. Khidmat pengamal perubatan tradisional ini telah digunakan oleh masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam lagi di Tanah Melayu. Walaupun telah lama wujud kebudayaan perubatan tradisional dalam masyarakat Melayu, namun amalan ini sukar dikenal pasti dari segi kaedah dan rawatan yang dipraktikkan secara menyeluruh kerana tiada manuskrip perubatan yang masih kekal hingga ke hari ini sebelum kedatangan Islam.

Kepercayaan Masyarakat Melayu yang percaya kepada semangat dan roh ini telah melahirkan kepercayaan dinamisme iaitu kepercayaan kepada tenaga. Tenaga tersebut wujud dalam roh, jiwa dan semangat diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan selain benda-benda yang boleh memberi kesan baik dan buruk kepada manusia. Setiap benda dan makhluk dianggap mempunyai semangat yang boleh mempengaruhi kehidupan seseorang. Sebagai contohnya, upacara pemujaan semangat tanaman dilakukan agar mendapat hasil tanaman yang subur dan banyak. Pelbagai upacara dilakukan bagi tujuan untuk berkomunikasi dengan kuasa-kuasa ghaib ini iaitu melalui upacara 'menyembah pantai' atau 'memberi makan hantu'. Kuasa-kuasa ghaib atau luar biasa diseru, dihormati, dan dijaga kerana dikhuatiri akan membawa kemudaratan kepada masyarakat yang tidak menghormatinya sehingga menyebabkan mereka ditimpa penyakit atau kesusahan dan bala. Jadi, kebiasaannya masyarakat Melayu akan menggunakan khidmat bomoh, dukun, atau pawang kerana mereka merupakan individu yang berkemampuan untuk berhubung dengan kuasa ghaib ketika melakukan perubatan. Malahan, ketika zaman itu, institusi perbomohan menjadi amat penting dalam masyarakat Melayu sehingga mendapat gelaran bomoh diraja yang dikhaskan untuk merawat golongan raja.

Pada peringkat awal kebudayaan perubatan Melayu, pengaruh agama Hindu-Buddha dalam perubatan tradisional Melayu telah memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat Alam Melayu. Hal ini demikian kerana kewujudan pengaruh animisme masih menebal dalam kalangan masyarakat Melayu. Memandangkan ajaran Hindu-Buddha yang mempunyai ciri-ciri animisme dan dinamisme, masyarakat Melayu merasakan kepercayaan yang baru dibawa masuk itu serasi dan tidak bertentangan dengan kepercayaan mereka terdahulu. Akibat gabungan kepercayaan ini, maka wujudlah pelbagai upacara dan adat istiadat Melayu yang melibatkan makhluk halus dan kuasa luar biasa selain penggunaan jampi,

mantera, dan serapah yang menjadi sandaran kepada bomoh, dukun, dan pawang. Jampi, mantera, dan serapah ini telah mempengaruhi pemikiran awal pengamal perubatan dan telah diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan dan dipergunakan oleh mereka dalam mengubati pesakit-pesakit mereka.

### **Kitab Perubatan Tradisional Melayu: *Kitab Tib***


Kedatangan Islam ke tanah Melayu bukan sahaja membawa perubahan aqidah dalam masyarakat, tetapi turut juga membawa budaya tulisan kepada masyarakat. Setiap ahli masyarakat yang beragama Islam perlu tahu membaca al-Quran, oleh yang demikian, mereka perlu mempelajari tulisan-tulisan untuk membolehkan mereka membaca al-Quran. Ab. Razak Ab. Karim (2018) menjelaskan jika sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu kebanyakannya buta huruf, namun setelah kedatangan Islam masyarakat telah menjadi celik huruf yang membolehkan mereka membaca dan menulis. Bagi perubatan tradisional, hal ini telah membawa kesan positif kerana bomoh atau pawang yang sebelum ini hanya mengingati dan menghafal nama-nama ubatan untuk pelbagai jenis penyakit sudah mula membuat catatan dan menulis tentang nama-nama penyakit, ramuan yang digunakan, pantang larang perubatan, jampi, mantera, kaedah perubatan, dan sebagainya. Pelbagai jenis penyakit dan ubat-ubatan yang ditulis oleh mereka ini dikenali sebagai Kitab Tib. Kitab-kitab Tib ini berselerak dan bertebaran di rantau Asia Tenggara di mana-mana saja yang terdapat komuniti masyarakat Melayu. Kitab Tib terdapat dalam alam Melayu terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan jumlahnya yang sebenar.

Menurut Harun Mat Piah (2019) 'Kitab Tib' bermaksud 'kitab ubat', 'kitab perubatan', atau 'ilmu perubatan'. Justeru, ilmu-ilmu ini tertulis dalam korpus kesusasteraan Melayu klasik atau tradisional, maka bidang ini digolongkan sebagai sastera ilmu 'Kepustakaan Ilmu Tradisional'. Ilmu perubatan merupakan sub genre kepada genre yang lebih luas iaitu Kepustakaan Ilmu Tradisional, yang termasuk dalamnya ilmu-ilmu yang lain, iaitu ilmu binatang, ilmu nujum atau ramalan, ilmu bahasa, ilmu tanaman, ilmu hisab, ilmu pertukangan dan kesenian, dan ilmu berahi atau seksologi. Dapat dijelaskan bahawa Kitab Tib menggolongkan semua naskhah yang membicarakan ilmu perubatan Melayu tradisional, iaitu mengenai pelbagai jenis penyakit, dengan ubat, dan rawatannya. Perkataan 'tib' adalah berasal dari bahasa Arab yang bermakna ubat, tukang ubat (tabib), surat ubat (*wasfatu't-tabib*), perubatan atau ilmu perubatan (ilmu'tab). Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan kandungan kitab tib Melayu tidak terhad kepada ilmu perubatan dan pengubatan penyakit sahaja, tetapi juga meliputi ilmu-ilmu lain, termasuklah ilmu bintang dan ramalan, ilmu berahi, ilmu firasat, rasi jodoh, dan sebagainya.

Bidang dalam ilmu perubatan Melayu ini mempunyai korpus yang lebih besar, luas, dan berbagai-bagai diabadikan dalam bentuk tulisan khususnya melalui naskhah atau manuskrip Melayu yang tersimpan dalam pelbagai koleksi dunia. Menurut Harun Mat Piah (2015), sehingga hari ini dianggarkan khazanah manuskrip dan naskhah ini berjumlah sekitar 22000 naskhah, termasuk 4000 naskhah di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia, dan yang lain di Dewan Bahasa dan Pustaka, di Universiti Malaya, di muzium-muzium negeri termasuklah negeri Johor, Terengganu, Kedah, dan Kelantan, dan di luar negara seperti di Indonesia, Belanda, dan Portugal. Khazanah yang berharga dalam ketamadunan bangsa Melayu ini bertebaran di seluruh dunia dan mempunyai nilai yang tinggi dalam bidang ilmu termasuk dalam bidang perubatan tradisional masyarakat alam Melayu.

Manuskrip-manuskrip perubatan tradisional Melayu yang juga dikenali dengan Kitab Tib mengandungi ilmu sains perubatan yang tinggi dan amat mengagumkan. Hal ini telah menunjukkan kearifan masyarakat alam Melayu dalam bidang perubatan. Kitab-kitab Tib ini amat popular pada zaman lampau dan telah digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai panduan untuk mengubati pelbagai penyakit. Kitab-kitab ini telah merakamkan penemuan tentang cara-cara mengubati penyakit menggunakan bahan daripada alam flora

dan fauna dicampur dengan rempah ratus yang didapati mujarab dan berkesan untuk mengubati sesuatu penyakit. Misalnya ilmu perubatan yang terdapat dalam Kitab Tib (MSS 759), memberi ubat sakit angin, sakit bengkak di dalam perut, loya, dan buang air berdarah. Contoh, ubat loya (ambil jintan hitam, jintan putih, halia, kapur barus, garam mesin, dicampur dengan air madu dan minum). Selain itu, Kitab Tib (MSS 1796), untuk mulut berbau, (pipis lumat-lumat bawang putih dan bunga lawang, campur dengan air madu, minum tiga pagi sebelum makan nasi), ubat tumbuh rambut, (ambil abu bayam tanah dan akar teberau yang dibakar, campurkan kesemuanya itu dengan minyak sapi dan minyak jarak, sapu pada kepala).



Gambar 1: Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu

Kitab Tib: Ilmu Perubatan Melayu (Edisi Terkini) yang telah ditulis oleh Harun Mat Piah (2019) merupakan salah satu karya penting dalam bidang perubatan Melayu. Kitab Tib tersebut mempunyai tujuh bab iaitu bab 1: Pengenalan Terhadap Konsep dan Pembinaan Teks, bab 2: Syarat Menjadi Tabib dan Ehwat Mengenai Penyakit, bab 3: Petua-Petua Umum untuk Kesihatan Diri, bab 4: Pengubatan Penyakit Melalui Doa, Jampi, dan Mantera, bab 5: Demam Kepialu dan Lain-Lain Penyakit daripadanya, dan yang terakhir bab 6: Lain-lain Penyakit, Terkena, dan Hidapan. Kitab Tib Ilmu Perubatan ini sarat dengan ilmu perubatan yang dapat memberi manfaat kepada setiap ahli masyarakat.

### KESIMPULAN

Aktiviti penggunaan dan amalan perubatan telah berkembang dalam kehidupan kedua-dua masyarakat, iaitu masyarakat China dan alam Melayu sejak zaman kuno lagi. Aktiviti ini termasuk pengubatan dan rawatan penyakit, bahan-bahan ubat, penyediaan bahan, dan sumber ilmu turun-temurun. Munculnya kitab-kitab perubatan penting dalam sejarah China membuktikan bahawa masyarakat dahulu kala sudah lama menggunakan ilmu perubatan ini dalam kehidupan mereka. Selain itu, ilmu perubatan Melayu pula dapat dilihat dengan jelas dalam manuskrip-manuskrip yang kebanyakannya boleh diperolehi di pelbagai tempat dan lokasi. Jumlah manuskrip yang banyak ini telah menggambarkan bahawa ilmu perubatan adalah satu bidang yang amat berpengaruh dan penting dalam perbincangan masyarakat pada zaman dahulu. Ilmu-ilmu yang ditunjukkan ini adalah penting dalam masyarakat ketika itu bagi mendapatkan rawatan dalam pelbagai jenis penyakit. Setiap ahli masyarakat juga percaya bahawa rawatan dan jenis-jenis ubat yang diberi oleh pengamal perubatan adalah mujarab dan berkesan sehingga diterima oleh masyarakat selama berabad-abad lamanya. Hal ini telah membuktikan bahawa masyarakat China dan Melayu telah mempunyai kebijaksanaan dalam bidang perubatan sejak berabad-abad dahulu lagi, dan ia masih relevan untuk dijadikan rujukan dan panduan sehingga hari ini.

### RUJUKAN

- Karim, A.R.A. (2018). *Transformasi Perubatan Tradisional ke Arah Perubatan Moden*. Persidangan Antarabangsa. Padang, Indonesia. September, 2018.
- Karim, A.R.A. . (2006). *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor, A. M. (2014). *Menyingkap Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Menerusi Beberapa Manuskrip Terpilih*. Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. No 23. Bil 1, 2014.
- Noor, A. M.(2011). *Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu*. Jurnal Al-Tamaddun, Universiti Malaya. Bil 6. 29-50, 2011.
- Endicott, Kirk Micheal. (1970). *An Analysis of Malay Magic*. Oxford. Clarendon Press.
- Fauzi, N. W. (2012). Perubatan melayu tradisional: Kitab tibb pontianak (Malay traditional medicine: kitab tibb pontianak). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 149-162.
- Riji. H.M. (2005). *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Piah, H. M. (2019). *Kitab Tib. Ilmu Perubatan Melayu (Edisi Terkini)*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Piah, H. M. (2015). *Ilmu Perubatan Melayu dari Naskhah-naskhah Lama*. International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman). 3(3), 3-17.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghee, L. K. (2016). *The History of Medicine and Helath in Malaysia*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Osman, M. T. (1982). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin, H. (2011). *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dueraseh, N. (2010). *Transformasi Amalan Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah*. Jurnal Peradaban Bil 3, 2010.
- Ikram, R. R. R., & Abd Ghani, M. K. (2015). An overview of traditional Malay medicine in the Malaysian healthcare system. *Journal of Applied Sciences*, 15(5), 723.
- [明]李时珍：《本草纲目》（金陵版排印本），三册，人民卫生出版社，2005年。
- 李德新，《气血论》，辽宁科学技术出版社，1990年。
- 甄志亚：《中国医学史》，人民卫生出版社，2008年。
- 余瀛鳌、李经纬：《中医文献辞典》，北京科学技术出版社，2000年。
- 佚名：《黄帝内经》，二册，中华书局，2010年。



**SAKIT PUAN DALAM PERSPEKTIF KITAB PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU-CHINA**

Rohaidah Haron dan Zaiton binti Zakarya

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Budaya Asia, Universiti Pengajian Asing Guangdong.

[eyda1826@um.edu.my](mailto:eyda1826@um.edu.my)

**Abstrak:** Kertas kerja ini membincangkan perihal sakit puan dalam perspektif perubatan tradisional Melayu dan China. Sakit puan merupakan penyakit sejagat yang dihadapi oleh semua golongan wanita di dunia. Sehubungan itu, kajian ini dapat meneliti penyakit-penyakit yang dihadapi oleh kaum wanita dalam dua kitab perubatan tradisional Melayu dan China, iaitu Kitab Ubat-ubatan MSS 172 dan Kitab Bencao Gangmu. Secara khusus, kajian ini bertujuan mengenalpasti jenis-jenis sakit puan dalam kitab perubatan Melayu dan China, iaitu kemandulan, perihal bersalin, dan penyakit berkaitan faraj. Dapatan kajian membuktikan bahawa penyakit wanita lebih banyak dibincangkan dalam kitab perubatan berbanding dengan penyakit lelaki. Selain itu, bahan dan kaedah rawatan mengikut kitab perubatan Melayu dan China turut dibincangkan dalam kertas kerja ini. Hasil penelitian mendapati, sumber utama dalam bahan perubatan tradisional Melayu dan China adalah berasaskan flora dan fauna. Namun begitu, terdapat juga bahan rawatan lain seperti bahan cecair dan pepejal misalnya air mawar dan gula batu. Kitab perubatan dalam alam Melayu dan China memaparkan penyakit yang sama, namun mempunyai kaedah dan bahan rawatan yang berbeza akibat daripada faktor persekitaran, cuaca, bentuk muka bumi dan sebagainya.

**Kata Kunci:** Sakit Puan, Perubatan Tradisional, Bahan Dan Kaedah Rawatan, China, Melayu

### **Pengenalan**

Sejak dahulu manusia berhadapan dengan pelbagai jenis ancaman penyakit yang sudah tentu tidak mengenal jantina, usia, dan status seseorang. Kitab perubatan tradisional Melayu dan China ada merekodkan penyakit-penyakit yang dihadapi oleh kaum lelaki dan wanita. Apabila memperkatakan hubungan penyakit dengan jantina, didapati kaum wanita lebih banyak menghadapi pelbagai jenis penyakit berbanding kaum lelaki. Lazimnya, setiap bangsa memiliki cara-cara perubatan mereka yang tersendiri, yang bermula secara tradisional. Perubatan yang diwarisi daripada nenek moyang secara warisan atau turun temurun itu dapat dikatakan sebagai permulaan perubatan moden pada hari ini. Menurut Mohd Affendi (2021), falsafah perubatan Melayu secara amnya adalah serupa dari segi falsafah perubatan dengan perubatan tradisional yang lain sama ada perubatan China, India, atau Arab.

Penyakit yang menyerang masyarakat Melayu ada dinyatakan dalam *Kitab Ubat-ubatan MSS 172*, manakala kitab perubatan *Bencao Gangmu* pula menjelaskan penyakit dalam masyarakat China. Sememangnya banyak penyakit berkaitan dibicarakan, namun kertas kerja ini hanya menumpukan tiga jenis penyakit berkaitan wanita, iaitu kemandulan, perihal bersalin, dan penyakit berkaitan faraj. Bahan dan kaedah rawatan yang digunakan oleh pengamal perubatan tradisional bagi kedua-dua kaum turut dibincangkan dalam kertas kerja ini. Sumber utama bahan perubatan tradisional Melayu dan China ialah sumber flora dan fauna. Namun begitu, terdapat juga bahan-bahan lain, iaitu bahan cecair (spt. minyak zaitun, madu, air mawar) dan bahan pepejal (spt. kapur barus, garam, kemenyan).

Sumber utama bahan perubatan tradisional Melayu dan China ialah flora dan fauna. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), hampir 70% daripada populasi dunia menggunakan ubat daripada

tumbuh-tumbuhan terutamanya di negara membangun dan mundur kerana ia murah dan mudah didapati. Manakala negara maju menggunakan ubat ini sebagai alternatif kepada rawatan moden (Faisal @ Ahmad Faisal dan Nurul Wahidah, 2012). Siti Zubaidah, Norsuhana & Fatan Hamamah (2012) menjelaskan bahawa masyarakat Tanah Besar China juga tidak terkecuali daripada menggunakan pelbagai spesies haiwan liar dalam perubatan tradisional mereka. Dalam Tamadun China, bahan perubatan berasaskan haiwan digunakan oleh pelbagai masyarakat untuk merawat pelbagai penyakit (Kremers & Undang, 1979). Menurut laporan Still (2003), hampir 13% ubat-ubatan yang digunakan adalah berasal dari haiwan. Perdagangan produk haiwan bagi tujuan perubatan mencecah jutaan dolar setiap tahun (Kunin & Lawton, 1996). Laporan China National Corporation of Traditional and Herbal Medicine (1995) mendapati lebih daripada 1500 spesies haiwan liar telah digunakan sebagai bahan perubatan tradisional dan telah mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Perubatan tradisional dirujuk sebagai amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi-terapi spiritual, teknik-teknik manual dan senaman, yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan (Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan, Semakan kedua, 2007). Menurut Hashim Awang AR (2000: 36), kesihatan seseorang itu terganggu apabila tidak terdapat perimbangan antara *humour* atau unsur-unsur yang terdapat dalam badan manusia. Unsur-unsur itu mempunyai sifat-sifat yang tersendiri. Dalam masyarakat China pula konsep perimbangan terkandung dalam konsep *Yin* dan *Yang*. Konsep ini merujuk kepada pasangan yang komplementari, misalnya luaran / dalaman, rohaniah / material, sejuk / panas dan jantan / betina. Sekiranya tidak terdapat perimbangan antara *Yin* dan *Yang* dalam badan maka ketiadaan perimbangan itu ditunjukkan melalui tanda-tanda keuzuran.

### **Bahan kajian**

Kajian sakit puan ini berdasarkan dua kitab perubatan tradisional yang terpilih, iaitu Kitab Ubat-ubatan MSS 172 (koleksi Perpustakaan Universiti Malaya) dan Kitab Perubatan *Bencao Gangmu* yang ditulis oleh Li Shi Zhen.

### **Permasalahan kajian**

Kajian sakit puan dilakukan bertitik tolak daripada kebijaksanaan masyarakat tradisional dalam mengenal pasti dan menyelesaikan masalah kesihatan berkaitan kaum wanita, iaitu sebelum wujudnya perubatan moden. Walaupun tanpa teknologi perubatan yang moden, masyarakat terdahulu telah pun mempunyai kaedah rawatan yang tersendiri dan berkesan sehingga kini.

Kaum wanita mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat kerana mereka memegang pelbagai peranan sama ada dalam keluarga, masyarakat, ataupun negara. Seiring perkembangan kemajuan negara, kaum wanita bukan sahaja merupakan tulang belakang sesebuah keluarga, namun turut menggerakkan sektor ekonomi, politik dan pembangunan sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, kajian berkenaan sakit puan amat wajar dilakukan terutamanya yang berfokuskan kitab perubatan tradisional yang kurang diusahakan oleh para peneliti.

### Objektif kajian

Kertas kerja ini mempunyai dua objektif, iaitu;

1. Mengenal pasti jenis-jenis sakit puan yang terdapat dalam kitab perubatan Melayu dan China.
2. Membincangkan bahan dan kaedah rawatan yang digunakan oleh pengamal perubatan tradisional berkaitan sakit puan.

### Metodologi kajian

Kajian ini memanfaatkan dua jenis metode, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menumpukan analisis kandungan dengan meneliti dan menjelaskan dua buah kitab tradisional, iaitu *Bencao Gangmu* dan Kitab Ubat-ubatan MSS 172. Data yang diperoleh dari kedua-dua kitab ini akan diteliti dan diperhalusi bagi memastikan maklumat yang disampaikan ini bertepatan dan mencapai objektif kajian. Rujukan kepustakaan daripada kedua-dua sumber tamadun, iaitu tamadun China dan alam Melayu turut dijalankan bagi mengumpulkan maklumat tambahan. Hal ini bertujuan untuk memberi kefahaman terhadap istilah dan konsep yang digunakan berkaitan perubatan tradisional China dan alam Melayu. Data kualitatif yang dikumpul ini dianalisis secara deskriptif dan dibuat perbandingan antara kedua-duanya dengan menggunakan gaya bahasa penulisan ilmiah yang mudah difahami.

### Penyakit dan Jantina

Ancaman penyakit tidak mengenal jantina dan umur, sehubungan dengan itu tahap kesihatan seseorang bergantung kepada faktor-faktor tertentu seperti gaya hidup dan pola pemakanan. Kaum lelaki, wanita, kanak-kanak ataupun orang tua sentiasa berisiko mendapat penyakit seandainya mereka tidak mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif serta tidak mengambil makanan yang sihat. Contohnya, memerlukan zat besi dan asid folik semasa mengandung dan menyusukan anak. Berdasarkan penelitian terhadap Kitab Ubat-ubatan MSS 172 dan Kitab Perubatan *Ben Cao Gangmu*, kedua-dua kitab perubatan tersebut lebih banyak membincangkan penyakit. Sesuatu yang menjadi persoalan dalam perbincangan ini ialah mengapa penyakit kaum lelaki amat sedikit dibicarakan oleh pengamal perubatan tradisional dalam kitab-kitab perubatan.

Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan di Eropah Selatan, mendapati bahawa tahap kesihatan wanita menunjukkan risiko 27% lebih tinggi berbanding lelaki. Hal ini dikaitkan (diandaikan) dengan kebanyakan kaum wanita mempunyai komitmen dan tanggungjawab terhadap kerja-kerja rumah dan perlu menjaga keluarga. Selain itu, keadaan hidup dan pekerjaan juga dikaitkan dengan tahap kesihatan yang kurang memuaskan dalam kalangan wanita, walaupun mereka mempunyai jangka hayat yang lebih lama. Sistem reproduktif kaum wanita terdedah kepada lebih banyak penyakit berbanding kaum lelaki. Sehubungan itu, dalam kitab-kitab perubatan tradisional lebih banyak memperkatakan perihal penyakit wanita.

Menurut Hashim Awang AR (2000: 36), pada dasarnya, kecuali beberapa penyakit tertentu, lelaki dan perempuan mengalami masalah kesihatan yang serupa. Yang membezakannya ialah dari segi kekerapan dan ketenatan. Perempuan lebih kerap mengalami keuzuran dan ketidakupayaan afektif (emosi) berbanding dengan lelaki. Ini dipercayai disebabkan oleh kedudukan sosial mereka berkaitan dengan kerja-kerja domestik, perkahwinan, tugas dan tanggungjawab sebagai ibu dan seumpamanya. Beliau turut memetik pandangan Studd (1986) yang mengaitkan faktor haid dan putus haid sebagai faktor yang menyebabkan perempuan lebih kerap mengalami keuzuran fizikal dan masalah emosi. Perempuan lebih cenderung mengalami keresahan atau kemurungan berbanding lelaki. Jangka hayat perempuan lebih lama berbanding lelaki. Keadaan ini merupakan keadaan yang universal. Rata-rata perempuan hidup lebih lama berbanding dengan lelaki (Hashim Awang AR, 2000: 33).



Menurut Hashim lagi, dari segi jantina jelas ada perbezaan keterdedahan kepada penyakit. Perempuan cenderung mengalami keresahan atau kemurungan berbanding dengan lelaki. Lelaki lebih terdedah kepada penyakit jantung, kanser terutamanya kanser paru-paru, penyakit kardiovaskular, kemalangan dan pneumonia. Selain itu, didapati juga bahawa penyakit yang menyerang sistem sirkulasi lebih lazim dalam kalangan lelaki, manakala penyakit kanser buah dada dan kanser servik serta yang berkaitan dengan mengandung dan kelahiran lazim dalam kalangan perempuan.

Selain itu, jangka hayat perempuan lebih lama berbanding dengan jangka hayat lelaki. Keadaan ini merupakan keadaan yang universal. Rata-rata perempuan hidup lebih lama berbanding lelaki. Laporan Persatuan Perubatan Malaysia menunjukkan di Malaysia, perempuan mempunyai jangka hayat yang lebih panjang berbanding lelaki, iaitu 68 tahun bagi lelaki dan 72 tahun bagi perempuan. Begitu juga dengan penduduk-penduduk di negara-negara industri, jangka hayat mereka lebih lama. Menurut Scrambler (1991) yang dipetik oleh Hashim Awang AR (2000), misalnya di Britain dan Amerika Syarikat jangka hayat perempuan ialah 82 tahun dan lelaki 78 tahun. Dua faktor mempengaruhi perbezaan ini, iaitu faktor biologi dan budaya. Dari segi biologi perempuan mempunyai kelebihan berbanding dengan lelaki (Cockerham, 1992). Para saintis mempercayai bahawa kromosom yang menentukan jantina perempuan, iaitu kromosom X merupakan faktor yang mempengaruhi kepanjangan hayat hidup mereka. Setiap sel dalam badan perempuan mempunyai dua kromosom X, sedangkan orang lelaki mempunyai satu kromosom X dan satu kromosom Y sahaja.

Jika ditinjau dari konteks masyarakat China, pada zaman dahulu, dalam pemerintahan kerajaan China, kaum lelaki merupakan pemerintah utama yang digelar maharaja dan mewarisi ketamadunan yang tinggi. Maharaja menduduki hierarki teratas, individu yang paling berkuasa, dan mendapat penghormatan yang tinggi daripada rakyat jelata yang bernaung di bawah kekuasaannya. Kedudukan tersebut sesuai dengan panggilan rakyat China terhadap maharaja mereka dengan gelaran *Huang Di* (*syurga* dan *bumi*) dan dianggap wakil dari syurga. Seseorang maharaja bukan setakat berkuasa tetapi bijak, berkebolehan, dan berdaulat. Kekuatan seseorang maharaja juga dapat dilihat daripada peranannya mengetuai pasukan tentera. Ternyata, kedudukan seseorang maharaja dikaitkan dengan sifat-sifat kepahlawanan yang sejati. Sebagai ketua kerajaan, kewibawaan seseorang maharaja terpamer dalam kejayaannya memerintah sesuatu dinasti itu. Sehubungan dengan itu, jika kaum lelaki mempunyai penyakit-penyakit tertentu, sudah tentulah akan menunjukkan kelemahannya. Rasionalnya, demi memelihara kedudukan dan kewibawaan kaum lelaki, maka kelemahan mereka kurang dipaparkan dalam kitab perubatan tersebut. Menurut Siti Hasmah (1985), dalam kalangan orang China, anak lelaki dapat diibaratkan seperti batu permata yang sangat berharga dan menguntungkan.

### **Jenis-jenis penyakit**

Pada umumnya, sakit puan berkaitan dengan rawatan perubatan bagi kaum wanita, khususnya sistem pembiakan. Dalam masyarakat Melayu tradisional, pakar sakit puan ini digelar bidan atau mak bidan. Bidan mempunyai kemahiran dan pengetahuan menguruskan (membantu) ibu-ibu yang ingin bersalin. Walaupun tanpa latihan yang khusus dan diiktiraf, peranan bidan sangat penting dan diperlukan dalam masyarakat dahulu. Kini, telah ramai doktor pakar sakit puan yang terdiri daripada kaum lelaki.

Secara dasarnya, kedua-dua kitab ada memperkatakan penyakit-penyakit yang sama dihadapi oleh semua wanita seperti penyakit kemandulan, perihal bersalin, haid, dan penyakit berkaitan faraj. Hasil pemerhatian penulis mendapati Kitab Perubatan *Bencao Gangmu* lebih banyak menceritakan perihal kesan-kesan selepas seseorang wanita itu bersalin atau melahirkan bayi, manakala Kitab Ubat-ubatan MSS 172 banyak menceritakan penyakit berkenaan kemandulan, bersalin, dan haid. Berikut dibincangkan setiap penyakit yang dihadapi oleh kaum wanita dalam kedua-dua kitab perubatan.

**Perihal Kemandulan**

Kemandulan merupakan satu daripada masalah yang dihadapi oleh segelintir kaum wanita dalam semua masyarakat dunia. Dalam kitab Ubat-ubatan MSS 172, masalah kemandulan dinyatakan dengan agak terperinci, iaitu disertakan jenis-jenis atau punca kemandulan itu berlaku, manakala penyakit mandul dalam Kitab Perubatan *Bencao Gangmu* hanya dinyatakan secara umum dan dirawat menggunakan batu xuan, bielu, atau benih cheqian.

**Jadual 1** memaparkan jenis atau sebab kemandulan, ubat (bahan rawatan) dan kaedah rawatan penyakit kemandulan dalam Kitab Ubat-ubatan MSS 172. Menurut pengamal perubatan tersebut, kemandulan boleh disebabkan oleh beberapa keadaan, iaitu peranakan terbalik, angin, terdapat lebihan daging dalam peranakan, ada ulat dalam peranakan, serta keadaan hangat atau sejuk dalam peranakan seseorang pesakit itu. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu, mandul boleh disebabkan oleh gangguan jin, syaitan, dan mambang.

**Jadual 1** Jenis Kemandulan Wanita dalam Kitab Ubat-ubatan MSS 172

Penyakit	Jenis / sebab	Ubat / bahan-bahan	Kaedah
Mandul	terbalik peranakan	biji kapas, putih telur ayam hitam	-giling lumat-lumat (dicampur dengan putih telur) -dimakan 3 kali (selepas kering haid)
	penuh dengan angin	daun angkor	-giling lumat-lumat -dimakan
	lebihan daging dalam peranakan	jantung kambing, biji sawi	-giling lumat-lumat -makan
	hangat dalam peranakan	buah kantan, bunga raya, madu	-giling lumat-lumat, campur madu -makan 3 hari
	ulat dalam peranakan	biji kapas, buah kantan, air mawar	-giling lumat-lumat -dimakan (selepas haid)
	sejuk peranakan	minyak sapi	-dimasak (tinggal setengah cawan) -dimakan selepas haid
	jin, syaitan, mambang	limau purut, limau nipis	-doa (dengan bacaan) -diminum & mandi

Dalam memperkatakan soal kemandulan dalam kalangan wanita, Dr. Latif Saad<sup>7</sup> mendefinisikan mandul sebagai kesukaran untuk hamil dalam waktu sekurang-kurangnya setahun walaupun telah melakukan hubungan seks yang kerap. Dalam perspektif masyarakat Melayu, seorang wanita yang sudah berkahwin untuk jangka masa yang lama tetapi tidak atau lambat dikurniakan zuriat, dianggap wanita mandul.

Berdasarkan **Jadual 1**, kemandulan terjadi disebabkan oleh peranakan terbalik. Menurut <https://my.theasianparent>, dari sudut pandangan perubatan moden, istilah peranakan terbalik yang disebut dalam kitab perubatan tradisional Melayu ini dikenali dengan istilah *retroverted uterus*. Peranakan terbalik

<sup>7</sup> Wanita Mandul: Punca, Simptom dan Rawatan. Diakses daripada <https://thediagnosa.com/wanita-mandul-punca-simptom-rawatan/>

atau rahim terbalik tidaklah mengganggu kesuburan seorang wanita.<sup>8</sup> Namun begitu, berdasarkan pengamatan pengamal perubatan tradisional Melayu, keadaan peranakan terbalik itu menyumbang kepada kemandulan seseorang perempuan kerana air mani tidak dapat masuk ke dalam peranakan seseorang wanita itu. Oleh itu, bahan-bahan yang diperlukan untuk merawat peranakan terbalik ialah biji kapas yang digiling lumat-lumat dan dicampurkan dengan putih telur ayam hitam, kemudian dimakan selepas kering haid. Ahli perubatan tradisional yakin kepada khasiat ayam selasih yang antara lain berfungsi untuk melancarkan peredaran darah, memulihkan kelesuan badan, melegakan asma, dan sebagainya lagi.<sup>9</sup>

Pengamal perubatan tradisional juga percaya bahawa satu daripada sebab kemandulan wanita berpunca daripada terdapatnya ulat (hulat) dalam peranakan seseorang. Pengamal perubatan Kitab Ubat-ubatan MSS 172 juga percaya bahawa air mani yang masuk dalam peranakan akan habis 'dimakan' oleh ulat tersebut. Dari perspektif moden hari ini, yang dimaksudkan 'ulat' dalam peranakan ini berkemungkinan berkaitan dengan jangkitan bakteria atau virus dalam bahagian peranakan. Masalah ini dapat diatasi dengan biji kapas, buah kantan, dan air mawar. Kaedah rawatannya juga sama, iaitu bahan-bahan tersebut digiling lumat-lumat dan dimakan selepas haid.

Di samping itu, kemandulan yang disebabkan keadaan peranakan yang sejuk akan menyebabkan, "... menjadi muntahlah mani itu tiadalah lekat mani itu dalam peranakannya...". Menurut catatan satu daripada blog kesihatan, menyatakan bahawa makanan dan minuman 'panas' paling bermanfaat untuk meningkatkan peredaran darah sekitar abdomen dan organ pembiakan. Sup, sayur-sayuran kukus, bubur, halia, kayu manis, buah pelaga dan cili sangat baik diambil untuk memanaskan rahim yang sejuk.<sup>10</sup>

### Perihal Bersalin

Dalam kitab perubatan Melayu dan China ada memperkatakan hal ehwal bersalin dalam kalangan wanita Melayu dan China. Menurut Siti Hasmah Mohd Ali (1985), kehamilan merupakan suatu peristiwa yang penting dalam suatu keluarga dan semua kepercayaan tradisi dan amalannya adalah bertujuan untuk menentukan seorang ibu selamat melahirkan bayi yang sihat. Pantang larang yang dipatuhi semasa mengandung adalah untuk menentukan kelahiran cukup bulan, bayi yang sempurna (sihat) dan ibu yang sihat. Perihal bersalin disentuh dalam kedua-dua kitab perubatan, namun begitu, berbanding kitab perubatan Melayu, Kitab Perubatan *Bencao Gangmu* lebih banyak memperkatakan perihal bersalin, khususnya kesan-kesan selepas melahirkan bayi. Pengamal perubatan China dilihat lebih memfokuskan kesan-kesan selepas bersalin, seperti kurus selepas bersalin, darah beku, sakit kepala dan sebagainya (lihat **Jadual 2**). Di samping itu, dalam perubatan tradisional Melayu dan China, ada dijelaskan persediaan sebelum bersalin, iaitu tentang air selusuh yang bertujuan memudahkan proses bersalin.

**Jadual 2** menyenaraikan perihal bersalin yang dinyatakan dalam Kitab Perubatan *Bencao Gangmu*. Sebelum bersalin, dinyatakan tentang ubat ataupun air selusuh yang bertujuan memudahkan proses bersalin, iaitu menggunakan rempah otak naga (*nong nao ziang*). Selain itu, pengamal perubatan China

---

<sup>8</sup> Wanita dengan Rahim terbalik boleh hamil, tapi adakah ia boleh jejakkan Kandungan? Diakses daripada <https://my.theasianparent.com/rahim-terbalik>. <https://my.theasianparent.com/rahim-terbalik> pada 5 2021.

<sup>9</sup> Ayam Selasih Ada Keistimewaan Kebaikan Khasiat Hebat Diakses daripada <http://bicaramentari.blogspot.com/2017/08/cdf.html> pada Julai 2020.

<sup>10</sup> <http://senanghamil2u.blogspot.com/2016/03/>

menggunakan *egui* atau kura-kura laut, unduk-unduk, atau kuning ular (geliga ular) untuk merawat wanita yang susah bersalin.

**Jadual 2** Perihal Bersalin dalam Kitab Perubatan *Bencao Gangmu*

sebelum bersalin	selepas bersalin
i. air selusuh	i. kurus
ii. susah bersalin	ii. darah beku
iii. keguguran	iii. sakit kepala
iv. mudah mengandung / kesuburan	iv. mata kabur
	v. turun darah
	vi. sakit abdomen
	vii. meroyan, meroyan bunga
	viii. kemurungan
	ix. tembuni tertinggal dalam perut
	x. kurang air susu
	xi. menambah air susu

Dalam kepercayaan masyarakat China, mereka menggunakan unduk-unduk untuk memudahkan wanita yang susah bersalin. Dalam Kitab Perubatan *Bencao Gangmu*, dijelaskan perihal unduk-unduk atau kuda laut yang dikatakan berasal dari Laut Selatan, bentuknya menyerupai kuda, badannya menyerupai udang, belakangnya bengkok, dan panjangnya lebih kurang 9 sentimeter. Unduk-unduk dipercayai dapat memudahkan proses bersalin dengan cara membakarnya hingga jadi abu apabila hampir masa bersalin, lalu diminum.

Dalam masyarakat Melayu pula, penggunaan air selusuh mempunyai peranan yang penting, hal ini ada dinyatakan dalam kajian Siti Khairul Bariyyah (2016: 14), iaitu bidan akan membuat air selusuh menggunakan air kelapa dan dibacakan doa-doa tertentu. Ibu yang sampai masa untuk bersalin akan disuruh minum air selusuh untuk memudahkan proses kelahiran. Dalam kalangan masyarakat Melayu, air selusuh dipercayai dapat memudahkan dan mempercepatkan proses bersalin selepas ibu yang hamil mula mengalami tanda-tanda hendak bersalin atau kontraksi. Fungsi air selusuh ini bukan sahaja untuk diminum, malahan boleh disapu pada perut. Air selusuh merupakan air yang dibacakan ayat suci Al-Quran dan kemudiannya diberikan kepada ibu hamil bertujuan untuk memudahkan proses bersalin. Terdapat juga penyediaan air selusuh yang merendamkan akar fatimah (*rose of jericho*) yang kebiasaannya diperolehi dari Mekah. Malahan, ada yang menggunakan air zam-zam, minyak kelapa dara serta minyak zaitun dalam proses penyediaan dan pembuatan air ini.

Menurut Hashim Awang AR (2000: 104) pula, dalam masyarakat Melayu, untuk memudahkan proses bersalin, perempuan yang hendak bersalin itu diberi minum minyak atau air selusuh, satu daripada minyak selusuh, iaitu minyak kelapa yang telah dibacakan ayat-ayat suci al-Quran. Minyak selusuh hendaklah diminum apabila rasa sakit hendak bersalin itu hampir memuncak. Secara saintifiknya, tiada kajian atau penyelidikan yang boleh membuktikan bahawa air selusuh ini boleh membantu mempermudah proses kelahiran. Ia hanyalah ikhtiar yang bersandarkan kepada kekuasaan Allah SWT. Oleh sebab itu, air ini menggunakan bacaan ayat-ayat Al-Quran. Menurut Wan Aminah dan Nik Norliza (2013) pula, sejak zaman

dahulu, wanita Melayu di Malaysia akan melalui proses berpantang selama 40-44 hari dan merupakan fasa penting untuk melengkapkan diri wanita tersebut sebagai ibu.

Seperti yang telah dimaklumkan, kitab perubatan China lebih memberi tumpuan terhadap fasa selepas bersalin, iaitu kesan-kesan selepas bersalin. Amalan-amalan tradisional dalam kalangan masyarakat China bertujuan memulihkan kembali kesihatan ibu supaya dia dapat mengembalikan tenaga fizikalnya sama ada untuk bekerja atau pun melakukan aktiviti hariannya. Masyarakat China percaya, tubuh wanita akan lemah dan mudah terkena penyakit selepas bersalin. Berdasarkan **Jadual 2**, antara kesan lepas bersalin yang ada dinyatakan dalam Kitab Perubatan *Bencao Gangmu* ialah tubuh badan seseorang wanita akan menjadi kurus dan berlakunya darah beku. Bahan rawatan yang digunakan untuk merawat kesan tersebut ialah dengan menggunakan siput sudu dan kupang. Selain itu, sakit kepala selepas bersalin pula diubati dengan soya hitam dan garam, manakala mata kabur selepas bersalin pula menggunakan bahan yang dipanggil benzoin atau *anxixiang*. Di samping itu, dalam kitab perubatan tradisional China juga dinyatakan perihal meroyan, yang dinyatakan sebagai melepaskan kemarahan atau kekacauan mental yang berlaku selepas seorang wanita bersalin. Masalah meroyan diatasi dengan menggunakan bahan seperti kulit limau abung, batu Jin Xing, bunga ma, dan ginseng. Para ibu yang kekurangan susu disyorkan mengambil udang, kacang pis, *bibit* atau benih *jian jinhua*, dan *zhachan* untuk menambah susu ibu.

Menurut artikel yang dikeluarkan oleh <https://my.theasianparent>, prinsip utama pantang selepas bersalin tradisional China bertujuan menghalang badan masuk angin. Antara makanan yang digalakkan selama pantang selepas bersalin ini seperti halia tua, minyak bijan, lada hitam, wain, dan cuka hitam. Bahan makanan juga perlu berasaskan organik, segar, dan semula jadi. Herba China seperti ginseng dan *dong quai* merupakan herba penting untuk membantu memulihkan semula badan ibu yang baru lepas bersalin.

Siti Hasmah Mohd Ali (1985) yang meneliti hal pemakanan dalam kalangan orang China di Malaysia, mengatakan aspek pemakanan tidak menimbulkan banyak masalah kerana mereka banyak makan, tidak menghadapi masalah kewangan untuk membeli makanan dan mereka sangat mengambil berat terhadap makanan yang berzat supaya dapat mengembalikan tenaga, menjadikan tubuh sentiasa hangat dan menggantikan kehilangan darah. Bagaimanapun, penggolongan jenis-jenis makanan yang digolongkan sebagai makanan 'sejuk' dan 'panas' hanya dapat difahami oleh masyarakat China sahaja, dan amalan ini sangat dipatuhi mulai waktu sebelum bersalin hinggalah selepas bersalin dan semasa menyusukan bayi.

Dalam masyarakat Melayu pula, menurut kajian oleh Aishah@Eshah dan Abd. Aziz (2012), wanita bersalin akan makan makanan panas dan minum air akar kayu, tonik, jamu, dan makjun yang diperbuat daripada herba. Namun begitu, mereka tidak boleh makan semua jenis makanan panas secara berlebihan kerana boleh menjejaskan kesihatan ibu dan bayi yang diberi susu ibu. Dalam masyarakat Melayu juga ada kepercayaan atau konsep tentang makanan yang diklasifikasikan sebagai bisa, tajam, berangin, dan gatal. Selain itu, mereka tidak boleh makan makanan yang dikelaskan sebagai sejuk seperti sayur-sayuran dan buah-buahan tertentu.

Dalam Kitab Ubat-ubatan MSS 172, hal yang berkaitan bersalin ialah sebar, kebas / bengkak, sakit perempuan baru beranak, ubat selusuh, perempuan cepat beranak, ubat keguguran, meroyan, selusuh, anak mati dalam perut, mengurangkan sakit peranakan, dan muntah. Jika diperhatikan, kedua-dua kitab perubatan memperkatakan hal yang hampir sama berkaitan bersalin, iaitu masalah semasa bersalin dan kesan-kesan selepas bersalin. Turut dijelaskan ialah berkaitan wanita yang mengalami keguguran akan dirawat menggunakan daun durian yang digiling lumat-lumat dan dipupukkan pada perut dan juga makan buah nyiur seduan. Selain keguguran, penyakit meroyan dalam perut dan muntah dirawat menggunakan buah pala, jangli, cengkik, mura, inggu, jadam, bawang putih, buah kundur, buah sirih, halia bara, isi lengkuas, jintan hitam, bawang merah, lada sulah, jemuju, kharsani, pucuk kanti, mesui, bunga pala, dan

bunga lawang. Kesemua bahan tersebut digiling sampai lumat, kemudian dipudi dengan air yang mendidih dan digentel bulat-bulat sebesar hujung kelingking dan diberi makan (telan).

Harun Mat Piah (2019: 268) menerusi penelitiannya dalam beberapa kitab tib (kitab MSS 300&MSS 489), ada membincangkan jenis-jenis meroyan dan ubatnya. Antara jenis meroyan yang disebutkan dalam kitab tersebut ialah meroyan angin, meroyan mulut terbuka, meroyan sakit mata, dan meroyan gila. Menurut kajian oleh Aishah@Eshah dan Abd. Aziz (2012) ke atas wanita berpantang di negeri Kelantan, 'gila meriyam' banyak berlaku dalam kalangan wanita yang lemah semangat dan emosinya terganggu. Mereka tidak boleh susah hati dan terkejut. Terkejut boleh menyebabkan semangatnya lari, manakala susah hati pula boleh menyebabkan semangatnya menjadi lemah dan membawa kepada tekanan perasaan.

Dalam kedua-dua masyarakat, ada menceritakan perihal meroyan, iaitu kesan-kesan negatif yang dialami oleh sesetengah ibu yang baru melahirkan bayinya. Menurut satu artikel yang dipetik daripada <https://hellodokter.com/gaya-hidup-sihat/> menjelaskan meroyan disamakan dengan kemurungan selepas kelahiran (*postpartum depression*), tapi meroyan dalam kefahaman masyarakat Melayu sebenarnya bukanlah terhad kepada kemurungan, bahkan termasuk juga psikosis, obsesif kompulsif dan keresahan. Dalam pendefinisian psikiatri juga, masalah psikologi selepas kehamilan telah diolah kembali dengan terma yang lebih merangkumi semua bentuk simptom meroyan. Oleh itu, istilah meroyan sebagaimana yang difahami dalam masyarakat sebenarnya lebih tepat dikaitkan dengan kecelaruan mood dan keresahan perinatal (*Perinatal Mood and Anxiety Disorder, PMAD*). Oleh itu, meroyan berkaitan dengan kemurungan dan keresahan yang diakibatkan oleh faktor-faktor tertentu dan ia perlu dirawat dengan segera agar kesihatan ibu kembali pulih serta dapat menumpukan perhatian kepada penjagaan diri dan bayi yang baru dilahirkan.

Hashim Awang AR (2000: 114) yang memetik pandangan Laderman (1979), menjelaskan bahawa masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh ibu-ibu yang baru bersalin ialah gila merian atau juga dikenali sebagai penyakit "angin darah", iaitu ibu itu berada dalam keadaan tidak tentu arah atau hilang ingatan. Penyakit ini berbahaya kerana ibu yang mengalami gila merian atau gila meroyan membenci semua orang termasuk anaknya yang baru lahir itu. Sering kali juga ibu itu cuba membunuh anaknya. Dipercayai penyakit ini berpunca daripada darah kotor yang masih terdapat dalam rahim ibu yakni tidak keluar habis. Darah itu bercampur dengan darah bersih dan ini menyebabkan berlakunya gila merian.

Dalam masyarakat China, hal keguguran dalam kalangan kaum wanita turut dinyatakan dalam Kitab Perubatan *Bencao Gangmu*. Walaupun tidak dinyatakan secara terperinci, namun ada dimaklumkan bahan-bahan rawatan untuk wanita yang mengalami keguguran, iaitu:

- i. Didan / yuangqing / banmao
- ii. Yuanqing / qingniangzi / bielu
- iii. Geshangtingzhang
- iv. Zhachan
- v. Lipan @ wugong

### Masalah Faraj

Masalah yang sering dihadapi oleh kaum wanita ialah berkaitan faraj, iaitu bersesuaian dengan peranan wanita yang melahirkan anak dan turut berhadapan dengan pelbagai jenis penyakit berkaitan sistem peranakan. Teks ini ada menyatakan bahawa penyakit faraj terbahagi kepada beberapa jenis berdasarkan sifat penyakit yang dialami oleh seseorang pesakit. Seperti penyakit kemandulan, penyakit berkaitan faraj



juga diperincikan keadaan atau ciri-cirinya oleh pengamal perubatan. Berikut diringkaskan masalah-masalah yang berkaitan dengan faraj, bahan rawatan, dan kaedah mengatasi masalah tersebut.

- i. Keputihan dan turun lendir  
Bahan rawatan: mentega  
Kaedah: makan
- ii. Banyak lendir  
Bahan rawatan: daun buah pala, daun rambutan, kulit bunga tanjung, tawas  
Kaedah: dimasak, dibasuh
- iii. Berair, hanyir  
Bahan rawatan: akar limau nipis, umbi rumput takai, akar daun inai, akar kemuning, kulit manis, buah pala, cengkih, jintan manis, cabai tali, cabai jawa, halia kering, lengkuas kering, puchok, ganti, sui, halba.  
Kaedah: dikerat-kerat masuk dalam periuk, diminum 40 hari / kurang
- iv. Berlendir  
Bahan rawatan: kemenyan putih, air mawar, kuma-kuma  
Kaedah: diasah, diminum
- v. Keputihan, gatal, bisa-bisa  
Bahan rawatan: sentok, bonglai, air dadih  
Kaedah: diasah, diminum
- vi. Koyak  
Bahan rawatan: tanduk kerbau, buah manjakani, tawas  
Kaedah: dibakar, dihanguskan, dilumatkan – disapukan
- vii. Busuk, sakit ari-ari  
Bahan rawatan: serbat air gula, air limau nipis, cuka  
Kaedah: diminum
- viii. Masalah faraj  
Bahan rawatan: buah pelaga, manjakani, cengkih, tawas  
Kaedah: lumatkan halus-halus, masuk dalam faraj

Dalam kitab perubatan tradisional China, penyakit yang berkaitan dengan faraj tidak banyak dibincangkan dan hanya memerlukan bahan-bahan rawatan yang agak mudah dan ringkas. Berikut disenaraikan empat masalah berkaitan dengan faraj seperti yang dinyatakan dalam Kitab Perubatan *Bencao Gangmu*.

- i. Sakit faraj  
Bahan rawatan: rumput kuku kambing / rumput tui, pokok bijan, batu sulfur
- ii. Bengkak ari-ari  
Bahan rawatan: biji plum

- iii. Sukar kencing  
Bahan rawatan: yiyu / baiyu
- iv. Faraj basah dan gatal  
Bahan rawatan: fuzi putih

### Rumusan

Kertas kajian ini telah membincangkan penyakit-penyakit yang dihadapi oleh kaum wanita Melayu dan wanita China berdasarkan dua kitab perubatan tradisional, iaitu Kitab Ubat-ubatan MSS 172 dan Kitab Perubatan *Bencao Gangmu*. Berdasarkan penelitian ke atas kedua-dua kitab perubatan tersebut mendapati penyakit khusus terbahagi kepada tiga yang utama, iaitu kemandulan, perihal bersalin, dan masalah faraj. Walaupun dalam kedua-dua kitab perubatan membincangkan penyakit-penyakit yang sama, namun perkara yang membezakan perubatan tradisional Melayu dengan perubatan tradisional China ialah dari aspek bahan rawatan dan kaedah rawatan. Perbezaan ini wujud kerana alam Melayu dan Tanah Besar China mempunyai landskap yang berbeza dari aspek bentuk muka bumi, tanah, hutan, banjaran, iklim, dan sebagainya yang sudah tentu menghasilkan flora dan fauna yang berbeza juga.

### RUJUKAN

- Bidin, A. A. H. (2012). Penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang: amalan dan kepercayaan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 7 (20 - 31).
- Noor, A. M. (2017). Menyingkap ilmu perubatan Melayu Tradisional menerusi beberapa manuskrip terpilih. *SEJARAH: Journal of the Department of History*. (11): 21-37. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Fauzi, N. W. (2012). Perubatan melayu tradisional: Kitab tibt pontianak (Malay traditional medicine: kitab tibt pontianak). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 149-162.
- Piah, H. M. (2019). *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu Edisi Terkini*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- AR, H. A. (2000). *Keuzuran dan kesihatan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. *Ilmu perubatan tradisional China*. (nov. 2020). Diakses daripada <http://malay.cri.cn/1/2003/08/31/2@701.htm>.
- Dar, K. B. (2012). Satu Kajian Mengenai Konsep Wufu danZhongguo dalam Hubungan Luar China. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4(2), 28-43.
- Barakbah, M. (2021). *Warisan Perubatan Melayu*. Bangi; SMG Skill Enterprise.
- Affendi, M. (2021), *Panduan Mengkaji Manuskrip Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Penggunaan haiwan bagi perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat pribumi di Asia: Satu ulasan* . Siti Zubaidah I1 , Norsuhana AH1 , Fatan Hamamah Y2.



- Ali, S, H. M. (1985). *Wanita adat dan kesihatan. Jilid 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Akhiar, S, K. B, B. (2016). *Amalan Dan Penggunaan Herba Dalam Perubatan Tradisional Melayu Selepas Bersalin Di Zon Tengah, Semenanjung Malaysia*. Tesis tidak terbit, Ijazah Sarjana Sains.
- Hasbullah, W. A. H. & Hassan, N, N. N. (2017). Amalan Perubatan Herba dan Keseimbangan Humoral dalam Penjagaan Kesihatan Post Partum Wanita Melayu: Perspektif budaya dan perubatan. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*. 1 (2) 129-142. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Warisan Perubatan Melayu Edisi Kedua*. (2005). A. Samad Ahmad (penye.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR CHINA DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG**

Wang Jing

Yunnan, China.

[1290232648@qq.com](mailto:1290232648@qq.com)

**Abstrak:** Kajian ini meneliti penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China yang menyertai program pertukaran pelajar di Universiti Sains Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan adalah kuantitatif iaitu menggunakan soal selidik yang telah dijalankan terhadap para pelajar China di Universiti Sains Malaysia (USM) pada sesi pengajian 2019/2020. Seramai 25 pelajar China telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sebagai subjek kajian bagi mencapai objektif kajian. Tujuan kajian yang ditetapkan adalah untuk menganalisis penguasaan bahasa Melayu pelajar dari China dengan faktor-faktor persekitaran USM. Kajian ini menggunakan Teori Monitor yang dipelopori oleh Stephen D. Krashen. Pengumpulan data menggunakan Google Forms dan data kajian dianalisis dengan aplikasi Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 26.0. Keputusan dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu didapati berkorelasi dengan faktor persekitaran. Kepentingan persekitaran bahasa di USM tidak dapat dinafikan terutamanya kepada pelajar China yang datang ke Malaysia untuk mempelajari bahasa Melayu bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa 66.33 peratus pelajar China mendapati pengalaman yang bermakna serta bernilai ketika mengikuti sesi pembelajaran di USM dalam aspek penguasaan bahasa Melayu. Pada akhirnya, kajian ini telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu agar masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China dapat ditingkatkan.

**Kata Kunci:** Penguasaan bahasa, pelajar China, program pertukaran pelajar, teori Monitor Stephen D. Krashen

### **Pengetahuan**

Bahasa Melayu merupakan antara bahasa yang mempunyai penutur yang ramai lebih 300 juta di dunia dan juga merupakan bahasa antarabangsa. Jalinan hubungan antara Malaysia dengan China bermula sejak abad ke-13 lagi. Sejarah panjang ini memperlihatkan hubungan dua hala yang cukup mantap dan memberikan kesan langsung kepada kedua-dua buah negara. Hubungan dua hala ini telah pesat berkembang, khususnya dalam tempoh dua puluh tahun kebelakangan ini, dan banyak memberikan manfaat kepada rakyat kedua-dua buah negara. Selain perdagangan, pelaburan dan pelancongan, kerjasama dua hala telah diperluas dalam pelbagai sektor seperti pertukaran kebudayaan, pendidikan, sukan, sains dan teknologi, komunikasi, keselamatan dan lain-lain. Negara China adalah contoh negara yang telah menawarkan kursus bahasa Melayu peringkat ijazah. Bermula dengan hubungan diplomatik yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia dengan negara China pada tahun 1970-an sehingga kini, negara China terus menghantar pelajarannya ke Malaysia untuk menguasai bidang bahasa Melayu. Program pertukaran pelajar adalah inisiatif terbaik ke arah memupuk persefahaman kebudayaan antara masyarakat berlainan bangsa dan agama daripada pelbagai negara.

Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bukanlah satu proses yang mudah tambahan pula bagi pelajar China yang jarang bertutur dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan seharian mereka. Persekitaran mereka yang kurang memberangsangkan mengakibatkan kesukaran kepada pelajar tersebut

menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan seterusnya memberi kesan kepada prestasi pembelajaran mereka di dalam bilik darjah. Pengetahuan berbahasa tidak mudah diperolehi atau difahami oleh penutur asing jika hanya melalui pengajaran secara teori di dalam kelas ataupun hanya berpandukan visual melalui buku pembelajaran. Faktor yang mengekang penguasaan bahasa Melayu mungkin kerana persekitaran yang terhad, kurang memahami budaya Melayu, kurang berkomunikasi dengan orang Melayu, atau kurang peluang untuk menghayati kehidupan orang Melayu dan lain-lain.

Terdapat keserasian antara aspek budaya dengan pengajaran bahasa, terutamanya dalam mengajar sesuatu bahasa itu kepada penutur asing (Hardley 2001: 346). Galloway (1980) dan Lafayette & Strasheim (1981), menyatakan bahawa terdapat banyak kebaikan yang pelajar boleh dapati dan fahami apabila aspek budaya diambil kira dalam pengajaran bahasa. Pembelajaran bahasa juga akan menjadi lebih menarik dengan adanya penerapan unsur-unsur budaya bagi masyarakat bahasa yang dipelajari. Melalui cara ini pelajar akan lebih mudah memahami cara bertutur yang lebih santun dan mudah untuk mendekati serta mempraktikkan penggunaan bahasa yang dipelajari. Justeru, kajian ini memperlihatkan bagaimana melalui program pemindahan dapat diterapkan dalam penguasaan Bahasa Melayu (BM) dan bagaimana bahasa yang dipelajari dapat dihubungkan dengan budaya itu sendiri agar ia dapat dijadikan satu daya tarikan untuk pelajar China mempelajari BM. Sehubungan itu, kajian tertumpu kepada tahap penguasaan BM pelajar China dalam program pemindahan di Universiti Sains Malaysia sama ada dipertingkatkan. Kajian ini juga membincangkan pengaruh faktor persekitaran yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua pelajar dari China.

Sehingga kini di China terdapat 11 buah universiti utama yang menawarkan program Bahasa Melayu, iaitu Perking University, Beijing Foreign Studies University (BFSU), Communication University of China (CUC), Guangdong University of Foreign Studies (GUFS), Guangxi University for Nationalities (GXUN), Yunnan Minzu University (YMU), Tianjin Foreign Studies University (TFSU), Xi'an International Studies University (XISU), Luoyang Campus of Information Engineering University, Minjiang Teachers College, Hainan College of Foreign Studies dan lain-lain. Selain itu, Guangxi University, Yunnan University (YNU), Sichuan International Studies University (SISU), Lijiang College of Guangxi Normal University dan Guangxi International Business Vocational College yang telah diizinkan oleh pihak Kementerian Pendidikan China untuk menubuhkan jurusan bahasa Melayu, tetapi masih belum mengambil calon pelajar lagi. Di samping itu, terdapat beberapa buah universiti lain di China yang turut menawarkan Bahasa Melayu sebagai kursus elektif. Oleh itu, hampir setiap tahun negara China tidak putus-putus menghantar pelajar mereka ke Malaysia untuk belajar tentang budaya dan bahasa Melayu. Kedatangan pelajar-pelajar China ke Malaysia bukan setakat menambah bilangan pelajar asing yang menuntut di universiti-universiti di Malaysia bahkan juga dapat menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, terutama dalam dunia hari ini yang sentiasa mahukan yang terbaik antara yang terbaik.

### **Sorotan Kajian**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memahami topik kajian berkenaan dan pengkaji dapat mengenal pasti kajian terdahulu yang lebih kurang sama dengan kajian penyelidikan ini, dan meninjau kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Batasan kajian ini ialah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China di Universiti Sains Malaysia (USM).

Maka sorotan literatur akan mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian tertumpu kepada mencari jawapan kepada persoalan penguasaan Bahasa Melayu yang dimiliki oleh pelajar negara China. Kajian ini turut menilai dan menganalisis apakah hubungan program pertukaran antara pembelajaran dan kefahaman

pelajar boleh membantu dalam penyelesaian masalah berkaitan bahasa Melayu. Dalam bahagian ini, pengkaji akan memahami topik kajian dan dapat mengenal pasti kajian terdahulu yang lebih kurang sama dengan kajian penyelidikan ini, dan meninjau kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Batasan kajian ini ialah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China di Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam kajian Mazlina Baharudin (2014), iaitu dalam kajian “Pemerolehan Dan Penguasaan Kecekapan Berbahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Asing Di Universiti Sains Malaysia”, Mazlina Baharudin menunjukkan bahawa pemerolehan dan penguasaan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing berbeza mengikut individu. Kajian ini telah mengenal pasti faktor-faktor pendorong yang menyebabkan pelajar asing ini boleh menguasai bahasa Melayu dengan baik. Responden kajian adalah pelajar Kursus Bahasa Malaysia I (LKM100) di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Oleh yang demikian, satu analisis tahap kemahiran dan keperluan telah dibuat berdasarkan pemerolehan dan penguasaan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di USM. Dapatan yang diperoleh mendapati bahawa setiap pelajar mempunyai tahap pemerolehan dan penguasaan kecekapan berbahasa Melayu yang berbeza antara individu. Perbezaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor penyumbang seperti keinginan individu, negara asal, persekitaran tempat tinggal, rakan-rakan dan sebagainya. Dalam analisis kajian ini, penulis mengemukakan beberapa soalan untuk dapatkan data tentang penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar negara asing.

Kajian yang telah dilakukan oleh Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2018) berkaitan Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing. Kajian yang bertujuan untuk meneliti tindakan yang dilakukan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa mempelajari bahasa Melayu dan perkara yang dilakukan oleh pelajar untuk mengatasi masalah ini. Kaedah temu bual telah dilakukan kepada sepuluh orang pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman. Hasil kajian mendapati bahawa antara kekangan yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu ialah penterjemahan, tatabahasa, kosa kata, sebutan dan imbuhan. Terdapat beberapa cara yang sering dilakukan oleh pelajar untuk mengatasi kelemahan ini adalah dengan mempelajari dengan lebih banyak kosa kata yang baharu, sentiasa mengulang sesuatu kosa kata dan cuba memahami makna perkataan sebelum menggunakannya.

### **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji meneliti teori berkaitan Teori Monitor. Teori Monitor sangat sesuai digunakan sebagai teori untuk mengkaji penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Menurut teori ini, pelajar perlu memperuntukkan masa yang banyak untuk mempraktikkan kemahiran berbahasa ketika di luar kelas sama ada di rumah atau semasa melakukan perbualan dengan rakan sebaya. Kemahiran-kemahiran seperti membaca, menulis dan mendengar perlu diamalkan dan tidak terhad hanya di kelas sahaja. Pelajar juga perlu memberi tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya terdapat permasalahan atau persoalan berkaitan bahasa Melayu, pelajar perlu terus bertanya kepada guru. Tindak balas yang pantas dan cepat dan penerangan yang jelas diberi oleh guru dapat membantu pelajar mengatasi masalah ini. Perkara lain yang menentukan kejayaan pelajar untuk menguasai dan mempelajari bahasa kedua ialah pelajar perlu tahu peraturan atau tatabahasa. Setiap bahasa mempunyai tatabahasa dan rumus yang sendiri, perkara yang sama juga berkaitan bahasa Melayu. Pengkaji mengemukakan sebanyak 15 item soalan yang berkaitan dengan persekitaran USM yang mempelajari bahasa Melayu. Item-item ini dapat memberi gambaran kepada pengkaji mengenai pengaruh persekitaran bagi penguasaan bahasa Melayu responden.

Item-item yang terdapat dalam bahagian di bawah disusun secara rawak dan responden sekali lagi diminta untuk menggunakan skala Likert 5 poin. Skala tersebut memberikan petunjuk seperti berikut (1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak setuju, 3 – Tidak Pasti, 4 – Setuju, 5 – Sangat Setuju). Kajian ini bersifat deskriptif, maka data yang dikumpulkan dianalisis mengikut nilai min. Min akan dijelaskan berpanduan jadual berikut:

Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Jadual 1 Tahap Berpanduan Min  
Sumber: Wan Nordin (2006)

### Hasil perbincangan

Kenyataan	Kekerapan dan peratusan (%)					Min	SP	Tahap
	STS	TS	TP	S	SS			
1. Kandungan kursus bahasa Melayu sangat menarik.	0 (0%)	3 (12%)	12 (48%)	6 (24%)	4 (16%)	3.44	0.92	Sederhana
2. Kursus bahasa Melayu memerlukan sejumlah latihan dan bacaan.	0 (0%)	0 (0%)	3 (12%)	12 (48%)	10 (40%)	4.28	0.68	Tinggi
3. Kriteria penilaian kursus adalah wajar.	0 (0%)	0 (0%)	13 (52%)	8 (32%)	4 (16%)	3.64	0.76	Sederhana
4. Susunan teori dan praktikal kursus bahasa Melayu sangat tepat.	0 (0%)	3 (12%)	6 (24%)	13 (52%)	3 (12%)	3.64	0.86	Sederhana
5. Kurikulum kandungan pengajaran bahasa Melayu di USM sangat berkaitan/ munasabah dengan kandungan pengajaran China.	1 (4%)	3 (12%)	6 (24%)	11 (44%)	4 (16%)	3.56	1.04	Sederhana
6. Pensyarah selalu menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik mudah disesuaikan.	0 (0%)	2 (8%)	6 (24%)	14 (56%)	3 (12%)	3.72	0.79	Tinggi
7. Pensyarah selalu hadir di kelas tepat pada waktu.	1 (4%)	2 (8%)	10 (40%)	6 (24%)	6 (24%)	3.56	1.08	Sederhana
8. Pensyarah selalu menyiapkan perisian/maklumat kursus dengan bersungguh-sungguh.	0 (0%)	1 (4%)	4 (16%)	12 (48%)	8 (32%)	4.08	0.81	Tinggi
9. Pensyarah selalu memberi soalan kepada pelajar dalam kursus.	0 (0%)	1 (4%)	4 (16%)	15 (60%)	5 (20%)	3.96	0.74	Tinggi

## WEBINAR PELESTARIAN WARISAN BUDAYA DI PERSADA DUNIA 2022

10.Pensyarah selalu memberi perhatian yang cukup kepada anda.	0 (0%)	2 (8%)	8 (32%)	8 (32%)	7 (28%)	3.8	0.96	Tinggi
11.Pihak universiti selalu mengawasi kualiti pengajaran pensyarah.	0 (0%)	1 (4%)	5 (20%)	12 (48%)	7 (28%)	4	0.82	Tinggi
12. Pihak universiti sangat mempedulikan program anda.	0 (0%)	2 (8%)	6 (24%)	13 (52%)	4 (16%)	3.76	0.83	Tinggi
13.Pihak universiti selalu menawarkan peluang untuk menyertai kegiatan rumah tumpang keluarga orang Melayu.	0 (0%)	4 (16%)	10 (40%)	9 (36%)	2 (8%)	3.36	0.86	Sederhana
14.Pihak universiti selalu mengadakan pertandingan pidato bahasa Melayu.	0 (0%)	7 (28%)	5 (20%)	11 (44%)	2 (8%)	3.32	0.99	Sederhana
15.Pihak universiti selalu mengumpulkan cadangan anda dan memberi maklum balas secepatnya.	0 (0%)	3 (12%)	9 (36%)	10 (40%)	3 (12%)	3.52	0.87	Sederhana
<b>Keseluruhan</b>						<b>3.71</b>	<b>0.87</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 2 Persekitaran Universiti

Jadual 2 menunjukkan aspek tentang faktor persekitaran USM. Terdapat 15 item kenyataan yang menunjukkan nilai min keseluruhan pada tahap tinggi dan lapan item pada tahap sederhana, semua item menunjukkan nilai min 3.3 ke atas dan terdapat tiga item pada nilai min lebih daripada 4. Nilai min pada tahap yang tinggi jumlah sebanyak tujuh item. Hasil ini menunjukkan bahawa USM menawarkan persekitaran pembelajaran yang baik kepada pelajar China seperti: Kursus bahasa Melayu memerlukan sejumlah latihan dan bacaan, pensyarah selalu menyiapkan maklumat kursus dengan bersungguh-sungguh, dan pihak universiti selalu mengawasi kualiti pengajaran pensyarah.

Min yang paling tinggi ialah pada kenyataan kedua iaitu 4.28 dengan sisihan piawai 0.68. Item dua iaitu kursus bahasa Melayu di USM memerlukan sejumlah latihan dan bacaan 48 peratus atau 12 orang daripada responden setuju. Manakala 10 orang responden atau 40 peratus menunjukkan sangat setuju dan 3 orang responden 12 peratus menunjukkan bahawa mereka tidak pasti dan tidak ada orang atau 0 peratus yang menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi item pada tahap lebih tinggi lagi menurut di bawah:

- Item 6 Pensyarah selalu menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik mudah disesuaikan. (Min 3.72 dan SP 0.79)
- Item 8 Pensyarah selalu menyiapkan perisian/maklumat kursus dengan bersungguh-sungguh. (Min 4.08 dan SP 0.81)
- Item 9 Pensyarah selalu memberi soalan kepada pelajar dalam kursus. (Min 3.96 dan SP 0.74)
- Item 10 Pensyarah selalu memberi perhatian yang cukup kepada anda. (Min 3.8 dan SP 0.96)
- Item 11 Pihak universiti selalu mengawasi kualiti pengajaran pensyarah. (Min 4 dan SP 0.82)
- Item 12 Pihak universiti sangat mengambil berat program anda. (Min 3.76 dan SP 0.83)

Min yang paling rendah ialah pada kenyataan ke-14 iaitu sebanyak 3.32 dengan sisihan piawai 0.99. Item ke-14 iaitu: Pihak universiti selalu mengadakan pertandingan pidato bahasa Melayu 44 peratus atau 11 orang daripada responden setuju. Manakala 7 orang responden atau 28 peratus menunjukkan tidak setuju dan 5 orang responden 20 peratus menunjukkan bahawa mereka tidak pasti dan 2 orang responden atau 8



peratus yang menyatakan sangat setuju dan tidak ada orang atau 0 peratus menyatakan sangat tidak setuju. Bagi item pada tahap sederhana lagi menurut di bawah:

- Item 1 Kandungan kursus bahasa Melayu sangat menarik. (Min 3.44 dan SP 0.92)
- Item 3 Kriteria penilaian kursus adalah wajar. (Min 3.64 dan SP 0.76)
- Item 4 Susunan teori dan praktikal kursus bahasa Melayu sangat tepat. (Min 3.64 dan SP 0.86)
- Item 5 Kurikulum kandungan pengajaran bahasa Melayu di USM sangat berkaitan/ munasabah dengan kandungan pengajaran China. (Min 3.56 dan SP 1.04)
- Item 7 Pensyarah selalu hadir di kelas tepat pada waktu. (Min 3.56 dan SP 1.08)
- Item 13 Pihak universiti selalu menawarkan peluang untuk menyertai kegiatan rumah tumpang keluarga orang Melayu. (Min 3.36 dan SP 0.86)
- Item 15 Pihak universiti selalu mengumpulkan cadangan anda dan memberi maklum balas secepatnya. (Min 3.52 dan SP 0.87)

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa min faktor persekitaran USM adalah tinggi dari sudut kursus yang ditawarkan kepada pelajar China, dan guru yang mengajar Bahasa Melayu juga hadir di kelas tepat pada waktu dan menyiapkan perisian/maklumat kursus dengan bersungguh-sungguh. Pihak universiti juga mengambil berat program pelajar dari China, mengawasi kualiti pengajaran pensyarah.

### **Kesimpulan**

Dalam aspek tentang faktor persekitaran USM, nilai yang paling tinggi ialah pada kenyataan iaitu kursus bahasa Melayu di USM memerlukan sejumlah latihan dan bacaan. Guru di USM telah memberi latihan dan bacaan kepada pelajar China. Hal demikian kerana dalam konteks pembelajaran bahasa, teori kognitif berpendapat bahawa sistem-sistem linguistik dan struktur-struktur bahasa disimpan dan diperoleh semula daripada memori dengan cara yang sama bagaimana sesuatu maklumat itu dibentuk, disimpan dan dipanggil semula (Ellis, 1994). Proses ini juga melibatkan sistem-sistem kognitif yang sama seperti membentuk persepsi, membina ingatan dan memproses maklumat bagi mengatasi kapasiti mental manusia yang terhad (Ellis, 2000). Teori ini melihat setiap individu sebenarnya membentuk kehendak mereka sendiri dan seterusnya menguasai jenis pengetahuan yang ditentukan berdasarkan teknik dan cara yang berbeza (William & Burden, 2001 dalam Takac, 2008).

Keseluruhannya, persekitaran bahasa memainkan peranan yang amat penting bagi pelajar yang mempelajari bahasa asing. Menurut Ellis (1994), terdapat beberapa faktor luaran yang mempengaruhi perkembangan bahasa seseorang, kejayaan pemerolehan bahasa asing dipengaruhi oleh banyak faktor tersebut, antara beberapa faktor yang sering dikaitkan dengan pemerolehan bahasa merupakan faktor persekitaran bahasa. Hal ini kerana pemerolehan bahasa kedua adalah proses pembelajaran bahasa baru selain bahasa ibunda dalam persekitaran semula jadi atau khusus. Kekurangan persekitaran yang boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar tersebut sememangnya merupakan satu halangan yang besar. Maka Program Pemindahan Kredit Bahasa Melayu (PROPERBM) menawarkan persekitaran yang memberi manfaat kepada pelajar China. Manfaat utama program ini bagi pelajar dari negara China adalah menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman pelajar. Sumber buku rujukan bahasa Melayu adalah secukupnya, bahasa Melayu digunakan untuk berkomunikasi dengan orang lokal, mengenal pasti kebudayaan bahasa Melayu, menghayati kehidupan Malaysia dan lain-lain. Hal ini demikian kerana pelajar China boleh mengetahui dengan lebih lanjut tentang kemahuan dalam bidang ilmu pengetahuan bahasa Melayu. Hal ini kerana, cara yang terbaik untuk menguasai sesuatu bahasa merupakan hidup di persekitaran bahasa ibunda.

**RUJUKAN**

- Sariyan, A. (1985). *Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing: Matlamat dan Pertimbangan Strategi*. Jurnal Persatuan Linguistik, Jilid 7, 1-16.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Hadley A.O. (2001). *Teaching Language in Context (3rd ed)*. Champagne, IL: University of Illinois
- Kamus Dewan*. (2005) Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krashen, S. (1985). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Baharudin, M. (2014). *Pemerolehan dan Penguasaan Kecekapan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Sains Malaysia*. Procedia-Social dan Behavioral Sciences, 134, 270-275.
- Zuhidayah, N. & Saniah, S. (2018). *Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing*. Proceedings of the International Conference the Teaching and Learning of Languages (ICTLL), 2018.
- Taka, V. P. (2008). Vocabulary learning strategies and foreign language acquisition. In *Vocabulary Learning Strategies and Foreign Language Acquisition*. Clevedon: Multilingual Matters.



### PERBEZAAN MOTIF REKABENTUK KERIS DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Najhan Saufi bin Maaropi, Azzrul Hisyam bin Ruslan, Mohamad Hakimi Amri bin Sobri, Intan Aisyah binti Mohd Arshad, Mas Annur Amirah binti Anuar, Nur Fairuz Ashiqin Azmi, Aina Mardhiah binti Zamri, Nur Zulaikha binti Alyasak, Nurhanis Hanina binti Abdul Latiff & Auni Husna binti Ismail

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[azzrul1309@gmail.com](mailto:azzrul1309@gmail.com)

**Abstrak:** Rekabentuk merupakan suatu proses akhir atau penghasilan sesebuah produk yang selayaknya mementingkan nilai estetika dan kebolehgunaan suatu produk hasil dapatan dan kajian oleh pereka. Turut berkaitan, idea sesuatu rekabentuk adalah turut bersandarkan kepada kebudayaan dan kepercayaan yang dicipta dan seterusnya dibawa oleh nenek-moyang sejak dari zaman dahulu lagi contohnya melalui barangan warisan turun-temurun seperti keris. Keris merupakan bukti ketamadunan masyarakat Melayu dan setiap sisi daripada rekabentuk sebuah keris sendiri membawa maksud-maksud khusus. Keris merupakan suatu khazanah yang mana dikongsi milikan khazanah dengan negara-negara serumpun namun kelebihan yang dibawa oleh setiap keris adalah berbeza mengikut rekabentuk pada badan dan sarung keris itu sendiri yang mana membawa maksud yang berbeza mengikut kebudayaan, kepercayaan, nilai estetika dan kepercayaan negara masing-masing.

**Kata kunci:** Rekabentuk, Nilai Estetika, Kebudayaan dan Kepercayaan, Warisan, Ketamadunan

#### PENGENALAN

Keris ialah senjata turun temurun yang telah digunakan oleh masyarakat melayu sejak lebih daripada enam ratus tahun yang lalu dan ianya telah menjadi lambang kemegahan bangsa, maruah, kedaulatan, kekuasaan dan harga diri bagi pemilik keris tersebut. Istilah "keris" berasal daripada gabungan dua kata dalam Bahasa Jawa kuno iaitu "mlungker" dan "ngiris" yang bermaksud berkeluk dan menghiris. Keris adalah senjata dan karya seni yang bernilai tinggi. Nilai pada setiap keris terletak pada bentuk dan keindahan serta proses pembuatannya dalam jangka waktu yang lama. Dalam budaya masyarakat melayu di Malaysia, keris mewarisi identiti khas Jawa yang selalunya dijumpai di negeri Johor, Selangor, Terengganu dan Kelantan. Menurut sejarah pada zaman dahulu, keris boleh dikesan melalui kajian dan telah banyak ditemui di kuil-kuil dan keris telahpun digambarkan pada dinding candi di Pulau Jawa Indonesia pada zaman tersebut.

Fungsi keris pada zaman dahulu adalah senjata untuk mempertahankan diri, manakala pada zaman kini keris banyak dijadikan perhiasan di rumah atau di tempat-tempat tertentu dan keris juga dipakai untuk melengkapi pakaian rasmi sesuatu majlis diraja atau golongan bangsawan. Tanggapan umum terhadap keris adalah senjata untuk membunuh dan sesetengah masyarakat tidak kira Malaysia atau Indonesia pastinya mempunyai tanggapan bahawa artifak budaya warisan ini mempunyai unsur-unsur mistik. Majoriti masyarakat mempunyai persepsi bahawa keris ini mempunyai magis dan mampu menjaga keselamatan sang pemiliknya. Mengikut tradisi Jawa, keris tradisional perlu dijaga dengan teliti dengan cara diperasapkan pada masa masa tertentu. Selain itu, ada juga amalan mengasah melimaukan keris sebagai cara untuk menjaga logam bagi keris tersebut.

Dahulu, keris dipercayai sebagai senjata utama bagi para pejuang oleh masyarakat melayu tetapi lain pula fungsinya di Jawa, keris digunakan sebagai persenjataan kedua oleh para pejuang mahupun pahlawan jika mereka kehilangan senjata utama mereka iaitu tombak. Bagi rakyat biasa pula, mereka menggunakan keris setiap hari untuk menempuh perjalanan kerana keris ini mungkin diperlukan untuk mempertahankan diri

mereka apabila sesuatu perkara yang tidak dijangka terjadi. Walaupun fungsi keris kini tidak lagi sebagai senjata, namun ianya menjadi simbol dan diletakkan di satu tempat yang tinggi dalam masyarakat setempat.

Beralih kepada perkembangan keris, pembangunan dan perkembangan keris paling awal ditemui di Pulau Jawa kemudian budaya keris terus menyebar ke seluruh wilayah kepulauan Indonesia dan kawasan lain di Asia Tenggara terutamanya negara yang mempunyai asas kebudayaan melayu seperti Malaysia, Filipina, Brunei, Singapura dan Thailand. Keris terdiri daripada 2 bahagian utama iaitu mata atau bilah dan hulu.

Pada masa dahulu, kebanyakan keris memiliki bilah yang lurus dan mempunyai perbezaan yang ketara dengan keris pada zaman serba moden kini. Jika dapat dilihat, keris yang dihasilkan kini lebih condong dan tidak tegak lurus. Kedudukan bilah keris yang miring itu adalah lambang sifat yang terpuji. Seseengah keris yang dihasilkan mempunyai fungsi dan maksud yang tersendiri. Bagaimanapun, ada juga keris yang diberi gelaran berdasarkan hiasan atau salutan logam pada hulunya antaranya keris bertatah emas, ataupun keris diraja yang merujuk kepada hiasan salutan logam emas atau batu permata pada hulu dan sarung. Di Jawa, pusaka bilah keris diturunkan daripada generasi ke generasi yang lain dan keris dipakai dalam pelbagai majlis seperti perkahwinan dan kegiatan upacara adat lainnya. Keris yang baik biasanya ditempa dan dibuat daripada logam yang berkualiti tinggi yang dapat menghasilkan keris yang bermutu dan mempunyai nilai yang tinggi.

Terdapat beberapa perbezaan reka bentuk keris di Malaysia dan Indonesia dan ia juga mempengaruhi fungsi setiap keris yang ada. Di tanah Jawa, keris memainkan peranan yang besar. Semasa pemerintahan pada zaman itu, pada awalnya keris yang dihasilkan berbentuk gemuk, pendek dan berbadan leper dan berubah menjadi lebih ramping walaupun bentuknya tidak banyak berubah. Hulu atau pegangan keris Jawa mempunyai corak yang pelbagai motifnya. Untuk keris Bali, ada bentuknya menyerupai dewa, raksasa, penari dan pertapa hutan. Setiap keris mempunyai ukiran dan lambang yang berbeza. Selain itu, bahan yang digunakan untuk menghasilkannya juga ada daripada gading, tulang, logam yang paling banyak iaitu menggunakan kayu.

Berbeza dengan reka bentuk keris di Malaysia iaitu dalam masyarakat Melayu, bentuk badan keris yang dihasilkan sedikit bongkok dan kepala condong ke sisi serta diukir dan dihiasi dengan motif yang halus dan jika dilihat dari bentuknya jumlah kelokan keris selalu merujuk kepada bilangan gasal dan tidak ada yang genap. Terdapat beberapa dari hulu keris termasuk hulu tapak kuda, serindit dan hulu anak ayam sejuk, ukiran pada hulu tajong disifatkan sebagai lengkap dan sempurna kerana mewakili keseluruhan aspek dalam seni bina Melayu.

Kebanyakan hulu tajong dihasilkan daripada bahan kayu yang elok dan keras samada dari pokok kemuning, kenaung yang kini amat susah untuk ditemui. Selain itu, setiap keris ada juga menunjukkan kedudukan pemiliknya samada golongan istana atau bangsawan dalam masyarakat.

Ada perbezaan yang ketara mengenai peranan keris sebelum dan selepas abad ke-20. Sebelum abad ke-20, keris memainkan peranan utama sebagai senjata utama dalam setiap pertempuran atau peperangan. Kini, teknologi persenjataan lebih moden dan maju sehingga penggunaan keris sebagai senjata utama pada masa dahulu sudah tidak digunakan lagi. Pada masa kini, peranan keris lebih kepada simbol keberanian dan kewibawaan terhadap golongan tertentu. Sementara itu, keris sudah dianggap sebagai warisan budaya yang menjadi milik Nusantara.

### KONSEP

Motif dari sudut seni boleh ditafsirkan sebagai sebuah jenis corak hiasan yang dihasilkan dengan cara melukis secara berulang-ulang kali sehingga menjadi sebuah bentuk dalam sebuah karya kraf tangan atau juga dikenali sebagai kesenian. Seni motif ini dapat dihasilkan melalui beberapa cara atau proses seperti proses memahat, mencetak, gambar, dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana, bertujuan untuk meningkatkan nilai atau mutu terhadap sesebuah karya seni yang dihasilkan. Seni motif yang dihasilkan secara berulang-ulang sehingga kelihatan tampak rapi juga disebut sebagai pola atau corak. Selain itu, satu atau lebih paduan motif seni dapat disebut sebagai hiasan. Hiasan secara amnya terdiri dari satu atau lebih motif yang diatur dalam bentuk-bentuk tertentu. Dalam Alam Melayu, seni motif berasal daripada kebudayaan Melayu dan pelbagai suku-suku lain yang mempunyai corak hiasan yang tersendiri.

Rekabentuk dalam seni dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang baru, rekabentuk tersebut adalah sesuatu yang dicipta dan ia tiada sebelumnya. Rekabentuk seperti ini adalah sesuatu kerja yang sangat memerlukan pengalaman dan kreativiti pereka. Ia juga banyak menimbulkan masalah yang perlu kepada penyelesaian. Pertimbangan inovasi, kerja-kerja prototaip dan ujikaji yang banyak diperlukan pada peringkat ini. Perkataan reka bentuk pula berkait rapat dengan kaedah penghasilan. Pengkhususan dalam bidang reka bentuk biasanya lebih melihat pada hasil atau imej pada sesuatu seni atau kraf.

Terdapat beberapa ciri rekabentuk, antaranya adalah berfungsi dengan baik, cekap dan sangat ekonomikal dalam lingkungan kekangan yang dikenakan. Namun, untuk menghasilkan rekabentuk yang baik terdapat kekangan yang perlu dihadapi oleh pereka. Kekangan yang dimaksudkan disini ialah suatu aturan yang terpaksa dipatuhi. Di antara kekangan utama dalam rekabentuk adalah kos, keboleh harapan (*reliability*), keselamatan, prestasi, kehendak akta kilang dan jentera, pertimbangan sosiologi, pencemaran dan penggunaan tenaga.

Keris pula merupakan senjata bermata dua yang tajam dimana bilahnya lurus dan berkelok-kelok, alang keris (anak) pula sederhana panjang bilahnya. Selain itu, berapit keris pula pada sarungnya dimasukkan dawai mas. Keris ini merupakan simbol kekuatan bagi kepercayaan masyarakat melayu tradisional. Keris ini juga dapat dikaitkan dengan unsur seperti mistik dan sebagainya. Keris merupakan lambang kekuatan, kedaulatan, dan keagungan sesebuah kerajaan dan bangsa melayu. Keris juga boleh dikatakan lambang kepada ketamadunan sesebuah bangsa dimana terdapat nilai estetika dan juga kehebatan orang melayu dalam mencipta dan menggunakan senjata.

Hal ini dikatakan demikian kerana, keris ini adalah salah satu pelengkap kepada pakaian adat istiadat orang-orang melayu sejak dahulu sehingga kini. Nilai seni keris terletak pada pelbagai elemen, antaranya adalah bentuk ukiran yang dibuat pada bahagian bilahnya, dan mempunyai lukisan logam. Bertujuan untuk sesebuah keris yang dibuat mempunyai nilai estetika dan artistik yang sempurna.

### METODOLOGI KAJIAN

Bab ini menerangkan metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian untuk menjelaskan perkaitan antara objektif kajian yang dijalankan. Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Terdapat beberapa perkara yang disentuh dalam keadah ini merangkumi kaedah reka bentuk kajian dan kaedah lapangan iaitu menerusi temu bual dan pemerhatian di Lot 2945 Kampung Beris Lampu, Kuala Besut, Besut, Terengganu.

### **Kaedah Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk deskriptif, dalam proses mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan. Pengkaji telah menemu bual seorang pemilik yang menjalankan pembuatan keris di Lot 2945 Kampung Beris Lampu, Kuala Besut, Besut, Terengganu bagi mendapatkan maklumat tentang perbezaan motif rekabentuk dan seni pembuatan keris di Malaysia dan Indonesia. Menerusi kajian ini, penyelidik dapat mengetahui dengan jelas mengenai motif rekabentuk keris, jenis-jenis keris serta penggunaan keris. Seterusnya penyelidik dapat melihat sendiri proses pembuatan keris.

### **Kaedah Lapangan**

Kaedah lapangan merujuk kepada tempat peserta kajian menjalankan aktiviti kajian ataupun tugas mereka untuk tujuan kajian tertentu. Kajian lapangan membawa maksud menurut Asmah Hj Omar (2002:1-2), merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berpandukan objektif kajian. Kajian lapangan ini telah dijalankan menerusi teknik pemerhatian di tempat kajian dan temubual bersama seorang pemilik tempat pembuatan keris di Kampung Beris Lampu, Kuala Besut, Besut, Terengganu.

Pemerhatian dan temu bual ini dijalankan di tempat kajian seperti mana yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji telah menemubual dua orang responden iaitu seorang pemilik tempat pembuatan keris dan tukang pembuat keris serta penyimpan koleksi keris iaitu pada 11 Disember 2021 di Lot 2945 Kampung Beris Lampu, Kuala Besut, Besut, Terengganu, pada pukul 10:00 pagi hingga 12:00 tengah hari. Pemilik tempat pembuatan keris ialah Encik Mohd Rudi Bin Jusoh, berumur 59 tahun.

Selain itu, pengkaji turut menemubual Encik Daud Bin Othman, 75 Tahun yang tinggal di Kampung Mahligai Melor, Kota Bharu. Beliau merupakan seorang pesara guru yang bergiat dalam seni keris Sekak, tahun 1979 pada umur 31 tahun. Bermula 2004, hobi keris tersebut menjadi perniagaan sejak pencen dan mula mengambil tempahan. Pengkaji telah menggunakan alat-alat berteknologi tinggi seperti pita rakaman suara, kamera dan telefon bimbit untuk memastikan audio dan visual berada dalam keadaan yang jelas dan sempurna. Kaedah ini digunakan untuk memudahkan pelaksanaan kajian dan memperolehi maklumat dengan lebih terperinci.

## **PENDEKATAN/ TEORI**

### **Kedudukan Keris Dalam Masyarakat Melayu Dahulu**

Jika dilihat kembali sejarah kepahlawanan masyarakat Melayu, sudah pasti semua rakyat Malaysia pernah mendengar mengenai kisah pertikaman antara Laksamana Hang Tuah dan Laksamana Hang Jebat. Pertarungan di antara dua laksamana yang menggunakan keris ini telah menjadi bukti bahawa keris digunakan dalam dunia kepahlawanan orang Melayu. Oleh yang demikian, keris mempunyai kedudukan istimewa yang tersendiri dalam budaya masyarakat Melayu seperti yang telah direkodkan dalam teks ("Sulatus Salatin, 1996") seperti berikut;

*"... jikalau orang masuk kedalam istana raja, jika tidak kain berpancung, dan berkeris dihadapan dan bersebai, tidak dapat masuk, barang siapa pun baik, dan apabila berkeris di belakang masuk ke dalam, dirampas oleh penunggu pintu."*

Sebilah keris boleh melambangkan sebuah tanda keakraban dengan sahabat, status, pengaruh sosial, dan pada masa yang sama juga melambangkan nilai serta estetika budaya Melayu. Secara umum,

keris dan masyarakat Melayu tradisional sememangnya suatu perkataan yang sinonim di antara satu sama lain. Kedua-dua terma ini dianggap sebagai unsur yang sangat berkait rapat. Sebagai contoh, seorang lelaki melayu yang tidak memakai atau membawa keris pada pakaiannya boleh diumpamakan sebagai beliau tidak berpakaian dengan elok dan sempurna.

Dalam pengaruh kebudayaan masyarakat Melayu juga, keris bukan hanya terhad kepada senjata sahaja tetapi turut mewakili maksud yang lebih mendalam dan ianya memiliki nilai estetika yang tinggi. Keindahan bentuk dan bahan yang dipakai serta proses pembuatannya yang mengambil masa yang lama. Hal lain yang diambil kira juga adalah ketekunan dan kepakaran yang tinggi untuk menjadi kayu ukur kepada keunikan sesebuah keris.

Keris telah dinaik taraf sebagai khazanah kebudayaan nusantara dan juga Melayu. Hal ini dapat dibuktikan apabila ianya menjadi suatu kelaziman untuk memakai keris bagi masyarakat di Riau, Bugis, Jawa dan Bali sebagai pelengkap pakaian. Kesan daripada perkembangan tersebut, budaya keris telah berkembang pengaruhnya ke kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara, terutamanya bagi kawasan yang mempunyai asas kebudayaan Melayu seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Selatan Filipina, Singapura dan Selatan Thailand.

### **Ketandaan Pada Keris**

Antara ciri-ciri yang baik yang perlu ada pada sesebuah keris ialah ketandaan 'simpulan patat siput'. Ia adalah simbolik bagi kalimah "Hu" atau huruf "ha" yang merujuk kepada kepada kalimah "ALLAH". Rahsia ketandaan ini adalah untuk melindungi diri daripada pandangan musuh dan boleh mengelakkan diri dari hasutan dan gangguan jin dan manusia. Ada tercatat dalam sebuah manuskrip lama berkaitan dengan ketandaan ini, sebagaimana berikut:

*"pamor ini pada barang keris pun baik, sangat bertuah dibilang oleh seteru".*

Sebagai rujukan, antara bahan yang paling penting perlu ada pada sebilah keris adalah sejenis campuran besi yang dipanggil 'pamor'. Pamor pada keris terhasil semasa proses pembuatan senjata itu yang mana akan terbentuk daripada perbezaan jenis besi yang digunakan semasa proses pembuatan mata keris.

Ketandaan tapak gajah juga merupakan ciri penting yang perlu ada pada sebilah keris. Ketandaan ini mempunyai rahsia sebagai kekuatan dan keteguhan bagi pertahanan dan melemahkan serangan dari pihak musuh. Ia juga ber hikmat untuk mengunci pergerakan musuh wallahu a'lam. Mengikut catatan dalam manuskrip lama, ketandaan tapak gajah ini ada pada keris laksamana Hang Tuah dan Hang Jebat. Berkaitan ketandaan ini tercatat juga dalam manuskrip tersebut:

*"pamor ini barang keris pun baik jika dibawa berjalan pada malam petang, jika ditaruh di rumah buta mata pencuri wallahua'lam".*

### **Motif Rekabentuk Keris**

Terdapat beberapa kriteria tertentu yang penting dan harus dipenuhi bagi memastikan senjata ini layak dipanggil keris. Artifak yang dapat digolongkan sebagai keris haruslah mempunyai kriteria- kriteria seperti;

1. Harus mempunyai dua bahagian utama, iaitu bahagian bilah atau mata keris dan bahagian ganja yang mewakili simbol yoni. Kriteria pertama ini dikaitkan dengan falsafah Hindu, penyatuan antara lingga dan yoni, yang mana ianya untuk memberi simbol kesuburan, keabadian dan kekuatan.

2. Bahagian keris yang dipanggil ganja ditempa oleh tukang besi sebagai pemisah antara bilah dan puting keris. Kedudukan bilah keris yang condong mewakili sifat terpuji. Dengan ini, bagi pemilik keris, tidak kira apa kedudukan dan pangkatnya perlu sentiasa tunduk dan hormat bukan sahaja kepada Tuhan Yang Maha Esa namun juga kepada sesama manusia. Simbolik ini mewakili padi iaitu semakin berisi, semakin menunduk.
3. Ukuran panjang bilah keris lazimnya adalah antara 33 sentimeter sehingga 38 sentimeter. Namun, bilah keris di luar Jawa boleh mencecah sehingga 58 sentimeter, bahkan panjangnya keris buatan Filipina Selatan ada yang mencapai 64 sentimeter.
4. Keris yang baik harus dibuat dan ditempa dari tiga unsur logam, iaitu campuran besi, baja dan pamor. Namun begitu, terdapat beberapa kriteria lain yang perlu diambil kira pada fizikal keris. Sebagai contoh, sarung keris dan bentuk keris.

### ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian ini memperlihatkan para pengkaji mengolah data-data untuk mencapai objektif kajian iaitu mengetahui perbezaan motif rekabentuk keris di Malaysia dan Indonesia.

#### Motif Rekabentuk Keris di Malaysia

Keris adalah salah satu alat senjata masyarakat Melayu yang menjadi sumber rujukan kepada peradaban bangsa dan agama pada masa kini. Pada dasarnya, nilai sebilah keris bukan terletak pada bilahnya semata-mata, namun hulu dan saronglah mewakili identiti pemakainya kerana bilah tersembunyi di dalam sarong dan tidak mudah untuk dilihat. Hal ini disebabkan oleh pengayaan pada hulu dan sarong keris yang diukir dan dihiasi dengan corak yang halus, olahan motif yang menarik serta bahan yang berkualiti dan mempunyai maksud atau identiti tersendiri. Seni ukiran atau seni hiasan senjata ini dikategorikan sebagai seni ukiran halus di mana memerlukan kemahiran yang tinggi dengan menggunakan peralatan khas.

Kebanyakan keris yang mempunyai nilai yang tinggi hanya mampu dimiliki oleh orang-orang yang mempunyai status, darjat atau kuasa yang tinggi seperti pembesar, bangsawan dan golongan Istana. Seni ukiran atau seni hiasan senjata ini dikategorikan sebagai seni ukiran halus di mana memerlukan kemahiran yang tinggi dengan menggunakan peralatan khas. Corak dan olahan motif tradisional yang disusun dan direka pada sebilah keris itu terutamanya pada hulu dan sarong menyatakan pelbagai maksud tersirat dan tersurat mengenai pemikiran dan peradaban bangsa Melayu. Bentuk motif pada senjata keris bukan sekadar hiasan sahaja tetapi mempunyai makna dan nilai budaya yang tersendiri. Terdapat beberapa jenis rekabentuk motif ukiran yang ada pada keris di Malaysia.

Motif ukiran pada keris biasanya menegenahkan alam semula jadi iaitu flora dan fauna supaya dapat mempengaruhi kesaktian senjata tersebut. Rekabentuk ukiran yang menjadi corak pada keris mempunyai makna-makna tertentu yang memberi kekuatan kepada senjata. Motif yang diukir pada senjata melambangkan perhubungan antara manusia dengan alam semula jadi disebabkan kepentingannya sebagai sumber utiliti hidup. Motif bunga ketumbit melambangkan kesucian. Bunga ini selalu digunakan dalam pelbagai upacara keramaian, adat istiadat dan keagamaan. Bagi mengadaptasi bunga bayam peraksi pula melambangkan keramahan dan sifat meraikan tetamu dalam kalangan masyarakat Melayu. Bunga ini sering digunakan semasa menyambut ketibaan para tetamu. Maksud bagi motif bunga ketam guri mengandungi



nilai dan falsafah tentang keluhuran dan kehalusan budi serta keakraban yang bersebat dengan kedamaian alam. Seterusnya, bagi motif bunga kerak nasi sifat ini menggambarkan penghayatan masyarakat Melayu terhadap sifat baik yang dapat diteladani dalam menjalani kehidupan. Motif rekabentuk bagi awan larat melambangkan sifat melayu yang lemah lembut, bersopan santun serta berbudi bahasa tinggi.

### **Jenis Keris Di Malaysia**

#### **Keris Terengganu**

Keris ini terkenal dengan Hulu Pipit Teleng. Motif yang digunakan dalam keris ini adalah motif Bunga Bayam Peraksi bagi menampakan simbol negeri Terengganu. Berhulukan akar bahar yang dibalut perak. Sampir kemuning berpelok dibalut perak tebuk yang unik ukirannya. Batang serunai sena berbelang harimau halus. Panjang bilahnya 19.5 inci dan panjang keseluruhan 26.5 inci. Ia dikatakan pernah dimiliki oleh seorang pahlawan Terengganu.

#### **Keris Perak**

Keris ini ukirannya bermotifkan jawa demam atau anak ayam teleng dan motif hulunya dibahagian dadanya atas bermotif buah pinangnya ada garisan-garisan motif identiti keris lancang negeri Perak. Sampir Lancang adalah identiti gaya sampir bagi keris negeri Perak Darul Ridzuan. Sinonimnya bilahnya pula adalah dari jenis bilah bugis sama ada sapokal atau pun berlok. Keris sampir lancang negeri Perak ni juga amat sinonim dengan jolokkan gelarannya sampir gaya 'Batman' istilah urban bagi menarik perhatian anak anak muda zaman sekarang bagi mencintai seni keris warisan banga kita.

#### **Keris Kelantan**

Motif Bunga Ketam guri dan Ketumbit yang digunakan pada keris sebagai simbol negeri Kelantan. Keris ini juga terkenal dengan Sampir Tebeng dan Hulu Anak Ayam Sejuk. Kebiasaannya keris jenis ini dibuat khas untuk golongan diraja Kelantan. Keris ini diperbuat khas oleh tukang yang masyhur di Majapahit untuk Sultan yang memerintah Negeri Kelantan. Panjang matanya 24 inci dan diperbuat daripada besi Melela Jarak putih yang bermayan-mayan kuning emas dan merupai di atasnya satu garisan panjang yang merupakan suatu hikmat yang meliputi ketujuh tujuh lok. Dari garisan ganja kebawah adalah berkhasiat puaka dan boleh menawar segala bias racun. Panjangnya dari hulu ke hujungnya adalah 28 inci. Sarongnya diperbuat daripada kayu Kemuning bersalutkan emas dihujung dan dipangkal sapir, dan pada hujungnya diukir dengan sisik naga.

#### **Keris Melayu Pattani**

Dalam gambar rajah di atas terdapat keris Melayu Pattani Keris ini dinamakan Pekaka kerana hulu diperbuat dari tanduk atau kayu yang kemudian dibentuk seperti burung Pekaka. Salah satu ciri khas dari jenis ini adalah mata keris yang lebih panjang dari mata keris pada umumnya. Keris Pekaka boleh memiliki 31 luk di mata kerisnya. Keris ini mula terhasil dikatakan apabila Pandai Saras (juga disebut Pandai Sarah) empu keris Pattani (lihat Hikayat Pattani 1970) yang dari keturunan Jawa (Majapahit) menghasilkan keris bersifat Melayu Pattani yang tidak lagi menggunakan hulu makara (gajah berbadan kuda laut) dengan hulu pekaka (burung raja udang/kingfisher), juga disebut 'coteng' dan 'tanjung'. Keris yang digunakan sebagai regalia kebesaran kesultanan Melayu Pattani. Tetapi kalau dilihat secara teliti, kepala dan hidung pekakak lebih mirip dengan tokoh laksamana di dalam wayang kulit jawa.

### ANALISIS KAJIAN KERIS INDONESIA

#### Bilahan Keris Dhapur Pasopati Tinatah Emas Bunga Melati

Bunga Melati merupakan bunga yang tumbuh di negara-negara hutan tropika seperti Malaysia dan Indonesia. Bunga Melati dipilih sebagai motif pada pada keris kerana jumlahnya yang tumbuh mekar di Indonesia menyebabkan bunga tersebut sering menjadi tumpuan. Menepati pemilihan bunga melati sebagai mewujudkan makna dari segi tersirat dan tersurat serta diaplikasikan bertujuan untuk mewujudkan nilai estetika pada setiap bilah keris mereka. Turut digunakan sebagai motif pelengkap dalam upacara tradisi adat istiadat Indonesia antaranya seperti pelengkap dalam pakaian perkahwinan warga Indonesia bagi kedua-dua mempelai namun lebih diutamakan penggunaan motif pada pelengkap keris yang diselitkan dipinggang pengantin lelaki.

Menurut Dwi Nughoro (2019), kolongan yang digunakan pada keris pengantin lelaki dikaitkan dengan kisah Raden Sutawijaya yang bernazar bahawa setiap daripada anak keturunannya yang dinikahkan mestilah diletakkan untaian bunga melati yang dikolungkan pada bilah keris. Untaian tersebut disifatkan sebagai pengganti untaian usus Arya Penangsang yang dikolungkan pada keris Arya ketika beliau mati pada waktu perang. Ini bertujuan sebagai penghargaan dan kekaguman Raden Sutawijaya akan keberanian Arya yang mati sehingga ususnya terburai.

Keterkaitan antara keris, bunga Melati dan Arya Penangsang ialah, ingin menunjukkan bahawa Arya adalah seorang yang berani dan hebat di mana kegagahannya itu diterjemahkan dalam bentuk visual Keris Dhapur Pasopati yang membawa maksud sebagai Penglihatan Kematian. Oleh itu, keris Dhapur Pasopati menterjemahkan akan kegigihan seorang pahlawan dalam sesebuah peperangan.

Motif bunga Melati diambil berpandukan kepada dua jenis keadaan bunga melati iaitu ketika bunga melati kuncup dan juga ketika bunga melati mekar. Motif bunga ini disaluti dengan tinahan emas bertujuan untuk menghormati semangat perjuangan Arya Penangsang ketika di medan peperangan. Motif bunga disaluti emas ini diselitkan pada Keris Dhapur Pasopati bertujuan menguatkan lagi kelebihan pada keris tersebut.

#### Motif Tenggiling pada keris dengan teknik Tinatah

Tenggiling Jawa merupakan tenggiling unik yang sedang mengalami kepupusan. Tenggiling diserapkan sebagai motif atas dasar keunikannya dari segi postur badan dan sisik yang terdapat pada badan mamalia tersebut. Terdapat tiga jenis keris yang dapat dikaitkan dengan motif Tenggiling iaitu, keris Dhapur Tringgiling Sisik Wojo, Keris Dhapur Tringgiling Lingkaring Urip dan Keris Dhapur Manis Javanica. Setiap keris membawa maksud yang tersendiri yang mana ketiga-tiga maksud tersebut membabitkan simbol berkait rapat dengan jalan kehidupan seseorang. Wujudnya keris ini adalah untuk mewujudkan kesedaran terhadap tenggiling jawa yang semakin pupus ditelan zaman.

Penggunaan haiwan sebagai motif pada permukaan bilah keris, merujuk kepada satu tanggapan yang dianggap memiliki kelebihan berbanding keris lain. Contohnya, motif tenggiling dipercayai berfungsi sebagai pelindung buat pemiliknya daripada sebarang ancaman ataupun dianggap sebagai penolak bala. Hal ini kerana, tenggiling merupakan haiwan mamalia yang bersisik dan fungsi sisik itu sendiri membawa pengertian melindungi haiwan tersebut daripada sebarang ancaman haiwan lain. Selain membawa maksud tersurat, motif tenggiling turut menunjukkan makna yang lebih ekspresif dan simbolik bertujuan menunjukkan keindahan apresiasi disepanjang proses pembuatan tinahan keris hingga hasil akhir.

Menurut Ari Harmawan (2019), motif melibatkan alam dan hidupan dipercayai dapat memberikan satu tanggapan dan satu hubungan dalaman antara objek visual tersebut dengan manusia. Unsur yang diserapkan dalam sesuatu objek visual akan mewujudkan suatu tanggapan dalam pemikiran seseorang



manusia sekaligus melahirkan nilai-nilai tersirat dalam diri. Dalam kata mudah, motif tenggiling yang diserap pada keris akan menyebabkan seseorang manusia merasai satu perasaan luhur melibatkan pandangan tersurat dan tersirat iaitu pandangan estetika dan emosional setelah menerima penghayatan melalui mata hati dan kesedaran masing-masing.

### **Motif Wayang Beber pada Kerangka Keris**

Warangka atau kerangka ialah bahagian yang hampir sama penting dengan keris kerana tanpa warangka, keris tidak sepenuhnya dianggap keris yang lengkap. (Wasi Darmojo,2019). Perkataan warangka hanya dapat digunakan oleh masyarakat Jawa dan beberapa tempat lain di Indonesia, kerana kebiasaan di daerah lain hanya disebut sebagai sarung keris sahaja. Warangka berfungsi sebagai tempat penyimpanan mata bilah keris dan ianya juga penting bagi kehidupan masyarakat Jawa, Indonesia kerana Warangka ini ialah objek yang secara langsung akan dilihat oleh seseorang terlebih dahulu.

Masyarakat Jawa mempercayai bahawa keris merupakan objek turun-temurun yang memiliki kuasa magik dan mempunyai kekuatan mistik yang tersendiri pada setiap bahagian melibatkan keris termasuklah warangka keris itu sendiri. Secara tidak langsung, Warangka keris ini turut mempunyai nilai estetika dan kekuatannya yang tersendiri walaupun hanyalah sarung keris. Ini menyebabkan, wujudnya motif-motif untuk dipamerkan pada warangka keris dan salah satunya ialah motif Wayang Beber.

Motif Wayang Beber ialah sebenarnya merupakan pertunjukan wayang yang pada asalnya menceritakan tentang kisah Raden Panji dan Dewi Sekartaji yang merupakan sepasang kekasih. Namun seiring dengan pergerakan arus, dalam menyesuaikan penceritaan wayang dengan masyarakat sekeliling, wayang beber digubah jalan cerita dengan memamerkan mereka sebagai sepasang suami isteri yang baru berkahwin. Turut terkesan daripada arus kemajuan dunia, Wayang Beber muncul dengan gaya baru dan pelbagai demi menarik perhatian penonton kerana wayang beber klasik sudah semakin kurang diminati oleh masyarakat.

Disebabkan yang demikianlah, motif Wayang Beber digunakan pada Warangka keris bertujuan mengembalikan dan memperkenalkan kepada generasi baru akan zaman-zaman kegemilangan Wayang Beber asli yang pernah terkenal selama lebih 400 tahun pada masa dahulu.

### **PERBEZAAN MOTIF REKABENTUK KERIS DI MALAYSIA DAN INDONESIA**

Pada bahagian ini, akan diterangkan mengenai perbezaan di antara motif rekabentuk keris di Malaysia dan di Indonesia menerusi apa yang kami dapati melalui kajian yang telah kami lakukan ini.

Menurut definisi, ukiran iaitu satu hasil yang terbentuk dari kesan mengukir dengan menggunakan alat-alat tertentu seperti pisau, pahat, atau benda-benda tajam pada sesuatu permukaan lalu menghasilkan satu lukisan atau gambaran sama ada ia berbentuk cengkung, cembung, tenggelam atau timbul. Menurut Kamus Dewan, ukir diertikan sebagai lukisan yang dibuat dengan cara memahat, menggores, menoreh dan lain-lain pada bahagian-bahagian tertentu manakala ukiran pula ialah sesuatu yang telah siap diukir. Sesuatu ukiran itu dibezakan berdasarkan bahan yang digunakan sama ada kayu, logam, kulit, gading, batu dan sebagainya.

Keris Malaysia dan Indonesia mempunyai pelbagai jenis motif rekabentuk yang menarik dan dihasilkan dengan teknik tradisional yang tersendiri. Motif rekabentuk dalam penghasilan corak dihasilkan dengan dua kaedah iaitu teknik lipatan besi dan juga seni ukiran. Seni ukiran adalah sebahagian daripada hasil kraftangan yang wujud seiring dengan rekabentuk seni rupa yang lain. Seni ukiran mula berkembang pada zaman Megalitik atau 'Zaman Kebudayaan Batu Hidup'. Pada masa itu masyarakat telah mengukir pada

batu hidup yang dijadikan tugu dan mempunyai nilai spiritual. Motif rekabentuk biasanya dititik beratkan dalam penghasilan hulu dan sarung keris.

Pada zaman Hindu kebanyakan hulu keris berbentuk dewa-dewi Hindu. Namun semenjak kemasukan Islam ciri-ciri rekabentuknya mula mengalami sedikit perubahan. Dalam penghasilan seni ukiran keris yang berlainan Islam ia haruslah berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Bagi motif bernyawa diharuskan dalam keadaan abstrak, tidak cukup sifat, tidak meruntun nafsu dan menepati syarat. Selain itu, keris yang dihasilkan itu tidak boleh dimuliakan dan disembah. Kehadiran Islam telah memperkenalkan kaligrafi, Arabes, geometri, kosmos dan flora dalam penghasilan seni ukiran.

Seni ukiran keris mempunyai fungsinya yang tersendiri. Dari segi corak, pemilihan corak atau rekabentuk yang sesuai digandingkan bersama dengan fungsinya. Misalnya bentuk kepala ayam pada hulu keris yang dikenali sebagai 'ayam patah tengkuknya' atau kepala burung yang dikenali sebagai 'hulu pekaka' dianggap indah dan tepat kerana kesesuaian dengan fungsinya. Sarung hulu keris seharusnya mempunyai bentuk yang sesuai dengan penahan genggam semasa digunakan. Lazimnya, hulu keris diperbuat daripada kayu tetapi ada juga yang dibuat dengan menggunakan gading, gigi gajah, sumbu badak dan tanduk. Antara yang terkenal di Malaysia adalah Keris Perak, Pucuk Rebung.

Motif pucuk rebung mempunyai makna yang estetik dan simbolik dalam masyarakat Melayu, imej gunung pula sering dikaitkan dengan motif pucuk rebung. Motif ini dapat dilihat dalam rekabentuk ukiran keris bagi membezakan status pemilik melalui jumlah lipatan atau arah pucuk tersebut. Bentuk pucuk rebung atau tiga segi dalam ikatan kepala melambangkan simbol kuasa atau anugerah daripada raja. Motif pucuk rebung yang digunakan pada ukiran keris melambangkan harapan baik kerana ia merupakan pohon yang teguh dan tidak mudah patah ketika angin kencang. Ini bermaksud si pemilik perlulah ada sikap beruntung dan kuat dalam menjalani kehidupan.

Selain itu, terdapat 5 jenis keris yang terkenal di Indonesia. Antara keris tersebut ialah Keris Mpu Gandring, Keris Naga Sasra dan Sabuk Inten, Keris Kyai Setan Kober, Keris Condong Campur dan Keris Taming Sari. Setiap keris ini mempunyai nilai dan rekabentuk yang tersendiri sesuai dengan nama yang diberikan. Contohnya, untuk Keris Naga Sasra dan Sabuk Inten mempunyai campuran emas dalam penghasilan keris. Bentuk lengkungan dan hulu keris juga berbeza daripada rekabentuk yang terdapat di Malaysia.

### **PENUTUP**

Penulisan tentang perbezaan motif rekabentuk dan seni pembuatan keris di Malaysia dan Indonesia ini adalah untuk memahami tentang ilmu perkerisan dan juga untuk memartabatkan lagi keris dalam kalangan masyarakat Melayu. Secara keseluruhannya, ukiran-ukiran, motif, rupa dan juga bentuk sesebuah keris merupakan bukti ketekunan serta kehalusan bangsa Melayu dan Indonesia dalam menghasilkan sesebuah seni. Pelbagai motif floral dan bentuk yang telah diabstrakkan menambahkan lagi nilai dan maksud tersendiri dalam setiap pembuatan keris. Tambahan lagi, pembuatan keris tidak kira dari Malaysia atau Indonesia mempunyai keistimewaannya masing-masing. Oleh itu, sejarah keris haruslah dijaga dan dipelihara supaya ianya tidak hilang dan boleh dihayati oleh generasi baru dalam era permodenan ini.

### RUJUKAN

- Moebirman. (1973): *Keris and Other Weapons of Indonesia*. Yayasan pelita Wisata, Jakarta.
- Hamzuri. (1983). *Petunjuk Singkat Tentang Keris*. Jakarta: Museum Nasional, Departmen Pendidikan & Kebudayaan Indonesia.
- Harsrinukksmo, B. (1988): *Ensiklopedia Budaya Nasional: Keris dan Senjata Tradisional Indonesia Lainnya*. Jakarta:Cipta Adi Pustaka.
- Lua, M. R. (1990): *Komposisi dan Konsep Pembentukan Hulu Keris*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bashah, A. H. (1994) *Raja Campa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar (Patani, Kelantan & Terengganu)*. Kota Bharu: Percetakan dan Alatulis Jurnamin, Kelantan.
- Azhari, C. H., Manan, R. A., Kosman, K. A., & Hassan, A. Z. (2011). *Artifak Sains dan Teknologi Alam Melayu*. Sri Kembangan: Saahifah Global Resources.
- Shahrum Yub. (2006). *Mata Keris & Bentuknya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyudin Al-Mudra. (2009). *Melacak Asal-Usul Keris dan Peranannya dalam Sejarah Nusantara. Melacak Asal-Usul Keris Dan Perannya Dalam Sejarah Nusantara*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Shuhairimi Abdullah. (2007). *Manifestasi Keris Dalam Masyarakat Melayu Antara Kebudayaan dan Agama*. Arau: Universiti Malaysia Perlis
- Ismail Ibrahim (2007). *Warisan motif dan Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Email Bahari. (2009). *Semangat Keris Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Fawazul Khair Ibrahim.(2012). *Tipologi hulu keris tradisional*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Farit Azamuddin bin Musa Humin Jusilin: (2019). *Ikonografi Motif Pada Senjata Tradisional Gayang Etnik Bajau Sama Di KOTA BELUD*. Jurnal Kinabalu: Jurnal Kinabalu Vol. 24/2018, 179-186.

## UNSUR ESTETIKA BAHASA YANG TERDAPAT DALAM NOVEL *MAGIS* KARYA RAMLEE AWANG MURSHID

Mumtaz Farhani binti Mohamad, Nooraizzati binti Ahmad Puat, Nurul Shazana binti Marajah, Anis Nazurah binti Md Karim, Wan Nur Akmal binti Wan Ismail & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[mumtaz.c19a0357@siswa.umk.edu.my](mailto:mumtaz.c19a0357@siswa.umk.edu.my), [nazurah.c19a0043@siswa.umk.edu.my](mailto:nazurah.c19a0043@siswa.umk.edu.my),  
[akmalti.c19a0839@siswa.umk.edu.my](mailto:akmalti.c19a0839@siswa.umk.edu.my), [aizzati.c19a0390@siswa.umk.edu.my](mailto:aizzati.c19a0390@siswa.umk.edu.my),  
[shazana.c19a0685@siswa.umk.edu.my](mailto:shazana.c19a0685@siswa.umk.edu.my) & [nuranis.m@umk.edu.my](mailto:nuranis.m@umk.edu.my).

**Abstrak:** Novel *Magis* ini mengisahkan tentang fenomena halo yang telah mengheret lima manusia yang berlainan tempat dan berbeza tahun ke dunia magis. Sebuah dunia di hujung waktu ketika tamadun serta peradaban manusia mula terhakis. Kajian ini berpaksikan kepada dua objektif, iaitu mengenal pasti dan menganalisis unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Seterusnya, unsur estetika bahasa yang terkandung dalam novel *Magis* ini akan diaplikasikan dengan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu daripada Muhammad Haji Salleh. Pengaplikasian teori puitika sastera dilakukan dalam kajian ini adalah untuk memantapkan lagi hujah analisis kajian. Kajian yang dilakukan ini dapat memberi kesedaran yang tinggi kepada pembaca lebih-lebih lagi kami para pengkaji bahawa pentingnya unsur estetika bahasa ini. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks bagi memastikan data yang diperolehi adalah tepat dan sistematik. Kajian ini akan memberi penghayatan yang lebih mendalam kepada para pengkaji tentang bahasa-bahasa yang puitis terdapat di dalam novel magis ini. Hasil kajian ini membuktikan bahawa unsur estetika bahasa mampu memainkan emosi khalayak dan sekaligus dapat mendidik khalayak ke arah lebih baik dan bertamadun.

**Kata Kunci:** Unsur estetika bahasa dalam novel magis karya Ramlee Awang Murshid.

### PENGENALAN

*Magis* merupakan karya Ramlee Awang Murshid yang telah diterbitkan pada tahun 2013, yang telah menggabungkan fiksyen dan fantasi yang seiring dengan realiti. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, fiksyen adalah karya sastera yang dicipta daripada imaginasi seperti novel dan cerita pendek. Manakala menurut Kamus Melayu, fantasi adalah imaginasi yang tidak dibatasi oleh kenyataan, angan-angan, khayalan untuk mencipta cerita yang baik dan diperlukan. Ciptaan imaginasi yang tidak terbatas, sama ada dinyatakan atau dibayangkan semata-mata.

Fenomena *halo* telah mengheret lima manusia yang berlainan tempat dan berbeza tahun ke sebuah dunia magis. Sebuah dunia hujung waktu ketika tamadun serta peradaban manusia mulai terhakis, mereka yang terpilih adalah Saifudin (Laksamana Sunan), Ejim (Tombiruo), Mikhail, Ryu-Watanabe dan Carlos malah semua watak ini terheret ke satu relung dimensi ketika berlakunya fenomena berkenaan. Watak-watak tersebut sebenarnya terdapat pada novel

Ramlee Awang Murshid sebelum ini. Mereka berlima merentas masa ke dunia “*hujung waktu*” dan melalui pengalaman yang cukup berbeza, iaitu Saifudin dan Ejim terjebak di Buyuk Rimsiz, Mikhail dan Ryu-Watabe di Buyuk Docia manakala Carlos pula Buyuk Bulsinatur. Di dalam dunia “*hujung waktu*”, Saifudin dan Mikhail sering diintai dan diperhatikan oleh seorang perempuan yang menggunakan tongkat dan wajah yang mengerikan. Perempuan ini adalah gambaran dunia itu sendiri, dunia yang manusia sanggup berbunuh antara satu sama lain, sanggup memutuskan hubungan, berhasad dengki, saling marah-memarahi dan tipu-menipu.

Menurut penulis, novel *Magis* banyak mencabar pemikirannya dan banyak fakta dan buku ilmiah yang berkaitan perlu dibaca. Hal ini kerana, fiksyen dan fantasi harus selari dengan realiti dan menurut beliau juga, terdapat simbolik dan sindiran, dan tidak terlalu sukar untuk mentafsirkannya. Di dalam novel *Tombiruo*, penulis mengungkap bahawa watak Tombiruo bukanlah sekadar hantu semata-mata ia adalah hero, untuk senang difahami watak Tombiruo adalah semangat dan roh yang tidak berbentuk tetapi bersifat. Sifatnya yang menakutkan dan muncul dalam pelbagai gambaran. Tetapi pada novel *Magis* ini Ramlee Awang Murshid telah membuat satu kelainan pada bentuk fizikal Tombiruo (Ejim), iaitu kini berwajah manusia dan tampan telah jatuh cinta pada seorang perempuan Tur-Kus yang rupawan bernama Juvia. Malah fiksyen yang jelas dilihat pada karya ini adalah, mereka berlima telah terheret dalam satu dimensi yang lain tetapi di dalam novel Ramlee Awang Murshid yang lain seperti *Tombiruo*, *Siri Laksamana Sunan* dan lain-lain telah ditetapkan peristiwa, latar masa, dan juga latar tempat. Fiksyen yang seterusnya dapat diperhatikan adalah pada watak Mikhail boleh bergaul hidup dalam gerombolan dubuk yang pandai berkata-kata, ini terbukti bahawa ia adalah satu fiksyen imaginasi daripada pengkarya. Satu kelainan yang dibawa oleh Ramlee Awang Murshid tidak pernah menjejaskan kualiti novel terbitannya, malah ia akan sentiasa ditunggu-tunggu oleh peminatnya. Elemen keagamaan, kekeluargaan, percintaan dan persahabatan tidak akan lari dari penulisan Ramlee Awang Murshid malah elemen tersebut sudah pasti ada pada novel *Magis*.

### TINJAUAN LITERATUR

Estetika bahasa merupakan keunikan dalam penggunaan gaya bahasa di dalam penulisan teks novel untuk memberi kesan keindahan dan dramatik dalam menjiwai perwatakan di dalam sesebuah karya novel fiksyen. Menurut Md Zain dan Nik Muhamad Affendi (2019) di dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Estetika Bahasa dalam Novel-Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari Tahun 2021 Sehingga 2017* menyatakan bahawa unsur estetika di dalam karya wujud dalam bentuk gaya bahasa di dalam konteks sastera sebagai memurnikan penulisan teks karya novel. Kajian ini juga mendapati bahawa gaya bahasa yang terkandung di dalam penulisan ayat novel mempunyai beberapa nilai estetika iaitu penggunaan peribahasa Melayu sebagai medium berkomunikasi untuk menyampaikan suatu bentuk maklumat serta metafora, personifikasi, simile dan gaya bahasa pengulangan menjadi sandaran untuk mencapai rasa estetika.

Kajian yang seterusnya tertumpu kepada kajian yang dilaksanakan oleh Husna (2020) yang bertajuk *Keberanian dan Proses Kreatif dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel*

*Empangan Tunggal* yang menyatakan mengenai bakat keberanian dalam diri pengarang mempengaruhi penghasilan karya. Kesan keindahan dapat dirasai berdasarkan dua elemen penting iaitu keberanian dan proses kreatif. Keupayaan pengarang dalam penggunaan bahasa mendorong kepada keindahan dapat diamati diikuti pengalaman estetik yang lahir ke atas diri pembaca. Nilai estetika di sini bukan sahaja diukur dari gaya bahasa dalam kritikan yang dilontarkan, tetapi kepakaran pengkarya dalam memurnikan penulisan kreatifnya.

Berdasarkan kajian daripada Hazwany et al., (2019) menerusi kajiannya iaitu *Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia dari Aspek Teori Estetika Bersepadu* menjelaskan cabang suatu keindahan dilihat dari aspek estetika dalamannya dalam erti kata lain melibatkan pemikiran yang merujuk kepada idea asal beserta tema keseluruhan dan mesej tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada khalayak umum. Kepakaran dan kreativiti pemikiran pengarang yang diukur oleh Teori Estetika Bersepadu (2009) dalam menyentuh aspek keindahan dalaman dan luaran. Keindahan di sebalik gaya bahasa dapat dirasai dengan penerapan beberapa unsur alam yang dikaitkan dengan tema dan persoalan berteraskan kepada nilai kemanusiaan. Penggunaan tema dan persoalan yang bersifat positif serta penerapan nilai moral berasaskan kepada unsur keagamaan menggambarkan karya novel yang menepati ciri estetika bersepadu.

Selain itu, menurut Sugiarti (2014) di dalam artikelnya iaitu *Estetika pada Novel Geni Jora Karya Abidah El Khalieqy* menerangkan keindahan yang digarap ke dalam teks terkandung pada kekuatan dari segi bahasa yang digunakan sebagai seni dalam mengungkapkan sesebuah perkara yang mengandungi dua makna di sebaliknya. Penggunaan elemen ayat yang romantik lebih mewarnai plot novel dalam memberi nilai tambah kepada emosi pembaca.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Zaitul dan Ahmad (2011) yang *mengkaji Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu* menjelaskan estetika bahasa dilihat dengan jelas apabila wujudnya penggunaan unsur flora yang menjadi simbolik kepada falsafah pemikiran Melayu dalam penciptaan bahasa dalam membentuk struktur ayat serta menyempurnakan sesebuah mesej di dalam peribahasa. Keindahan bahasa disampaikan dengan mengambil kira sumber alam yang dikaitkan dengan makna di sebaliknya.

Seterusnya, menurut Kaithiri dan Rohaya (2019) di dalam artikel yang bertajuk *Buku Kanak-Kanak: Analisis Unsur Estetika* berkaitan dengan penulisan kreatif dalam menterjemahkan estetika berbentuk imaginatif ke dalam teks kesusasteraan kanak-kanak mampu memberangsang kemampuan berfikir secara kritis serta menarik perhatian golongan kanak-kanak. Nilai keindahan banyak ditemui di dalam cerita berkonsepkan fantasi, cerita rakyat, cerita jenaka, novel fiksyen sejarah dan beberapa teks yang menekankan estetika dengan penggunaan bahasa figuratif.

### OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif kajian yang akan dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini yang bertujuan untuk memberikan hasil kajian yang jelas dan menepati isi kajian. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:



1. Menganalisis unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu (Muhammad Haji Salleh).
2. Mengenal pasti kesan penggunaan unsur estetika yang terdapat dalam novel *Magis* Karya Ramlee Awang Murshid kepada pembaca.
3. Mengenal pasti nilai moral dalam unsur estetika dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Masalah berbahasa dan realiti kehidupan telah lama menjadi perhatian dalam lingkungan kajian ilmiah kerana bahasa menjadi alat komunikasi utama manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup dan berinteraksi antara satu sama lain dalam masyarakat (Mulatsih, 2014). Umum diketahui juga, masalah berbahasa pada masa kini sering menjadi topik perbualan yang hangat di kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan kerana, masyarakat hari ini sangat kurang pendedahan dan akhlak dalam berbahasa. Lantaran itu, sistem komunikasi berbahasa ini sangat penting dalam kehidupan masyarakat dan keadaan ini juga menjadi perhatian banyak pihak. Banyak perbincangan telah diadakan berkaitan dengan unsur bahasa sama ada melibatkan unsur estetika bahasa dan sebagainya. Salah satu yang sering dikesan dan mendapat perhatian yang hangat di kalangan masyarakat khususnya golongan penyelidik pada masa kini ialah isu yang berkaitan dengan unsur estetika bahasa. Namun begitu, terdapat juga segelintir masyarakat yang kurang sedar tentang pentingnya estetika bahasa ini untuk digunakan dalam pengucapan seharian mahupun dalam kajian ilmiah. Mohd Affendi Hassan (1992) menyatakan bahawa keindahan iaitu estetika dalam sastera memberi maksud kebenaran serta membawa masyarakat untuk membina sebuah kehidupan yang lebih berakhlak dan beradab. Walaupun beliau menggunakan istilah estetika, namun kefahaman beliau merujuk kepada konsep estetik sebenar yang diperkenalkan oleh barat. Beliau juga turut menyatakan, bahawa estetika dalam Kesusasteraan Melayu melambangkan kepada keindahan yang sebenar. Oleh hal yang demikian, jelas dapat kita lihat bahawa kajian yang berkaitan dengan unsur estetika bahasa ini merupakan sebuah kajian ilmiah yang positif kerana unsur estetika bahasa ini boleh membentuk peradaban manusia untuk menuju ke jalan yang lebih sempurna. Perkara ini jelas dapat dikesan sekiranya baik bahasa yang digunakan oleh seseorang itu maka kehidupannya juga akan menjadi baik.

Zakiah Kamiliyah melalui artikelnya *Unsur Estetis Gaya Bahasa Dalam Novel Cantik Itu Luka Karya Eka Kurniawan*, ada menerangkan pendapat penyelidikan Ratna (2017) bahawa keindahan adalah elemen penting yang digunapakai dalam karya sastera. Pengarang yang bijak adalah pengarang yang teliti dengan karyanya, sehingga setiap masalah yang wujud dalam kalangan masyarakat dapat diselesaikan dengan baik. Namun, harus diberi perhatian kerana pengarang yang bijak adalah pengarang yang peka dengan penggunaan bahasa. Umum diketahui bahawa elemen utama dalam sastera adalah bahasa. Oleh itu, seperti yang telah dijelaskan di atas medium utama karya sastera boleh dilihat dengan jelas terutama dari segi bahasa baik lisan mahupun tulisan. Keseriusan tentang unsur estetika bahasa ini telah mendorong kami para pengkaji untuk melakukan penyelidikan dan penguasaan yang lebih mendalam melalui bahan bacaan novel yang bertajuk *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Kajian ini juga sepenuhnya berfokuskan untuk menilai unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel tersebut. Hal ini kerana, pengarang dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid ini banyak menekankan tentang penggunaan bahasa. Oleh hal yang demikian, kajian



yang dilakukan ini adalah satu alternatif untuk menyelesaikan penggunaan estetika bahasa ini dan secara tidak langsung juga boleh memberi manfaat kepada para pengkaji serta masyarakat di sekeliling.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi adalah kerangka kajian yang meliputi kaedah kajian dalam mencorakkan dapatan analisis. Ia merupakan kerangka dalam memastikan kajian berada pada landasan yang benar. Bahagian ini adalah sangat kritikal dalam menentukan ketelusan juga ketepatan data analisis untuk dijadikan sebagai rujukan dalam kelangsungan kajian dan kegunaan pengkaji di masa hadapan.

Pengkaji juga memfokuskan kepada aspek nilai keindahan bahasa dan cereka dari segi peristiwa yang terkandung dalam penceritaan novel yang berjudul *Magis* serta memahami setiap perincian perspektif mesej serta pandangan pengarang. Kajian ini menggunakan pendekatan dari segi teknik kualitatif serta mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Kaedah ini diterapkan kerana setiap perkara dalam kajian ini perlu merungkai pelbagai maklumat mengenai segala peristiwa cereka dan unsur estetika gaya bahasa yang ditulis di dalamnya. Secara analoginya, kajian yang dihasilkan oleh pengkaji berpandukan kepada rujukan teks novel serta melayari internet berkenaan artikel yang berkaitan dengan tajuk dan skop kajian. Hal ini demikian kerana, karya sastera fiksiyen adalah suatu objek kompleks yang mengalami proses penciptaan berdasarkan ilham pengarangnya.

Pengkaji melaksanakan kajian ini melalui dua alternatif iaitu dengan kaedah rujukan teks dan melayari internet:

### **Kaedah Analisis Teks**

Novel yang mengandungi lima peristiwa ini akan dikupas berkaitan dengan aspek cereka dan gaya bahasa. Pembacaan ini adalah teknik yang ideal sebagai medium utama bagi pengkaji memperoleh maklumat dengan lebih efektif mengenai nilai estetika bahasa dan cereka yang diterapkan di dalam peristiwa yang terkandung di dalam novel fiksiyen ini. Lazimnya, segelintir sumber novel *Magis* yang dimuat naik di dalam laman sesawang telah ditokok tambah dan tiada konsistensi. Oleh itu, pengkaji dapat memahami dengan lebih baik serta menghayati setiap tema dan plot penceritaan di dalam teks novel.

### **Kaedah Melayari Internet**

Pendekatan melayari internet digunakan untuk mendapatkan data-data yang berasaskan kepada elemen cereka dan nilai keindahan bahasa sastera. Peringkat ini digunakan untuk mencari beberapa sumber daripada kajian terdahulu yang telah diterbitkan. Pengkaji meneliti kajian terdahulu yang dilakukan oleh ahli penyelidik iaitu artikel dan jurnal yang bersandarkan skop kajian novel untuk digunakan sebagai sumber rujukan. Data sekunder dalam kajian ini diperolehi daripada maklumat yang sahih. Jasmi (2012) mendapati bahawa pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Tatacara penyelidikan dititikberatkan oleh pengkaji berperanan untuk memastikan prosedur dan

etika sesuatu kajian dalam prestasi yang cemerlang. Setiap kandungan maklumat di kumpul, dikaji, malah ia disemak semula oleh pengkaji supaya bertepatan dengan kerangka objektif serta skop kajian ini.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini dibataskan kepada sebuah novel cereka fiksi daripada hasil buah pemikiran kepengarangan Ramlee Awang Murshid yang berjudul *Magis*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini sebagai teknik dalam mengupas dan menganalisis bahan kajian secara lebih terperinci untuk memperoleh hasil dapatan yang relevan. Selain itu, Teori Puitika Sastera Melayu yang dibangunkan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 2000 menjadi sandaran dalam menilai cabang gaya bahasa yang terkandung di dalam estetika bahasa di dalam teks penulisan. Di samping itu, kajian ini juga dibataskan kepada unsur estetika bahasa dan hubung kaitnya dengan Teori Puitika Sastera Melayu. Pengkaji juga turut ingin mengenal pasti nilai estetika yang wujud di dalam novel *Magis* ini.

### **Teori Puitika Sastera Melayu Muhammad Haji Salleh (2000)**

Salah satu pendekatan telah digunakan untuk melakukan kajian ini adalah dengan mengaplikasikan teori puitika. Ia merupakan salah satu teori yang dikemukakan oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh pada tahun 2000. Beliau berpendapat bahawa kita tidak akan mungkin dapat memahami sastera sesuatu bangsa tanpa mengetahui tentang puitika sasteranya. Teori ini menekankan tentang hubungan antara pengarang dengan karya teks yang dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia menghuraikan tentang definisi dan istilah sastera, fungsi sesebuah sastera, penggunaan kata-kata yang indah-indah dan pembahagian genre sastera. Teori ini juga banyak menyentuh aspek genre, teks, bahasa, estetika, pengarang dan khalayak sastera.

Selain itu, metodologi kajian terhadap teori tersebut berbentuk analisis secara kualitatif tentang sebarang kemungkinan praktis melalui segi kestabilan teori puitika sastera Melayu untuk berkembang di peringkat antarabangsa. Teori ini juga melihat teks sendiri sebagai objek ilmu. Karya yang dapat dilihat melalui teori ini sebagai objek dasar dan unik yang dapat diberi pelbagai interpretasi. Seterusnya, wacana sastera juga perlu difahami secara sistematik kerana ia berfungsi sebagai sebuah ucapan pengkarya dan ia lebih dikenali dengan nama sains kesusasteraan. Di samping itu, teori puitika sastera melayu ini meletakkan bahawa keaslian itu penting dengan merujuk “Cerita oleh orang yang empunya cerita” dan “Hikayat dahulu zaman”. Melalui konteks tradisi, mitos, legenda dan hikayat itu adalah sejarah.

Seterusnya, teori ini dipilih untuk mengupas novel *Magis* ini kerana pengkaji menggunakan pendekatan dengan mengkaji unsur estetika bahasa. Hal ini dibuktikan melalui unsur estetika bahasa ini dikaji menggunakan aspek keindahan bahasa sastera melalui teks novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid ini. Perkara ini sangat bertepatan dengan teori puitika yang hendak digunakan. Apa yang boleh dikaji menggunakan teori tersebut di dalam novel *Magis* ini iaitu metafora, kiasan, pepatah dan penggunaan bahasa sastera.

### Unsur Estetika Bahasa di dalam Novel *Magis* Menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu

Rosnani et.al (2019) menyatakan bahawa estetika itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu seni dan keindahan. Kedua-dua ini sangat berkait antara satu sama lain kerana tidak boleh dipisahkan. Hal ini demikian kerana seni memerlukan keindahan, manakala keindahan memerlukan seni seperti unsur keindahan bahasa yang wujud dalam karya sastera dari segi penggunaannya. Selain itu, estetika merupakan istilah yang diambil dari perkataan Yunani. Estetika atau '*aesthesis*' bermaksud perasaan yang berkaitan keindahan. Ia juga merupakan falsafah ilmu yang membincangkan seni dan keindahan. Sesebuah karya sastera menitikberatkan bahasa sebagai medium yang penting dalam setiap karya tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam penggunaan elemen-elemen bahasa yang indah dengan gaya pengolahan yang menarik dalam mewujudkan sebuah karya yang berkualiti tinggi.

Justeru itu, setiap penggunaan bahasa sangat penting dalam setiap penulisan karya sastera supaya karya tersebut bermutu tinggi dari segi penggunaan bahasa yang digunakan. Manakala, menurut Muhammad Haji Salleh (2006), menyatakan bahawa pengarang Melayu sering memasukkan ungkapan-ungkapan yang indah dan tajam yang mempunyai maksud yang tersirat. Selain itu, pemilihan dan penyusunan kata juga turut penting dalam penulisan sesebuah karya sastera setiap pengarang Melayu untuk memastikan karya tersebut istimewa dari segi kepengarangannya. Hal ini dapat dilihat dalam salah satu karya beliau iaitu Teori Puitika Sastera Melayu yang membincangkan mengenai aspek-aspek estetika seperti dari segi istilah, takrif, fungsi, genre sastera, unsur estetika, pengkarya, estetika bahasa dan terhadap khalayak. Namun kajian ini hanya memfokuskan penggunaan satu aspek sahaja iaitu estetika bahasa atau bahasa yang indah-indah untuk meneliti unsur estetika bahasa.

Mana Sikana (2012), menyatakan bahawa seorang pengkarya atau penulis sangat memainkan peranan penting dalam penulisan mereka untuk mengangkat sesebuah karya tersebut ke peringkat lebih tinggi. Hal ini dapat dilihat apabila penulis mengetengahkan beberapa cara untuk menjadikan karya mereka bernilai di mata semua orang. Antaranya ialah penggunaan, penyusunan, pembinaan perkataan dan cara menghurai dengan lebih mudah difahami dan tepat. Contohnya, penggunaan unsur bahasa yang indah di samping mampu memberikan makna dan huraian yang bermakna seperti penggunaan unsur bahasa metafora yang mampu memberikan makna dan hujah yang bernas. Dapat dilihat bahawa setiap tokoh sastera membincangkan mengenai unsur estetika bahasa dan kepentingannya dalam dunia sastera. Oleh itu, kajian di buat terhadap karya Ramlee Awang Murshid yang berjudul *Magis* untuk melihat penggunaan unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel tersebut menggunakan teori berkenaan seperti unsur personifikasi, hiperbola, simile, dan metafora merupakan unsur estetika bahasa yang terdapat dalam sastera.

### Unsur Personifikasi

Melalui penceritaan yang terdapat dalam novel *Magis* ini terdapat unsur estetika bahasa yang dapat kita lihat. Antaranya terdapat bahasa yang memperlihatkan sifat manusia terhadap sesuatu objek atau benda, situasi dan persekitaran iaitu unsur personifikasi. Unsur ini merupakan apabila seorang penulis memberi sifat manusia kepada objek lain seperti unsur

alam sekitar seperti daun, pokok, binatang dan bukit dan sebagainya yang memberi objek tersebut mempunyai perasaan dan perwatakan seperti manusia. Ini akan menjadikan hasil karya kelihatan lebih abstrak. Contohnya, unsur estetika bahasa dapat dilihat dalam novel Magis ini iaitu unsur personifikasi.

Petikan 1:

“...Kelihatan butir-butir tanah menuju laju menerpa pasukannya...”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 433)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dipastikan bahawa unsur bahasa tersebut merupakan salah satu estetika dari segi bahasa yang memberikan sifat manusia ke objek lain dalam sesebuah karya sastera seperti yang terdapat dalam novel ini. Contohnya, pengarang atau penulis menggunakan perkataan ‘*menuju*’ sebagai kata kerja. Manakala ‘*tanah*’ sebagai unsur personifikasi yang melambangkan sifat manusia. Hal ini demikian tanah merupakan kata nama bagi objek yang tidak hidup, namun pengarang meletakkan unsur ini untuk memperlihatkan lagi keindahan bahasa yang terdapat dalam novel ini.

### Unsur Hiperbola

Novel Magis karya Ramlee Awang Murshid memperlihatkan banyak unsur estetika bahasa khususnya penggunaan unsur hiperbola. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat unsur estetika bahasa. Sesuatu yang dibuat berlebihan merupakan salah satu teknik pengarang dalam menarik minat pembaca untuk terus membaca karya tersebut. Contohnya pengarang mengarang sesuatu cerita secara berlebihan yang tidak masuk akal. Ini merupakan unsur hiperbola yang merupakan salah satu estetika bahasa yang ada dalam dunia sastera. Fungsi utama hiperbola adalah untuk memperlihatkan keistimewaan dalam cerita suatu cerita atau hasil karya. Ke dua, untuk meninggalkan kesan terhadap pembaca atau khalayak dari segi penghayatan cerita tersebut.

Petikan 2:

“...Perempuan tua terbongkok-bongkok itu pun ghaib berubah menjadi bayang.  
Saifudin melihat hujung kedua-dua kakinya berdiri...”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 465)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa keindahan bahasa atau unsur estetika yang dihasilkan oleh pengarang adalah untuk mengindahkan lagi cerita dalam novel Magis menggunakan unsur hiperbola. Penggunaan ayat dalam novel tersebut seperti ‘*ghabi berubah menjadi bayang*’ merupakan unsur bahasa yang berlebih-lebih iaitu hiperbola. Penggunaan ayat yang tidak masuk akal atau lebih dikenali dengan istilah tidak logik ini memperlihatkan lagi keindahan bahasa dalam novel Magis. Dari sini kita dapat menilai sejauh mana kepentingan keindahan bahasa itu penting dalam sesebuah karya sastera bagi melambangkan keindahan sastera itu sendiri.

### Unsur Simile

Menurut Keris Mas (1988), unsur bahasa ini ialah perbandingan antara dua aspek. Aspek pertama ialah dari segi menyatakan makna dengan membuat perbandingan. Aspek kedua pula, dari segi memberikan perumpamaan yang sama dalam setiap perbandingan. Kiasan yang membanding dua aspek yang berbeza tetapi mempunyai persamaan seperti menggunakan perbandingan dalam karya. Contohnya, bak, umpama, seperti, bagai dan banyak lagi yang digunakan untuk mengindahkan karya. Unsur simile ini mempunyai kaitan yang kuat dengan setiap estetika bahasa yang terdapat dalam kebanyakan novel tidak ketinggalan begitu juga dengan novel Magis. Novel ini mempunyai tema yang berhubung kait dengan unsur bahasa tersebut. Hal ini dapat dilihat pada petikan di bawah yang memperlihatkan penggunaan unsur simile yang terdapat dalam novel ini.

Petikan 3:

“...Butiran-butiran tanah itu bertindak seperti peluru yang bertebaran. Melukakan sekaligus membunuh...”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 433)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa estetika bahasa iaitu unsur simile yang digunakan oleh pengarang bagi memperindahkan lagi cerita dalam novel berkenaan. Unsur simile yang diutarakan dalam novel ini sungguh kreatif dan indah. Dalam novel ini penulis atau pengarang menggambarkan persekitaran yang menarik. Pengarang ini memperhatikan keindahan bahasa seperti dalam petikan di atas. Unsur simile merujuk kepada penggunaan ayat '*tanah itu bertindak seperti peluru bertebaran*' sebagai sesuatu perbandingan untuk menunjukkan keindahan dalam sesebuah karya kerana terdapat kata bandingan iaitu '*seperti*' dalam ayat tersebut. Penggunaan unsur ini di dalam novel mampu memperlihatkan novel menjadi indah dan menarik. Di samping itu, pemilihan bahasa yang menarik dapat menyerikan lagi novel. Hal ini demikian kerana bahasa mempunyai keunikan yang luar biasa.

### Unsur Metafora

Muhammad Haji Salleh (1989) menyatakan bahawa metafora merupakan salah satu unsur bahasa yang digunakan sejak dari dulu lagi. Beliau turut membincangkan inti pati penting dalam unsur tersebut yang terdiri daripada kiasan. Perbincangan makna adalah dengan cara yang berbeza. Dengan kaedah tersebut pengarang atau penulis mampu memberikan penyampaian makna dengan lebih efektif. Selain itu, unsur estetika ini merupakan unsur bahasa yang mempunyai nilai yang tinggi dalam nilai bahasa kerana merupakan teknik bahasa yang penting dalam sastera. Contohnya, melalui pemindahan makna yang berlaku akibat perbandingan persamaan antara dua perkara.

Petikan 4:

“...Aku membawakan bukit roti dan daging! Aku boleh memerintahkan sungai untuk terus mengalir dan mengering! Jeritan suaraku sangat kuat mencakupi timur dan barat! Aku berkuasa memerintah bumi dan langit! Aku berupaya menahan matahari! Aku berkuasa menghidupkan orang mati...”

(Ramlee Awang Murshid, 2013 : 353)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat keindahan bahasa atau unsur estetika yang digunakan oleh penulis iaitu unsur metafora yang memberikan keindahan cerita dalam novel *Magis* menggunakan unsur metafora. Unsur metafora boleh dilihat dalam ayat ‘*bukit roti*’. Bukit bermaksud bukit iaitu bentuk fizikal muka bumi. Manakala, roti pula merupakan sejenis makanan. Pembaca dapat membuat perbandingan persamaan antara dua perkara dengan adanya unsur ini melalui perbandingan yang dilakukan untuk memindahkan makna. Keindahan bahasa bagi unsur metafora ini dalam bait ini dapat membandingkan makanan dengan bukit. Walaupun perbandingan ini kelihatan mudah tetapi bagi pengarang ia sudah cukup memadai kerana mampu membina imaginasi kepada setiap pembaca dengan mendapat bacaan yang mempunyai makna yang kompleks. Ini disokong oleh Muhammad Haji Salleh yang menyatakan dengan adanya unsur metafora dalam karya mampu membuka imaginasi pembaca. Perkara ini boleh ditunjukkan dalam penggunaan bahasa yang baik yang mempunyai keindahan dan makna yang tepat mampu menghasilkan novel yang berkualiti dari segi bahasa.

Kesimpulannya, unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid seperti unsur personifikasi, hiperbola, simile, dan metafora merupakan unsur estetika bahasa yang terdapat dalam sastera untuk mewarnai keindahan penulisan karya sastera dan mempunyai fungsi dan kesannya terhadap pembaca.

### **Mengenal pasti kesan penggunaan unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid kepada pembaca.**

Estetika adalah merupakan satu rasa keindahan, keseronokan dan kegembiraan yang merujuk kepada sesuatu yang bernilai dan memberi manfaat. Selain itu, estetika juga merupakan cabang falsafah yang mengandungi aspek seni, keindahan, penciptaan dan tanggapan terhadap keindahan. Zakaria Osman (2000) berpendapat estetika merangkumi dua aspek yang terpenting iaitu seni dan keindahan. Justeru itu, aspek estetika sering kali merujuk kepada seni, hal ini dikatakan demikian kerana seni adalah sesuatu yang indah pada pandangan pancaindera manusia sama ada melalui penglihatan atau pendengaran. Tambahan pula, unsur estetika bahasa terdapat juga pada puisi tradisional seperti gurindam, seloka, syair dan lain-lain. Malah digunakan juga unsur estetika bahasa pada cerpen, novel dan lain-lain.

Merujuk kepada kesan penggunaan unsur estetika bahasa dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid kepada pembaca terdapat beberapa kesan yang dapat dikemukakan oleh pengkaji. Dan antara elemen yang ditonjolkan dalam novel *Magis* adalah berbentuk fantasi dan fiksi yang telah dibawa oleh pengarang, menjadikan teks ini terselit dengan dunia yang dicipta



sendiri. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenal pasti kesan penggunaan unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel berkenaan kepada pembaca. Tambahan pula, apabila mengulas soal kesan penggunaan unsur estetika dalam novel ini kepada pembaca pada kajian ini, pengkaji mendapati pengarang pandai dalam mencuit hati pembaca dengan pengolahan ayat yang telah digunakan.

Unsur estetika bahasa yang digunakan oleh setiap pengarang memainkan peranan penting dalam menjayakan hati para pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, Setiap pembaca menginginkan sesuatu yang *“fresh”* dalam setiap hasil karya penulis malah perihal tersebut perlu bagi setiap penulis dititikberatkan. Termasuk juga soal dari sudut plot penceritaan tetapi jika plot penceritaan baik tetapi dari segi unsur estetika bahasa dalam novel agak hambar sudah pasti perkara ini akan menjejaskan minat para novelis.

**Kesan penggunaan unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid kepada pembaca adalah dari segi:**

### **1. Penggunaan kata, kiasan yang berlebihan (Hiperbola)**

Hiperbola merupakan penggunaan kata, kiasan atau ungkapan yang keterlaluan dan berlebihan bagi menerangkan sesuatu perihal. Malah menurut pandangan Ullmann S. dalam bukunya yang berjudul *Semantic: An Introduction to The Science of Meaning* (1962) beranggapan hiperbola merupakan salah satu bentuk perubahan makna yang sering kali diguna pakai dalam pengiklanan. Pernyataan yang digunakan dalam sesuatu iklan kadang-kadang agar keterlaluan sehingga ia amatlah bertentangan dengan maksud asal bagi pernyataan tersebut. Tetapi perkara tersebut dilakukan kerana ingin mempromosi dan bagi menarik perhatian yang melihat dan juga mendengarkannya. Selain penggunaan perkataan yang secara berlebih-lebihan, ia juga tidak digambarkan dengan sesuatu yang tepat malah ia diciptakan bertujuan bagi menarik perhatian untuk dipercayai jua. Penggunaan unsur hiperbola dalam karya *Magis* dapat menarik minat para pembaca melalui unsur yang dipaparkan oleh pengkarya. Hal ini merujuk bagaimana pengarang telah menggunakan perkataan yang agak keterlaluan dan berlebihan bagi menggambarkan sesuatu pernyataan. Hal ini dikatakan demikian kerana merupakan salah satu cara bagi penulis untuk menarik minat pembaca dari segi pengolahan kata yang disajikan. Berdasarkan petikan 1 di bawah, Ramlee Awang Murshid telah

#### **Petikan 1**

“Dia cuma seorang perempuan, Enjim”. Saifudin bersuara dengan nada memujuk. **“Dia adalah ular yang sangat berbisa**, Sunan. Dia jugalah yang menjebak aku”

(Ramlee Awang Murshid, 2013:374)

Berdasarkan Petikan 1 di atas, dapat dilihat bagaimana penggunaan ayat Ramlee Awang Murshid terhadap karyanya. Perkataan **“Dia adalah ular yang sangat berbisa”** merupakan satu gambaran ayat untuk menjelaskan kepada pembaca bagaimana kejamnya seorang wanita itu apabila berkuasa. Secara tidak langsung penggunaan ayat yang sedemikian dapat memberi satu



kefahaman dan gambaran yang jelas kepada pembaca. Hal ini kerana pembaca memerlukan satu bahan bacaan yang memudahkan mereka memahami dari sudut penggunaan jalan cerita, bahasa, kosa kata dan lain-lain dalam mana-mana karya buku. Kesan penggunaan hiperbola dalam novel *Magis* kepada pembaca dapat kita lihat bagaimana pembaca berfikir sifat ular yang berbisa diberikan kepada wanita. Secara tidak langsung memberikan satu konsep sudut yang baru perihal ular yang berbisa dengan dikaitkan dengan wanita. Malah pembaca akan lebih terpujuk dengan penggunaan unsur estetika bahasa yang sedemikian kerana hanya pengarang yang bijak dan berkebolehan sahaja yang boleh mengolah ayat tersebut agar dapat difahami oleh penonton.

### 1. Bahasa kiasan (Personifikasi)

Personifikasi adalah merujuk kepada sifat manusia diberikan kepada sesuatu benda (objek) keadaan atau suasana. Menurut Gorys Keraf (2008) prosopopoeia atau personifikasi adalah perlambangan sifat-sifat manusia yang diberikan kepada benda yang tidak bernyawa. Bagi mudah untuk difahami personifikasi merupakan bahasa kiasan yang dibuat dengan memberikan ciri-ciri manusia kepada bukan manusia.

#### Petikan 2

Secara tiba-tiba kejutan berlaku. **Keris Nanggroe bergerak-gerak** di atas lantai. Senjata yang dianggap kuno itu seperti bernyawa. Mereka mulai cemas apabila senjata ampuh warisan daripada Wali Sufi itu keluar dari sarung, terapung-apung antara lantai dan siling

(Ramlee Awang Murshid, 2013:360)

Berdasarkan Petikan 2 di atas, pengarang telah memberi satu imaginasi kepada pembaca bagaimana sesuatu yang bukan hidup diberikan sifat seperti manusia yang boleh berjalan, melihat, bergerak dan sebagainya. Elemen personifikasi sering kali diserapkan dalam karya berkenaan. Malah beliau bijak dalam mendalami penggunaan bahasa yang dihasilkan dalam karya. Tambahan pula, pembaca karya beliau terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan menyebabkan penggunaan unsur estetika bahasa personifikasi memberi satu kemudahan kepada pembaca yang baru berjinak-jinak dalam dunia sastera. Malah secara tidak langsung pembaca dapat mengembangkan ilmu mereka kerana sikap suka membaca ini dapat menjadikan seseorang individu tersebut boleh mendalami ilmu yang tidak dipelajari di sekolah ataupun Institut Pengajian Tinggi.

### Nilai Moral di dalam Unsur Estetika yang Terdapat pada Novel *Magis*

Karya sastera semestinya mempunyai nilai estetika sama ada di tahap yang rendah atau tinggi. Nilai estetika merupakan nilai-nilai yang menyatakan sesuatu perasaan kagum, suka atau tidak senang yang dihasilkan oleh sesebuah karya. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai estetika ini banyak bergantung kepada persepsi yang dimiliki oleh seseorang individu itu sendiri iaitu

menganggap indah secara estetik atau tidak menyenangkan. Seseorang akan menekankan nilai estetika ini berdasarkan skala nilai peribadi masing-masing yang menganggap harmoni dan pertimbangan estetika akan di buat. Melalui novel yang dikaji, terdapat beberapa nilai unsur estetika yang telah dikenal pasti. Hal ini dibuktikan melalui banyak nilai yang boleh menghasilkan kritikan positif atau negatif terhadap karya ini dengan memberi pendapat yang mungkin atau tidak dapat diterima oleh orang lain.

Nilai moral di dalam unsur estetika yang terdapat dalam novel berkenaan ialah nilai keagamaan. Nilai keagamaan merupakan kepercayaan dan pengakuan seseorang masyarakat Islam terhadap kewujudan Allah sebagai pencipta seluruh alam. Terdapat banyak nilai keagamaan yang dapat dikemukakan dalam karya ini iaitu tentang watak Saifudin yang sentiasa melakukan setiap perkara itu berlandaskan kepada agama Islam.

Melalui karya ini juga Saifudin telah menyelamatkan seorang yang bernama Carlos yang telah jauh tersasar dari agamanya kerana mengikut telunjuk Cinnie. Selain itu, Saifuddin juga melaksanakan suruhan Allah dengan bersolat menyembah tuhan yang Maha Esa walaupun ia berada di tempat yang terdapat patung-patung yang menggambarkan kepada dewa dewi pada era penyembahan yang berkonsepkan banyak tuhan. Hal ini dibuktikan melalui perbualan Saifuddin dengan rakannya yang bernama Ejim yang bertanyakan tentang solatnya.

“Kau melakukan sembahyang?” Ejim memulakan perbualan pada malam sepi itu  
“Bersolat menyembah Allah, Tuhan yang Satu,” ujar Saifuddin “ Kenapa kau tekun ber..so..lat?” Ejim ingin tahu  
“Solat itu tiang agama.Tunjang kehidupan sebagai makhluk..sebagai hamba.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013 :

179)

Selain itu, nilai yang lain ialah nilai kemanusiaan. Nilai kemanusiaan ini merupakan tingkah laku yang sesuai dengan nilai yang baik dalam kehidupan dari hati nurani dengan memperlakukan sesuatu yang baik serta positif. Melalui Novel Magis ini juga nilai kemanusiaan terbentuk berdasarkan watak Saifuddin menolong Ejim dan Carlos daripada tersasar. Hal ini dikatakan demikian kerana Saifudin masih menolong Ejim walaupun ia tahu bahawa Ejim dan dia merupakan dari dunia yang berlainan kerana Ejim merupakan Tambiruo dari Hutan. Seterusnya, Saifuddin juga membantu Carlos daripada terus terjebak bersama-sama Cinnie. Hal ini dibuktikan melalui Saifuddin membantu Carlos untuk kembali kepada asal usul sebagai seorang bilal Piut serta membuatkan dia kembali dekat kepada Pencipta-Nya. Saifuddin sanggup menghadap kegilaan Carlos ketika diserang oleh beliau kerana menghalang perhubungannya bersama Cinnie. Melalui satu petikan karya Ramlee Awang Murshid ini telah menunjukkan nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh Saifudin ialah:

*“Aku hairan.. mengapa kau tidak membunuhku,” ujar Carlos.*

*“Kamu sakit sebenarnya, Carlos..” Sahut Saifudin*

*“Aku sakit?” Carlos termenung sejenak. Masih dalam keadaan melutut.“*

*Lebih baik tersilap ampun dan jangan sampai tersilap hukum,” hujah Saifudin*

(Ramlee Awang Murshid, 2013 : 448)

Di samping itu, nilai kasih sayang juga diterapkan melalui novel ini iaitu melalui watak Ejim dan bapanya. Nilai kasih sayang telah diterapkan melalui watak seorang bapa iaitu Pondolou iaitu bapa kepada Ejim yang tetap menyayangi serta mengasihi anaknya walaupun ia bukan lagi seorang Si Tombiruo. da. Hal ini dibuktikan melalui petikan yang terdapat dalam novel *Magis* ini:

“Kau bukan lagi kelihatan seperti Si Tombiruo yang bapa kenal anakku, Ejim”

“Muka aku sudah berubah menjadi wajah manusia, bapa,” Kata Ejim

“Walau bagaimanapun wajahmu sekarang, Ejim ...kau tetap anakku,Si Tombiruo.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013 : 286)

Akhirnya, nilai tidak berputus asa juga terdapat di dalam Novel *Magis* ini. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui watak Fatimah yang tidak berputus asa dalam peperangan walaupun lelaki yang disayanginya telah mati iaitu Ryu-Watanabe dan Mikhail. Ia juga berusaha bangkit daripada kesedihan yang terasa meragut semangat srikandinya. Ia juga rela mati di dalam peperangan ini demi menyelamatkan agamanya. Hal ini dibuktikan melalui petikan dalam Novel *Magis* Karya Ramlee Awang Murshid iaitu:

“Ada baiknya...kita larikan diri, Fatimah. Kita atur semula strategi untuk melakukan serangan balas. Orang-orang Memalik banyak yang mati.” Adid menggesa.

“Bapa.. lari daripada peperangan merupakan dosa,”  
tegur Fatimah.

“Biarlah kita mati di tanah air kita sendiri,bapa. Ini Derinkuyu..tanah tumpah darahku.” Fatimah mengangkat senjata. Adid mengakuri teguran anaknya.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 450)

### KESIMPULAN

Unsur rekaan yang diterapkan di dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid memerlukan daya imaginasi dan ilham tinggi dalam mencipta plot penceritaan yang tersusun. Keunikan dalam mempelbagaikan perwatakan serta penerapan bahasa dilihat mempunyai nilai estetika yang menarik minat golongan pembaca menghayati setiap peristiwa yang terkandung di dalam novel tersebut. Namun begitu, penerapan unsur bahasa sastera cenderung mendatangkan permasalahan dalam kelompok masyarakat kerana gaya bahasa yang tinggi sukar difahami mengenai maksud serta konteks ayat dengan jelas. Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh mampu menjadi kayu ukur dalam menilai kebergantungan nilai estetika bahasa dalam sesebuah karya.

Nilai estetika yang diterapkan di dalam novel ini meliputi beberapa aspek iaitu bermula daripada nilai ketuhanan yang kemudiannya melahirkan beberapa unsur kemanusiaan yang harmoni seperti kasih sayang dan tekun berusaha menjadi tunjang dalam menekankan aspek positif. Umumnya, penegasan keindahan penggunaan bahasa bergantung kepada kreativiti pengarang dalam memperincikan jalan penceritaan dengan menerapkan elemen personifikasi,

metafora, hiperbola dan beberapa unsur yang diperoleh di dalam hasil dapatan. Perkara ini merupakan faktor kritikal dalam menghasilkan sebuah karya cereka yang baik yang bertepatan dengan tema di samping mengekalkan beberapa unsur realisme di dalam penceritaannya. Hasil teks cereka yang menarik adalah berhubung kait dengan kebolehan dalam mengaplikasikan keseimbangan elemen fantasi dan realiti. Oleh hal yang demikian, penulisan novel fiksyen memerlukan individu yang berfikiran kreatif dan cakna dalam penerapan keindahan bahasa sebagai melatih minda golongan pembaca berfikir secara kritis dan rasional.

### RUJUKAN

Ali, A. H. (2014). Konsep Estetika Bersepadu: Satu kaedah baharu kaedah kritik estetik dalam Kesusasteraan Melayu.

Gory Keraf, D. (2009). *Diksi Dan gaya Bahasa* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama

Arifin, N. H. H., & Muhammad, S. J. N. (2019). Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia dari Aspek Teori Estetika Bersepadu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 46-54.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, (December). Retrieved from

Arumugam, K., & Ali, R. M. (2019). Buku kanak-kanak: Analisis unsur Estetika. *PENDETA*, 10, 151-165.

Mas, K. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Sikana, M. (2012). Teori sastera kontemporari edisi VII. *Selangor: Pustaka Karya*.

Zain, R. M., dan Affendi, N. R. N. M. (2019). Unsur Estetika Bahasa Dalam Novel-Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains Dan Teknologi Dari Tahun 2012 hingga 2017. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 2019, 189– 212.

Mohamad Khairi bin Haji Othman, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, *Malaysia Journal of Human Development and Communication Volume 3 (Special Issue), 2014 (81-92)*, Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.

Ramlee Awang Murshid. (2013). *Magis*. Kuala Lumpur: Grup Buku Kraftangan Sdn. Bhd.

Mulatsih, S. (2014). *Strategi Kesantunan Pada Pesan Singkat (Sms) Mahasiswa Ke Dosen*, Fakulti Ilmu Budaya Universitas Dian Nuswantoro Semarang.

Sugiarti, S. (2014). Estetika Pada Novel Geni Jora Karya Abidah El Khalieqy. *Atavisme*, 17(2), 134-147.

**NILAI SOSIAL DALAM NOVEL SRENGENGE MELALUI TEORI SOSIOLOGI SASTERA:  
PENDEKATAN SOSIOLOGI**

Zahida Atiqah binti Abdul Wahab, Naizatul Nazira binti Abdul Aziz, Nur Arfadina binti Sukri,  
Nor Izzah binti A.Wahab, Nor Ayuni binti M.Aris & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[zahida.c19a0851@siswa.umk.edu.my](mailto:zahida.c19a0851@siswa.umk.edu.my), [nazira.c19a0364@siswa.umk.edu.my](mailto:nazira.c19a0364@siswa.umk.edu.my),  
[arfadina.c19a0480@siswa.umk.edu.my](mailto:arfadina.c19a0480@siswa.umk.edu.my), [izzah.c19a0411@siswa.umk.edu.my](mailto:izzah.c19a0411@siswa.umk.edu.my),  
[ayuni.c19a0403@siswa.umk.edu.my](mailto:ayuni.c19a0403@siswa.umk.edu.my) & [nuranis.m@umk.edu.my](mailto:nuranis.m@umk.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji nilai sosial dalam novel *Srengenge* melalui teori sosiologi sastera dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Adanya aturan yang perlu kita patuhi dalam kehidupan kelompok masyarakat dan peraturan tersebut perlulah mempunyai kesepakatan antara semua pihak. Peraturan tersebut adalah untuk melahirkan atau mengekalkan keteraturan nilai sosial. Nilai sosial mempunyai pelbagai prinsip, tanggapan ataupun satu situasi atau keadaan yang akan terjadi dalam sesebuah masyarakat. Nilai sosial ini akan menjadi satu pegangan hidup dalam menjalani kehidupan hidup bermasyarakat dan merupakan satu nilai yang positif serta wajib diamalkan atau dipatuhi. Nilai sosial ini bukan berbentuk tulisan tetapi ianya secara lisan serta setiap anggota masyarakat mengetahui dan bersepakat. Nilai sosial ini pewarisannya diamalkan secara turun-temurun oleh generasi terdahulu sehingga ke generasi kini. Dalam sesebuah kelompok masyarakat, nilai sosial ini bersifat sama rata dan akan ada perubahan mengikut perkembangan situasi masyarakat itu sendiri. Nilai sosial ini sangat penting untuk mengatur setiap hubungan antara anggota masyarakat. Di dalam novel *Srengenge* ini iaitu karya Shahnnon Ahmad telah menerapkan beberapa nilai sosial di dalam novelnya yang menjadikan sesebuah karya tersebut mempunyai nilai yang tinggi dan unggul. Di dalam drama *Srengenge* ini telah mengaplikasikan teori sosiologi sastera. Secara umumnya sosiologi boleh diertikan sebagai salah satu pembelajaran objektif mengenai manusia dan kalangan masyarakat yang menyentuh tentang proses-proses sosial yang ada terdapat di dalamnya. Nilai sosial ini pasti akan menjadikan segala fenomena sosial sebagai satu bahan ujikaji atau kajian yang dihuraikan dalam bentuk ilmiah merangkumi pola bahasa, kebudayaan, ekonomi, sastera bahasa dan sebagainya. Melalui proses ini akan dapat mengetahui bagaimana cara seseorang individu itu dapat berhubung atau berinteraksi dalam komuniti serta jalinan sosialnya sehingga dapat diterima secara baik dalam sesebuah kelompok masyarakat. Menurut Swingewood (1972), dengan sosiologi karya sastera dilihat sebagai satu langkah untuk melahirkan kembali hubungan manusia dengan keluarga, masyarakat, agama, politik dan lain-lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia telah menjadi satu cara atau usaha untuk seseorang individu lebih dekat dengan masyarakat serta melaksanakan satu perubahan yang positif kepada kehidupan bermasyarakat. Pendekatan sosiologi pula merupakan suatu

pengetahuan yang menekankan tentang hubungan atau jalinan antara masyarakat dengan yang lain. Pendekatan sosiologi ini sangat penting. Hal ini demikian kerana dalam agama juga ada terdapatnya permasalahan sosial antara makhluknya. Menurut Hashim Awang pendekatan sosiologi menekankan tentang nilai kebaikan pada sesebuah karya sastera. Karya sastera itu dilihat sebagai satu pendedahan tentang semua persoalan yang berakar kepada satu matlamat untuk mencari keadilan serta perkara positif dalam masyarakat. Kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kaedah teks iaitu menerusi sebuah novel *Srengenge* dan sumber dari internet. Kesimpulannya, kajian mengenai nilai sosial dengan pengaplikasian teori sosiologi sastera dalam pendekatan sosiologi dapat menjelaskan bahawa pentingnya nilai sosial diterapkan dalam sesebuah karya.

Kata kunci: Nilai sosial, Teori Sosiologi Sastera, dan Pendekatan dalam novel *Srengenge*

### PENGENALAN

Karya-karya sastera terutamanya mempunyai perbezaan serta kelainan jika dibandingkan dengan karya-karya seni yang lain. Terdapat juga pelbagai jenis genre di dalam karya sastera sendiri terutama novel merupakan salah sebuah genre karya sastera yang paling popular serta dianggap paling dominan dalam realiti sosial. Menurut kamus Dewan edisi keempat (2015: 1086), telah mentakrifkan novel sebagai sebuah cerita di dalam bentuk prosa. Kebiasaannya panjang serta berkaitan dengan pengalaman dan kelakuan sosial masyarakat. Menurut Hashim Awang (1987), beliau mendefinisikan novel sebagai sebuah karya serta prosa cerita yang panjang menceritakan mengenai kisah hidup manusia pada sesebuah tempat serta sesuatu masa tertentu bagi menggambarkan satu kisah yang menarik. Secara keseluruhannya, novel dan kesusasteraan mempunyai banyak kaitan yang saling berhubung antara satu sama lain. Novel juga turut mempunyai kaitan serta mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan sosial masyarakat.

Pada kajian ini, pengkaji telah memilih novel *Srengenge* karya Shahnun Ahmad sebagai panduan dalam melakukan kajian. Perkataan *Srengenge* itu sendiri menurut pengkarya Shahnun Ahmad, ianya berasal daripada salah sebuah perkataan Jawa Kuno di mana ia memberi makna matahari. Namun, dalam novel ini, perkataan *Srengenge* itu dipetik dari nama sebuah bukit di sebuah kampung iaitu Bukit *Srengenge*. Novel *Srengenge* ini merupakan salah sebuah hasil karya oleh seorang sasterawan negara tersohor iaitu Profesor Emeritus Datuk Shahnun Ahmad pada tahun 2016. Setiap pengkarya sudah semestinya menerapkan beberapa nilai sosial di dalam sesebuah karya sastera mereka. Ianya bagi mempersembahkan sedikit sebanyak nilai yang boleh diteladani disebalik memberi sebuah hiburan kepada pembaca.

Seterusnya, merujuk kepada tajuk kajian iaitu “Nilai Sosial Dalam Novel *Srengenge* Melalui Teori Sosiologi Sastera: Pendekatan Sosiologi.” Pengkarya Novel *Srengenge* sendiri, iaitu Shahnun Ahmad ada menerapkan beberapa nilai sosial di dalam novelnya. Sosial merupakan sesuatu aspek yang berkait rapat dengan setiap perkara yang berhubung dengan kehidupan masyarakat



mahupun kemasyarakatan. Menurut Herimanto (2008), aspek sosial merupakan salah sebuah faktor utama dalam kehidupan manusia. Aspek sosial juga merupakan hubungan sosial yang dinamik, berkait rapat hubungan antara individu, kelompok manusia, mahupun hubungan antara seseorang manusia dengan kelompok manusia yang lain. Menurut Hashim Awang (1994), beliau berpendapat bahawa pendekatan sosial menekankan unsur kebaikan dalam karya sastera. Karya sastera dianggap sebagai salah sebuah pendedahan segala persoalan yang berakarkan kepada satu tujuan untuk mencari keadilan serta kebaikan dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, menurut Talib Samat (2010), beliau memberi definisi isu sosial dianggap sebagai sesuatu persoalan besar yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada era tertentu yang menjadi fokus perbincangan masyarakat serta mempengaruhi pemerintah dalam menentukan dasarnya untuk mengatasi isu tersebut.

Tegasnya, kajian nilai Sosial dalam Novel *Srengenge* ini merupakan salah satu enjin utama dalam menganalisis beberapa Nilai Sosial yang terdapat di dalam Novel. Ianya juga bagi melancarkan perjalanan sesebuah kisah dalam novel tersebut. Kegagalan pengarang dalam menerapkan unsur-unsur nilai di dalam sesebuah karya akan mempengaruhi plot kisah penceritaan novel berkenaan. Oleh itu, dalam konteks ini pengkaji akan meneliti serta menganalisis beberapa nilai sosial yang terdapat di dalam Novel *Srengenge* serta mengaplikasikan teori Sosiologi Sastera menggunakan pendekatan Sosiologi di dalam kajian ini dengan lebih terperinci.

### **TEORI SOSIOLOGI SASTERA: PENDEKATAN SOSIOLOGI**

Tambahan pula, kajian yang dilakukan adalah salah sebuah kajian yang berkaitan dengan penerapan Teori Sosiologi Sastera dari aspek nilai Sosial dalam novel *Srengenge*. Secara umumnya, sosiologi merupakan satu objektif tentang manusia dan masyarakat yang merangkumi sebuah struktur proses sosial. Disiplin sosiologi cuba untuk melihat setiap aspek dalam kehidupan sesebuah masyarakat termasuk pola kehidupan budaya, perekonomian, keagamaan, politik, serta bagaimana cara-cara manusia menyesuaikan diri dengan persekitaran di sekitarnya, mekanisme sosialisasi, serta proses pembudayaan masyarakat di kawasan masing-masing. Hal yang sama dapat dilihat dalam disiplin sosiologi sastera di mana ia merangkumi persoalan-persoalan tentang kehidupan masyarakat. Menurut Sapardi Djoko Damono (1979: 6-8), yang juga merupakan seorang penyair Indonesia berpendapat bahawa genre sastera, khususnya novel mengetengahkan suatu persoalan yang turut dibicarakan oleh sosiologi iaitu masyarakat serta segala aktiviti di sekitarnya termasuk ekonomi, sosial, dan juga politik. Golongan sarjana termasuklah Carl Marx dan Engels beranggapan bahawa sastera menjadi cerminan langsung tentang pelbagai struktur sosial, hubungan kekeluargaan, konflik budaya, kelas ekonomi, dan sebagainya.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Nilai sosial yang bermaksud konsep abstrak pada diri manusia mengenai apa yang dianggap baik atau buruk dan nilai ini sangat dititikberatkan dalam sistem komunikasi dan juga kehidupan seharian manusia. Justeru itu, nilai sosial sangat penting untuk diterapkan dalam



diri manusia agar masyarakat tidak berpecah belah antara satu sama lain. Di samping itu, nilai sosial ini juga bertujuan untuk mencapai dan mengekalkan keseimbangan dalam tingkah laku seorang manusia dan kepentingan nilai sosial ini dapat melahirkan seorang individu yang mempunyai nilai kerjasama, muafakat dan nilai kemanusiaan. Ibnu Khaldun (1406), juga ada menyatakan bahawa fenomena sosiologi ini mengikuti hukum-hukum alam yang berlaku pada masyarakat. Dalam erti kata lain, nilai sosial ini menjadi aspek penting dalam setiap kehidupan sosial bermasyarakat dan menjadi ukuran dalam diri masyarakat.

Salah satu yang dapat dilihat oleh pengkaji dalam kajian ini adalah kurang penerapan nilai-nilai sosial dalam diri manusia yang boleh dijadikan masalah yang serius sekiranya tidak dibendung. Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang kurang mengambil berat tentang nilai-nilai sosial yang perlu diterapkan dalam kehidupan. Oleh itu, perkara ini menjadi sebab pengkaji untuk membuat penyelidikan dengan lebih dalam tentang isu ini melalui satu karya sastera iaitu novel. Hal ini demikian kerana, ada juga pengkarya gemar untuk memasukan unsur-unsur kehidupan realiti masyarakat dalam penulisannya yang boleh mendorong untuk kajian ini dilakukan. Dalam bahagian ini, pengkaji menganalisis sebuah novel yang berjudul *Srengenge* hasil karya sasterawan negara iaitu Shahnnon Ahmad pada tahun 2016 yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dengan mengaplikasikan teori sosiologi untuk merungkai permasalahan kajian dengan lebih terperinci dan menggunakan pendekatan sosiologi untuk membantu menyokong kajian ini.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dianalisis menggunakan teknik kualitatif. Teknik ini digunakan untuk menjelaskan dan mendapatkan pandangan serta pemahaman tentang sesuatu kajian melalui pengumpulan data secara naratif yang intensif untuk menjana hipotesis bagi menjadikan ujian dan induktif. Penyelidikan secara perpustakaan telah digunakan di dalam kajian ini. Kaedah perpustakaan merupakan salah satu kaedah yang penting bagi mendapatkan maklumat. Maklumat yang dimiliki dengan cara pembacaan dan rujukan daripada buku-buku, jurnal, dan artikel yang berkaitan. Pengkaji telah membuat rujukan daripada kajian-kajian lepas. Bahan-bahan yang dijadikan sumber bacaan dan rujukan sebagai bantuan bagi penghasilan penulisan ilmiah yang terbaik. Selain daripada kaedah perpustakaan, pengkaji menggunakan kajian kaedah kandungan teks. Kaedah kandungan teks ini melibatkan novel *Srengenge* yang telah dipilih oleh pengkaji sebagai bahan rujukan. Walau bagaimanapun, dapatan analisis ini telah menggunakan teori sosiologi sastera iaitu pendekatan sosiologi. Pengkaji memilih pendekatan ini disebabkan nilai sosial berkaitan dengan masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan dengan pendapat daripada Welles beranggapan bahawa kesusasteraan memperlihatkan “*world view*” dan realiti sosial sesuatu masyarakat.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti nilai sosial yang terdapat di dalam novel *Srengenge*

2. Menganalisis nilai sosial menggunakan Pendekatan Sosiologi iaitu Teori Sosiologi Sastera.

### SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad sebagai sebagai panduan dalam melakukan kajian. Novel ini merupakan salah sebuah hasil karya sasterawan negara tersohor iaitu Profesor Emeritus Datuk Shahnnon Ahmad pada tahun 1973. Setiap pengkarya sudah semestinya menerapkan beberapa nilai sosial di dalam sesebuah karya sastera mereka. Kajian ini dilakukan berfokuskan kepada nilai-nilai sosial yang terdapat dalam novel *Srengenge*. Kajian dilakukan daripada bab satu hingga bab sepuluh sahaja. Sosial merupakan sesuatu aspek yang berkait rapat dengan setiap perkara yang berhubung dengan kehidupan masyarakat mahupun kemasyarakatan. Berdasarkan kepada bahan kajian ini, di mana ia bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai sosial dengan menggunakan pendekatan sosiologi iaitu teori sosiologi sastera. Di mana, pengkaji telah menganalisis nilai muafakat, kemanusiaan di mana nilai kemanusiaan ini terdiri daripada ketaatan masyarakat kepada agamanya serta gigih dalam melakukan apa sahaja tugas. Oleh itu, pengkaji juga telah menganalisis nilai bekerjasama masyarakat di perkampungan tersebut dalam kajian ini. Seterusnya, dengan menggunakan pendekatan sosiologi iaitu teori sosiologi sastera ini dapat menyempurnakan lagi kajian yang dilakukan. Secara umumnya, sosiologi merupakan satu objektif tentang manusia dan masyarakat yang merangkumi sebuah struktur proses sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam karya Shahnnon Ahmad ini ia juga mengetengahkan tentang sosiologi masyarakat, yang mana dalam karyanya ini terdapatnya isu yang berkaitan dengan sosial masyarakat.

### DAPATAN KAJIAN

#### NILAI SOSIAL

Setiap kehidupan dalam kelompok masyarakat pasti adanya satu kesepakatan mengenai pelbagai peraturan yang harus mereka patuhi. Peraturan-peraturan tersebut adalah untuk melahirkan keteraturan sosial. Oleh itu, kesepakatan aturan itu yang menunjukkan sebagai nilai sosial. Nilai sosial adalah satu konsep abstrak yang terdapat pada diri seseorang manusia terhadap sesuatu perkara yang dianggap baik dan buruk, benar serta salah. Namun, pada dasarnya nilai sosial ialah satu tingkah laku atau perbuatan individu itu yang dinilai baik oleh seluruh masyarakat dan sikap serta perasaan yang secara luas diterima. Claudia Wood (...?....) berpendapat bahawa nilai sosial adalah satu petunjuk atau garisan umum yang telah wujud sejak lama, yang mengarahkan perilaku dan memberikan kebaikan dalam kehidupan harian masyarakat tersebut. Selain itu, Robin Williams (...?....) pula memberikan maksud nilai sosial adalah salah satu perkara yang melahirkan suatu kesejahteraan bersama melalui konsensus yang berkesan di antara masyarakat sehingga nilai sosial telah dipandang tinggi oleh kebanyakan orang.

### 1. NILAI MUAFAKAT

Dalam novel *Srengenge* ada menerapkan nilai sosial dalam kehidupan masyarakat iaitu nilai muafakat. Muafakat bermaksud bersatu hati, sejiwa dan saling setuju mempersetujui antara sekelompok masyarakat untuk menegakkan kebenaran atau mewujudkan suatu situasi dan perkara yang baik dalam kehidupan. Sering kita mendengar satu peribahasa iaitu “muafakat membawa berkat” yang membawa maksud satu kegiatan yang melibatkan banyak perihal dilakukan dengan cara mendapat persetujuan bersama dalam kelompok masyarakat atau setiap ahli supaya mendatangkan kesan atau impak yang terbaik.

Sebagai contoh dalam novel *Srengenge*, Awang Cik Teh mahu memperbaiki *Srengenge* untuk digantikan dengan hasil tanaman yang lebih mendatangkan manfaat atau kebaikan seperti kacang, labu, kangkung dan sebagainya. Bukit itu harus dibakar, ditebang, ditebas, ditajak dan perlu menjadikan huma. Namun, isterinya mempersoalkan tindakan Awang Cik Teh. Anak buah *Srengenge* juga menyatakan tidak berpuas hati kerana mereka tidak mendapat apa-apa bantuan daripada syarikat-syarikat yang mengambil alih mengusahakan *Srengenge* pada ketika dahulu. Tetapi nilai muafakat telah diterapkan dalam novel ini apabila Kenghsum yang merupakan isteri kepada Awang Cik Teh setia dan akur kepada permintaan suaminya. Semua perihal tindakan yang hendak dilaksanakan oleh Awang Cik Teh akan dibantunya. Awang Cik Teh telah menganggap bahawa semua anak buah *Srengenge* pasti akan turut bersetuju jika dia berjaya memberikan keyakinan kepada Imam Hamid berkenaan tujuannya, kerana Imam Hamid merupakan ketua di kawasan tersebut. Jelaslah bahawa, nilai muafakat ini penting dalam kehidupan kelompok masyarakat supaya mendatangkan sesuatu perkara yang positif dalam kehidupan bermasyarakat.

### 1. NILAI KEMANUSIAAN

Nilai kemanusiaan dipanggil satu set nilai murni yang dimiliki oleh individu atau organisasi, yang menentukan tingkah laku dan interaksi dengan individu dan ruang lain. Nilai kemanusiaan merangkumi semua tingkah laku yang dianggap betul, maka ia juga berkaitan dengan nilai moral, iaitu tingkah laku yang mengawal tingkah laku individu. Menurut Hashim Awang (1984:25), nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan di dalam kesusasteraan pula menjelaskan bahawa isi pelajaran sastera, baik dari genre apa sekalipun, pastikan membicarakan tentang nilai-nilai masyarakat dan kemanusiaan yang merupakan aspek isi falsafah sosial. Nilai kemanusiaan yang adil dan beradab mengandungi kesan yang memberi kesedaran kepada seseorang. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) kemanusiaan bermaksud perihal manusia, sifat-sifat manusia. Nilai kemanusiaan harus menjadi asas pembinaan dan pembangunan manusia. Nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam novel *Srengenge* boleh menjadi sebuah pengajaran. Pengajaran yang terdapat di dalam novel ini mampu memberi nasihat dan dijadikan panduan hidup. Dengan itu nilai kemanusiaan mampu melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia suatu hari nanti. Nilai kemanusiaan terbahagi kepada sikap ketaatan terhadap agama, sikap kegigihan, dan sikap bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara.

### i. Sikap ketaatan kepada agama

Antara contoh nilai kemanusiaan adalah ketaatan, iaitu taat kepada agama. Di dalam agama Islam, umatnya perlu taat kepada segala perintah Allah dan larangannya. Perkara yang sangat penting dalam agama Islam adalah ketaatan. Taat kepada agama perlu dijadikan asas pegangan hidup, pemikiran atau falsafah kehidupan manusia. Menurut Azhariah Abdul Kadir (2010), taat menurut perspektif Islam adalah perihal kepatuhan dan kesungguhan hati terhadap agama dan sifat soleh di dalam novel ini watak yang dibawa oleh dan Awang Cik Teh yang sangat taat kepada agama.

Awang Cik Teh Langkah masuk rumah. Malam yang sudah pun larut itu bertambah larut lagi. Terus dia melangkah ke dapur perlahan-lahan, mengambil air wuduk. Tikar sembahyang yang tersangkut pada tali tegang tengah rumah diambil. Dia ingin sembahyang sunat di tengah-tengah malam buta ini.

(Shahnon Ahmad, 2016: 112)

Mengikut pendekatan sosiologi Mana Sikana (1986), keupayaan karya sastera ini dijadikan sebagai alat untuk mengetahui nilai kemanusiaan iaitu taat kepada agama adalah terjadi berdasarkan aspek perwatakan watak yang terdapat di dalam novel Srengenge. Watak Awang Cik Teh menggambarkan sifat individu yang telah ditentukan oleh masyarakat. Oleh itu, novel ini harus ditelaah dengan lebih mendalam agar dapat dijadikan contoh dalam sesebuah kehidupan manusia.

### ii. Sikap Kegigihan

Sifat kegigihan ini adalah salah satu bahagian yang terdapat di dalam nilai kemanusiaan. Merujuk Kamus Dewan (2017), kegigihan bermaksud keteguhan dan mempertahankan pendapat. Kegigihan juga merupakan tindakan dan memiliki kesan yang berterusan. Bukan itu sahaja, kegigihan dianggap nilai yang sangat penting untuk mencapai objektif atau mendapatkan sesuatu maklumat.

Dia akan pergi malam itu juga ke rumah Imam Hamad menghuraikan hajatnya.....Imam hamad boleh dialih daripada meracik terkukur kepada memugar Srengenge.

(Shahnon Ahmad, 2016: 34-37)

Berdasarkan petikan diatas, *dia* merujuk kepada watak Awang Cik Teh. Awang Cik Teh berhasrat untuk menghentikan pergaduhan memugar rimba Srengenge. Hal ini dikatakan demikian kerana tindakan sedemikian seolah-olah sikap tamak haloba menyelubungi diri masing-masing. Namun begitu, disebabkan semangat kegigihan yang wujud di dalam diri Awang Cik Teh, yang ingin menjernihkan pergaduhan yang berlaku di rimba Srengenge. Dengan penggunaan pendekatan

sosiologi ini dapat dijelaskan bahawa watak Awang Cik Teh sememangnya memiliki nilai kemanusiaan, malah tidak pentingkan diri sendiri.

### iii. Sikap Bertanggungjawab

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bertanggungjawab bermaksud mempunyai tanggungjawab terhadap sesuatu perkara. Selain itu, menurut Von Hayek, pada hakikatnya hanya masing-masing individu yang dapat bertanggungjawab yakni mereka yang memikul akibat dari perbuatan mereka. Suatu masyarakat yang tidak mengakui bahwa setiap individu mempunyai nilainya sendiri yang berhak diikutinya tidak mampu menghargai martabat individu tersebut dan tidak mampu mengenali hakikat kebebasan. Orang yang dapat bertanggungjawab terhadap tindakannya dan mempertanggungjawabkan perbuatannya hanyalah orang yang mengambil keputusan dan bertindak tanpa tekanan dari pihak manapun atau secara bebas (George Bernard Shaw). Sikap bertanggungjawab yang terdapat di dalam novel dibuktikan dengan petikan berikut.

Tetamu-tetamu itu mesti dijamu lebih dahulu;paling tidak secawan kopi hitam seorang.....

(Shahon Ahmad, 2016: 164)

Berdasarkan petikan diatas, Hajah Munah seorang isteri yang bertanggungjawab melayan tetamu walaupun pada ketika itu suaminya sedang sakit. Beliau ingin menjaga nama baik suaminya. Hal ini dikatakan demikian kerana Hajah Munah seorang isteri yang mendengar kata suaminya. Melalui pendekatan sosiologi, watak yang Hajah Munah sangat dekat dengan masyarakat kini. Sikap beliau boleh dijadikan contoh bagi mereka yang sudah berumahtangga agar menjaga nama baik suami seperti melayan tetamu dengan baik serta berkelakuan baik.

## 1. NILAI KERJASAMA

Nilai kerjasama merupakan salah sebuah nilai yang tersenarai di dalam nilai sosial. Kerjasama merupakan sebuah langkah atau usaha yang dilakukan secara bersama-sama oleh beberapa individu atau kelompok masyarakat. Ianya tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk melakukan atau menyiapkan sesuatu tugas atau pekerjaan secara bersama-sama. Kerjasama juga merupakan suatu interaksi terpenting bagi manusia dalam menjalani kehidupan di dalam kelompok masyarakat. Hal ini kerana manusia merupakan makhluk sosial yang saling memerlukan antara satu sama lain bagi menjalani kehidupan yang harmoni.

Menurut ahli sosiologi iaitu Pamudji (...?...), beliau berpendapat bahawa kerjasama merupakan suatu interaksi oleh dua atau sekumpulan individu manusia dalam melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan bagi mencapai sesuatu hasil atau matlamat yang dinamik. Beliau juga berpendapat bahawa, terdapat tiga unsur utama kerjasama iaitu kewujudan individu, mempunyai interaksi sesama individu, dan mempunyai tujuan yang sama dalam melakukan sesuatu perkara. Selain itu, menurut Charles H.Cooley (...?...), salah seorang pakar sosiologi juga berpendapat bahawa kerjasama akan muncul apabila seseorang individu itu menyedari bahawa mereka

mempunyai minat serta matlamat yang sama di dalam sesuatu perkara. Pada masa yang sama, sekelompok individu tersebut mempunyai pengetahuan serta kesedaran yang mencukupi tentang diri mereka di dalam melaksanakan sesuatu perkara tersebut.

Seterusnya, di dalam novel yang dikaji juga sudah tentunya pengkarya ada menerapkan unsur kerjasama di dalam karya beliau. Nilai ini jelas terlihat ketika Keghesum isteri kepada Awang Cik Teh yang juga merupakan watak utama di dalam Novel *Srengenge* ini merungut padanya tentang pekerjaan yang dilakukannya. Di mana di dalam kisah novel ini, Keghesum yang banyak membantu Awang Cik Teh di dalam melakukan banyak hal serta pekerjaan. Perkara ini jelas terlihat di dalam salah satu petikan novel *Srengenge* ini iaitu,

Dan kalau jadilah hasrat untuk memugar *Srengenge* jahanam itu pun dia akan berlangen dengan Keghesum juga. Itu semestinya. Baik menebas, baik menebang, membakar, merunggun, menajuk atau mengawas padi panggangperinggi, dia bersama Keghesum juga.

(Shahnon Ahmad, 2016: 13)

Berdasarkan petikan yang telah dinyatakan di atas, jelas menunjukkan sikap kerjasama yang ditunjukkan oleh Keghesum dalam membantu suaminya Awang Cik Teh dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Keghesum setia membanting tenaganya dalam menghulurkan bantuan membantu Awang Cik Teh melakukan banyak hal walau kadang lelah serta penat. Namun, Keghesum sedar dan tahu tiada siapa yang sudi membantu Awang Cik Teh terutama dalam melunaskan hasratnya untuk memugar *Srengenge* tersebut. Selain itu terdapat juga nilai kerjasama yang diterapkan oleh Shahnon Ahmad di dalam Novel *Srengenge* ini iaitu jelas pada petikan:

Sesungguhnya memang itulah hajat Awang Cik Teh. Asal semua anak buah kaki *Srengenge* bersatu, sudah cukup.

(Shahnon Ahmad, 2016: 101)

Melalui petikan dari teks yang dikaji di atas, jelas memberi maksud mengenai Awang Cik Teh berasa lega serta lapang apabila Imam Hamad menyatakan hasratnya ingin membantu Awang Cik Teh dalam usaha memugar *Srengenge* itu. Ketika itu, Imam Hamad ada mendatangi Awang Cik Teh ke rumahnya bagi menyatakan hasrat itu dengan memanggil dahulu penduduk kampung bagi mengadakan mesyuarat untuk membahagi tugas-tugas dalam usaha memugar *Srengenge*. Meskipun dahulunya Imam Hamad kurang bersetuju dengan pendapat serta usaha Awang Cik Teh itu, namun beliau sedar akan usaha Awang Cik Teh dalam melaksanakan matlamat untuk pugar *Srengenge* itu akan mendatangkan faedah serta keuntungan kepada penduduk kampung, beliau akhirnya akur untuk mengadakan mesyuarat bagi memugar *Srengenge* tersebut.

Tegasnya, nilai kerjasama ini amatlah penting di dalam melakukan serta menyiapkan sesuatu perkara. Hal ini kerana, ianya memerlukan beberapa komitmen serta interaksi di antara individu sama ada dua atau beberapa kelompok individu bagi menjalankan sesuatu tugas atau



pekerjaan. Setiap perkara mahupun pekerjaan haruslah dijalankan serta dilaksanakan serta bersama serta ianya haruslah mendapat kata sepakat di antara satu sama lain. Hal ini kerana, apabila melaksanakan tugas secara bersama dan bersepakat, hasil daripada setiap pelaksanaan tersebut sudah tentu lebih baik dan juga kemas. Selain itu, ianya dapat membantu menyemarakkan lagi hubungan sosial yang harmoni.

### KESIMPULAN

Berdasarkan hasil penelitian yang telah dilakukan oleh pengkaji melalui novel Srengenge oleh Shahnnon Ahmad ini dapat dilihat dari aspek sosial yang mana adanya dalam masyarakat di desa ini adalah konflik, bekerjasama, selalu bersepakat serta nilai kemanusiaan telah diterapkan oleh penulis dalam karya beliau. Oleh itu, konflik yang berlaku dalam karya ini yang mana masyarakat yang memperjuang kepentingan masing-masing seperti Iman Ahmad tidak bersetuju dengan tindakan Awang Cik Teh yang ingin memugar Srengenge.

Seterusnya, pengkaji juga telah menerapkan dan menggunakan teori sosiologi sastera dalam kajian ini bagi memperkuat lagi aspek-aspek sosial dalam novel Srengenge oleh Shahnnon Ahmad. Sosiologi ini membawa maksud kepada di mana ia mengkaji tentang perkara yang berkaitan dengan masyarakat mahupun kemasyarakatan. Sosiologi secara teori yang mana kebiasaannya dikaitkan dengan soal-soal yang berkaitan dengan manusia dalam masyarakatnya. Oleh hal yang demikian, dengan mengaplikasikan teori sosiologi sastera. Dalam kajian ini yang sering dikenali dengan pelbagai nama seperti pendekatan sosial, gambaran masyarakat dan sebagainya. Di mana teori ini menekankan kepada sastera dengan masyarakat seperti mana dalam novel ini di mana ia berkaitan dengan kemasyarakatan di sebuah kampung.

Selain itu, novel Srengenge ini dihasilkan bukan hanya untuk hiburan kepada pembaca sahaja. Malah ia dihasilkan supaya nilai sosial yang terdapat dalam novel ini dapat memberikan impak yang baik kepada para pembaca karyanya itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, terhadap penelitian kami ke atas karya ini kami mendapati terdapat nilai sosial iaitu kerjasama, bersepakat serta nilai kemanusiaan yang telah diterapkan dalam novel ini. Di mana nilai kerjasama ini amatlah penting di dalam melakukan serta menyiapkan sesuatu perkara. Hal ini kerana, ada kerja yang memerlukan beberapa komitmen serta interaksi di antara individu atau beberapa kelompok individu bagi menjalankan sesuatu tugas atau pekerjaan itu dengan sempurna.

Bukan itu sahaja, ianya juga dapat membantu menyemarakkan lagi hubungan sosial yang harmoni antara masyarakat sepertimana dalam novel Srengenge ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, dalam novel Srengenge ini mempunyai aspek sosial yang baik yang mana ia telah diterapkan oleh penulisnya sendiri iaitu Shahnnon Ahmad dalam karyanya. Oleh hal yang demikian, Shahnnon Ahmad telah mengaplikasikan aspek sosial dalam karyanya ini iaitu Srengenge dengan baik dan dapat dijadikan contoh dalam kehidupan kita. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, karyanya ini banyak menerapkan nilai-nilai kemasyarakatan yang dapat dijadikan contoh kepada para pembaca serta masyarakat.

**RUJUKAN**

Karim, A. K. A., & Suhaini, N. (2020). Kepentingan teori dan ilmu sosiologi dalam konteks pendidikan menurut perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 1(1).

Kamus Dewan (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Sikana, M. (1986). *Kritikan sastera: Pendekatan dan kaedah*. Fajar Bakti.

Sikana, M. (2013). Koleksi teori sastera. *Selangor: Pustaka Karya*.

Abdul, A. R. (1990). Perempatan jurang sosiologi dan Sejarah. *Jurnal Jebat*, 18(317.334).

Ahmad, S. (2016). *Srengenge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

## PRINSIP PEMILIHAN KATA DALAM CEREKARAMA AYAHANDA BERDASARKAN TEORI KONSEPTUAL KATA KUNCI

Sakinah Harumi binti Zulhazmi, Nurul Shahirah binti Muda, Nur Aslinda binti Mohd Anuar, Nurul Syuhada binti Roslan, Muhammad Hafiz bin Zulkifli & Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[sakinah.c19a0723@siswa.umk.edu.my](mailto:sakinah.c19a0723@siswa.umk.edu.my), [aslinda.c19a0481@siswa.umk.edu.my](mailto:aslinda.c19a0481@siswa.umk.edu.my),  
[syuhada.c19a0694@siswa.umk.edu.my](mailto:syuhada.c19a0694@siswa.umk.edu.my), [shahirah.c19a0684@siswa.umk.edu.my](mailto:shahirah.c19a0684@siswa.umk.edu.my).

**Abstrak:** Makalah ini dihasilkan bertujuan untuk menganalisis mesej daripada sebuah cerekarama hasil nukilan Azizi Haji Abdullah iaitu Ayahanda menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang telah diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005). Makalah ini akan membincangkan mesej-mesej yang ingin disampaikan oleh Azizi Haji Abdullah. Menerusi pendekatan ini, perkara-perkara yang cuba disampaikan oleh pengarang akan dirungkai menerusi satu prinsip yang terdapat di dalam teori ini iaitu dari segi pemilihan kata. Prinsip ini adalah berkenaan dengan kata kunci yang menonjolkan apa yang cuba disampaikan oleh pengarang. Permasalahan atau isu yang ingin diulas serta menjadi perhatian pengkaji dalam kajian ini adalah bagaimana konseptual atau konsepsi Azizi Haji Abdullah dalam menyampaikan mesej yang mempengaruhi penghasilan karyanya yang bertajuk Ayahanda. Penulisan ini terarah kepada menjelaskan prinsip pemilihan kata dalam cerekarama Ayahanda menerusi Teori Konseptual Kata Kunci dan mengenalpasti secara mendalam tentang mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan ruang kajian kepada skop yang lebih terhad. Hal ini bertujuan untuk memastikan hasil akhir yang diperolehi adalah lebih jelas dan memuaskan. Walaupun skop batasan lebih kecil dan terhad, segala perisian yang dipaparkan adalah menepati tajuk dan tema yang dipilih. Diharap penerapan Teori Konseptual Kata Kunci di dalam penghasilan karya sastera dapat menyampaikan mesej kepada individu serta masyarakat berkenaan dengan keindahan dan pengajaran yang terkandung di dalam masyarakat dengan lebih jelas serta terperinci.

### PENGENALAN

Cerekarama dalam konteks pendidikan bermaksud cerita rekaan dan juga boleh merangkumi atau kepada fakta atau peristiwa sebenar oleh pengarang sebagai sumber yang diaplikasikan oleh pengarang untuk ditonjolkan dalam jalan penceritaan. Ia juga merupakan cerita atau kisah yang berlaku daripada peristiwa sebenar yang difilemkan untuk menceritakan sesuatu. Walaupun fiksyen adalah suatu cabang sastera utama, ia juga boleh disebut sebagai karya teater, sinematik, atau muzikal.

Kajian ini akan meneliti cerekarama *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang dipelopori oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005). Beliau menggariskan tiga prinsip dalam Teori Konseptual-Kata Kunci (T3K), iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan. Tetapi dalam konteks ini, makalah ini akan memfokuskan prinsip pemilihan kata dalam cerekarama Ayahanda menerusi Teori Konseptual Kata Kunci dan

mengenalpasti secara mendalam tentang mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Pemilihan cerekrama ini dibuat adalah berdasarkan jalan cerita yang mengisahkan tentang pengorbanan seorang bapa dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam mendidik anak-anaknya mengikut ajaran Islam.

Bagi menghayati sesebuah karya dengan lebih berkesan, sangatlah bermanfaat bagi seseorang pembaca itu mengetahui sedikit sebanyak mengenai aspek-aspek penulisan sesebuah karya tersebut. Ini adalah kerana, dengan adanya latar teori mengenai aspek-aspek tersebut seseorang pembaca itu dapat lebih mendalami apa yang tersirat dan tersurat di dalam sesebuah karya sastera itu. Seperti yang kita sedia maklum, sesebuah karya cereka dibangunkan oleh aspek-aspek yang signifikan seperti tema utamanya, plot yang cuba dicorakkan, watak dan perwatakan yang digarap oleh pengarang dan beberapa aspek lain.

Kebijaksanaan Azizi Haji Abdullah dalam mempersembahkan karya ini sememangnya diadaptasikan mengikut pengalaman hidup beliau yang telah dilalui bersama dengan arwah bapanya. Menurut Azizi Haji Abdullah selaku pengarang bagi cerekrama ini, watak-watak yang ditonjolkan oleh beliau merupakan watak-watak realistik di mana ia benar-benar wujud di alam nyata. Di samping itu, jika diteliti dengan lebih mendalam, kita akan dapat mengenalpasti akan keberadaan nilai-nilai kasih sayang, pendidikan serta nilai-nilai kekeluargaan. Selain itu, pendekatan yang akan diaplikasikan di dalam penulisan ini ialah Prinsip Pemilihan Kata yang terdapat dalam Teori Konseptual Kata Kunci.

Dalam prinsip pemilihan kata, pengarang akan mempraktikkan kata-kata yang berada dalam persekitarannya untuk menunjukkan konsepnya akan sesebuah perkara atau isu yang berlaku. Melalui prinsip pemilihan kata didapati terdapat sekumpulan kata-kata yang mempunyai perhubungan dengan sesuatu konsep yang sering diluahkan oleh pengarang. Prinsip Pemilihan Kata akan memberi kefahaman yang jelas kepada pembaca. Melalui penggunaan kata ini, jelas menunjukkan bahawa penulis menonjolkan kesungguhan dalam menyampaikan sesuatu mesej dari aspek positif ataupun negatif.

### **SOROTAN KAJIAN**

Sorotan kajian dalam makalah ini akan meneliti dan menelusuri kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Sorotan kajian ini akan mengulas kajian yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana ini sama ada di dalam atau luar negara yang menggarap teori yang sama.

Terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang dilaksanakan seperti Mohd Fahmi bin Ismail dan Mohammad Firdaus bin Che Yaacob (2018) melalui artikel mereka berjudul "Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Teori Konseptual Kata Kunci. Kajian ini dilakukan untuk memperlihatkan kepelbagaian nilai budaya telah lama wujud dalam kalangan masyarakat dan objektif kajian ini adalah untuk menilai kesan yang tersirat dalam cerita rakyat masyarakat orang Asli Temiar.

Seterusnya, kajian ini dilakukan oleh Nik Fazli Mohamad & Samsina Abdul Rahman (2015) melalui jurnal mereka berjudul “Puisi-Puisi Melayu Tradisional Dalam Drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970) karya Noordin Hassan”. Kajian yang telah dijalankan oleh mereka adalah berlandaskan kepada objektif utama mereka iaitu untuk mengenalpasti dan menganalisis karya-karya yang berkaitan menggunakan teori yang dipelopori oleh Mokhtar Hassan.

### **SKOP KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan ruangan kajian kepada skop yang lebih terhad. Hal ini bertujuan untuk memastikan hasil akhir yang diperoleh adalah lebih jelas dan memuaskan. Walaupun skop kajian lebih kecil dan terhad, segala perisian yang dipaparkan adalah menepati tajuk dan tema yang dipilih.

Dalam konteks ini, pengkaji membataskan bahan serta instrumen kajian kepada skop yang agak khusus dan terhad. Pengkaji hanya melakukan analisis kajian menggunakan platform rangkaian atas talian dan cerekarama yang telah dipilih sebagai tajuk utama kepada kajian. Tajuk cerekarama yang telah dipilih dalam kajian ini ialah cerekarama yang diberi judul Ayahanda. Karya ini telah dipilih kerana analisis ini melibatkan mesej penting yang cuba dipaparkan oleh pengkarya bertepatan dengan teori yang akan digunakan iaitu Teori Konseptual Kata Kunci.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam kajian ini, perbincangan yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti prinsip pemilihan kata dalam menerusi cerekarama Ayahanda dan menjelaskan mesej yang disampaikan oleh pengarang dalam cerekarama ini. Kajian ini penting untuk dilakukan adalah kerana para pembaca dapat mengetahui secara umum tentang pemilihan kata beserta dengan mesej-mesej yang digarap oleh pengarang di dalam cerekarama ini.

Terdapat pelbagai faktor mengapa para pengkaji mengkaji kajian berkaitan prinsip kedua yang terdapat dalam Teori Konseptual Kata Kunci di dalam cerekarama Ayahanda. Hal ini kerana, prinsip pemilihan kata mempunyai identitinya yang tersendiri dalam membantu pengarang menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu subjek penceritaan. Selain itu adalah bagi mengelakkan berlakunya isu salah tafsiran daripada pembaca dalam memahami maksud yang digarap oleh pengarang.

Justeru itu, bertitik tolak daripada masalah di atas, kajian ini menggariskan beberapa pemilihan kata/ diksi yang terdapat di dalam cerekarama Ayahanda. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti beberapa pemilihan dan mesej-mesej yang terkandung di dalam cerekarama Ayahanda sekaligus dapat menemukan perisian terbaik dalam menyelesaikan permasalahan ini.

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan berpandukan kepada beberapa objektif utama yang telah digariskan oleh pengkaji. Kajian yang dijalankan ini adalah bagi mencapai tujuan dan objektif berikut:

- 1) Menjelaskan prinsip pemilihan kata dalam cerekrama Ayahanda menerusi Teori Konseptual Kata Kunci.
- 2) Mengenal pasti mesej yang disampaikan oleh pengarang dalam cerekrama Ayahanda.

### METODOLOGI KAJIAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, (2007) metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang diaplikasikan di dalam sesuatu kajian, disiplin dan sebagainya. Metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan sesebuah kajian. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan *Teori Konseptual Kata Kunci* yang telah diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Kata Kunci dalam konteks ini bersifat kumulatif iaitu menghubungkan kata-kata tertentu pada rantai makna yang akan menghadirkan makna komprehensif bagi sesebuah karya.

Teori Konseptual Kata Kunci mempunyai 3 prinsip yang saling berkait di antara satu sama lain iaitu yang terdiri daripada Prinsip Kepengaruhan, Prinsip Pemilihan Kata dan yang terakhir ialah Prinsip Kesan. Namun, satu prinsip sahaja yang akan diaplikasikan untuk kajian ini, iaitu Prinsip Pemilihan Kata. Hal ini kerana, Prinsip Pemilihan Kata merupakan satu prinsip yang terkandung di dalam Teori Konseptual Kata Kunci.

Kajian ini menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang diasaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2005, di bawah Prinsip Pemilihan Kata. Prinsip Pemilihan Kata ini mengutamakan diksi dalam bentuk kata kunci dan simbol dalam teks. Penggunaan kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap suatu perkara. Prinsip ini dapat dikenalpasti dengan melakukan penelitian bersungguh-sungguh. Melalui prinsip pemilihan kata akan didapati terdapat sekumpulan kata-kata yang mempunyai perhubungan dengan sesuatu konsep yang sering diluahkan oleh pengarang.

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Cerekrama dalam konteks pendidikan bermaksud cerita rekaan dan juga boleh merujuk kepada realiti kancah kehidupan sebenar atau fakta oleh pengarang sebagai sumber inspirasi. Ia juga merupakan cerita atau kisah yang berlaku daripada peristiwa sebenar yang difilemkan untuk menceritakan sesuatu. Ayahanda yang merupakan karya asal Azizi Haji Abdullah (1997) memaparkan sebuah kisah yang mengisahkan tentang seorang bapa. Yang disorot menerusi kaca mata seorang anak lelaki. Ayahanda adalah salah satu cerekrama yang digarap unsur-unsur realistik atau secara spesifiknya adalah sebuah kisah yang digarap oleh pengarang menerusi pengadaptasian kisah realiti. Justeru, kajian ini akan membincangkan mengenai aspek-aspek pemilihan kata yang digarap oleh pengarang berserta dengan mesej-mesej yang terkandung di dalam cerekrama Ayahanda berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci.



### Mengenalpasti Prinsip Pemilihan Kata dalam Cerekarama Ayahanda

Kajian ini berfokus kepada pemilihan kata atau diksi yang diaplikasikan oleh pengarang dalam menyampaikan sesuatu mesej. Setiap aspek penulisan adalah berkait rapat dengan pemilihan kata atau diksi yang sesuai. Hal ini demikian kerana, ia adalah bertujuan untuk menyampaikan sesuatu dengan makna yang tepat. Selain itu adalah bagi mengelakkan berlakunya isu salah tafsiran daripada pembaca dalam memahami maksud yang digarap oleh pengarang.

#### 1. Pemilihan Kata: Pendidikan

Pemilihan kata yang digunakan oleh pengkarya asal cerekarama ini adalah bagi mewujudkan satu kefahaman yang jelas tentang idea pengarang tentang sesuatu perkara yang terlibat dalam sesebuah jalan cerita. Menerusi kata kunci utama yang diaplikasikan di dalam penceritaan, didapati pengarang ingin menyampaikan satu maklumat yang bermanfaat kepada penonton serta golongan masyarakat berdasarkan cerekarama Ayahanda. Kata kunci pertama yang ditemui di dalam karya ini adalah **“pendidikan”**. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1993) pendidikan didefinisikan sebagai satu usaha dalam mendidik yang merujuk kepada didikan, ilmu mendidik, dan juga ajaran.

Sehubungan dengan ini, menerusi cerekarama Ayahanda dipaparkan perihal pemilihan kata pendidikan yang digarap oleh pengarang menerusi watak bapa yang mendidik anak-anaknya berlandaskan ajaran Al-Quran. Pengarang memperlihatkan isu pendidikan ini menerusi watak utama yang telah menjadikan Abdullah sebagai seorang bapa dan juga merupakan seorang imam di sebuah kampung yang menjadi tempat tinggal buatnya. Menurut pengarang, Watak “Bapa” ini merupakan seorang yang sangat taat kepada perintah Allah. Dapat dilihat, bapa sangat mementingkan dan menekankan pendidikan agama terhadap kesemua anak-anak kandungnya terutamanya yang sangat kaitan dalam melakukan ibadat solat. Selain itu, melalui hasil didikan serta ketegasan sebagai seorang bapa melalui aspek agama dapat ditonjolkan melalui watak ‘aku’ yang merupakan anak lelaki bongsu bagi bapa. Hal ini dipamerkan melalui petikan di bawah yang telah dipetik melalui jalan cerita carekarama ini:

Mahu tak mahu selepas bapa solat, aku juga mesti solat dan kemudian Bang Cik Shafei. Begitulah bapa kalau ada di tengah sungai atau laut. Bapa tidak pernah mengabaikan solat. Dan selepas kami menunaikan solat maghrib, bapa mengambil alih tugasnya lagi.

(Azizi Haji Abdullah, 2021)

Menerusi dialog di atas ia telah menggambarkan bahawa ibadah solat ini merupakan perkara yang sangat wajib dilaksanakan serta bagi perkara keduniaan yang mampu melalaikan hendak ditinggalkan serta dijauhi bagi melaksanakan tanggungjawab seperti yang diperintahkan oleh Allah sebagai seorang hamba. Dalam hal ini ia menunjukkan bahawa Bapa telah memberi didikannya terhadap anak-anak dengan melaksanakan segala perintah Allah SWT dengan tidak meninggalkan solat walau dalam apa jua keadaannya. Bapa juga telah menunjukkan contoh yang baik terhadap watak ‘aku’ melalui dalam melakukan ibadah solat serta dalam apa jua yang

dilakukan dimana ia mendorong terhadap perkara yang baik wajar dicontohi serta dijadikan panduan oleh anak-anaknya.

Selain itu, melalui analisis kajian ini, aspek pemilihan kata pendidikan tersebut didapati diolah oleh pengarang menerusi watak bapa. Oleh hal yang demikian sangat jelaslah dapat dilihat bahawa pengarang telah menonjolkan watak bapa menerusi novel ini bagi memperlihatkan kepentingan pendidikan terhadap anak-anak yang berlandaskan agama Islam.

### **2. Pemilihan Kata: Institusi Kekeluargaan**

Seterusnya, maklumat lain yang cuba disampaikan oleh pengarang melalui jalan penceritaan Ayahanda ini adalah mengenai institusi kekeluargaan. Setelah diteliti dan difahami, didapati pengarang telah menghasilkan beberapa kata kunci yang mempunyai kaitan dengan mesej yang ingin disampaikan olehnya iaitu institusi kekeluargaan. “Keluarga” dikategorikan sebagai unit terkecil dari kelompok masyarakat yang didahului dengan ketua keluarga iaitu bapa serta beberapa ahli lain yang menetap bersama dan hidup dalam keadaan saling membantu di antara satu sama lain untuk melengkapkan satu tujuan (Depkes RI,1998). Dalam cerekrama ini terdapat dua ciri keluarga iaitu keluarga yang harmoni dan keruntuhan institusi keluarga.

Perasaan kasih dan sayang terhadap kedua-dua pinjaman Allah iaitu ibu dan bapa merupakan satu perkara yang sangat dititikberatkan dalam Islam. Allah SWT memerintahkan setiap umat manusia untuk berbakti kepada kedua orang tua. Hal ini demikian kerana, tanpa kehadiran ibu bapa kita bukan lah sesiapa. Watak yang telah ditonjolkan oleh pengarang yang mendasari jawapan tentang institusi kekeluargaan ialah menerusi watak “Aku” iaitu berkenaan dengan perasaan kasih dan sayang anak terhadap kedua-dua ibu bapanya. Keadaan ini boleh dilihat menerusi satu situasi yang digambarkan di dalam jalan cerita cerekrama ini.

Perkara ini ditonjolkan oleh pengarang sewaktu bapa tidak pulang ke rumah dalam tempoh yang sangat lama. Perkara ini telah menimbulkan kegusaran terutamanya kepada isteri dan anak-anaknya. Disebabkan rasa bimbang yang teramat akan keselamatan bapanya, “Aku” nekad untuk keluar mencari bapanya sendiri di sungai kerana dia tahu persis keadaan bapanya yang sudah agak uzur untuk keluar dalam jangka waktu yang sangat lama. Sewaktu “Aku” dan abang-abangnya sedang dalam proses pencarian bapa mereka, perahu yang dikayuh tiba-tiba terhenti disebabkan oleh dayung yang tersekat disebabkan oleh tali dawai ikan sembilang yang sering mereka lihat. Ternyata ia kepunyaan bapa mereka.

Bapa ditemui berada di dalam perahu dalam keadaan yang sangat lemah disebabkan menahan kesakitan akibat dipatuk oleh ular. Di saat ini lah pengarang menunjukkan situasi di mana “Aku” menangis semahu-mahunya berbeza dengan wataknya yang sebelum ini yang sangat benci akan bapanya sendiri. Segala nasihat yang diberikan oleh bapanya ditentangi sekeras-kerasnya. Namun, berbeza dengan situasi pada kali ini yang menunjukkan masih ada rasa kasih di dalam dirinya yang sangat takut kehilangan bapanya. Hal ini dapat dibuktikan melalui situasi yang berikut:

Dengan gopoh-gapah, Abang Ramli mendayung balik. Aku meriba bapa. Sepanjang kayuhan Abang Ramli, air mataku mencurah-curah dan ada titik-titiknya jatuh ke dada bapa.

(Azizi Haji Abdullah, 2021)

Menerusi situasi yang dipaparkan, pengarang cuba menjelaskan perwatakan “Aku” yang sangat sedar akan kecelaruan perasaannya bahawa sebenarnya terdapat perasaan kasih dan sayang akan ahli keluarganya. Pengarang mentafsirkan keadaan “Aku” yang sangat khuatir terhadap keadaan serta keselamatan nyawa bapanya terutamanya sewaktu bapanya yang berada dalam keadaan tidak yang tidak sedarkan diri. Namun disebabkan sikap bapa yang agak pendiam, “Aku” telah menyifatkan bahawa bapa seorang yang teruk dan langsung tidak mengambil cakna akan kehadiran anak-anaknya. Perkara ini yang sedemikian telah membuatkan aku memendam perasaan benci terhadap ayahnya sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa pemilihan kata institusi kekeluargaan yang digarap oleh pengarang di dalam cerekrama ini jelas ingin menunjukkan bahawa satu kefahaman yang ingin ditonjolkan serta idea melalui jalan penceritaan yang telah dipamerkan.

### 3. Pemilihan Kata: Lingkungan masyarakat

Pemilihan kata yang dipilih bagi menggambarkan idea yang telah dicetuskan oleh pengarang tentang sesuatu subjek penceritaan yang ingin disampaikan. Dalam hal ini kata kunci utama yang diaplikasikan di dalam penceritaan ini adalah pengarang ingin menjelaskan mesej yang tersirat bagi golongan masyarakat berdasarkan cerekrama Ayahanda. Kata kunci pertama yang ditemui dalam karya ini adalah “*masyarakat*”. Menurut Kamus Dewan Edisi (2005) masyarakat membawa maksud kepada golongan manusia yang hidup bersama di bandar mahupun kampung serta mempunyai budaya yang sama dan turut terlibat dengan melakukan pelbagai kegiatan bersama.

Menerusi carekrama Ayahanda ini ia telah mempamerkan tentang pemilihan kata masyarakat menerusi watak golongan manusia yang menunjukkan ketidakpuasan hati terhadap Abdullah yang merupakan seorang imam di sebuah kampung. Menurut pengarang, watak imam ini telah mempamerkan ia seorang yang kuat dalam beribadah serta berkongsi ilmu agama dan kitab bersama anggota masyarakat di kampungnya. Namun begitu ada di kalangan anggota masyarakat di kampung tidak menyukainya serta mengejek nya dengan menyindir bahawa imam berkongsi ilmu agama yang sama sudah bertahun-tahunnya. Hal ini telah memperlihatkan melalui petikan di bawah yang dipetik daripada jalan cerita carekrama:

Lan dan bertahun asyik benda yang sama je orang tua ni tak pernah nak tukar kitab. Aku dah sampai tak boleh hadap benda ini. Alang-alang nak tukar kitab elok tukar gurunya sekali.

(Azizi Haji Abdullah, 2021)

Menerusi dialog di atas ia telah menunjukkan bahawa anggota masyarakat telah mempamerkan sifat tidak suka terhadapnya dalam menyebarkan ilmu dan mendesak supaya berhenti dan

digantikan oleh imam yang baru. Dalam cerekarama ini bapa memperlihatkan contoh seorang yang kuat terhadap watak “aku” dimana ia mempunyai jati diri yang tinggi tanpa menghiraukan kata-kata serta tohmahan dari anggota masyarakat yang tidak menyukainya.

Di samping itu, melalui analisis kajian ini, aspek pemilihan kata masyarakat didapati oleh pengarang dengan menonjolkan dengan jelas sikap segelintir anggota masyarakat yang hidup bersama dalam satu lingkungan masyarakat serta mempunyai budaya yang sama sangat jelas bahawa setiap daripada anggota masyarakat ini sudah pasti mempunyai sikap iri hati dan tidak senang melihat seseorang disukai mahupun disantuni dengan baik. Sudah jelas bahawa pengarang telah mengolah watak imam untuk memperlihatkan pelbagai ragam golongan masyarakat yang wujud dalam satu organisasi yang ada.

### **Menjelaskan mesej yang disampaikan oleh pengarang dalam cerekarama Ayahanda**

Melalui beberapa kata kunci yang telah diselitkan oleh pengarang di dalam cerekarama ini, telah menunjukkan bahawa pengarang telah berusaha dalam menyampaikan mesej yang tersirat serta tersurat yang mengandungi pelbagai makna terhadap masyarakat. Bagi Pemilihan kata yang saling berkait melalui unsur-unsur serta mesej yang telah dimasukkan oleh pengarang di dalam jalan cerita. Perkara ini secara tidak langsung menonjolkan lagi pemikiran pengarang kerana penyampaian mesej juga turut menjadi elemen penting dalam kajian ini.

#### **1. Kepentingan Pendidikan Agama Kepada Anak-anak**

Berdasarkan cerekarama Ayahanda, pengarang menyampaikan satu mesej penting. Mesej yang disampaikan oleh pengarang melalui jalan cerita cerekarama ini adalah mengenai kepentingan pendidikan agama kepada anak-anak. Justeru, bagi menilai mesej yang disampaikan oleh pengarang, pengkaji melihat beberapa kata kunci, frasa dan wacana yang secara langsung menonjolkan kepentingan pendidikan agama kepada anak-anak. Ini boleh ditunjukkan melalui contoh berikut:

Situasi ini dilihat pada situasi “aku” menegur isterinya yang masih duduk di kerusi  
“Sedap duduk! Dah Maghrib dah? Kita dah nak masuk Isyak dah ni. Kita kalau nak  
berniaga, kalau nak peroleh keberkatan, solat kena jaga”.

(Azizi Haji Abdullah, 2021)

Pengarang menunjukkan kepada masyarakat bahawa pendidikan agama sangat penting terutamanya dalam mendidik anak-anak. Dialog ini menunjukkan bahawa didikan agama yang diterapkan oleh bapa telah tersemai di dalam diri anak-anak. Bapa telah berjaya menyemai nilai keagamaan dalam diri anaknya walaupun sudah berkerjaya dan sudah tidak tinggal di bawah satu bumbung. Pengarang menunjukkan kepada masyarakat bahawa pendidikan agama anak-anak yang diasuh dengan sebatian agama akan membesar dalam keadaan yang lebih baik dalam jurang meniti ke alam dewasa.

Hasil didikan agama yang sempurna ia juga merupakan antara faktor utama dalam membentuk sahsiah serta jati diri yang kuat supaya cemerlang dalam diri seseorang anak itu. Dalam erti kata

lain ia telah menunjukkan bahawa, terdapat ramai ibu bapa kini tidak begitu menekankan terhadap didikan agama bagi anak-anak sehingga menjadikan mereka terjerumus dalam pelbagai masalah sosial yang berkaitan akhlak serta akan lalai dalam soal ibadah. Selain itu, melalui aspek agama ia telah menjadi antara perkara yang sangat paling dimana perlu dihiasi dalam diri anak-anak. Di samping itu, pendidikan agama yang baik kepada anak-anak dapat mengelakkan mereka daripada terjerumus ke dalam perkara yang tidak bermoral yang mampu memberi kesan yang buruk terhadap mereka.

### 2. Keluarga yang Harmoni

Berhubung dengan mesej keluarga yang harmoni, pengarang menyampaikan mesej berkenaan keluarga ini berteraskan kepada beberapa kata kunci yang ditemui. Antaranya ialah kasih, saling memaafkan, saling memberi kekuatan dan saling memberi dorongan di antara satu sama lain. Menerusi penulisan ini, rasa kasih dan sayang mempunyai satu perikatan makna yang dekat dengan mesej yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam cerekrama Ayahanda ini.

Hal ini dikatakan demikian kerana, sebagai seorang pasangan hidup yang sudah menjalani liku-liku kehidupan sejak bertahun lamanya dengan sang suami, sudah tentu akan terbit dan tertanamanya rasa kasih yang begitu mendalam di antara pasangan. Menerusi Ayahanda, dapat dilihat bahawa pengarang sama sekali tidak mengeneipkan rasa kasih yang tertanam di dalam diri seorang wanita istimewa iaitu isteri. Dalam Ayahanda, watak Hajah Noriah menampakkan ciri-ciri kesabaran, rela berkorban, pasrah, menyerah dan menurut perintah. Pengarang menunjukkan bahawa berkasih sayang dalam keluarga merupakan satu bentuk realiti kehidupan yang harmoni dan bahagia.

Dalam cerekrama ini, pengarang telah mempamerkan watak ibu yang sudah dimamah usia tetapi begitu taat dan sangat menghormati bapa. Meskipun ada beberapa perkara yang tidak disenangi oleh ibu namun ibu sama sekali tidak membantah apatah lagi mahu menidakkan segala keputusan bapa. Malah ibu sangat kecewa apabila anak-anaknya sendiri tidak menghormati keputusan bapa mereka. Perkara ini telah mengguris hati ibu tanpa disedari oleh anak-anak. Hal ini dapat dilihat menerusi dialog ini:

‘Aziz, Kak Limah, Bang Mat dan Bang Li setuju kalau masjid pak ditutup! Kami dah pedih telinga dengar jemaah asyik cakap pak tua, ketinggalan zaman guna kitab lama, tiada perubahan”.

(Azizi Haji Abdullah, 2021)

Namun sebagai isteri yang sangat kalis dengan perangai suaminya, ibu agak terkilan dengan sikap anak-anaknya yang sanggup bertindak sedemikian sehingga menyinggung perasaan bapa. Disebabkan perasaan kasih dan taat seorang si isteri yang kasih akan suaminya, beliau turut merasai kesedihan akibat kata-kata si bongsu dan adik beradik yang lain. Tetapi ibu tetap mempertahankan bapa dan menyokong segala tindakan bapa. Ibu berkata kepada anak bongsunya iaitu Aziz bahawa:

Salah satu yang kamu kena faham sangat tentang bapak ni, masjid tu dah jadi rumah nombor satu, rumah kita ni dah jatuh nombor dua. Sayang bapak dekat masjid tu Jis tiada siapa yang faham, hanya mak je yang faham. Mintak maaf dekat bapak ye Jis?

(Azizi Haji Abdullah, 2021)

Ayat di atas menyatakan bahawa ibu memberi pesanan dan nasihat kepada anaknya supaya tidak mengguriskan hati bapa. Sikap ini akan menyebabkan hubungan di antara bapa dengan anak-anak menjadi renggang. Selain itu, turut dinyatakan di dalam ayat ini juga untuk memahami isi hati bapa yang tiada siapa yang faham. Oleh itu, menerusi cerekrama Ayahanda ini dipaparkan mesej mengenai keluarga yang harmoni tentang kesetiaan seorang isteri terhadap suaminya.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa kesimpulan yang dapat disimpulkan di dalam cerekrama hasil nukilan Azizi Haji Abdullah. Penulisan beliau banyak menerangkan tentang penghasilan beberapa teori dan pengajaran. Beliau sendiri merasai pengalaman dan mengadaptasikan ke dalam penulisannya. Teori Konseptual Kata Kunci menjadi tunjang utama kepada keindahan dan keperibadian yang baik untuk individu dan sesebuah masyarakat. Selain itu, perkara ini dikaji dengan mendalam tentang bagaimana wujudnya satu luahan yang dikarang oleh penulis. Terkadang, apa yang ditulis oleh penulis membuatkan perselisihan kefahaman diantara pengkaji. Hal demikian, terdapat isi penting yang dikupas di dalam analisis kajian. Antaranya ialah pemilihan kata seperti “*masyarakat*”. Sebagai contoh kata kunci utama yang diaplikasikan di dalam penceritaan ini adalah pengarang ingin menceritakan tentang perkara yang tersirat bagi golongan masyarakat berdasarkan cerekrama Ayahanda.

Walhal, terdapat juga perkara yang melibatkan institusi kekeluargaan yang diujahkan di dalam penulisan. Apabila dikaji dan difahami, didapati pengarang telah menghasilkan beberapa kata kunci yang mempunyai kaitan dengan mesej yang ingin disampaikan olehnya iaitu institusi kekeluargaan. “Keluarga” dikategorikan sebagai unit terkecil yang diketuai oleh seorang ayah dan anak-anaknya. Wujud kerisauan diantara isteri dan anak apabila bapanya tidak pulang ke rumah pada waktunya. Di dalam kisah ini sangat menitikberatkan tentang kasih sayang di antara ahli keluarga. Perkara yang tersirat membolehkan idea dan pemikiran penulis mudah untuk difahami dan dapat dikaji dengan lebih mendalam. Perkataan juga menggambarkan sikap dan tindakan individu terhadap jalan penceritaan

### RUJUKAN

Abdullah, A. H. (2016). *Ayahanda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saman, S. M., & Radzi, S. B. M. (2022). *Persuratan Melayu - Tradisional Ke Modern (Malay Literature - Traditional to Modernity)* (1st ed.). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



- Hamdani, H. (1988). *Konsep dan pendekatan sastra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hassan, M. M. (2005). *Teori konseptual kata kunci*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Setyorini, N. (2014). Aspek-Aspek Stilistika Novel Lalita Karya Ayu Utami. *Jurnal Bahtera*, 1(2), 21-33.
- Prasetya, A. D. A. (2019). Analisis Kesalahan Ejaan dan Pilihan Kata pada Surat Dinas di STKIP Al Hikmah Surabaya. *Lingua Franca: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 3(1), 120-127.
- Faricha, N. Z. (2015). Penggunaan Diksi Dan Gaya Bahasa Pada Novel "Daun Yang Jatuh Tak Pernah Membenci Angin" Karya Tere Liye. *Jurnal Magister Pendidikan Bahasa Indonesia*, 2(9), 146-152.
- Zainal, M. Z., Mydin, A. A., & Musanif, A. M. (2018). Makna Penutur Bagi Ujaran Tak Langsung Dalam Skrip Drama Bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 34(2), 243-262.
- Bujang, R. (2015). *Drama Melayu: Dari skrip ke pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## NILAI MORAL DALAM FILEM PASKAL MENGGUNAKAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Nirhoshan Vharmhan Nair, Nor Aishah Alysa binti Azhar, Nur Diani binti Halim, Alyaa Ateerah binti Rosli & Syarah Aqilah binti Zulfakar

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[nirhoshan.c19a0385@siswa.umk.edu.my](mailto:nirhoshan.c19a0385@siswa.umk.edu.my), [alysa.c19a0369@siswa.umk.edu.my](mailto:alysa.c19a0369@siswa.umk.edu.my),  
[alyaa.c19a0033@siswa.umk.edu.my](mailto:alyaa.c19a0033@siswa.umk.edu.my) & [syarah.c19a0804@siswa.umk.edu.my](mailto:syarah.c19a0804@siswa.umk.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji nilai- nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal dan menganalisis kesan yang akan wujud melalui nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Bagi melaksanakan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan di mana kaedah ini merangkumi kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang, kaedah pengumpulan data dan kaedah pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Pengumpulan data pula melibatkan penghayatan dan tontonan filem Paskal dengan teliti. Seterusnya, proses analisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal dilakukan dengan hanya memilih nilai moral yang dominan. Nilai-nilai moral yang dapat dipetik dari filem Paskal ini telah dianalisis dengan lebih terperinci melalui penggunaan salah satu teori tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Ilmiah yang diilhamkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Kesemua maklumat yang diperolehi serta dikumpul telah diolah mengikut fahaman supaya boleh digunakan sebagai sumber pada masa akan datang. Kajian ini memfokuskan kepada mesej dan pengajaran yang ingin disampaikan melalui filem Paskal dimana watak utama Leftenan Komander Arman Anwar telah banyak memainkan peranan supaya jalan cerita filem ini menjadi lebih menarik dan bermakna. Filem ini telah ditonton beberapa kali dan dikaji dengan pelbagai sudut untuk mendapat analisis yang tepat dan logik. Tuntasnya, hasil kajian ini mendapati bahawa filem Paskal ini telah mengetengahkan nilai-nilai moral bagi memberikan pengajaran kepada para penontonnya.

**Kata kunci:** Nilai moral, filem Paskal, pendidikan filem, Pengkaedahan Melayu

### PENGENALAN

Filem merupakan salah satu saluran yang ditampilkan di sebuah panggung atau pertunjukkan untuk dipertontonkan kepada masyarakat umum. Setiap filem yang dicipta ini menggunakan kamera bagi merakam visual bergerak yang memaparkan jalan penceritaan yang ditulis, reaksi muka, visual dan bunyi serta skrip diolah dalam bentuk dialog (Arsiah, Faridah & Mazni,1996). Filem ini juga dikategorikan sebagai sebuah drama. Menurut Mohamad Nazri Ahmad (2000:6) menyatakan bahawa drama adalah sesuatu penciptaan yang dihasilkan daripada peniruan dalam sesebuah masyarakat. Skrip-skrip drama diolah berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dialami, difikir atau dikhayal oleh pengarangnya. Ini menjelaskan bahawa sesuatu karya yang dihasilkan adalah berdasarkan pengamatan, pembacaan, dan pemerhatian serta pengalaman hidup yang berlaku dalam kehidupan masyarakat.

Filem Paskal arahan Adrian Teh merupakan sebuah filem yang bergenre aksi ketenteraan Malaysia dan ianya berdasarkan daripada kisah benar. Filem ini bukan sahaja menceritakan tanggungjawab pasukan elit TLDM dan PASKAL dalam merampas semula kapal dagang MV Bunga Laurel namun turut memaparkan sisi moral yang baik dan murni. Dengan menonton sebuah filem, nilai-nilai moral dapat dilihat melalui perwatakan atau tokoh yang ditonjolkan yang ada dalam filem. Misalnya, nilai kerjasama, keberanian dan seumpamanya. Tambahan pula, ia sememangnya merupakan cerminan berkenaan dengan kehidupan masyarakat secara tidak langsung yang difokuskan kepada nilai-nilai atau pesan moral. Malah filem ini juga dapat dilihat sebagai filem yang mampu mengajar dan mendidik masyarakat melalui nilai-nilai moral.

Nilai moral bermaksud satu sistem yang akan menilai tindakan secara zahir manusia dalam hubungan sesama manusia lain. Sesebuah nilai itu ditentukan oleh masyarakat umum berdasarkan kepada cara pemikiran yang tertentu. Sebagai contoh, dari segi perhubungan atau hubungan persaudaraan di antara sesama manusia dan juga makhluk yang lain seperti haiwan dan tumbuhan. Hal ini kerana, ahli falsafah mampu melihat sesuatu isu yang berkaitan dengan nilai moral dari pelbagai sudut yang berbeza berdasarkan penilaian dan tahap kepercayaan dalam kehidupan mereka.

Berdasarkan filem yang telah dipilih, kajian ini menjelaskan bahawa melalui filem ini mampu mengungkapkan nilai-nilai moral kepada masyarakat yang dapat dijadikan sebagai pelajaran serta pemahaman berkenaan pesan moral yang terdapat di sepanjang penceritaan filem ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memaparkan nilai moral menerusi filem Paskal dengan menggunakan pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1994).

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian merupakan masalah yang ditimbulkan oleh sesuatu perkara atau situasi menyebabkan pengkaji ingin melakukan beberapa penyelidikan. Permasalahan kajian dinyatakan dengan jelas (wujud) dan memerlukan jalan penyelesaian serta penjelasan yang tepat. Di samping permasalahan kajian boleh dikenalpasti melalui kesukaran atau kesusahan, perasaan ingin tahu, keraguan, fakta yang bercanggah atau sesuatu yang tidak kena. Oleh itu, terdapat beberapa permasalahan kajian dalam filem Paskal pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral.

Antara permasalahan kajian dalam filem Paskal ialah watak sampingan yang kurang menyerlah. Hal ini dikatakan demikian kerana, watak utama iaitu Leftenan Komander Arman (Hairul Azreen) diberi peluang untuk lebih menyerlah berbanding pelakon-pelakon yang lain. Pelakonan sampingan seperti Taufiq Hanafi yang memegang watak sebagai ustaz nampak menyerlah walaupun wataknya diselit sekali sekala. Namun begitu, watak sampingan seperti Amerul Affendi yang berpegang watak antagonis iaitu lanun kelihatan kurang menyerlah berbanding watak sampingan yang lain. Wajahnya yang kelihatan antagonis namun dia kurang diberi peluang untuk menyerlah lebih lagi. Tambahan pula, watak sampingan iaitu Yan (Hafizul Kamal) lakonannya

kelihatan sedikit kaku apabila beliau menuturkan loghat Kedah. Cara percakapan Yang kelihatan agak janggal apabila didengarkan.

Selain itu, menurut Creswell (2005:61), masalah kajian adalah isu, kontroversi atau keprihatinan yang ingin dikaji. Pernyataan masalah adalah satu deskripsi penulisan yang mempersembahkan atau mengetengahkan permasalahan kajian dalam bentuk huraian. Setelah membuat penyelidikan tentang filem Paskal, pengkaji mendapati bahawa kajian lepas yang membicarakan mengenai filem Paskal tidak banyak dikemukakan oleh pengkaji sama ada tempatan atau luar. Jadi, pengkaji menghadapi masalah untuk merujuk mana-mana bahan yang boleh digunakan untuk dirujuk dan diketengahkan kerana tidak ada lagi pengkaji yang pernah mengkaji apa-apa isu dan kajian mengenai filem Paskal. Oleh itu, ia mendorong pengkaji untuk mengkaji dan menyelidik hasil kajian dengan lebih mendalam walaupun filem ini baru sahaja ditayangkan pada tahun 2018. Terdapat banyak nilai moral yang ditunjukkan melalui watak watak dalam filem Paskal yang ternyata membawa kesan yang positif terhadap penonton. Oleh yang demikian, pengkaji merasa filem Paskal sesuai untuk dikaji dengan lebih mendalam dalam aspek Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral.

Akhir sekali ialah permasalahan kajian dalam filem Paskal ialah sikap watak sampingan yang tidak bermoral. Terdapat isu yang ditemui oleh pengkaji dalam filem tempatan menerusi kajian yang ingin dijalankan. Filem yang ditayangkan ada memaparkan perkara yang tidak baik. Misalnya, watak sampingan yang terlibat dengan perkara yang tidak elok. Perkara mazmumah ini juga dapat memberikan kesan kepada penonton dari segi pengaruh psikologi. Adanya permasalahan kajian tersebut, maka timbul persoalan kajian. Persoalan kajian iaitu apakah nilai-nilai moral yang ada dalam filem Paskal yang mana filem ini mendapat sokongan ramai daripada masyarakat dan pelbagai pihak. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal

### **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengkaji nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal.

Melalui kajian ini pengkaji ingin mencari nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal ini untuk tujuan memberikan contoh teladan kepada masyarakat bukan sahaja menonton filem ini tanpa mengambil sebagai tauladan dalam kehidupan harian mereka.

2. Menganalisis kesan yang akan wujud melalui nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal.

Pengkaji ingin melihat sejauh mana kesan yang akan terjadi sekiranya nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal ini mampu memberikan kesedaran serta contoh yang baik kepada masyarakat masa kini terutamanya golongan kanak-kanak dan golongan remaja.

### **SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini perlu dijalankan bagi mengelakkan analisis yang ingin dikaji tersasar jauh daripada tujuan utama kajian ini dilakukan. Kajian ini dianalisis hanya menggunakan satu teori tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang (1989).

Teori Pengkaedahan Melayu mempunyai dua bahagian iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaji memilih Pengkaedahan Alamiah yang mana ia hanya terdiri daripada tiga pendekatan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya membataskan kepada satu pendekatan sahaja iaitu pendekatan moral. Kajian ini hanya menggunakan satu filem tempatan sahaja iaitu filem yang bertajuk Paskal yang diarahkan oleh Adrian Teh dan filem ini ditayangkan pada tahun 2018. Menerusi filem ini, kajian ini hanya membincangkan tentang nilai moral yang terdapat dalam filem tersebut. Namun begitu, nilai moral yang ingin dikaji adalah berfokuskan kepada watak utama dan juga watak-watak sampingan yang memaparkan sifat protagonis. Antaranya watak Arman, Joshua, tentera-tentera Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan lain-lain.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini merangkumi kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang, kaedah pengumpulan data dan kaedah pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan atau sumber yang mempunyai kaitan dengan nilai-nilai moral yang ada pada setiap watak. Sumber utama yang diaplikasikan adalah sumber bertulis seperti penulisan akademik, jurnal ilmiah dan kajian sarjana. Kaedah laman sesawang pula melibatkan sumber dari internet untuk mendapatkan maklumat. Kaedah pengumpulan data melibatkan penghayatan dan tontotan terhadap filem Paskal. Proses pengumpulan analisis nilai moral adalah dengan menganalisis data tersebut dengan pemilihan nilai moral yang dominan. Nilai moral tersebut dianalisis dengan menggunakan salah satu teori tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Ilmiah yang diilhamkan oleh Hashim Awang (1989).

### **TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU**

Teori Pengkaedahan Melayu ini telah dicetuskan oleh Hashim Awang (1994). Beliau merupakan seorang sarjana dan pengkritik yang terkemuka negara. Teori Pengkaedahan Melayu ini berlandaskan semua aspek manusia dari segi hidup dan cara manusia, kebudayaan dan kepercayaan setempat dalam kalangan orang Melayu dan mereka menghasilkan karya-karya mereka sendiri. Menurut Hashim Awang (1994), bagi mengaplikasikan teori ini dalam pengajian Kesusasteraan Melayu, teori Pengkaedahan Melayu telah dibahagikan kepada dua iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah adalah berdasarkan gaya hidup atau sikap masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Melalui pengkaedahan ini, ia dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

Meskipun Teori Pengkaedahan Melayu dibagikan kepada dua pendekatan iaitu Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan, namun hanya satu pendekatan yang digunakan untuk kajian ini iaitu Pendekatan Moral. Teori Pengkaedahan Melayu dan Pendekatan Moral ini digunakan kerana sangat relevan dan berkait dengan kajian nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal. Hal ini kerana, pendekatan ini merupakan satu pendekatan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang berlandaskan semua aspek manusia dari segi hidup, cara manusia, kebudayaan dan kepercayaan setempat dalam kalangan masyarakat.

### **PENGAEDAHAN ALAMIAH**

Pengkaedahan Alamiah telah diwujudkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang pada 1989 di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaedahan Alamiah merupakan kaedah yang menerangkan sikap dan cara hidup orang-orang Melayu yang menjadikan dan mengamalkan bahawa alam sebahagian dalam kehidupan dan diri mereka. Masyarakat Melayu menjadikan alam sebagai kepentingan utama dalam kehidupan mereka ia memberikan kebaikan, pengalaman, pekerjaan dan pelbagai pengajaran. Pengkaedahan Alamiah terbahagi kepada tiga iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Pemilihan pendekatan moral telah dipilih dalam mengkaji nilai moral yang terdapat dalam filem Paskal arahan Adrian Teh.

### **PENDEKATAN MORAL**

Pendekatan moral dapat dinyatakan sebagai sebuah karya sastera atau filem yang mengandungi pelbagai pengalaman kehidupan dalam sesebuah masyarakat atau seseorang individu yang mampu memberi pengajaran, tauladan, contoh yang baik atau impak yang positif kepada orang lain apabila seseorang itu menghayati karya tersebut kerana di dalam setiap karya sastera ataupun filem mengandungi banyak ilmu pengetahuan. Menurut Hashim Awang (2002:2), pendekatan moral disasari daripada pendekatan gunaan. Contohnya, sastera yang terbentuk daripada sesuatu objek dan kejadian. Setelah itu, pendekatan moral yang menggantikan pendekatan gunaan yang tidak lagi menyamai benda atau alat yang memberi kegunaan tetapi menggunakan pengalaman manusia sebagai pengajaran atau moral. Pengalaman merupakan sesuatu peristiwa yang telah dilalui oleh seseorang sama ia memberi impak negatif ataupun positif.

### **ANALISIS KAJIAN FILEM PASKAL**

Menerusi filem Paskal dapat dilihat bahawa filem ini mampu mengungkapkan nilai-nilai moral sepanjang penceritaan filem itu. Dalam menganalisis filem yang telah dipilih, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Setelah pengkaji membuat kajian berkenaan nilai moral yang terdapat dalam filem tersebut, pengkaji mendapati bahawa nilai moral seperti baik hati, nilai kerjasama, nilai bijaksana dan lain-lain yang terkandung dalam filem Paskal.

#### **1. Nilai Moral Kerjasama**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), kerjasama adalah sesuatu kerja yang diusahakan bersama-sama atau saling bantu-membantu diantara dua atau beberapa pihak. Maksud kerjasama merujuk kepada sikap saling bantu-membantu yang wujud dalam diri setiap pekerja yang berganding bahu dalam menjalankan tugas untuk mencapai matlamat yang telah diarahkan dan ditetapkan oleh organisasi. Terdapat banyak manfaat yang diperoleh apabila nilai moral kerjasama ini diterapkan dalam diri seluruh masyarakat khususnya apabila melaksanakan tugas dalam komuniti, kelompok dan organisasi. Antara kepentingan mengamalkan nilai moral kerjasama ialah dapat meningkatkan motivasi pekerja ketika menjalankan tugas. Pemupukan nilai kerjasama dalam pasukan juga memiliki peluang yang cerah untuk berjaya kerana setiap



pekerja atau ahli organisasi bersama-sama berganding bahu untuk menyumbang pengetahuan dan kemahiran masing-masing dalam mencapai fokus, objektif, matlamat dan sasaran organisasi.

Kepentingan dan manfaat nilai moral kerjasama bukan sahaja penting diamalkan dalam masyarakat umum malah amat penting dalam dunia ketenteraan laut. Nilai moral kerjasama dalam pasukan adalah penting dalam operasi harian tentera kerana tanpa nilai moral kerjasama yang diterapkan dalam diri, maka fokus tujuan itu tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pekerjaan mereka juga melibatkan soal hidup atau mati. Dalam semua kes, perkhidmatan dalam tentera melibatkan kepimpinan dan kerja berpasukan. Apabila tentera tidak dapat bekerjasama dengan baik, maka musnahlah tujuan mereka untuk menumpaskan musuh. Pencapaian misi adalah berdasarkan pasukan yang sentiasa bekerjasama yang terbaik dalam pasukan dan memberikan kepimpinan yang mantap dalam situasi yang tertekan.

Menerusi filem Paskal arahan Adrian Teh, nilai moral kerjasama ini dapat dilihat apabila seluruh Pasukan Khas Laut (PASKAL) dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang telah diketuai oleh Komander Leftenan Arman Rahmat telah bekerjasama dengan pasukannya untuk menumpaskan musuh yang mengancam keamanan negara. Nilai moral kerjasama ini juga dapat dilihat apabila bermulanya arahan yang telah diberikan oleh Panglima Kamarulzaman yang dilakonan oleh Dato' Sri Eizlan Yusof pada permulaan filem. Seluruh Pasukan Khas Laut (PASKAL) menerima arahan dengan segera dan terus bekerjasama dalam Misi pengaman PBB

di Angola pada tahun 1998 dan Misi rampasan kapal dagang lanun Somalia di Teluk Aden pada tahun 2011. Kerjasama jitu yang ditonjolkan oleh Pasukan Khas Laut (PASKAL) ini merupakan antara contoh kepentingan nilai moral kerjasama dalam dunia ketenteraan laut kerana ia memerlukan semangat dan ramai ahli untuk mengawal keamanan negara dan menumpaskan musuh. Tugas mereka semestinya amat penting dalam mencapai misi yang diarahkan kerana kejayaan mereka dalam menumpaskan musuh bukan sahaja memberi manfaat kepada kejayaan seluruh pasukan dan organisasi Pasukan Khas Laut (PASKAL) tersebut, malah, memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Seterusnya, nilai moral kerjasama yang dapat dilihat menerusi filem Paskal ini ialah apabila Pasukan Khas Laut (PASKAL) telah bekerjasama merangka strategi dan menyusun rancangan untuk menumpaskan musuh yang pernah menjadi anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL) iaitu Zariff atau lebih dikenali sebagai Jeb. Jeb merupakan bekas Pegawai Waran Kelas 1 sebelum dia keluar dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Jeb juga merupakan seorang lelaki yang lebih kuat, berotot dan mendapat ganjaran berdasarkan kemahirannya semasa berkhidmat dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Tingkah laku Jeb yang tidak menentu dan agresif digambarkan pada awal latihan asas dan rasa cemburunya terhadap Arman semakin kuat. Dalam misi di Angola pada tahun 2011, sifat agresifnya telah mengatasi rasionalnya. Dia memilih untuk menyerang musuh dengan bom tangan yang dilemparkan ke belakang oleh musuh dan tragedi ini telah membunuh Joshua yang merupakan salah seorang anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL). Jeb telah dilepaskan dengan tidak hormat kerana membunuh seorang banduan yang berdarah dingin. Dia menyalahkan sistem kerana "ketidakadilan" dan menjadi penyangak. Setelah memilih untuk berhenti dari Pasukan Khas Laut (PASKAL), dia bekerja sebagai askar upahan untuk Rudi iaitu seorang ketua lanun yang terlibat dalam rampasan MT Orkim Harmony.

Dengan bekalan ilmu, usaha, strategi dan kerjasama yang jitu antara seluruh anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL), mereka berjaya menumpaskan Jeb, Rudi dan konco-konconya.

Berdasarkan situasi yang telah dibincangkan di atas, kejayaan Pasukan Khas Laut (PASKAL) dalam menumpaskan kumpulan Jeb ini telah memperlihatkan bahawa pentingnya nilai moral kerjasama antara pasukan. Nilai moral kerjasama dalam pasukan berjaya dilaksanakan kerana seluruh Pasukan Khas Laut (PASKAL) bekerjasama dengan seluruh organisasi untuk menumpaskan musuh sehingga misi tersebut selesai dengan jayanya.

## 2. Nilai Baik Hati

Nilai baik ini menjelaskan bahawa kepekaan seseorang terhadap perasaan dan kebajikan bukan hanya untuk diri sendiri malah juga kepada orang lain. Baik hati ini juga dapat dilihat dengan cara seseorang itu memberi pertolongan dan sokongan moral secara seikhlas hati. Nilai baik hati malah merupakan kelakuan yang sangat murni di mana ia wajar disemai atau diterapkan dalam setiap jiwa manusia. Hal ini kerana nilai ini sangat baik dijadikan sebagai contoh kepada orang lain untuk diikuti.

Terdapat beberapa ahli sarjana telah mengemukakan pandangan atau pendapat berkenaan dengan konsep nilai baik hati. Menurut Hashim Hj. Musa (2008: 70) menyatakan bahawa sifat bertimbang rasa terhadap penderitaan dan kesusahan orang lain dan bermurah hati untuk menolong dan menyumbang sesuatu kebendaan dan sokongan moral terhadap mereka, sedia memaafkan kesilapan orang dan tidak mempunyai hasrat dendam terhadap mereka merupakan erti nilai baik hati. Seterusnya, perasaan belas kasihan yang lahir dalam jiwa seseorang dan memberi kebaikan serta manfaat kepada dirinya, orang lain atau persekitaran merupakan makna nilai baik hati (Norita Arifin 2006: 69). Selain itu, menurut Hornby (2010: 822) menyatakan "*kindhearted is the quality of being kind*". Ini menjelaskan bahawa ia merupakan perbuatan atau sesuatu keadaan di mana ia dilakukan dengan kebaikan dan kebajikan tingkah laku, perwatakan yang menyenangkan dan prihatin kepada yang lain.

Terdapat beberapa ciri nilai baik hati yang dapat dilihat, iaitu murah hati, saling bermaafan, belas kasihan, saling memahami dan bertimbang rasa. Menerusi filem Paskal, nilai moral baik hati dapat dilihat melalui perwatakan yang telah ditonjolkan oleh Joshua. Pada minit 23:13 memperlihatkan watak Arman dan yang lain telah melakukan latihan ketenteraan untuk melatih kekuatan fizikal dan kecekapan sebagai seorang tentera. Latihan ketenteraan pada ketika itu adalah latihan merangkap di bawah jaring besi yang berkawat. Semasa menjalani latihan tersebut, secara tiba-tiba baju Arman tersangkut pada jaring tersebut yang telah menyebabkan Arman tidak dapat bergerak maju ke hadapan. Setelah itu, pada minit 23:41 watak Joshua muncul dan Joshua telah menolong Arman melepaskan bajunya daripada tersangkut.

Berdasarkan situasi di atas, nilai baik hati menerusi sifat bertimbang rasa cuba diketengahkan. Sifat bertimbang rasa tersebut dapat dibuktikan oleh watak Joshua. Hal ini kerana, ia memperlihatkan bahawa Joshua bertimbang rasa terhadap kesusahan yang dialami oleh Arman sewaktu menjalani latihan ketenteraan. Perwatakan yang dipamerkan oleh Joshua ini telah

menunjukkan bahawa sifat bertimbang rasa ini memperlihatkan kemurniaan jiwa yang ada dalam dirinya. Bahkan, sifat itu tidak menjadikan seseorang itu pentingkan diri sendiri. Sekiranya kita teliti balik terhadap sifat bertimbang rasa yang ada dalam jiwa seseorang sudah pasti bahawa seseorang itu mempunyai sikap prihatin terhadap orang lain. Oleh itu, nilai baik hati menerusi sifat bertimbang rasa ini wajar diterapkan dan secara tidak langsung melalui sifat baik hati yang diberikan dapat merapatkan hubungan persaudaraan.

Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Pengkaedahan Melayu, nilai baik hati ini bersesuaian dengan pendekatan moral di mana pendekatan ini dianggap sebagai suatu kaedah dalam memberikan contoh teladan yang baik dan memberikan pengajaran kepada masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa menerusi filem ini, jelas tergambar bahawa watak yang dibawa itu mempunyai nilai moral baik hati. Oleh itu, nilai moral ini menjadi salah satu landasan dalam membentuk keperibadian.

### 3. Nilai Tanggungjawab

Semasa Tentera Bangsa atau United Nations Army (UN) bersatu menjalankan misi keamanan di negara di Angola pada tahun 2011, tentera UN telah berjaya menyelamatkan beberapa orang wanita daripada sindiket perdagangan manusia. Ketika sedang menyelamatkan wanita-wanita tersebut, salah satu tentera UN yang dikenali sebagai Joshua telah terkorban akibat daripada insiden pengeboman yang dilempar oleh penjahat. Joshua telah mengorbankan badannya sebagai pelindung demi menyelamatkan salah satu wanita Angola daripada terkena letupan bom tersebut. Nilai tanggungjawab dapat dilihat apabila Joshua menggunakan kuasa sebagai seorang tentera melindungi orang dalam kesusahan.

Selain itu, setelah Joshua meninggal, beliau telah meninggalkan seorang balu yang bernama Lily dan seorang anak lelaki bernama Joey. Arman merupakan kawan baik kepada Joshua dan juga Leftenan Komander (Jerung) telah mengambil alih tanggungjawabnya menjaga isteri dan anak kepada Joshua. Arman sering melawat isteri dan anak Joshua ketika waktu cuti dan ketika Lily memerlukan bantuan. Tambahan pula, Arman turut membawa Lily dan Joey bersiar-siar ketika waktu lapang bagi menghilangkan rasa kesedihan apabila kehilangan orang yang tersayang. Arman turut menjadi tempat untuk meluahkan cerita Lily dan Arman sering menasihati Lily ketika Lily berasa sedih. Di samping itu, nilai tanggungjawab dapat dilihat apabila Arman memberi perlindungan kepada Lily dan Joey dengan memberi mereka tumpang untuk tinggal di rumah ibu Arman kerana ketika itu Lily dan Joey telah diancam dan diintip oleh sekumpulan pengganas.

Seterusnya, dalam filem PASKAL nilai tanggungjawab dapat dilihat semasa Arman cuba menyelamatkan Lily di Pelantar Minyak SPC yang terletak di Semporna. Ketika Lily diamanahkan untuk bekerja di pelantar minyak telah berlaku serangan oleh lanun. Pada yang sama, salah seorang pengkhianat daripada tentera PASKAL iaitu Jeb telah mengambil Lily sebagai tebusan dan untuk mengumpam Arman untuk datang kepadanya. Situasi tersebut telah menyebabkan rasa kerisauan dalam diri Arman. Arman sanggup bermati-matian demi menyelamatkan Lily kerana dia telah berjanji kepada mendiang Joshua untuk menjalankan tanggungjawab untuk

menjaga Lily dan Joey. Apabila Arman telah berjaya menemui Lily, dia berjaya melepaskan Lily daripada ikatan bom elektronik. Akhirnya Lily selamat kembali ke pangkuan anaknya dengan selamat.

Di samping itu, nilai tanggungjawab dapat dilihat apabila Kapal Tangki Minyak Laurel 11 diserang lanun-lanun laut di Teluk Aden. Kapten kapal diberi tanggungjawab untuk melindungi anak-anak kapalnya daripada menjadi mangsa tebusan lanun. Kapten kapal telah menelefon Pasukan Khas Laut (PASKAL) untuk mendapatkan bantuan. Kapten kapal telah memberi arahan kepada semua anak-anak kapal untuk berlindung di kubu kapal, mengunci kemudi dan menutup semua lampu atas kapal tersebut. Beliau juga memastikan semua anak-anak kapal masuk ke tempat perlindungan dengan mengira satu persatu anak-anak kapal.

#### 4. Nilai Bijak dalam Menyusun Strategi

Menurut Baltes, beliau telah mendefinisikan nilai bijaksana ini sebagai keahlian dalam mengatasi masalah yang berkaitan dengan perilaku dan perkara yang berkaitan dengan kehidupan. Menurut Baltes juga, kebijaksanaan ini merupakan salah satu nilai perpaduan dari segi intelek dan dari segi karakter manusia tersebut. Penjelasan daripada

Baltes tentang intelek adalah merupakan pengetahuan yang berkaitan tentang aspek kognitif, motivasi dan emosi dalam perilaku seseorang individu itu dalam aktiviti harian. Pembahasan yang berkaitan dengan nilai kebijaksanaan tidak akan terlepas dari karakteristik orang yang bijaksana bahawa orang yang dipandang bijaksana itu biasanya memiliki karakter peribadi yang penuh dengan kedamaian dan sikap yang baik serta mampu memberikan contoh yang baik terhadap manusia dan dunia (Sternberg & Jordan, 2005:110).

Selain itu, menurut Baltes dan Kunzmann (dalam Sternberg & Jordan, 2005:124) juga telah membuat rumusan tentang kriteria mengenai orang yang bijaksana berdasarkan hasil penelitian yang telah dilakukan. Antaranya, seseorang individu yang bijak itu adalah seseorang yang memandang fenomena yang berlaku disekelilingnya dari perspektif yang lebih luas. Sebagai contoh yang boleh dikaitkan dengan filem Paskal ini ialah watak Arman sebagai ketua bagi menyelesaikan misi dimana mereka harus mengatur strategi dengan teliti yang harus memikirkan kesan dari segala jenis cabang bagi menyelesaikan misi tersebut dengan jayanya tanpa sebarang masalah yang lebih besar berlaku. Ini telah membuktikan bahawa watak Arman dalam filem Paskal ini memainkan watak yang mempunyai nilai bijaksana yang memandang sesuatu itu dari perspektif yang lebih luas. Seseorang yang bijak akan memikirkan sesuatu itu dengan lebih mendalam tanpa hanya memikirkan hanya dari satu sudut sahaja.

Di samping itu, kriteria mengenai orang yang bijaksana berdasarkan hasil daripada tokoh Baltes dan Kunzmann ialah seseorang yang mampu menampilkan sikap membatasi diri dan kurang emosional. Sikap membatasi diri bermaksud mampu untuk mengawal diri daripada melakukan perkara yang mampu mendatangkan kesan yang buruk kepada diri sendiri serta orang di sekelilingnya. Emosi adalah satu perkara yang penting untuk dikawal. Hal ini kerana, emosi adalah kunci untuk melakukan sesuatu perkara samaada perkara baik ataupun perkara

buruk yang mampu memberikan kesan kepada diri sendiri atau orang di sekeliling. Emosi sangat memainkan peranan penting dalam diri seorang individu itu sebelum melakukan sesuatu perkara. Sebagai contoh, watak Arman yang harus menyelamatkan Lily daripada ancaman Jeb. Arman harus menggunakan emosinya untuk memikirkan strategi yang harus digunakan demi menyelamatkan Lily. Jika Arman menggunakan emosi dalam keadaan yang marah maka mungkin situasi yang buruk akan berlaku ketika cubaan untuk menyelamatkan Lily. Tetapi jika Arman menggunakan emosi dalam keadaan yang baik dengan menyusun strategi yang tersusun maka Lily akan diselamatkan dengan cara yang baik serta selamat.

Akhir sekali, kriteria mengenai orang yang bijaksana berdasarkan hasil daripada tokoh Baltes dan Kunzmann ialah lebih mementingkan perkembangan diri supaya menjadi orang yang lebih baik, berwawasan tinggi, dan mementingkan kesejahteraan orang lain daripada kehidupan yang penuh dengan kesenangan dan kenyamanan. Seseorang yang bijak akan memikirkan tentang dirinya sendiri tanpa memikirkan tentang orang lain. Mereka hanya ingin memperbetulkan diri sendiri sahaja agar menjadi seorang individu yang lebih baik berbanding dengan sebelumnya tanpa memikirkan tentang kehidupan orang lain. Sebagai contoh, Arman berusaha untuk menjayakan misi menyelamatkan pekerja yang berada di pelantar minyak tanpa memikirkan tentang ibunya yang tidak faham tentang erti pengorbanan serta tugas Arman sebagai anggota PASKAL yang berkhidmat untuk negara. Arman melakukan tugas tersebut kerana ia merupakan amanah daripada arwah ayahnya serta beliau memikirkan tentang kesejahteraan orang lain berbanding dirinya sendiri. Sebelum melakukan misi menyelamat itu, Arman bersama rakan-rakan anggota memikirkan strategi yang mampu untuk mengalahkan musuh tanpa berlakunya sebarang kesan buruk semasa misi dijalankan.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, filem PASKAL (Pasukan Khas Laut) yang diarahkan oleh Adrian Teh banyak memberi mesej dan pengajaran kepada pengkaji dan para penonton. Watak utama dalam filem Paskal merupakan Leftenan Komander Arman Anwar yang banyak memainkan peranan dalam jalan cerita tersebut.

Filem ini banyak memberikan nilai moral dari segi tanggungjawab, menjalankan amanah, bijak menyusun strategi dan sifat baik hati dalam diri seseorang. Di samping itu, filem berdasarkan kisah sebenar yang menunjukkan realiti kehidupan para tentera yang banyak memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menghargai setiap perjuangan dan pengorbanan para tentera.

Tambahan pula, filem ini semangat patriotik buat masyarakat. Watak-watak dalam filem Paskal yang mempunyai unsur antagonis, protagonis dan trigonis berjaya mempengaruhi kepada emosi dan perasaan dengan penuh hayati melalui cara percakapan, gerak tubuh badan dan reaksi wajah. Oleh hal demikian, bersesuaianlah dengan kehendak pengkaji untuk mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral dalam filem Paskal.

**RUJUKAN**

- Amferim, S. S., & Abdullah, N. A. V. (2017). Aspek moral dalam drama muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu karya Hatta Azad Khan (Moral aspects of muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu by Hatta Azad Khan). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 13(3).
- Gurusamy, V., Thambu, N., & Vengadasalam, C. (2019). Kesedaran Sensitiviti Moral Melalui Aktiviti Analisis Filem Pendek: Satu Kajian Tindakan di Kelas Pendidikan Moral (*Moral sensitivity awareness through film analysis activities: An actionresearch in a moral education class*). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(1), 9-19.
- Kosasih, H. E. (2013). Nilai-nilai Moral dalam Karya Sastra Melayu Klasik Islam: Kajian Terhadap Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyazan, serta Hikayat Mariam Zanariah dan Nurdin Masri. *SUSURGALUR*, 1(1).
- Mohamad, T. Z. T. (2011). *Nilai-nilai murni dalam filem dongeng rakyat Melayu* (Doctoral dissertation, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan). 8. Nurwita, S. (2019). Analisis Nilai-Nilai Agama dan Moral Anak Usia Dini dalam Tayangan Film Kartun Upin dan Ipin. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 3(2), 506-517.
- Sahidun, A., Nuryatin, A., & Syaifudin, A. (2017). Ungkapan Bijak Abah Syekh Saiful Anwar Zuhri Rosyid Pondok Pesantren Assalafiyah Az-Zuhri Semarang. *Jurnal Sastra Indonesia*, 6(3), 14-24.



**NILAI KEMANUSIAAN DALAM FILEM MAGIKA (2010): SATU PENGKAEDAHAN TEORI  
PENGKAEDAHAN MELAYU OLEH HASHIM AWANG (1989)**

Rabbyatul Adawiyah binti Che Hussin, Hakimah Syafiqah binti Abdul Latif, Ilya Maisarah binti Che Zakaria, Nur Hidayah bt Razman & Wan Siti Nur Aini binti Wan Noor Ajman

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[adawiyah.c19a0709@siswa.umk.edu.my](mailto:adawiyah.c19a0709@siswa.umk.edu.my), [hakimah.c19a0133@siswa.umk.edu.my](mailto:hakimah.c19a0133@siswa.umk.edu.my),  
[ilya.c19a0133@siswa.umk.edu.my](mailto:ilya.c19a0133@siswa.umk.edu.my), [hidayah.c19a0527@siswa.umk.edu.my](mailto:hidayah.c19a0527@siswa.umk.edu.my),

**Abstrak:** Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis nilai kemanusiaan sesama masyarakat mengikut filem yang dipilih iaitu filem Magika yang mana ianya merupakan filem muzikal fantasi yang turut memaparkan pelbagai keadaan yang berlaku dalam konteks Melayu. Secara umumnya, filem ini mengangkat kisah dongeng masyarakat Melayu yang kekal sehingga kini di samping mengandungi mesej-mesej yang baik kepada penonton. Nilai kemanusiaan merupakan kebajikan kepada orang yang berada di sekeliling. Hal ini kerana nilai kemanusiaan ini bersifat moral atau memuliakan orang lain dengan berbuat baik tanpa mengira bangsa dan agama. Ianya merupakan tindak balas manusia dalam membantu orang lain di atas apa yang berlaku keatas mereka sama ada dalam keadaan sakit atau tidak baik. Nilai ini sememangnya perlu diterapkan dalam semua budaya kerana nilai kemanusiaan ini dapat mendorong sifat-sifat baik dalam diri seseorang untuk bertanggungjawab melakukan perkara yang baik dan benar sahaja. Namun nilai kemanusiaan juga boleh menjadi negatif atau positif kerana nilai ini ada pada setiap individu yang berbeza pemikiran walaupun nilai kemanusiaan ini merupakan sifat manusia dalam menghormati semua yang berada di sekelilingnya. Analisis ini akan menunjukkan aspek kemanusiaan sesama masyarakat yang mana ianya turut memperlihatkan nilai pada setiap watak yang berbeza-beza. Kajian ini mengaplikasikan teori mengikut prinsip pendekatan teori pengkaedahan Melayu melalui pengkaedahan alamiah dan keagamaan iaitu teori yang berlandaskan kepada kenyataan hidup dan agama yang biasanya ada pada bangsa Melayu yang terbentuk oleh pelbagai faktor (Hashim Awang 2002) untuk menganalisis visual dialog dalam filem. Dapatan kajian pula memaparkan hubungan antara keluarga dan masyarakat sekeliling yang dipraktikkan oleh setiap individu dalam menetapkannya sebagai nilai dalam budaya mereka. Tambahan lagi nilai kemanusiaan memberikan impak positif kepada penonton dari pelbagai lapisan umur kerana ianya berbentuk kekeluargaan yang mempersembahkan larangan dan peringatan orang Melayu. Kesimpulannya, analisis terhadap nilai kemanusiaan yang ada dalam filem magika ini mampu memberikan impak positif yang boleh dipelajari di samping memperoleh ilmu serta belajar untuk berbuat baik antara keluarga dan masyarakat sekeliling. Ianya menyeimbangkan pemikiran penonton dalam melakukan sesuatu dalam apa jua situasi.

**Kata Kunci:** Teori Pengkaedahan Melayu, Nilai kemanusiaan, Kekeluargaan dan Masyarakat.



### Pengenalan

Seperti yang sudah kita sedia maklum, filem merupakan salah satu media yang sangat popular di seluruh dunia, dan Negara kita juga tidak terkecuali. Industri perfileman pada mulanya tidaklah besar dan meluas namun begitu, semakin hari, kita dapat lihat dan rasai bahawa industri ini sekian hari semakin berkembang. Ia berkembang setaraf dengan perkembangan teknologi moden sekarang yang semakin canggih yang menyebabkan hasil filem itu menghasilkan sebuah hasil yang sangat gempak dan hebat dari segi grafik, jalan penceritaan dan sebagainya. Industri filem Melayu ini mula berkembang pada tahun 1960-an dimana sejarah permulaan penghasilan filem ini berasal dari satu penemuan konsep imej yang bergerak didahului oleh seorang jurugambar dari British, Eadweard Maybridge. Beliau telah berjaya merakam sebuah gambar siri kuda yang sedang berlari pada tahun 1887.

Terdapat banyak definisi tentang filem yang kita boleh pelajari dan ketahui kerana filem merupakan sebuah wahana kreatif yang bersifat perbincangan serta ia melibatkan idea dan pemikiran yang mendalam, analisis, matlamat, kritikan, fungsi dan pelbagai kemahiran dan kepakaran menurut Ismail Abdullah (2009), Op. Cit. .Menurut Anisah Sarji et al. (1996), di dalam Pola Pengamalan Profesional dalam Industri Filem Malaysia, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Hlm. 5, filem juga bermaksud imej yang telah terhasil dalam satu bentuk visual yang bergerak yang mengandungi unsur – unsur penceritaan yang ditulis, dilakar dan diolah dalam bentuk dialog, terdapat visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera, dan lalu diolah dengan menggunakan teknologi yang berbagai – bagai kepentingan dan matlamat untuk ditunjukkan dan dipamerkan secara tayangan di mana – mana panggung wayang dan juga di dalam televisyen.

Definisi lain juga boleh ditakrifkan bahawa filem merupakan sebuah hasil produk teknologi, produk seni media baru dan produk budaya siber. Dan secara umumnya yang sedia kita maklum, filem mempunyai peranan utama iaitu memaklumkan, mempengaruhi dan menghiburkan penonton yang menonton filem tersebut dengan harapan mereka mendapat manfaat darinya.

Menurut Naim Haji Ahmad (2010), Op. Cit., Hlm. 1-2 bahawasanya filem ini juga boleh ditakrifkan sebagai hasil garapan pelbagai seni yang memaparkan jalan cerita dan cerminan kepada budaya dan masyarakat yang tertentu, pemikiran dan cetusan perasaan pembikinannya yang menunjukkan sebuah cerita tentang satu kehidupan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja semata - mata, sama ada cerita itu benar, hanyalah khayalan atau cerita yang telah diubahsuai dan dipadankan lalu menyatukan bingkai – bingkai yang telah digarap secara harmoni menjadi syot- syot menjadi jujuk, kesatuan jujuk menjadi babak dan seterusnya kesatuan babak – babak dan akhirnya telah menjadi sebuah teks atau cerita.

Pada kajian kali ini, pengkaji telah bersepakat dan membuat keputusan untuk memilih filem Majika arahan Edry Abdul Halim yang ditayangkan pada tahun 23 September 2010 di Malaysia. Filem Magika ini merupakan sebuah filem muzikal fantasi Malaysia yang telah mencatatkan nama di Malaysia dan memenangi banyak anugerah dan sehinggalah ke hari ini, penonton masih menyukai dan menikmati filem tersebut tanpa rasa bosan. Filem ini dibintangi oleh barisan pelakon yang hebat – hebat seperti Diana Danielle, Mawi, Fimie Don, Maya Karin dan ramai lagi baris pelakon yang membintangi filem Magika ini.

Filem ini berkisahkan mengenai dua adik beradik lakonan Fimie Don dan juga Diana Daniella yang telah tersesat lalu memasuki dunia alam fantasi yang berasaskan dengan pelbagai kisah dongeng, mitos – mitos dan legenda - legenda Melayu yang terkenal dan ternama yang sering diceritakan dan diminati oleh orang ramai. Filem ini merupakan satu filem yang berbentuk perhubungan kekeluargaan dan menyelit banyak larangan dan pantang larang orang Melayu terdahulu terutamanya peringatan dan larangan untuk kanak - kanak contohnya seperti jangan keluar rumah pada waktu senja dan jangan membuang air kecil di merata tempat dengan sesuka hati. Filem ini bukan sahaja sarat dengan fantasi, pengajaran dan pantang larang semata - mata tetapi ianya juga kaya dan sarat dengan nilai cinta, kasih sayang, dan pengorbanan.

Sinopsis dan jalan cerita filem Magika ini mengisahkan tentang dua adik beradik yang telah tersesat di dalam sebuah alam buniian selepas keluar dari rumah pada waktu magrib. Ayu (Diana Danielle) telah berhadapan dengan satu ujian yang sangat sukar dan mencabar iaitu untuk menyelamatkan adiknya iaitu Malik (Fimie Don) yang telah diculik oleh nenek kebayan lakonan Ziana Zain. Walau bagaimanapun Ayu sangatlah beruntung kerana dia bertemu dengan Badang (Mawi) yang sanggup membantu dan menyelamatkan mereka untuk keluar dari dunia mistik itu.

Filem Magika ini sangat padat dan dipenuhi dengan mitos - mitos dan kisah - kisah legenda Melayu yang sering diminati dan diceritakan oleh masyarakat sehingga kini iaitu Magika telah menampilkan watak - watak yang telah utuh di dalam hati semua terutamanya masyarakat Melayu iaitu seperti Badang, Pak Pandir, Mak Mandir, Bawang Putih Bawang Merah, Mahsuri, Puteri Gunung Ledang, Mahsuri dan Batu Belah Batu Bertangkup.

### **Permasalahan kajian**

Masalah nilai yang ada dalam diri setiap manusia yang menjadikan ianya sebagai jati diri. Semua perkara yang berkaitan nilai kemanusiaan mampu menyatupadukan setiap rakyat. Sikap keprihatinan dan perlakuan seperti memberikan bantuan adalah merupakan nilai kemanusiaan dalam diri setiap insan. Peterson dalam *Character Strengths* (2004) menjelaskan kemanusiaan sebagai salah satu daripada enam kebajikan yang konsisten dalam semua budaya. Walaubagaimanapun, nilai kemanusiaan adalah bersifat universal dan terdiri daripada

kedamaian, kasih sayang, kebajikan dan banyak lagi. Pembelajaran nilai kemanusiaan membuka peluang kepada wawasan dalam menekankan aspek pembentukan sikap atau karakter. Menurut Na-Ayudhya (2008) mengungkapkan bahawa nilai-nilai yang terdapat dalam mata pelajaran mampu mengubah hal negatif kepada positif. Nilai kemanusiaan pada masyarakat hari ini dapat dilihat ianya masih diterapkan namun ianya dapat dilihat akan jurang diantara sifat keprihatinan seperti mengambil berat dan belas kasihan pada masyarakat sekeliling. Tambahan lagi, realiti kehidupan masyarakat kini yang agak berat dalam meringankan beban insan lain memandangkan terdapat isu akan penipuan seperti derma, peminta sedekah dan lain-lain. Keseriusan isu ini telah mendorong akan kajian ini untuk menjalankan kajian berkaitan nilai kemanusiaan dalam filem Magika (2010) menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)

### Objektif Kajian

1. Mengenalpasti elemen nilai kemanusiaan menerusi filem Magika karya
2. Mengenalpasti nilai kemanusiaan menggunakan pendekatan pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang
3. Mengenalpasti larangan / pantang larang yang ditekan oleh masyarakat atau pengarang yang terdapat di dalam filem Magika.

### Metodologi Kajian

Penyelidikan menggunakan kajian metodologi kualitatif yang merupakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan teks. Pengkaji mencari, membaca dan mengumpul bahan atau sumber yang berkenaan dengan persekitaran, serta mempelajari sastera, kesemuanya iaitu sebahagian daripada pendekatan kajian perpustakaan.

Pelbagai sumber yang digunakan adalah bertulis, seperti koleksi persidangan, jurnal, latihan akademik, pengajian sarjana, dan kajian yang dikarang oleh pakar tempatan dan antarabangsa. Kaedah analisis teks hendaklah pengkaji membaca bahan dengan teliti sebelum memutuskan konteks semasa. Teori Pengkaedahan Melayu boleh diklasifikasikan sebagai teori baharu. Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah hasil usaha seorang sarjana tempatan mewujudkan teknik yang lebih sesuai untuk menganalisis karya tempatan, Prof Datuk Dr Hashim Awang. Teori ini, menurut Hashim Awang, memberikan rumusan, atau rumusan, dalam bentuk prinsip umum mengenai karya atau teks sastera, dan aktiviti yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu, yang dibentuk berdasarkan fakta kehidupan dan agama seniman sastera (Hashim Awang), 2002: 2).

### Kaedah Perpustakaan

Penyelidik mesti menjalankan kajian perpustakaan untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan kajian. Dapatan kajian perpustakaan telah banyak membantu pengkaji dalam mencari bahan atau pemikiran berkaitan isu yang boleh diterokai. Hasil daripada penyelidikan perpustakaan, penyelidik boleh mengetahui lebih lanjut tentang isu yang mereka pelajari.

Kajian perpustakaan banyak digunakan dalam bab satu dan dua, khususnya bahagian yang melibatkan konsep yang sesuai digunakan dalam kajian yang akan dibuat dan bahagian kosa kata yang merangkumi penyelidikan lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu, sangat bergantung kepada kajian perpustakaan. Adalah penting bagi penyelidik untuk mempunyai pengetahuan atau bahan yang berkaitan dengan subjeknya agar penyelidikan itu unik. Ini juga penting kerana hasil kajian perpustakaan akan membolehkan pengkaji lebih memahami cara penyelidikan dijalankan.

Semasa menjalankan kajian perpustakaan, para pengkaji perlu berhati-hati memilih bahan yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam pengajian pengkaji. Ini penting kerana memilih bahan yang sesuai boleh membantu penyelidik dalam penyediaan tugas saintifik, terutamanya dalam bab satu dan dua. Pengkaji mesti mengetahui perkara yang akan disiasat atau diketengahkan dalam kajiannya sebelum mencari bahan atau sumber rujukan yang boleh diterima. Ini akan

memudahkan pengkaji untuk mencari bahan rujukan atau sumber yang berkaitan untuk penyelidikannya.

Kajian perpustakaan penyelidik bukan sahaja mengenal pasti buku yang diperlukan di perpustakaan, tetapi ia juga menggunakan kemudahan yang paling terkini, seperti perpustakaan atas talian untuk mengumpul sumber penting. Ini memudahkan pengkaji mendapatkan penerbitan dan meningkatkan jumlah kandungan yang tersedia.

### **Kaedah Analisis Kandungan Teks.**


Proses analisis teks memerlukan pembacaan teks yang teliti, diikuti dengan pengenalan watak-watak yang akan menjadi tumpuan kajian. Membaca dengan teliti ialah kaedah untuk menentukan faktor yang mempengaruhi tingkah laku. Sebuah novel terkenal kerana mempunyai watak yang besar. Dapatan kajian ini membolehkan pengkaji memilih watak utama yang menonjol dari segi peranannya dalam membawa plot ke hadapan, serta persekitaran yang mempengaruhi perlakuannya.

### **Pendekatan Teori**

#### **Teori Pengkaedahan Melayu**

Hashim Awang (1994), seorang ahli akademik dan pengkritik terkenal tanah air, mencetuskan teori pengkaedahan melayu. Kajian ini pada mulanya dicadangkan pada tahun 1989, dan berdasarkan andaian bahawa semua aspek kehidupan manusia, termasuk cara hidup dan sikap, kepercayaan, dan budaya tempatan dalam masyarakat melayu, mengembangkan karyanya sendiri. Tanggapan ini menggabungkan alam semula jadi ke dalam kewujudannya dengan cara yang tidak dapat dipisahkan dengan manusia. Alam telah diangkat ke hadapan dalam tuntutan hidup manusia terhadap rezeki, pekerjaan, pendidikan, dan kebajikan.

Kesemua elemen ini dianggap mempunyai tujuan dan kelebihan yang unik dalam kehidupan. Teori ini dikatakan amat berguna, boleh diguna pakai, dan mampu menganalisis karya sastera Melayu ciptaan para penulis khususnya seniman tempatan. Menurut Muhammad Haji Salleh (2008), bangsa yang menjana dari semasa ke semasa dan berubah mengikut peredaran masa meminjam dan menyuburkan konsep keindahan bahasa. Secara ringkasnya, teori Metodologi Melayu yang dinyatakan boleh digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan melayu dipisahkan kepada dua bahagian iaitu pendekatan ilmiah dan pengkaedahan keagamaan agar dapat diaplikasikan dalam kajian kesusasteraan Melayu. Teknik Alamiah diasaskan kepada cara hidup masyarakat Melayu yang menganggap alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Pengkaedahan ini dibahagikan kepada tiga pendekatan, pendekatan gunaan, pendekatan moral, dan pendekatan firasat. Pengkaedahan keagamaan ditakrifkan sebagai kaedah berdasarkan cita-cita keimanan dan ketakwaan yang dikongsi bersama oleh umat Islam. Sumber inspirasi utamanya ialah Al-Quran dan hadis, dan penciptaannya berusaha untuk menekankan keagungan Allah dan meningkatkan ketakwaan kepada-Nya. Pengkaedahan ini dipecahkan kepada tiga bahagian: pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat, dan pendekatan seni yang kesemuanya saling berkaitan. Pendekatan sastera terhadap dakwah dianggap sebagai alat untuk meningkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang kepada Tuhan. Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan keunggulan Islam dengan menekankan kebersihan dan keistimewaan Islam, yang mungkin menarik. Hashim Awang (1994) mendakwa bahawa kesusasteraan agama harus merangkumi persoalan yang mencerminkan sifat Tuhan yang cantik, kemegahan, dan ketinggian.

Karya itu juga akan menyampaikan keindahan, makna artistik, dan kebaikan melalui mendedahkan kesukaran dan pergolakan masyarakat. Namun, kecantikan tidak akan bermakna jika ia tidak membawa kebaikan kepada manusia. Begitu juga, kebaikan tidak akan bermakna jika tidak terpancar keindahan. Kepentingan keindahan dan makna dalam semua karya, khususnya sastera Islam, akan mencerminkan keistimewaan, ketinggian dan kebesaran Allah (Hashim Awang, 1995).

i. Pengkaedahan Alamiah

Pendekatan semula jadi merujuk kepada keadaan semula jadi yang membentuk latar belakang kehidupan. Tiga pendekatan tersebut ialah Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, dan Pendekatan Firasat.

ii. Pengkaedahan Keagamaan.

Berasaskan akidah yang selaras dengan prinsip Islam. Pendekatan Dakwah, Pendekatan Masyarakat, dan Pendekatan Seni merupakan tiga pendekatan yang saling berkaitan dalam pendekatan ini.

### **Analisis Data Dan Dapatan Kajian**

#### **Mematuhi Nasihat Orang Tua**

Nilai kemanusiaan amat penting yang perlu dan patut diterapkan dalam diri masing-masing. Nilai kemanusiaan ini perlu bermula dengan persekitaran membesar bersama keluarga atau penjaga dahulu sebagai contoh dan amalan yang terdekat untuk melatih diri dalam memelihara sifat yang baik. Hal ini kerana sifat baik bermula dengan diri sendiri bersama orang terdekat dalam membina jati diri yang hebat. Terdapat aksi atau babak dalam filem Magika ini yang memaparkan larangan. Namun, dalam masa yang sama ia adalah nilai kemanusiaan yang patut anak-anak muda zaman sekarang apikasikan dalam diri mereka. Mematuhi nasihat orang tua atau orang yang lebih dewasa adalah nilai kemanusiaan. Nasihat atau larangan yang diberikan oleh orang tua kepada anak-anak muda adalah untuk kebaikan mereka juga. Remaja zaman sekarang haruslah mendengar dan tidak patut mengendahkan larangan orang tua yang sudah banyak pengalaman. Buktinya, watak Malik sebagai adik yang tidak mendengar nasihat neneknya bahawa jangan bermain di waktu senja tambahan lagi di kawasan yang bersemak-samun menyebabkan watak Malik secara tidak sengaja masuk ke alam gaib ataupun bunian. Hal ini juga menyebabkan watak Ayu yang perlu mencari pelbagai cara untuk menyelamatkan adiknya.

Berdasarkan babak yang dinyatakan tersebut dapat dilihat bahawa teori pengkaedahan Melayu secara alamiah melalui pendekatan moral. Iaitu antara pendekatan yang bersifat pengalaman manusia sama ada kepercayaan ataupun budaya (Hashim Awang 1998). Di sini ianya berkaitan dengan kata-kata ataupun larangan orang yang lebih dewasa dalam memberikan nasihat kerana mereka lebih tahu akan akibat dan musibah yang akan terjadi. Kesimpulannya, larangan yang diberikan oleh orang yang lebih dewasa daripada kita perlulah didengari dan sentiasa peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling agar kita berwaspada dan ingat akan larangan ataupun nasihat yang dilontarkan kepada kita.

#### **Saling Tolong Menolong**

Sikap suka menolong orang lain adalah antara nilai kemanusiaan yang patut ada dalam semua lapisan masyarakat. Sikap rendah hati untuk menolong orang yang dalam kesusahan dan memerlukan bantuan dapat mewujudkan masyarakat yang prihatin dan penyayang antara satu sama lain. Sikap suka tolong-menolong orang melatih manusia sejagat dalam melahirkan insan yang mementingkan keharmonian dan ketenangan. Hal ini dapat dilihat melalui filem Magika ini ketika watak Badang atau digelar sebagai “Bad” sahaja yang sanggup menolong ataupun memberi bantuan kepada Watak Ayu dan Malik untuk pulang ke alam Manusia tanpa ada sedikit pun ganjaran. Semua yang dilakukan oleh Bad adalah bantuan darinya secara ikhlas. Berdasarkan babak yang dinyatakan tersebut teori pengkaedahan Melayu secara alamiah

melalui pendekatan moral. Ianya pendekatan yang memperlihatkan perkara yang dilalui manusia sama ada berkaitan manusia dan kemasyarakatan yang melibatkan daya kreativiti, pengetahuan dan banyak lagi dalam memanfaatkan kepribadian manusia (Hashim Awang 1998). Peribadi manusia yang berbuat baik dan berhati mulia menyumbang kepada keharmonian dan dapat menyatukan manusia yang baik. Jelaslah, sikap tolong menolong ini merupakan antara nilai kemanusiaan yang patut ada dalam diri manusia kerana semua insan perlu menjaga kualiti suatu kelompok dalam membentuk budaya yang baik seperti yang dipaparkan dalam filem Magika. Sebuah pertolongan tidak kira besar atau kecil dapat mengubah pemikiran dan pandangan orang lain terhadap kita.

### **Membela Kebenaran dan Keadilan**

Setiap orang mempunyai hak masing-masing dalam hidup. Setiap manusia juga perlukan kebebasan dalam kehidupan mereka untuk melakukan perkara yang diminati selagi ianya tidak salah disisi undang-undang dan tidak mengganggu ketenteraman awam. Setiap apa yang berlaku perlu diukur dengan keadilan dan hak yang sama rata tanpa mengira latar belakang, keturunan dan lain-lain. Nilai kemanusiaan yang membela kebenaran bagi menegakkan keadilan. Buktinya, apa yang dipaparkan di dalam filem Magika bahawa watak Bad yang rela berkorban demi menyelamatkan watak Ayu dan adiknya Malik yang dianggap pesalah di alam tersebut. Watak Bad menyelamatkan dan mempertahankan watak Malik yang ditangkap oleh watak Nenek Kebayan. Di sini telah terbukti keperibadian watak Bad yang baik hati menolong orang yang dalam kesusahan selain daripada menegakkan keadilan.

Berdasarkan contoh yang diberikan itu, teori pengkaedahan Melayu yang digunakan secara keagamaan melalui pendekatan kemasyarakatan. Ianya pendekatan yang menjelaskan alat pendedahan kepada segala persoalan untuk mendapatkan keadilan dan kebaikan untuk masyarakat seperti yang dituntut oleh agama. Tegastah disini bahawa membela kebenaran dan menegakkan keadilan penting dalam keharmonian masyarakat di samping semua hak- hak asasi manusia itu semuanya sama rata. Keupayaan apabila kebenaran dibela dan keadilan ditegakkan ianya mampu diyakini dapat memanfaatkan suatu masyarakat.

### **Kasih sayang**

Setiap jalan cerita di dalam sebuah penceritaan mempunyai elemen nilai – nilai kemanusiaannya yang tersendiri begitu juga dengan filem Magika ini karya arahan dari sulung Edry Abdul Halim. Setiap penceritaan dan latar masyarakatnya dipenuhi dan diterapkan dengan elemen nilai – nilai kemanusiaan dalam setiap masyarakat di dalam filem Magika tersebut. Antara nilai kemanusiaan atau nilai murni yang terdapat di dalam filem ialah yang pertama adalah kasih sayang. Nilai kasih sayang adalah satu cetusan emosi yang terbit dan hadir untuk sesuatu perkara yang melibatkan suasana, sikap dan harapan terhadap seseorang atau sesuatu yang lain. Menurut Muhammad Al Ghazali (1987:422), kasih sayang menggambarkan sifat ketinggian budi yang melembutkan hati dan mewujudkan satu perasaan rasa belas kasihan. Sifat kasih sayang dan belas kasihan



yang suci ini akan mewujudkan rasa kebertanggungjawaban dan perasaan hormat terhadap orang lain (Ali, 1996b:181). Melalui amalan dan penghayatannya akan membuat seseorang itu turut sama merasai kesedihan melihatkan penderitaan, kesusahan dan kesengsaraan sesama manusia yang dihadapi di samping bersama – sama berusaha untuk meringankan beban tersebut sesuai dengan pendekatan moral.

Oleh itu, nilai kasih sayang merupakan satu perasaan halus dan rasa belas kasihan yang wujud hasil daripada sebuah hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya. Nilai kasih sayang yang terpapar dalam karya merujuk kepada perasaan kasih dan cinta di dalam sesebuah perhubungan. Contoh yang dapat kita lihat di dalam filem *Magika* ini ialah kasih sayang diantara adik dengan kakak dan kasih seorang ibu kepada anaknya. Kita dapat lihat kasih sayang diantara adik dengan kakak melalui perhubungan antara Ayu dengan adiknya Malik. Ayu walaupun terlihat garang dan sentiasa memarahi Malik kerana sering memberontak selepas kematian ibunya sanggup membahayakan dirinya semata – mata untuk menyelamatkan Malik yang diculik oleh Nenek Kebayan ketika mereka berdua tersesat di dalam dunia atau alam ghaib iaitu dunia *Magika*. Ayu terpaksa menempuhi begitu banyak cabaran dan kesusahan yang perlu ditempuhinya dalam perjalannya ke rumah Nenek Kebayan dalam usaha untuk menyelamatkan Malik. Usaha yang dilakukan oleh Ayu ini menggambarkan kesanggupannya dalam menempuhi segala cabaran ketika berada di dalam dunia ghaib membuktikan kasih sayangnya terhadap keluarganya iaitu adiknya. Melalui paparan ini, menunjukkan sifat kasih sayang kepada hubungan kekeluargaan untuk mencapai keharmonian di dalam hubungan keluarga mereka.

### **Keberanian**

Menurut Aboebakar Atjeh (1988;19), keberanian ialah sikap tidak ragu – ragu untuk mengambil sesuatu tindakan walaupun dalam keadaan yang berbahaya dan berisiko tinggi. Keberanian memerlukan sebuah kebijaksanaan dan keupayaan untuk memanipulasi keadaan, kerana berani secara melulu dan tidak berfikir dengan panjang hanya akan mengakibatkan kehancuran dan kemusnahan. Nilai keberanian ini menggambarkan kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dan tentangan dengan penuh yakin dan juga berani menanggung risiko. Dalam analisis ini, nilai keberanian yang digarap di dalam watak di dalam karya ialah sifat berani untuk menewaskan musuh dan mempertahankan diri. Sifat berani yang tidak membuta tuli bermaksud kesanggupan dan kesediaan untuk melakukan sesuatu perkataan atau perbuatan yang penuh dengan cabaran bukan sahaja untuk kebaikan diri sendiri tetapi juga orang lain selari dengan pendekatan moral. Alias (1990:147), menjelaskan berani secara membuta tuli memaparkan sifat yang disertai dengan kebodohan, dipenuhi perasaan marah dan ingin membalas dendam. Oleh itu, keberanian hendaklah disertakan dengan pemikiran yang kebijaksanaan dan keikhlasan kerana manusia adalah satu makhluk yang sanggup menipu, berdusta, memutar-belitkan fakta dan melanggar undang – undang yang telah ditetapkan demi mencapai hasrat dan cita – citanya yang hanya akan membawa kerosakan kepada orang lain.

Melalui sifat ini, ianya memperlihatkan kesanggupan individu atau kumpulan masyarakat yang menghadapi cabaran berdasarkan kemampuannya setelah memikirkan akan kesan dan akibat daripada tindakan mereka itu. Sifat berani untuk mempertahankan pendirian bermaksud ketabahan atau kemampuan dan kekuatan untuk menghadapi kesulitan untuk mempertahankan kebenaran dan juga menegakkan pendirian mereka. Hal ini dapat di lihat di dalam watak Badang di dalam filem Magika dimana Badang berani mempertahankan dirinya dan Ayu dengan adiknya. Badang sangat berani membantu Ayu untuk menyelamatkan adiknya yang diculik oleh nenek kebayan dan juga Badang sangat berani melawan nenek kebayan dan naga untuk mempertahankan dirinya dan membantu Ayu dan adiknya iaitu Malik untuk keluar dari dunia alam Magika itu. Melalui sifat berani mempertahankan diri dan melawan dengan musuh untuk menegakkan kebenaran memperlihatkan dan menunjukkan kesanggupan dalam menghadapi segala cabaran berdasarkan kemampuan mereka yang disertai dengan kebijaksanaan setelah memikirkan akan kesan daripada tindakan itu. Tindakan ini bertujuan untuk membantu masyarakat yang susah dan menegakkan kebenaran agar kesejahteraan hidup dan keharmonian sejagat menerusi pengetahuan yang berkaitan dengan manusia dan suasana persekitarannya.

### Rumusan

Selepas melakukan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa orang boleh mempelajari pelbagai kemahiran sepanjang kehidupan. Pengkaji juga mendapati bahawa segala-galanya harus dilakukan dengan keikhlasan dan kehidupan tidak harus dilalui semata-mata untuk mencari keuntungan. Kejayaan tidak datang tanpa kegagalan, menurut para penyelidik.

Tambahan pula, keputusan kajian adalah agak mendatar dan tidak mendedahkan tindak balas maksimum kerana penggunaan kaedah penyelidikan yang agak terhad. Ia mengikut metodologi penyelidikan yang tidak pelbagai dan agak homogen dan tidak dinamik. Pada masa hadapan, pasukan penyelidik perlu menggunakan pelbagai pendekatan penyelidikan yang inovatif dalam mengubah suai metodologi dan menggunakan strategi carian data dengan lebih tepat supaya hasil penyelidikan lebih berkualiti.

Memerlukan satu strategi untuk membawa sesuatu ke tahap yang lebih tinggi, yang mendidik dan berguna kepada semua orang dalam masyarakat, tanpa mengira bangsa atau agama. Akhir sekali, sebagai pewaris negara, pelajar memainkan peranan penting dalam memartabatkan nama negara ke peringkat yang lebih tinggi sebagai pewaris negara maju.

### RUJUKAN

Nasurdin, A. M. (2006). *Pengantar pengurusan*. Utusan Publications.

Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2019). Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14, 35-48.

Ismail, M. Z., & Hassan, M. M. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 123-139.

Sukatan Pelajaran, S. T. P. M. (2018). Baharu 922 Kesusasteraan Melayu Komunikatif. *Dicapai pada, 8.*

Surenthiran, P. (2021). *Kajian Perbandingan Kualiti Cgi Dalam Filem Magika 2010 Dan Filem Avatar 2009* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Saddi, F., Dawam, Z. A. M., & Hisham, F. (2022). Ciri Dan Fungsi Lagu Dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal Magika (2010): Characteristics And Functions Of Songs In Forming The Plot Structure Of The Musical Film Magika (2010). *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 61-70.

**UNSUR MITOS DALAM CEREKARAMA DUYUNG MENGGUNAKAN TEORI STRUKTURALISME IAITU MITOS DARIPADA LEVI-STRAUSS**

Azimah Binti Abdul Aziz, Nazeerah Binti Hazizan, Naziratul Akmal Binti Abdul Hamid, Nik Norsyahira Aila Binti Abdul Rahman & Nor Aqma Fazlin Binti Shahidin

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.  
[c19a0861@siswa.umk.edu.my](mailto:c19a0861@siswa.umk.edu.my), [nazeerah.c19a0373@siswa.umk.edu.my](mailto:nazeerah.c19a0373@siswa.umk.edu.my),  
[akmal.c19a0375@siswa.umk.edu.my](mailto:akmal.c19a0375@siswa.umk.edu.my), [aila.c19a0382@siswa.umk.edu.my](mailto:aila.c19a0382@siswa.umk.edu.my)  
& [aqma.c19a0399@siswa.umk.edu.my](mailto:aqma.c19a0399@siswa.umk.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini adalah untuk menganalisis unsur mitos yang terdapat dalam cerekarama duyung karya Prof. Madya Dato' Dr. A. Razak Mohaideen yang telah ditayangkan pada tahun 2008. Mitos adalah cerita tentang seseorang atau sesuatu yang tidak benar atau direka-reka yang hanya mempunyai unsur dongeng. Oleh demikian, dalam penghasilan sesebuah cerekarama pada masa kini pengkarya haruslah mempelbagaikan cerita-cerita yang berunsur mitos, kerana mitos telah wujud dari zaman dahulu lagi dan mempunyai pelbagai teladan dan pengajaran yang besar yang boleh diambil iktibar oleh masyarakat pada masa kini. Oleh itu, dalam konteks karya sastera, pendekatan yang terdekat untuk unsur mitos adalah melalui cerekarama yang bertajuk duyung. Analisis ini adalah untuk memperlihatkan unsur mitos dengan cerekarama adalah aspek yang penting untuk mengekalkan cerita yang berunsur mitos iaitu dalam cerekarama bertajuk duyung. Kajian ini mengaplikasikan salah satu prinsip yang menggunakan teori strukturalisme iaitu mitos melalui Levi-strauss bagi memudahkan pengkaji menganalisis cerekarama duyung. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu internet, teori dan cerekarama. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan hubungan antara unsur mitos dengan cerekarama duyung dapat mempengaruhi pemikiran penonton apabila melihat cerekarama yang menggunakan unsur mitos serta dapat mengekalkan cerita-cerita mitos dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, cerekarama yang berunsur mitos seperti filem yang bertajuk duyung haruslah tidak dimamah usia dalam kalangan masyarakat pada masa kini terutamanya anak muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita yang berunsur mitos juga dapat mengelakkan kita daripada tertimpa nasib malang dan mempunyai pelbagai pengajaran. Natijahnya, unsur mitos dalam cerekarama duyung dengan menggunakan unsur mitos dalam teori strukturalisme daripada Levi-strauss dapat menjelaskan bahawa kehidupan sesebuah masyarakat tidak akan lari daripada mitos seperti dalam cerekarama yang bertajuk duyung.

**Kata kunci:** teori strukturalisme; unsur mitos; cerekarama duyung.

## **PENGENALAN**

Cerekarama dalam kamus bahasa Melayu bermaksud cerita yang berasal dari peristiwa nyata atau kisah benar atau cerita rekaan semata-mata yang difilemkan iaitu filem yang mengisahkan atau menceritakan sesuatu. Maksud filem menurut Mohd Ghazali Abdullah (2008), ialah filem yang mempunyai gambar yang dihasilkan dalam bentuk visual secara bergerak. Filem ini mempunyai unsur-unsur penceritaan yang dikarang yang dikemukakan dalam bentuk dialog,

visual dan bunyi. Dalam melakukan filem ini perlu kepada penggunaan kamera untuk merakam pelbagai pergerakan dari segi watak perwatakan, dialog watak yang dilakokan untuk menjadi hasil karya seni. Filem-filem ini dapat ditayangkan di panggung wayang dan televisyen untuk tontonan ramai.

Terdapat pelbagai filem yang ditayangkan di televisyen antaranya seperti filem *Duyung* yang diterbitkan oleh Dato' Prof Madya A. Razak Mohaideen. Filem ini mula ditayang pada 6 Mac 2008 di pawagam. Nama pengarah filem ini iaitu A. Razak Mohaideen dan dikemukakan oleh KRU Films serta bekerjasama berganding bahu dengan Grand Brilliance Sdn. Bhd. dan Line Clear Motion Pictures. Filem ini dibintangi oleh Saiful Apek sebagai pelakon utama iaitu seorang manusia yang baik hati yang berkawan dengan seekor haiwan bernama Orix yang dilakokan oleh Yaasin Yahya. Dalam filem ini, beliau berjumpa dengan seekor ikan duyung yang dilakokan oleh Maya Karin.

Filem *Duyung* ini merupakan cerita mitos sahaja iaitu cerita rekaan semata-mata. Menurut Alyza Satria Alfariasi (2019), menyatakan mitos atau muthos dalam bahasa Yunani yang berasal dari cerita mulut ke mulut pada zaman dahulu atau cerita tidak formal yang berkaitan dengan suatu suku yang diturunkan secara turun temurun. Hal ini kerana berlaku unsur-unsur kepercayaan mistik mengenai sesuatu kewujudan daripada sejarah lampau yang dilihat melalui sesuatu suku bangsa, kejadian-kejadian alam, dan sebagainya. Maksud mitos seterusnya ialah mengisahkan tentang perkara yang tidak benar atau seseorang yang mempunyai kelebihan luar biasa hanya rekaan semata-mata sinonim dengan kisah dongeng.

Dalam kajian ini, kami memilih teori strukturalisme untuk menganalisis mengenai elemen mitos yang terdapat di dalam cerekrama *Duyung*. Teori strukturalisme menurut Fadlil Munawwar Manshur (2019) menyatakan bahawa strukturalisme melibatkan ramai ahli sastra dan linguistik yang mempunyai lapangan yang luas. Terdapat pelbagai pandangan mengenai strukturalisme. Antara pandangan yang berkait rapat dengan unsur mitos dalam filem *Duyung* adalah teori strukturalisme menurut pandangan dari Levi-Strauss.

Mitos menurut strukturalisme Levi-Strauss adalah berkaitan dengan cerita dongeng yang mengisahkan tentang cerita yang direka oleh manusia sendiri mengikut imaginasi mereka tanpa merujuk dari mana-mana sumber. Setiap cerita yang disampaikan mengikut kisah kehidupan manusia seharian tetapi khayalannya terlalu tinggi menyebabkan cerita tersebut menjadi tidak masuk akal dan tidak logik apabila menontonya. Salah satu perkara yang menarik menurut Levi-Strauss adalah kenyataan bahawa nalar manusia dapat tempat untuk berkhayalan secara bebas melalui kisah dongeng yang dicipta (Ahimsa-Putra,2009:75-76).

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Unsur mitos mempunyai pelbagai kisah disebalik cerita yang disampaikan secara turun-temurun dari zaman dahulu. Oleh itu, pelbagai cerita yang berunsurkan mitos telah tersimpan di dalam setiap buah fikiran masyarakat yang kadang kala tidak diceritakan. Menurut Ismail Hamid (1986), menyatakan bahawa cerita yang berunsurkan mitos lazimnya disampaikan

secara lisan dari satu generasi kepada generasi yang lain. Namun kini, terutamanya dalam golongan remaja semakin kurang berminat untuk mengambil berat tentang cerita yang berunsurkan mitos bahkan tidak mempedulikannya. Menurut Siti Fatiemah Sa'at (2013), anak muda zaman sekarang sudah tidak mahu mengekalkan tradisi lama nenek moyang dahulu dan menganggap semua adat dan tradisi nenek moyang itu karut dan sudah ketinggalan zaman. Oleh yang demikian, pada masa ini pelbagai cerita yang mempunyai unsur mitos telah dijadikan cerekrama seperti filem yang bertajuk *duyung*. Cerekrama *duyung* adalah merupakan sebuah cerita dongeng yang mempunyai unsur mitos dan amat dikenali oleh masyarakat. Hal ini mampu memperingatkan masyarakat tentang teladan dan pengajaran yang terdapat dalam cerekrama *duyung* walaupun berunsur mitos. Sebagai contoh, manusia harus sentiasa berbuat baik dengan makhluk lain dan di dunia bukan manusia sahaja yang wujud tetapi makhluk lain juga ada berdekatan dengan kehidupan manusia.

Selain itu, cerita yang berunsur mitos sering digunakan oleh ibu bapa ketika menidurkan anak ataupun ketika mengisi masa lapang bersama keluarga. Oleh itu, semua cerita yang mempunyai unsur mitos yang memberi teladan baik dan dapat menggembirakan hati masyarakat perlulah disebar dan tidak patut disimpan dalam fikiran sahaja. Namun, realiti zaman sekarang golongan remaja menganggap cerita yang berunsurkan mitos adalah membosankan. Disamping itu, segelintir masyarakat juga ada yang tidak tahu asal usul cerita rakyat terutamanya cerita yang berunsur mitos sama ada benar atau telah diubah. Hal ini disebabkan oleh, cerita yang berunsurkan mitos disampaikan secara lisan. Oleh itu, proses tokoh tambah akan berlaku bergantung kepada kreativiti pencerita (Siti Fatiemah Sa'at, 2013). Menurut Hashim Awang (1986:61) menyatakan mitos adalah jenis cerita rakyat yang mengisahkan mengenai manusia atau makhluk dan peristiwa luar biasa yang di luar logik fikiran manusia. Oleh itu, pada masa kini, masyarakat tidak mahu menggambil tahu terhadap cerita yang berunsur mitos disebabkan oleh cerita yang mengandungi unsur mitos sukar difahami dan ada yang berpendapat unsur mitos boleh memesongkan akidah masyarakat.

Oleh demikian, cerita rakyat yang telah dijadikan cerekrama ini dikaji supaya masyarakat tahu tentang kebenaran dan boleh diceritakan atau disebar kepada masyarakat yang akan datang. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk memartabatkan unsur mitos dalam cerekrama *duyung* agar tidak ditelan zaman sama ada dikalangan warga muda atau tua melalui teori strukturalisme iaitu mitos.

### OBJEKTIF

Kajian ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu:

1. Mengenal pasti unsur mitos menerusi cerekrama *duyung* karya Prof. Madya Dato' Dr. A. Razak Mohaideen.
2. Menganalisis unsur mitos menggunakan pendekatan teori strukturalisme iaitu mitos yang dipelopori oleh Levi- Strauss.

### **BATASAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang telah dikaji ini, pengkaji hanya membataskan kajian terhadap unsur mitos yang dilakokan oleh watak utama iaitu Saiful Apek dalam cerekarama Duyung ini. Pengkaji telah memilih cerekarama ini yang bertajuk Duyung yang telah ditayangkan di pawagam pada 6 Mac 2008. Cerekarama ini diarahkan oleh A. Razak Mohaideen dan diterbitkan oleh KRU Films dengan kerjasama Grand Brilliance Sdn.Bhd. dan LineClear Motion Pictures. Cerekarama ini merupakan cerita penuh yang tidak mempunyai episode. Cerekarama ini mengisahkan tentang seorang lelaki miskin yang bernama Jimmy yang berkawan dengan seekor haiwan beruk bernama Orix. Beliau sering berkomunikasi dengan Orix dan selalu melakukan kerja bersama-sama membersihkan sampah di laut. Jimmy merupakan anak tunggal dalam keluarganya dan merupakan seorang yang tidak suka makan makanan laut. Beliau hanya makan buah-buahan seperti kawannya Orix.

Dalam cerekarama ini juga mengisahkan satu peristiwa yang sedih di mana Jimmy berjumpa dengan seorang puteri Duyung di lautan. Selepas itu, Jimmy memberitahu orang kampung mengenai Duyung yang dijumpainya tetapi Duyung tersebut tidak muncul kerana takut dirinya diancam oleh manusia. Disebabkan itu, penduduk kampung memanggil Jimmy orang gila kerana bagi mereka Duyung itu tidak wujud dan mereka tidak pernah melihat Duyung seperti yang dikatakan oleh Jimmy. Selepas kejadian itu, bapak Jimmy sangat marah kepada Jimmy kerana berbohong dan memalukan mukanya didepan orang kampung.

Setelah kejadian tersebut, terdapat satu peristiwa yang menarik apabila pada suatu hari Jimmy menjadi seorang yang kaya disebabkan pemberian harta karun lanun di gua oleh puteri Duyung. Selepas itu, Jimmy menghulurkan bantuan kepada semua penduduk kampung untuk meringankan beban mereka. Sejak dari itu, Jimmy menjadi orang yang penting dan disayangi oleh penduduk kampung.

Seterusnya, untuk mengkaji bahan-bahan kajian yang berkaitan dengan unsur mitos yang terdapat dalam cerekarama Duyung, pengkaji telah menggunakan teori strukturalisme iaitu mitos daripada Levi-Strauss kerana ianya berkait rapat dengan unsur mitos yang ingin dikaji dalam cerekarama Duyung. Justifikasinya, pengkaji memilih cerekarama Duyung ini adalah kerana ianya merupakan salah satu filem yang mengisahkan mengenai peristiwa yang menjadi tanda tanya kewujudannya.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah rujukan dan kaedah analisis. Kaedah rujukan adalah melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan iaitu melalui internet dan menonton cerekarama yang berkaitan terhadap unsur mitos. Sumber utama yang digunakan adalah menggunakan kaedah menonton cerekarama serta unsur mitos yang terdapat dalam bentuk teks seperti jurnal dan kajian sastera yang telah dihasilkan oleh sarjana tempatan dan sarjana barat. Kaedah analisis cerekarama juga tergolong dalam teks



yang melibatkan tontonan secara teliti terhadap filem di dalam internet diikuti dengan pemilihan unsur mitos yang bersesuaian. Unsur mitos tersebut dianalisis dengan menggunakan prinsip teori strukturalisme melalui mitos oleh Levi-Strauss.

### **Filem Duyung**

Bagi melengkapkan lagi kajian ini, pengkaji telah menonton cerekarama iaitu bertajuk Duyung sebagai bahan kajian. Filem Duyung ini diterbitkan oleh KRU Films dengan kerjasama Grand Brilliance Sdn. Bhd. dan Line Clear Motion Pictures.

### **Internet**

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah internet untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi melengkapkan kajian ini. Seterusnya, pengkaji juga telah melayari internet bagi mendapatkan sumber maklumat berkaitan dengan aspek-aspek dalam kajian. Menerusi kaedah ini, pengkaji mendapati bahawa banyak laman web yang telah membuat kajian mengenai unsur mitos yang telah dipercayai dari zaman dahulu lagi. Dalam kajian ini juga pengkaji menggunakan internet sebagai sumber rujukan dalam menghasilkan sebuah kajian berkaitan dengan unsur mitos melalui cerekarama Duyung.

### **Teori Strukturalisme Levi-Strauss**

Berbagai takrif telah dikemukakan untuk menerangkan maksud strukturalisme. Hal ini kerana, strukturalisme bukan sahaja terbatas kepada bidang antropologi sahaja tetapi terdapat berbagai takrif yang telah dibuat bergantung kepada bidang masing-masing sehinggakan Kroeber (1948) pernah menyuarakan bahawa:

“... struktur sudah tidak lagi bermakna, kecuali membawa kekeliruan yang menyeronokkan.”

Oleh demikian, strukturalisme membawa pengertian yang berbagai mengikut bidang masing-masing. (Assiter, 1984: 273-276).

Oleh itu, teori strukturalisme melalui Levi-Strauss mempunyai ciri-ciri yang berlainan daripada tokoh lain terutama apabila dibanding dengan Frazer atau Bronislaw Malinowski. Hal ini kerana, perbezaan tersebut merupakan perbezaan fundamental. Teori strukturalisme melalui Levi-Strauss adalah untuk menunjukkan hakikat yang sebenar mengenai pemikiran manusia. Sebagai seorang sarjana serta intelek penulisan beliau iaitu sama ada dalam Bahasa Perancis ataupun Bahasa Inggeris mempunyai satu keistimewaan iaitu

“... sukar difahami; teori-teori sosiologi beliau terlalu kompleks dan luas sehinggakan sesetengah pembaca merasai bahawa mereka terpedaya dengan suatu tipu helah yang sungguh meyakinkan.” (Leach 1974: 3).

Walaupun teori strukturalisme mempunyai pelbagai pecahan. Tetapi unsur mitos adalah melalui struktur mitos iaitu oleh Levi-Strauss. Oleh itu, hanya satu struktur sahaja yang digunakan dalam strukturalisme iaitu struktur mitos yang dapat melihat unsur mitos dalam cerekarama duyung

### Mitos

Mitos adalah pecahan daripada struktur yang terdapat dalam strukturalisme. Mitos menurut Levi-strauss adalah berkaitan dengan cerita dongeng. Dongeng merupakan kisah yang direka cipta oleh manusia sendiri mengikut imaginasi mereka tanpa merujuk dari mana-mana sumber. Oleh demikian setiap cerita yang disampaikan hanya mengikut kehidupan manusia sehari-hari tetapi mempunyai khayalan yang terlalu tinggi menyebabkan cerita itu tidak masuk akal apabila menontonya. Justeru itu, salah satu perkara yang menarik bagi Levi-strauss adalah kenyataan bahawa nalar manusia dapat tempat untuk berkhayalan secara bebas melalui kisah dongeng yang dicipta.

Oleh itu, menunjukkan bahawa mitos dapat membantu untuk meneliti unsur-unsur mitos yang terdapat dalam cerekrama duyung. Oleh demikian, mitos adalah aspek utama yang memainkan peranan penting dalam cerekrama yang berunsur mitos seperti duyung. Hal ini juga memeperlihatkan bahawa unsur mitos yang terdapat dalam cerekrama adalah membawa pengaruh besar dalam pemikiran seseorang untuk menilai cerita-cerita yang berunsur mitos. Kesimpulannya, unsur mitos adalah merupakan aspek penting dalam menghasilkan sesebuah cerekrama yang berunsurkan mitos.

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis mengenai unsur mitos dengan menggunakan Teori Strukturalisme iaitu mitos yang terdapat dalam cerekrama iaitu *Duyung*. Antara unsur mitos yang ingin dianalisis ialah sikap yang mempercayai kewujudan ikan Duyung, mempercayai manusia boleh berkahwin dengan makhluk lain, kepercayaan manusia dapat berkomunikasi dengan makhluk lain, kepercayaan terdapat harta karun lanun di dalam gua.

Manakala mitos adalah cerita tentang dewa-dewa dan orang atau makhluk luar biasa zaman dahulu yang dianggap oleh sesetengah golongan masyarakat sebagai kisah benar dan merupakan kepercayaan berkenaan. Mitos juga merujuk kepada satu cerita dalam sesebuah kebudayaan yang dianggap mempunyai kebenaran mengenai sesuatu perkara yang pernah berlaku pada suatu masa dahulu. Ia dianggap sebagai satu kepercayaan dan kebenaran mutlak yang dijadikan sebagai rujukan. Selain itu, ia merupakan satu dogma yang dianggap suci dan mempunyai konotasi upacara.

### Sikap yang mempercayai kewujudan ikan Duyung

Menurut Hashim Awang (1986) menyatakan bahawa cerita yang berunsurkan mitos adalah jenis cerita rakyat yang mengisahkan mengenai manusia dan peristiwa luar biasa yang di luar logik fikiran manusia yang mempercayai sesuatu yang berunsur mitos. Oleh demikian, sikap yang mempercayai kewujudan ikan duyung adalah tidak asing bagi masyarakat terutamanya di negara Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, mitos mengenai wujudnya ikan duyung ini telah wujud dari zaman dahulu dan merupakan cerita rakyat yang dahulu disampaikan secara lisan sehingga cerita mitos ini berkembang sehingga dijadikan cerita rakyat atau

dongeng yang telah dibukukan serta dijadikan cerekrama untuk menghiburkan masyarakat. Oleh itu, sikap seseorang yang masih mempercayai kewujudan ikan duyung tidak boleh diremehkan oleh sesetengah individu, hal ini kerana, setiap manusia mempunyai kepercayaan masing-masing tentang apa yang mereka dengar dan faham. Oleh itu, sikap mempercayai kewujudan ikan duyung dapat dilihat berdasarkan dialog 1 dalam cerekrama duyung.

Dialog 1:

Jimmy: Bang Yun, semalam saya jumpa duyung

Bang yun: Balik-balik duyung, balik duyung, tak habis-habis lah engkau ni cubalah cari kerja macam orang lain Jimmy, turun ke laut

Jimmy: Kalau tak percaya datang lah malam ni ke pulau saye, saye bole panggil dialah. Eleh tak percaya .

(Filem Duyung, minit ke 42:46-43:06)

Melalui dialog di atas, dapat dilihat sikap seseorang yang mempercayai bahawa dia telah bertemu duyung, tetapi tidak dipercayai oleh orang lain. Hal ini memperlihatkan bahawa, sikap mempercayai kewujudan duyung ini merupakan hal yang berada di luar fikiran. Oleh itu, watak Jimmy dalam filem duyung ini yang mempercayai dirinya telah berjumpa dengan makhluk sejenis duyung walaupun tidak dipercayai oleh masyarakat di kampungnya. Oleh demikian, Jimmy berusaha untuk meyakinkan kepada penduduk kampung bahawa duyung itu wujud dan menyuruh penduduk kampung datang ke pulau yang telah dibinanya.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan mitos yang terdapat dalam teori strukturalisme yang dipelopori oleh Levi-Strauss. Jelaslah unsur mitos yang terdapat dalam dialog 1 iaitu sikap yang mempercayai kewujudan ikan duyung merupakan salah satu mitos yang masih dipercayai sehingga kini oleh segelintir masyarakat terutamanya dalam individu yang percaya dan mengakui pernah berjumpa dengan duyung.

### **Mempercayai bahawa manusia boleh berkahwin dengan makhluk lain**

Mempercayai manusia boleh berkahwin dengan makhluk lain seperti duyung adalah perkara yang diluar jangkaan. Namun demikian, segelintir masyarakat pada zaman dahulu percaya bahawa manusia boleh mengahwini duyung kerana manusia boleh berinteraksi dengan makhluk tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat pada zaman dahulu sehingga kini percaya bahawa duyung adalah separuh manusia dan separuh ikan. Oleh itu, bagi mereka tidak salah untuk mengahwini duyung, hal ini disebabkan, pada zaman dahulu, masyarakat percaya apabila mengahwini duyung dapat membantu untuk tangkapan hasil laut. Oleh demikian, sikap seseorang yang masih mempercayai bahawa manusia boleh mengahwini duyung adalah tidak wajar dan dianggap salah. Dalam konteks islam, juga diterangkan bahawa makhluk manusia tidak boleh mengahwini makhluk lain, kerana setiap manusia telah di tetapkan pasangan masing-masing dalam kehidupan. Oleh itu, unsur mitos mengenai manusia boleh berkahwin dengan makhluk lain dapat dilihat berdasarkan dialog 2 dalam cerekrama duyung di bawah.

Dialog 2:

Jimmy: Mak, khawin tu best tak.

Mak: hei baru bangun tidur dah cakap pasal kahwin, apasal,

Jimmy, orix tu jantan, mana boleh kahwin dengan orix.

Jimmy: ish, apala mak ni, ada pulak dengan orix

Mak ni takde testy langsung lah, saye adalah pilihan saye.

Mak: sape? Duyung ke? Emm memang duyung je faham perangai pelik kau tu, selain Orix.

Jimmy: ade pulak duyung mak, duyung tu bini nombor dua.

(Filem Duyung, minit ke: 12:13 – 12:44)

Berdasarkan, dialog 2 diatas, dapat dilihat Jimmy iaitu anak seorang nelayan, masih berangan-angan untuk berkahwin dengan duyung dan ingin menjadikan duyung sebagai isteri kedua. Hal ini disebabkan oleh, watak tersebut masih mempercayai mitos mengenai manusia boleh mengahwini duyung dalam kehidupan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh, watak Jimmy sentiasa mendengar cerita mengenai duyung yang diceritakan oleh emaknya. Di samping itu, Jimmy juga menganggap apa yang dikatakan oleh emaknya bahawa selain haiwan kesayangannya iaitu Orix, duyung juga yang dapat memahami perangai Jimmy. Oleh demikian, Jimmy berhasrat untuk menjadikan duyung sebagai isteri keduanya. Hal ini bertepatan dengan teori strukturalisme oleh Levi- Strauss bahawa unsur mitos adalah peristiwa luar biasa yang diluar logik fikiran manusia. Jesteru itu, unsur mitos yang terdapat dalam dialog di atas mengenai mempercayai manusia boleh mengahwini makhluk lain adalah perkara yang tidak dapat difikirkan oleh orang lain kecuali diri individu tersebut.

### **Kepercayaan manusia dapat berkomunikasi dengan makhluk lain**

Maksud komunikasi menurut Rogers & D.Lawrence Kincaid (1981), menyatakan bahawa komunikasi adalah suatu proses dimana dua orang atau lebih membentuk atau melakukan pertukaran informasi antara satu sama lain untuk memahami secara mendalam. Komunikasi merupakan proses interaksi manusia yang melibatkan bertuturan dan pertuturan pendapat, gerak isyarat dan simbol. Menurut Shannon & Weaver (1949), mentakrifkan komunikasi adalah bentuk interaksi manusia yang saling mempengaruhi satu sama lain, secara sengaja atau tidak sengaja. Tidak terbatas pada bentuk komunikasi menggunakan verbal, tetapi juga dalam hal ekspresi muka, lukisan, seni dan teknologi (pengantar Ilmu komunikasi, 1998, hal 20, Prof Dr. Hafied Cangara, M. Sc.). Hal ini berkaitan dengan kepercayaan manusia dapat berkomunikasi dengan makhluk lain berdasarkan cerekrama filem Duyung seperti dialog 3 di bawah.

Dialog 3:

Jimmy: Yang dekat belakang tu adalah kawan saya, kerja kitaorang hari-hari gotong royong kutip sampah kutip sampah. Lupa nak kenalkan. Inilah kawan saya, Orix namanya. Amacam nampak macam beruk tak? memang beruk pun. Orang kampung semua cakap saya gila sebab berkawan dengan beruk.

Orix: fuyooo- fuyoo

(Filem Duyung, minit ke 2.10-2.27)

Dialog 4:

Jimmy: Nama saya Jimmy, no Jimmy andread. Jimmy pendekar laut. Itu Orix ternakan saya buruk. Nama awak?

Puteri Duyung: nama saya puteri, lama saya perhatikan Jimmy. Jimmy dari kecil bersihkan kawasan ini.

(Filem Duyung, minit 38.42-39.02)

Dialog diatas menceritakan mengenai kepercayaan manusia dapat berkomunikasi dengan makhluk lain yang dapat difahami antara satu sama lain. Dialog 3 pada minit ke 2 minit 10 saat hingga 2 minit 27 saat menunjukkan bahawa Jimmy berkawan dengan Orix dan selalu berinteraksi bersama untuk melakukan sesuatu perkara. Mereka berdua saling memahami dan meminta pendapat antara satu sama lain. Begitu juga dengan dialog 4 di minit ke 38 minit 42 saat hingga 39 minit 02 saat bahawa Jimmy dapat berkomunikasi dengan Puteri Duyung yang berlainan makhluk. Hal ini bertentangan dengan realiti yang sebenar kerana manusia dengan makhluk lain tidak boleh berkomunikasi dengan jelas kerana mereka tidak dianugerahkan akal untuk berfikir dan juga tidak dapat bertutur dengan baik yang sukar untuk difahami oleh manusia. Manusia dengan makhluk lain adalah berbeza kerana manusia mempunyai akal fikiran yang sihat untuk menilai sesuatu perkara itu baik dan buruk. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kepercayaan manusia dapat berkomunikasi dengan makhluk lain adalah mitos semata-mata yang direka oleh manusia untuk tujuan hiburan. Hal ini berkait rapat dengan teori strukturalisme di bawah unsur mitos Levi-Strauss yang menyatakan bahawa cerita yang bertentangan dengan sejarah atau kenyataan merupakan kisah dongeng yang lahir dari hasil imaginasi manusia.

### **Kepercayaan terdapat harta karun lanun di dalam gua**

Menurut Herdi Alif Al Hikam (2021), menyatakan bahawa istilah harta karun ialah berasal dari seorang sepupu Nabi Musa A.S yang bernama Qarun. Kisahnya dapat dilihat dalam surah al-Qashash (28) ayat 76-82. Menurut kisahnya Qarun merupakan seorang anak dari Yashhar yang merupakan adik dari ayahnya Nabi Musa yang bernama Imran. Qarun ialah seorang anak miskin lalu beliau meminta Nabi Musa untuk berdoa kepadanya untuk diberikan harta benda oleh Allah SWT. Nabi Musa menturuti permintaan Qarun kerana beliau merupakan anak yang soleh dan Allah SWT pun mengabulkan doa yang dipinta oleh Nabi Musa tersebut. Setelah itu, Qarun dilimpah harta yang melimpah-ruah seperti emas, rubi, perhiasan dan sebagainya.

Sejak pada itu, Qarun menjadi seorang yang angkuh dan sombong dengan kemewahan yang diberikan. Disebabkan kesombongan itu beliau menjadi lupa untuk lebih khusyuk beribadah kepada Allah SWT. Qarun menyatakan bahawa harta yang beliau dapat hasil daripada kepandaian dan pengetahuan yang ada pada dirinya. Hingga suatu ketika, Nabi Musa diperintahkan oleh Allah untuk mengerjakan zakat. Setelah itu, Nabi Musa mengutuskan seorang pengikutnya untuk meminta zakat dari Qarun. Namun beliau tidak memberikan sedikitpun hartanya untuk zakat. Akhirnya, Allah SWT menjatuhkan azab dengan

menenggelamkan harta kekayaan Qarun di dalam bumi. Sehingga ke saat ini, nama Qarun dijadikan sebagai nama bagi “harta karun” jika ditemukan oleh seseorang.

Harta karun ini dapat dilihat di dalam cerekarama Duyung yang dijumpai oleh Jimmy dan Puteri Duyung di dasar laut yang dianggap sebagai harta karun milik lanun. Hal ini dapat dilihat dalam dialog di bawah.

### Dialog 5

Jimmy: Puteri... harta-harta ni puteri yang punya eh?

Puteri Duyung: Bukan... lanun...

(Filem Duyung, minit ke 54:16-54:21)

Dialog di atas menceritakan mengenai harta-harta yang dijumpai di dalam gua yang merupakan harta lanun yang telah karam untuk sekian lamanya. Kepercayaan terhadap harta karun lanun di dalam gua merupakan mitos yang ditambah dari sejarah yang asalnya. Hal ini kerana, harta karun ini tidak ketahui kewujudan sebenarnya keberadaannya sama ada di dasar laut yang mempunyai gua atau didalam kapal yang karam. Hal ini bertepatan dengan teori strukturalisme iaitu mitos dari Levi-Strauss yang menyatakan bahawa setiap cerita yang direka atau hasil dari imaginasi manusia adalah dongeng. Walaupun asal usul berasal dari benda yang nyata tetapi ianya ditambah dan diubah mengikut pemikiran manusia untuk dijadikan jalan cerita yang menarik. Oleh itu, harta karun ini tidak mempunyai ketepatan yang betul oleh ahli saintifik untuk mengetahui keberadaan harta karun lanun yang sebenar.

### RUMUSAN

Secara rumusannya, cerekarama Duyung merupakan cerita dongeng yang mempunyai unsur mitos yang dihasilkan dari imaginasi manusia dan khayalan manusia. Setiap khayalan yang dihasilkan adalah berkaitan dengan kehidupan manusia tetapi ianya bertentangan dengan sejarah atau kenyataan yang sebenar. Mitos merupakan cerita suci yang mempunyai simbolik yang mengisahkan peristiwa-peristiwa yang mempunyai dewa-dewi, kekuatan, pahlawan dan sebagainya. Isi sebuah cerita mengenai mitos ini berdasarkan pada suatu tragedi yang memungkinkan masyarakat untuk mengintegrasikan semua masalah yang perlu diselesaikan dalam suatu konstruksi sistematik. Meskipun sering dianggap tidak logik dan terlalu berlebihan kerana maknanya yang sulit untuk difahami tetapi ianya sering digunakan untuk mengungkap kebenaran sejarah dahulu kala yang tidak diketahui oleh masyarakat kini. Oleh itu, setiap cerita dongeng yang dihasilkan dapat dijadikan sebagai hiburan dan tontonan bagi masyarakat tetapi tidak boleh percaya secara keseluruhan dengan apa yang diceritakan di dalam cerekarama kerana ianya merupakan sebuah cerita dongeng yang direka semata-mata. Dalam cerita cerekarama Duyung walaupun cerita mitos tetapi cerita ini mempunyai nilai murni yang dapat memberi pengajaran kepada penonton.

### RUJUKAN

Bakri, W. (2020). Biografi Tokoh-Tokoh Sosiologi Klasik sampai Postmodern.

MALAY, M. E. B. O. T. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional.

*International Journal*, 2(6), 78-87.

Saddi, F., Dawam, Z. A. M., & Hisham, F. (2022). Ciri Dan Fungsi Lagu Dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal *Magika* (2010): Characteristics And Functions Of Songs In Forming The Plot Structure Of The Musical Film *Magika* (2010). *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 61-70.

Nor, N. L. M., & Mohamed, F. N. (2012). Simbol Kondensasi dan Struktur Sayu-sunyi dalam Animasi *Father and Daughter*: The Symbolic Condensation And Structure Of Melancholic-Yearning In Animation Of *Father And Daughter*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 14(1), 77-91.

Suhendro, E., & Syaefudin, S. (2020). Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Pendidikan Anak Usia Dini Inklusi. *JEA (Jurnal Edukasi AUD)*, 6(1), 1-12.



## UNSUR KEROHANIAN DALAM FILEM MUNAFIK KARYA SYAMSUL YUSOF: ANALISIS PENDEKATAN DAKWAH

Nasha Azreena Binti Mohd Jaihan, Nur Ainnul Humairah Binti Mohd Yusoff, Dayang Nuraziemah Binti Nooradik, Nurul Farisha Binti Sudin & Siti Nur Zaahirah Binti Mohd Jafri

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[nasha.c19a0369@siswa.umk.edu.my](mailto:nasha.c19a0369@siswa.umk.edu.my), [ainnhumairah.c19a0458@siswa.umk.edu.my](mailto:ainnhumairah.c19a0458@siswa.umk.edu.my),  
[aziemah.c19a0085@siswa.umk.edu.my](mailto:aziemah.c19a0085@siswa.umk.edu.my), [farisha.c19a0653@siswa.umk.edu.my](mailto:farisha.c19a0653@siswa.umk.edu.my),  
[zaahirah.c19a0774@siswa.umk.edu.my](mailto:zaahirah.c19a0774@siswa.umk.edu.my).

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis nilai kerohanian daripada sebuah filem karya Syamsul Yusof dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu terhadap filem Munafik. Melalui filem Munafik karya Syamsul Yusof yang dijadikan bahan kajian menggunakan pendekatan dakwah diharapkan dapat menjelaskan nilai kerohanian yang tinggi terhadap masyarakat. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis aspek-aspek rohani dari segi keagamaan dalam filem Munafik. Penyelidikan ini menyentuh tentang beberapa kajian lalu yang menjadikan sebuah cereka sebagai bahan kajiannya. Dalam kajian ini pengkaji telah membataskan ruangan kajian kepada skop yang lebih terhad agar kajian lebih jelas. Selain itu, pendekatan kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan teks digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kajian. Kajian ini dilakukan untuk memberikan pencerahan tentang nilai-nilai Islam daripada kaedah dakwah. Diharap agar penerapan Teori Pengkaedahan Melayu di dalam penghasilan sesuatu karya sastera dapat menyampaikan nasihat dan mesej yang mampu membentuk individu serta masyarakat dengan lebih baik.

**Kata kunci:** Teori Pengkaedahan Melayu; Pendekatan Dakwah; Filem Munafik.

### PENGENALAN

Cerekrama suatu cerita yang berisikan kisah atau peristiwa sebenar yang berlaku terhadap seorang pengarang daripada pengalaman dan inspirasi sendiri dalam menghasilkan sebuah filem. Cerita dan kisah sebenar ini akan difilemkan untuk menyampaikan atau menceritakan sesuatu. Dalam karya sastera, fiksyen merupakan sebuah bentuk cerita naratif yang mempunyai suatu peristiwa yang tidak faktual. Setiap watak yang dimainkan hanyalah sebuah rekaan khayalan yang dicipta oleh pengarang. Terdapat banyak karya sastera yang menggunakan fiksyen iaitu dalam karya filem, teater, dan muzik.

Filem adalah bentuk seni dalam menyampaikan naratif yang mempunyai prinsip dan gaya tersendiri. Dalam menghasilkan sebuah cerita yang berkesan, pengarang akan menyusun jalan cerita dengan teratur yang merangkumi peranan seperti tema, plot, watak dan perwatakan,

penyunting, bunyi dalam pembentuk naratif, gaya visual dan sebagainya bagi memudahkan penonton memahami setiap jalan cerita yang disampaikan. Selain itu, pelbagai teori digunakan dalam karya sastera bagi memudahkan pengkaji mengaplikasikan sebuah karya cereka. Sebuah karya cereka yang dihasilkan oleh pengarang memiliki pelbagai isi tersurat dan tersirat di dalamnya untuk disampaikan kepada penonton.

Kajian ini akan meneliti cerekrama filem *Munafik* karya Syamsul Yusof dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu Pendekatan Dakwah. Sastera bukan hanya sekadar teks semata-mata namun juga merupakan satu kaedah yang boleh digunakan untuk mempertingkatkan nilai kerohanian seseorang insan. Dalam konteks ini, kajian ini memfokuskan prinsip ketuhanan dalam filem *Munafik* secara berlebihan yang ingin disampaikan kepada masyarakat oleh pengkarya. Pemilihan cerekrama berbentuk filem ini adalah dibuat berdasarkan cerita fiksi seram yang mana seorang ustaz yang cuba memperbetulkan akidah orang-orang kampung yang telah terpesong daripada ajaran agama Islam yang sebenar.

Kemampuan Syamsul Yusof dalam mempersembahkan karya ini sememangnya dapat membuka minda dan mata masyarakat kerana hakikat sebenarnya di sekeliling mereka perkara yang benar-benar berlaku dan masih berlaku. Pengkarya mengangkat nilai keagamaan, ketuhanan, adat dan ketaatan yang tinggi ditonjolkan dalam cerekrama filem ini.

### OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti kaedah berdakwah yang terdapat dalam cerekrama karya Syamsul Yusof dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu terhadap filem *Munafik*.
2. Menganalisis aspek-aspek rohani dari segi keagamaan dalam filem *Munafik* karya Syamsul Yusof.

### SOROTAN KAJIAN

Menerusi sorotan kajian lepas terdapat kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan tentang novel, filem, drama atau cerekrama yang telah dikaji berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.

Antara kajian yang pernah dilakukan ialah "*Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*" oleh Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019). Kajian ini tertumpu kepada aspek keagamaan yang berunsurkan dakwah. Dalam kajian ini terdapat beberapa perbincangan yang diusulkan iaitu dakwah bukan paksaan, dakwah memerlukan rasional, dakwah penyatuan masyarakat, dan dakwah bukan induksi psikologi. Pendekatan dakwah ini digunakan novel *Suriati* berungkapan bahawa dakwah adalah sebagai penyampai mesej utama dalam jalan cerita ini. Justeru itu, kajian ini adalah untuk meningkatkan nilai ketakwaan manusia terhadap Allah SWT.

Penelitian sorotan kajian yang seterusnya berjudul "*Teori Pengkaedahan Melayu dalam Novel Kalvaria*" oleh Ridha Farhan. Pendekatan yang diaplikasikan dalam novel *Kalvaria* ini menjadi bukti situasi yang berlaku mampu memberikan pengajaran kepada masyarakat khususnya

Pendekatan Dakwah yang mampu memberi ilmu serta dapat dijadikan teladan untuk mendapat kehidupan yang baik dan sejahtera.

Seterusnya, kajian mengenai pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Pendekatan Dakwah telah dilakukan oleh Jumali Hj Selamat yang berjudul "*Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah*". Kajian ini mengusulkan nilai keagamaan seperti bebas dalam beragama, menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan, berdakwah dan menegakkan ajaran agama Islam. Kajian ini mampu menjadi satu pendekatan memantapkan Islam dengan berlandaskan al-Quran dan hadis (Jumali Hj Selamat, 2009).

Selain itu, kajian yang bertajuk "*Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah*" oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker dan Farra Humairah Mohd (2020) mengutarakan unsur dakwah berpandukan pendekatan dakwah. Pendekatan ini digunakan sesuai dengan kajian yang memaparkan kehidupan sesebuah masyarakat menerusi gaya hidup, agama dan kepercayaan. Dapatan kajian ini mengandungi nilai keagamaan yang boleh menjadi teladan untuk membentuk masyarakat yang beradab dan berakhlak mulia.

Che Abdullah Che Ya (2018) kajian bertajuk "*Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*" sebuah karya Faisal Tehrani yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007 menumpukan kepada aspek pengkaedahan keagamaan yang mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini dapat membentuk insan yang berilmu dan berakhlak.

Berdasarkan hasil sorotan kajian yang diperolehi, jelas membuktikan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu ini memfokuskan aspek kerohanian masyarakat dalam dunia reality menerusi pendekatan dakwah. Oleh itu, sebuah kajian mengenai Pendekatan Dakwah dalam novel, drama, dan filem wajar dilakukan bagi menambah lagi kajian ilmiah menerusi Teori Pengkaedahan Melayu Pendekatan Dakwah.

### **PEMASALAHAN KAJIAN**

Penelitian ini menilai filem Munafik yang memaparkan kisah kehidupan masyarakat Melayu yang terpesong daripada ajaran agama Islam. Penelitian melihat bagaimana kaedah berdakwah untuk menegakkan ajaran Islam kepada masyarakat dan aspek kerohanian mampu menggerakkan karya ini.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Maklumat dan data kajian dikumpul menerusi kaedah kepustakaan seperti artikel, jurnal, tesis, buku dan kertas kerja yang berkaitan dengan cereka dan juga Teori Pengkaedahan Melayu. Bagi

mencapai objektif kajian, pengkaji mengaplikasikan sumber sekunder seperti artikel, jurnal, buku dan laman sesawang sebagai bahan rujukan.

Selain itu, pengkaji turut menonton cerekrama berbentuk filem yang telah dipilih iaitu Munafik karya Syamsul Yusof dan memodifikasikan ke dalam bentuk penulisan ilmiah dengan memberikan penerangan dan penjelasan dengan lebih jelas.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Teori ini telah dirujuk dengan kitab Tajul Muluk yang terkandung pelbagai ilmu dan juga panduan hidup. Oleh itu, Hashim Awang (1980) telah menghasilkan teori ini berdasarkan pendekatan melayu dan Islam.

Menurut Hashim Awang (1980), pendekatan gunaan, moral dan firasat yang terletak dalam cabang pertama teori, iaitu pendekatan alamiah dan pendekatan dakwah, sosial dan estetika yang memiliki kaedah dan tatacara tersendiri berdasarkan keilmuan islam dan ketamadunan Melayu yang kukuh. Menurut beliau, al-Quran dan hadis menjadi sumber rujukan penting bagi keilmuan islam, manakala tamadun Melayu diletakkan sepenuhnya kepada persekitaran dan geografi alam Melayu, sikap dan tradisi budaya.

### **TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU**

Teori Pengkaedahan Melayu yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang dikenali sebagai grounded theory atau 'teori berlandas' yang terbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif, iaitu yang mengandungi rumusan atau formula yang berupa prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastera dan amalan-amalan yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu (Hashim Awang, 2002). Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Dalam kajian ini pengkaedahan yang digunakan ialah Pengkaedahan Keagamaan.

#### **Pengkaedahan Keagamaan**

Pengkaedahan Keagamaan ini berdasarkan keimanan terhadap agama Islam dan berlandaskan al-Quran dan Hadis untuk mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Terdapat tiga pendekatan yang telah digariskan oleh Hashim Awang iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni (Hashim Awang, 1994). Pendekatan ini diberikan penekanan kepada tiga nilai utama iaitu estetika, moral dan keagungan Allah. Antara Pendekatan Keagamaan yang digunakan untuk kajian ini adalah Pendekatan Dakwah.

#### **Pendekatan Dakwah**

Sastera dianggap sebagai medium yang boleh menyampaikan dan memaparkan sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian kekuasaan Allah (Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud, 2017).

Justeru itu, pendekatan Dakwah adalah salah satu kaedah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT.

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

Teori Pengkaedahan Melayu yang dihasilkan oleh Hashim Awang berteraskan kepada budaya, cara dan sikap hidup, pandangan dunia, perspektif alam semesta dan agama Islam bagi orang-orang Melayu (Hashim Awang, 1995:5). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:305), dakwah membawa maksud kegiatan yang menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.

Dalam filem *Munafik* aspek keagamaan yang berunsurkan dakwah diterapkan di dalam masyarakat tersebut. Filem ini mengutarakan berdakwah itu suatu perkara yang penting untuk disampaikan kepada khalayak. Dakwah ini merupakan satu usaha yang dilakukan bagi mengelakkan manusia mungkar dan menggalakkan manusia kearah kebaikan bagi mencapai kejayaan dunia dan akhirat serta kehidupan yang diredhai Allah SWT.

Dalam Islam berdakwah adalah untuk menegakkan kebenaran dan ajaran Islam yang sebenar-benarnya untuk mengelakkan berlakunya kemungkar terhadap Allah SWT dan ajaran sesat. Dakwah perlu dilakukan dengan ajaran yang betul mengikut al-Quran dan Hadis serta sunnah Rasulullah SAW bagi mengukuhkan kepercayaan orang dan tidak tersesat daripada agama Islam. Sesuai dengan firman Allah dalam surah at-Taubah ayat:22 yang membawa maksud “hendaklah ada di antara kamu orang yang mendalami ilmu agama, mudah-mudahan mereka dapat menjauhkan diri daripada larangan Allah” (Jumali Hj Selamat, 2009).

### **Dakwah untuk Menegakkan Kebenaran**

Dakwah untuk menegakkan kebenaran ini dapat dilihat dalam filem *Munafik* yang mengisahkan tentang masyarakat yang terpesong dari ajaran agama Islam. Sebagai contoh Pak Osman yang merupakan salah satu penduduk kampung yang mempunyai agendanya tersendiri sehingga sanggup melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan tidak mengikut ajaran agama Islam yang sebenar. Pak Osman hanya berpura-pura menunjukkan sikap baiknya kepada penduduk kampungnya namun disebaliknya dialah yang merupakan punca berlakunya perkara pelik dan segala penyakit kepada orang kampung. Pak Osman ini mengamalkan ajaran sesat yang mana dia menyihir orang kampung yang sakit. Perbuatannya ini diketahui oleh sahabat baiknya yang juga pengamal perubatan Islam di kampung itu iaitu Ustaz Adam kerana banyak perkara pelik yang berlaku di kampung itu. Daripada itu, Ustaz Adam menggunakan pelbagai kaedah dakwah untuk memperbetulkan akidah dan ajaran Islam kepada Pak Osman serta orang kampung yang telah sakit disihir.

Menerusi contoh di atas, jelas bahawa, Ustaz Adam memainkan peranannya sebagai seorang pendakwah yang cuba memperbetulkan keadaan dan penduduk kampung dengan menegakkan perkara dan ajaran agama Islam yang betul.

### **Dakwah untuk Membimbing Masyarakat**

Agama Islam diturunkan Allah SWT ke atas Nabi SAW iaitu utusan Allah SWT untuk menyampaikan agama Islam kepada seluruh manusia di atas muka bumi ini (Wan Hussein Azmi Abdul Kadir, 1998). Dalam filem Munafik karya Syamsul Yusof, jelas menonjolkan watak Ustaz Adam yang berusaha membimbing penduduk kampungnya ke jalan yang benar tanpa menyekutukan Allah yang Maha Esa. Antara usaha berdakwah Ustaz Adam ialah dengan menasihati dan mengajak Pak Osman ke pangkal jalan kerana sudah terlalu terpesong daripada ajaran agama Islam. Sehingga pada akhirnya untuk memberi kesedaran kepada Pak Osman, Ustaz Adam membacakan ayat-ayat al-Quran kepada Pak Osman menyebabkan Pak Osman mati kerana terlalu banyak mempunyai pemujaan yang ada pada dirinya seperti jin dan makhluk halus.

Oleh itu, Ustaz Adam berusaha membimbing Pak Osman ke arah yang betul walaupun pelbagai rintangan yang dihadapi. Jelaslah bahawa, dengan membimbing masyarakat mampu menyedarkan dan menyelamatkan mereka daripada terus-menerus ke lembah kejahilan yang akan membuatkan hilangnya rahmat Allah SWT atas hamba-Nya.

### **Dakwah untuk Meneruskan Ajaran Islam**

Dakwah merupakan cara untuk mengajak kebaikan samada dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya untuk memberi kesedaran dan berusaha untuk mempengaruhi orang lain tanpa sebarang unsur paksaan. Dakwah ini dilakukan bagi meneruskan, mempraktikkan dan mengembangkan ajaran agama Islam kepada orang ramai.

Menerusi filem Munafik ini jelas menonjolkan watak Ustaz Adam yang berusaha untuk mempraktikkan dan menyebarkan ajaran agama Islam kepada penduduk kampung sehingga menimbulkan hasad dengki dan kurang berpuas hati Pak Osman kepadanya kerana terlalu mengikuti ajaran agama Islam. Ustaz Adam sering ke masjid mengajar orang kampung mengaji dan mengubati penyakit yang dihadapi orang kampung. Demi meneruskan ajaran agama Islam, Ustaz Adam menempuhi pelbagai dugaan terutamanya diganggu makhluk-makhluk pelik serta terjadinya kejadian-kejadian aneh di kampung itu.

Jelas bahawa, ketabahan dan kecekalan Ustaz Adam dalam berdakwah perlu diteladani masyarakat. Ini kerana, Islam sentiasa menunjukkan perkara-perkara yang benar dan dengan mengikuti ajarannya nescaya tidak berlaku kesesatan dalam hidup.

### **MENGANALISIS ASPEK-ASPEK ROHANI DARI SEGI KEAGAMAAN DALAM FILEM MUNAFIK.**

Mengikut jalan cerita yang terkandung dalam cerekarama Munafik ini, terdapat beberapa aspek-aspek rohani dari segi keagamaan yang disampaikan kepada masyarakat untuk dijadikan panduan dalam kehidupan. Nilai kerohanian mempunyai kaitan dengan aspek rohani yang ditekankan dalam cerekarama ini oleh pengarang. Ini menunjukkan penyampaian melalui aspek

rohani dalam jalan cerita tersebut dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan yang menjadi aspek penting dalam mengkaji kajian ini.

### **Keyakinan kepada Allah SWT**

Berdasarkan jalan cerita dari cerekrama Munafik ini, pengarang dapat menyampaikan aspek-aspek rohani dari segi keagamaan kepada masyarakat. Aspek rohani dari segi keagamaan yang terdapat dalam cerekrama ini ialah keyakinan kepada Allah SWT. Hal ini demikian kerana, keyakinan seorang hamba kepada sang pencipta mencerminkan sifat keperibadian yang unggul dalam diri seseorang dengan meyakini bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT. Justeru itu, iman dalam diri seseorang akan bertambah mantap dan kukuh kerana keyakinan akan kekuasaan Allah SWT yang Maha Besar.

Seterusnya, keyakinan kepada Allah SWT dalam cerekrama Munafik mengisahkan tentang masyarakat yang yakin bahawa manusia adalah milik mutlak Allah SWT. Merujuk kepada watak Ustaz Adam iaitu seorang pendakwah dan seorang pengamal perubatan Islam di kampungnya, yang merawat penyakit yang berkaitan dengan gangguan jin dan makhluk halus. Namun, hal tersebut telah berubah apabila beliau telah kehilangan isterinya, Zulaikha dan anaknya, Amir dalam satu kemalangan langgar lari yang menyebabkannya terbelenggu dalam kesedihan, kurang melakukan ibadah di masjid dan mempunyai keraguan dalam diri yang sering menyalahkan takdir dan ketentuan Allah SWT dalam kehidupannya. Dan pada akhirnya Ustaz Adam telah mengubah pemikirannya dengan redha bahawa segala yang berlaku dalam keluarganya adalah ketentuan Allah SWT. Hal ini telah diperlihatkan dalam dialog ini:

***“Ibu milik Allah SWT Mir...Ayah, Amir, semua orang kat luar tu milik Allah. Suatu hari nanti, kita akan kembali kepada Allah mir, macam ibu juga...”***

Dialog ini memperlihatkan perbincangan ilusi Ustaz Adam dengan mengatakan kepada anaknya, Amir bahawa manusia itu sesungguhnya adalah milik Allah SWT dan Ia berhak mengambilnya kembali pada bila-bila masa mengikut takdir yang telah ditentukan. Sebagai seseorang yang memiliki keimanan, Ustaz Adam percaya bahawa semua manusia di dunia kepunyaan Allah SWT. Keyakinan yang ada pada diri Ustaz Adam bahawa perihal dunia telah ditentukan, yang membuktikan keimanannya teguh dalam diri. Hal ini demikian kerana, sesuatu yang telah di takdirkan dalam hidup seharusnya diterima walaupun dengan kepahitan. Dalam cerekrama Munafik ini, pengarang sangat mementingkan nilai-nilai yang baik terutama dari segi keagamaan yang membentuk seorang insan berakhlak dan bersifat mulia. Jelaslah bahawa, keyakinan kepada Allah SWT adalah aspek rohani dari segi keagamaan yang terdapat dalam cerekrama Munafik.



### **Berbudi Pekerti Mulia**

Berbudi pekerti mulia mencerminkan suatu sifat kepribadian dalam diri seseorang yang merupakan aspek-aspek rohani dari segi keagamaan yang membentuk nilai dan akhlak mulia menerusi cerekrama Munafik yang dipaparkan oleh pengarang. Ini kerana, seseorang yang memiliki kepribadian yang mulia akan disegani oleh masyarakat lain. Budi pekerti mulia dapat memupuk sifat-sifat yang baik dan sifat mahmuda seperti yang dimiliki oleh Rasulullah SAW. Menerusi cerekrama ini, berbudi pekerti mulia telah diterapkan oleh pengarang untuk memberikan kesedaran dan nilai-nilai yang baik kepada masyarakat dalam aspek rohani dari segi keagamaan yang akan diketengahkan oleh pengarang dalam cerekrama Munafik.

Filem Munafik memaparkan sifat berbudi pekerti mulia dalam diri Ustaz Adam untuk mengubati penduduk kampung yang ditimpa penyakit yang sukar disembuhi akibat gangguan jin dan makhluk halus syaitan. Hal ini demikian kerana, suatu pekerjaan yang baik dan mulia disisi Allah SWT akan memberikan kebaikan kepada orang lain dan akan dikenang selamanya. Hal ini menunjukkan Ustaz Adam bukan sahaja berperanan dalam menyampaikan dakwah tetapi juga berperanan sebagai seorang pengamal perubatan dikampungnya. Kepintaran yang ada pada diri beliau dalam bidang perubatan islam dapat menyembuhkan penyakit orang-orang kampung yang diganggu oleh jin dan makhluk halus. Hal ini dapat dilihat apabila Ustaz Adam membantu Pak Osman dalam mengubati anaknya, Maria yang sakit akibat dirasuk jin dan makhluk halus dengan keponakannya sendiri melalui proses perubatan islam. Di bawah menunjukkan dialog semasa perubatan yang dilakukan di rumah Pak Osman:

***“Dah lah Man, kau tolong aku azan di setiap bilik dalam rumah ni, Imam pun kalau boleh tolong sekali”.***

Dengan bantuan daripada Ustaz Azman dan Imam Ali mereka bersama mengalunkan azan setiap bilik dalam rumah Pak Osman. Hal ini menunjukkan sifat berbudi pekerti mulia dalam diri Ustaz Adam untuk membantuk orang kampung dalam keadaan kesulitan. Kebaikan Ustaz Adam dalam cerekrama Munafik ini, menggambarkan seorang insan yang berpegang teguh pada ajaran agama dan sentiasa bersifat rendah diri terhadap orang lain yang menjadikan beliau seorang pendakwah yang disenangi dan disegani oleh orang kampungnya. Dalam hal ini, pengarang telah menyampaikan nilai-nilai yang baik kepada masyarakat luar menerusi cerekrama ini untuk dijadikan panduan dalam kehidupan untuk menjadi seorang insan yang berakhlak mulia dan berbudi kepada orang lain. Oleh itu, cerekrama Munafik ini memaparkan aspek-aspek rohani dari segi keagamaan iaitu berbudi pekerti mulia yang berkaitan dengan kehidupan seorang insan yang baik, beiman, berkeperibadian, dan berakhlak mulia dalam membantu masyarakat lain.

### **RUMUSAN**

Kesimpulannya, filem Munafik adalah gambaran kehidupan masyarakat Melayu dahulu mahupun sekarang. Masih banyak amalan-amalan yang menyesatkan dan menyekutkan Allah masih diamalkan dan diteruskan. Dengan menggunakan watak Ustaz Adam untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat dan khalayak. Karya ini cuba untuk menyampaikan mesej serta

teguran bahwa berdakwah adalah satu kewajiban kepada setiap orang Islam dan seruan kepada masyarakat untuk kembali ke jalan Allah SWT serta meninggalkan segala kemungkarannya. Selain itu, menerusi filem *Munafik* ini juga pengarah banyak menekankan aspek-aspek kerohanian menerusi watak-watak yang dimainkan sebagai pegangan dan panduan dalam hidup. Jelaslah bahawa, nilai-nilai moral dan keagamaan memainkan peranan penting dalam kehidupan untuk membentuk individu serta masyarakat dengan lebih baik agar tidak mudah terpengaruh dengan orang luar.

### RUJUKAN

- Ya, C. A. C. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342..
- Azaman, F. N. M., & Badaruddin, F. (2016). Nilai-Nilai Kerohanian dalam Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali (Spiritual Values in Human Capital Development by Al-Ghazali). *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1).
- Ishak, N., & Kamarudin, K.n. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32(1), 116-144.
- Mohamad, N., Majid, M. A., & Nasir, B. M. (2018). Pendekatan Dakwah Dalam Kaedah Pengajaran Kepada Mualaf. Wardah: *Jurnal Dakwah dan Kemasyarakatan* 19 (1). 1-17.
- Kamarudin, S. A. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Mohd, F. H., & Affendi, N. R. N. M. (2016). Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif kepada kanak-kanak. *PENDETA*, 7, 35-51.
- Tamadun, M. (2009). Manusia Pembina Tamadun: Perspektif pemikiran Islam. *Jurnal Hadhari Bil*, 1, 31-44.
- Mahapol, S., Yusoff, M. S. A., & Sa, M. L. I. H. M. (2020). Nilai Kerohanian Dalam Disiplin Ilmu Nahu; Kajian Terhadap Sumbangan Al-Qushayri. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 12-25.
- Bungo, S. (2014). Pendekatan Dakwah Kultural Dalam Masyarakat Plural. *Jurnal Dakwah Tabligh*, 15(2), 209-219.
- Zin, A. A. M., & Yunus, A. R. M. (2006). Pendekatan Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Jurnal Usuluddin*, 23, 163-184.

**NILAI SOSIAL MELALUI TEORI PENDEKATAN SOSIOLOGI DALAM FILEM MELAYU  
ZOMBI KAMPUNG PISANG**

Nor Aima Salsabila Binti Mamat, Nurul Afiqah Binti Zulkefli, Nurul Nabilah Binti Shamsudin, Siti Munirah Binti Sayuti, Siti Nur Anis Binti Wan Abdullah, Siti Nur Syakira Binti Ab Aziz & Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[salsabila.c19a0395@siswa.umk.edu.my](mailto:salsabila.c19a0395@siswa.umk.edu.my), [afiqah.c19a0627@siswa.umk.edu.my](mailto:afiqah.c19a0627@siswa.umk.edu.my),  
[nabilah.c19a0674@siswa.umk.edu.my](mailto:nabilah.c19a0674@siswa.umk.edu.my), [anis.c19a0767@siswa.umk.edu.my](mailto:anis.c19a0767@siswa.umk.edu.my) &  
[syakira.c19a0773@siswa.umk.edu.my](mailto:syakira.c19a0773@siswa.umk.edu.my) & [nuranis.m@umk.edu.my](mailto:nuranis.m@umk.edu.my)

**Abstrak:** Filem Zombi Kampung Pisang merupakan sebuah filem yang bergenre komedi di mana ia menceritakan perihal kehidupan masyarakat di sebuah perkampungan iaitu Kampung Pisang. Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif iaitu mengenalpasti dan mengkaji nilai-nilai sosial dalam filem Zombi Kampung Pisang dan menghuraikan nilai-nilai sosial melalui teori pendekatan sosiologi dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. Metodologi kajian yang dipilih adalah menggunakan kaedah kualitatif dengan pengaplikasian kaedah seperti rujukan teks dan filem, kaedah kepustakaan, dan kaedah penyelidikan laman web. Kajian yang dibuat ini juga adalah berlandaskan teori pendekatan sosiologi. Dapatan kajian menunjukkan beberapa kebaikan di mana wujud nilai sosial yang positif dalam kalangan masyarakat di Kampung Pisang dalam filem Zombi Kampung Pisang. Nilai sosial yang didapati dalam filem Melayu ini ialah nilai berani, nilai tolong-menolong, nilai kesetiaan dan banyak lagi nilai-nilai sosial yang diperolehi. Kesemua nilai sosial ini telah menjadikan masyarakat di Kampung Pisang hidup dalam keadaan yang bermuafakat antara satu sama lain. Secara tuntasnya, nilai sosial melalui teori pendekatan sosiologi dalam filem Melayu Zombi Kampung Pisang sangat bagus di mana ia mewujudkan persekitaran yang harmoni walaupun terdapat beberapa masalah ataupun isu lain yang dibangkitkan. Filem ini juga boleh menjadi satu pembelajaran dan pengajaran kepada semua masyarakat.

**Kata Kunci:** Nilai Sosial, Kualitatif, Teori Pendekatan Sosiologi, Filem Melayu Zombi Kampung Pisang.

## **PENGENALAN**

Dalam era teknologi yang semakin canggih ini, dapat memberikan kemungkinan kepada filem di tanah air untuk mencapai kegemilangan yang pernah dicapai pada tahun 1950-an. Kegemilangan ini bukan sahaja membatasi Nusantara, malah dapat menembusi peringkat antarabangsa (Naim Haji Ahmad, 1955). Menurut Effendi (1986:239), beliau telah menjelaskan bahawa filem merupakan satu alat komunikasi yang menggabungkan beberapa alat komunikasi dan teknologi yang ada pada masa kini. Antaranya, rakaman suara, pementasan, seni muzik, gaya visual, penyuntingan dan sebagainya. Setiap filem yang dihasilkan mempunyai gaya yang tersendiri yang dapat memikat perhatian masyarakat. Filem yang diceritakan di media massa merupakan

satu cerminan masyarakat yang terjadi pada dunia realiti dan dipentaskan melalui filem. Berdasarkan pandangan Adi Pranajaya (1993) menjelaskan bahawa filem haruslah menyampaikan cerita-cerita yang selalu bermain dalam persoalan hidup manusia walaupun watak itu tidak memainkan watak manusia dan jalan cerita tidak dilakonkan oleh watak manusia. Dalam perfileman Melayu pada hari ini, dapat dilihat filem Melayu sekarang sudah banyak berkembang mengikut era globalisasi kerana kita mempunyai pengarah yang berbakat tinggi dan terdiri daripada generasi yang terdedah kepada kepelbagaian pengetahuan sosial dan ekonomi yang pesat pada masa kini.

Filem *Zombi Kampung Pisang* adalah karya Mamat Khalid yang mengandungi genre seram komedi. Filem yang memiliki genre sememangnya banyak dihasilkan oleh pengarah-pengarah filem kerana jalan cerita yang unik dibandingkan filem yang lain. Bahkan filem yang bersifat seram komedi berjaya menarik perhatian penonton kerana penceritaan yang amat menonjolkan dan memberikan inspirasi kepada penonton terutamanya melibatkan perihal kisah hidup masyarakat serta mampu menyampaikan teladan dan kesan yang mendalam. Filem berunsur seram komedi merupakan sebuah cerita yang menerapkan penggunaan unsur-unsur komedi dan seram di dalam penghasilan sebuah filem atau drama.

Selain itu, nilai adalah konsep bagi sifat individu yang mampu mempengaruhi segala tindakan dan keputusan yang akan dilaksanakan berlandaskan pandangan Redfield (1953). Sosial pula dapat ditakrifkan sebagai satu elemen yang berhubung kait dengan semua hal kemasyarakatan. Oleh itu, penerapan nilai sosial dalam diri akan memberikan kesan yang baik kepada golongan masyarakat dan mampu menjamin keharmonian dalam sesebuah perhubungan yang dijalinan. Dalam filem di Malaysia kita dapat lihat banyak elemen nilai sosial yang dimasukkan oleh pengarah-pengarah tempatan antaranya Mamat Khalid dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dan filem-filem yang lain telah mendapat sambutan dari masyarakat setempat kerana adanya pengaplikasian nilai sosial dalam kehidupan. Berdasarkan filem *Zombi Kampung Pisang* dapat dilihat secara keseluruhan bahawa menceritakan tentang nilai sosial yang diamalkan oleh penduduk di Kampung Pisang dalam menangani masalah penularan wabak yang berlaku di kampung mereka bahkan mereka bekerjasama untuk menyelesaikan masalah tersebut supaya keharmonian dan kedamaian Kampung Pisang kembali seperti dahulu.

### **SOROTAN KAJIAN**

Penelitian terhadap kajian lepas mendapati kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang* kurang dititikberatkan malahan kajian berkaitan dengan nilai sosial melalui teori sosiologi dalam filem-filem Melayu ini kurang dititikberatkan. Kebanyakan pengkaji terdahulu banyak membincangkan nilai sosial dalam puisi, novel, lirik lagu, drama dan lain-lain. Penelitian dan pengkajian mengenai filem melayu arahan Mamat Khalid ini perlu dikaji bagi membuka minda masyarakat mengenai nilai sosial dalam kehidupan yang bermasyarakat. Antara penelitian dalam kajian lepas berkait filem oleh Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad (2009) yang mengkaji tentang kandungan filem box office di Malaysia. Hal ini menyebabkan kebanyakan kajian filem hanya tertumpu kepada permasalahan yang dihadapi dalam filem Melayu.

Selain itu, Aida Rizmariza Kamaruddin (2012) menyatakan bahawa kebanyakan filem dalam negara ataupun tempatan yang dihasilkan menunjukkan bahawa nilai sosial kurang diberi perhatian. Hal ini demikian kerana, kebanyakan pengarah filem lebih membawa unsur halusinasi sosial dalam kehidupan yang berharta dan melimpah ruah orang Melayu serta menunjukkan masalah jati diri. Jelaslah, menunjukkan bahawa pengarah pada masa kini kurang idea dan tidak peka kepada permasalahan sosial yang berlaku dalam masyarakat pada era globalisasi ini berbanding dengan filem-filem terdahulu seperti filem karya daripada Allahyarham Tan Sri. P. Ramlee yang banyak memaparkan nilai sosial dalam masyarakat.

Antaranya penelitian terhadap kajian daripada Puteri Lily Suriana Baharudin (1995) melalui “Kritikan Masyarakat dan Mesej Dalam filem-filem Arahan P. Ramlee Di Studio Jalan Ampas, Singapura. Penelitian ini dilakukan dengan matlamat untuk meneliti unsur-unsur kritikan masyarakat yang ditonjolkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam karya filem tersebut. Secara keseluruhan, kajian tersebut menjelaskan bahawa karya filem P. Ramlee turut memasukkan kritikan dan pengajaran yang membangunkan masyarakat selain berfungsi sebagai hiburan.

Seterusnya, dalam drama-drama yang dihasilkan oleh Mohamed Ghouse Nasruddin terdapat beberapa kajian berkaitan aspek sosial dikaji terutama dari aspek nilai sosial oleh Suraidah Othman (2010). Penelitian dalam kajian ini adalah untuk mengamati aspek-aspek sosial yang berpengaruh dalam drama-drama berkenaan selain melihat daripada sudut semasa. Secara keseluruhannya, dalam kajian ini menjelaskan bahawa nilai-nilai sosial yang dipaparkan dalam drama tersebut menjadi renungan dan iktibar kepada khalayak bagi menimbulkan kesedaran masyarakat agar lebih peka terhadap situasi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas mendapati bahawa pengkaji lebih menjurus ke arah genre drama, cerpen dan novel berbanding dengan genre filem Melayu. Oleh itu, kajian berkaitan nilai sosial melalui Teori Sosiologi dalam filem *Zombi Kampung Pisang* ini supaya dapat menyelesaikan semua masalah yang dihadapi dan kajian ini akan dinyatakan dengan jelas melalui objektif kajian.

### **SKOP KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji membataskan kajian ini supaya dapatan kajian atau analisis kajian yang pengkaji hasilkan lengkap, memuaskan dan lebih teliti. Pengkaji menghadkan dan menggunakan skop yang tidak luas seperti mengkaji filem Melayu *Zombi Kampung Pisang* oleh Mamat Khalid. Mamat Khalid adalah seorang pengarah, pelakon layar Malaysia dan juga penulis. Beliau banyak menghasilkan karya filem yang melibatkan corak berkomedie. Banyak filem-filem yang telah dihasilkan oleh beliau seperti *Zombi Kampung Pisang*, *Hantu Kak Limah Balik Rumah* dan sebagainya. Banyak juga anugerah yang diterima oleh Mamat Khalid ini seperti *Lakon layar Terbaik*, *Anugerah Khas Juri* dan banyak lagi anugerah yang dimenangnya.

Selain itu, pengkaji juga membataskan skop kajian melalui penggunaan jenis teori atau pendekatan iaitu pendekatan sosiologi. Teori sosiologi ini boleh dibahagikan kepada dua

bahagian iaitu makro dan mikro. Dalam teori sosiologi makro terdapat teori fungsionalisme dan teori konflik. Manakala, teori sosiologi mikro pula ialah teori interaksionisme. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan sosiologi iaitu tentang teori fungsionalisme yang banyak menghuraikan berkaitan dengan struktur masyarakat yang berfungsi. Teori ini banyak mengkaji nilai sosial dalam perihal-perihal yang menyokong kepada penerusan masyarakat.

Akhir sekali, filem Melayu Zombi Kampung Pisang arahan Mamat Khalid ini dipilih kerana mempunyai beberapa nilai sosial dan keistimewaannya yang tersendiri serta sangat sesuai untuk kajian yang melibatkan Teori Sosiologi. Sekiranya seseorang pembaca menonton filem ini mereka akan merasakan beberapa persamaan yang melibatkan dunia politik dan isu filem ini pada masa kini. Sedikit sebanyak filem Zombi Kampung Pisang ini boleh memberi pengetahuan awal kepada masyarakat dan juga boleh dijadikan sebagai pengajaran hidup kepada semua masyarakat.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi merupakan kerangka kajian yang meliputi kaedah kajian dalam membentuk analisis kajian. Metodologi juga dijadikan sebagai petunjuk kepada pengkaji supaya menjalankan proses mengikut skop kajian yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana kajian ini memfokuskan kepada nilai sosial yang ada dalam filem Zombi Kampung Pisang yang dihasilkan oleh Mamat Khalid yang menggunakan teori pendekatan sosiologi.

#### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan teknik kualitatif berikutan kajian ini ingin merungkaikan banyak maklumat mengenai nilai sosial yang berpandukan kepada rujukan teks, dan penyelidikan laman web.

#### **Rujukan Tayangan Filem**

Melalui tayangan filem yang dijalankan oleh pengkaji ialah melihat tayangan filem Zombi Kampung Pisang. Pendekatan atau teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah teori pendekatan sosiologi dalam aspek nilai sosial. Semasa menggunakan rujukan tayangan filem iaitu filem Zombi Kampung Pisang, terdapat beberapa nilai sosial yang sesuai dan ada dalam filem ini. Melalui tayangan filem di YouTube ini juga memberikan gambaran yang baik untuk mendapatkan contoh yang sesuai berkenaan dengan nilai sosial yang membawa kepada kehidupan yang positif dan aman antara masyarakat dalam filem Zombi Kampung Pisang. Walau bagaimanapun, tayangan filem ini adalah berdasarkan teori pendekatan sosiologi.

#### **Rujukan Teks**

Melalui kaedah rujukan teks melibatkan filem Zombi Kampung Pisang. Pengkaji menggunakan rujukan teks sebagai panduan. Hal ini demikian kerana pengkaji mencari maklumat berkaitan nilai sosial melalui teori pendekatan sosiologi. Antara rujukan yang digunakan oleh pengkaji seperti akhbar, bahan-bahan ilmiah, jurnal, artikel dan sebagainya.



### **Kaedah Penyelidikan Laman Web**

Melalui kaedah penyelidikan laman web, pengkaji dapat mengumpulkan data serta maklumat secara lebih terperinci. Di samping itu, pengkaji banyak menggunakan laman web “Google Scholar” bagi mencari jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Melalui rujukan laman web ini, banyak menolong pengkaji mendapatkan segala informasi yang lebih luas dan terbaru berkenaan skop kajian. Hal ini demikian kerana setiap bentuk informasi dapat diperoleh menerusi laman web tanpa had dan merentasi sempadan masa. Oleh itu, metodologi kajian ini berasaskan kepada kehendak objektif kajian kerana untuk mendapatkan kesahihan maklumat adalah tepat.

## **PENDEKATAN KAJIAN**

### **Teori Pendekatan Sosiologi**

Teori pendekatan sosiologi telah digunakan sepanjang menjalankan kajian ini untuk mengkaji dan menganalisis nilai sosial dalam kehidupan masyarakat dalam sebuah komuniti. Berdasarkan filem Melayu karya Mamat Khalid iaitu *Zombi Kampung Pisang* telah menampilkan kisah-kisah yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, pendekatan sosiologi memiliki hubungan yang berkait dengan bidang kesusasteraan kerana ianya mampu memaparkan realiti sosial yang sebenar dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Menurut pandangan W.S. Hudson telah menyatakan bahawa keindahan dan keagungan sastera dan karya akan luntur jika tiadanya penerokaan secara mendalam dari manusia kerana manusia dan sastera adalah saling memerlukan antara satu sama lain.

Dua konsep asas pendekatan sosiologi mampu menjelaskan lagi pembentukan teori ini. Konsep yang pertama adalah sastera dijadikan sebagai simbolik sejarah. Hal ini kerana pendekatan sosiologi boleh mengembangkan hubungan ekonomi termasuklah sejarah perkembangan ekonomi dan teknologi serta perhubungan sosial antara kelas. Seterusnya, konsep yang kedua adalah pendekatan sosiologi memberikan penekanan secara mendalam kepada bidang sastera seperti aspek perwatakan. Penerapan nilai sosial dalam perwatakan mampu menyerlahkan keperibadian seseorang serta mampu menjalani berlandaskan peraturan yang ditentukan dalam sesebuah komuniti dan juga persekitaran. Keberhasilan dalam menerapkan nilai sosial melalui teori pendekatan sosiologi akan memberikan kebaikan dan mencapai matlamat mengikut keperluan dalam ekonomi, sosial dan politik.

## **ANALISIS KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis nilai-nilai sosial yang ada dalam filem *Zombi Kampung Pisang* menggunakan Teori Pendekatan Sosiologi. Filem *Zombi Kampung Pisang* adalah filem yang berlandaskan genre komedi dan seram iaitu karya arahan dari Almarhum Mohamad Mohd atau lebih dikenali sebagai Mamat Khalid yang diterbitkan pada tahun 2007. Filem ini merupakan filem yang menyampaikan gaya kehidupan yang berbeza dengan filem yang lain kerana alur ceritanya yang dipengaruhi budaya asing dan percampuran unsur komedi,



seram seperti kemunculan hantu dan penampilan istimewa di setiap episod. Jelaslah, filem *Zombi Kampung Pisang* sememangnya kaya dengan nilai sosial yang tinggi yang mampu memberikan manfaat kepada masyarakat.

Nilai-nilai sosial adalah nilai yang diaplikasikan oleh masyarakat untuk menentukan dan memilih sesuatu perkara yang baik mahupun buruk. Nilai sosial dapat dilihat melalui tingkah laku masyarakat. Contohnya, individu yang memiliki nilai sosial yang baik adalah individu yang bertingkah laku yang baik hati manakala individu yang suka mencuri pula dianggap sebagai individu yang memiliki nilai sosial yang buruk. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, terdapat nilai sosial melalui penggunaan teori pendekatan sosiologi yang mampu menggambarkan kehidupan masyarakat dalam filem ini.

### **Nilai Berani**

Berani bermaksud satu sifat yang tidak takut akan sesuatu dan sanggup untuk menghadapi apa sahaja halangan yang terpaksa ditempuhi. Sifat berani ini tidak semua orang memilikinya dan sanggup untuk menonjolkan sifat itu. Kadang-kadang apabila seseorang itu mempunyai sifat berani tetapi tidak mempunyai keyakinan diri juga adalah tidak boleh. Oleh itu, sifat berani ini hanya segelintir sahaja yang mampu untuk menonjolkan diri mereka sendiri dalam semua perkara.

Berdasarkan filem *Melayu Zombi Kampung Pisang* arahan Mamat Khalid melalui teori sosiologi dapat kita lihat beberapa nilai sosial yang penting dalam struktur masyarakat yang berfungsi. Setiap filem atau drama sudah semestinya mempunyai maksud atau pesanan tersirat yang ingin disampaikan kepada semua audiens. Dalam filem *Zombi Kampung Pisang* ini juga ada terdapat nilai sosial seperti nilai berani. Terdapat banyak watak penting dalam filem yang diterbitkan ini dan ada menampakkan sisi berani watak yang dibawa itu. Sebagai buktinya, watak Husin yang pada awalnya bertanyakan kepada semua penduduk Kampung Pisang sekiranya ada yang ingin pergi ke kampung sebelah untuk menggunakan telefon awam secara sukarela tetapi tidak ada seorang pun yang berani. Pada akhirnya, Husin dengan sukarela menawarkan dirinya untuk pergi ke kampung sebelah. Watak dan perwatakan ini dapat kita lihat pada minit yang ke 20.40 hingga minit yang ke 21.25.

“Husin: Jadi, sape-sape yang ada dalam ni yang nak tawarkan diri nak pergi telefon sila angkat tangan.

(Semua penduduk diamkan diri kerana takut dan tidak berani)

Husin: Err, nampaknya keputusan telah dibuat sayalah yang kena pergi.”

(Filem *Zombi Kampung Pisang*, 2007, Minit 20.40-21.25)

Berdasarkan dialog yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang* ini watak Husin sangat menonjol kerana keberanian dirinya yang secara sukarela menawarkan diri untuk pergi ke kampung seberang bagi menggunakan pondok telefon yang ada di sana. Dalam pada masa yang sama penduduk kampung tidak berani untuk pergi. Dengan adanya sikap berani Husin ini dapatlah dia pergi ke kampung seberang. Walau bagaimanapun, pondok telefon di kampung seberang juga tidak dapat digunakan kerana berlaku vandalisme yang dilakukan oleh individu-

individu yang tidak mempunyai kesedaran dan moral yang tinggi dalam diri mereka. Tetapi keberanian yang ada pada diri Husin itu dapat kita jadikan sebagai nilai sosial dalam diri kita semua. Jelaslah, melalui filem *Zombi Kampung Pisang* juga mempunyai nilai sosial seperti berani juga.

### **Nilai Tolong-Menolong**

Nilai tolong-menolong adalah membantu seseorang untuk meringankan beban yang dihadapinya. Sikap yang gemar tolong-menolong adalah satu kebaikan yang diberikan kepada golongan yang susah serta turut memberikan kesan yang positif kepada individu yang memberikan pertolongan. Sikap saling membantu antara masyarakat memberikan kesan sangat baik jika diterapkan kerana kita sedar bahawa di dalam kehidupan untuk melakukan sesuatu perkara manusia memerlukan bantuan orang lain untuk melancarkan urusannya.

Teori pendekatan sosiologi yang digunakan dalam filem *Zombi Kampung Pisang* untuk mengkaji nilai sosial telah membuktikan bahawa wujudnya penerapan nilai sosial dalam filem ini. Maka, untuk melihat dengan lebih jelas penerapan nilai sosial telah disertakan dalam petikan di bawah. Contohnya:

“Hussin bersama-sama kawannya telah mengangkat dan menghantar Pak Abu ke rumahnya kerana pengsan ketika sedang menyampaikan nasihat mereka yang tidak solat ketika sedang berkumpul bahkan setelah sampai di rumah Pak Abu, mereka juga bertindak memanggil Pak Jabit untuk melihat keadaan Pak Abu”

(Filem *Zombi Kampung Pisang*, 2007, Minit 03.54-05.32)

Berdasarkan contoh petikan di atas, sikap tolong-menolong dalam diri mereka adalah sangat baik kerana ia dibuktikan bahawa mereka telah menghantar Pak Abu sampai ke rumahnya. Pertolongan yang mereka lakukan juga mampu meringankan beban kepada kedua-dua anak perempuan Pak Abu iaitu Munah dan Maimun yang berada di rumah dan langsung tidak mengetahui keadaan Pak Abu yang pengsan. Oleh itu, walaupun mereka kelihatan suka melepak nampak tidak berpendidikan tetapi mereka kaya dengan sikap yang suka menghulurkan bantuan sekiranya ada insan yang memerlukan bantuan dan mereka sangat prihatin dengan keadaan penduduk kampung.

Jelaslah, nilai tolong-menolong yang diberikan berjaya memudahkan kerja kerana ianya dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat. Berdasarkan ketika pemerintahan Rasulullah, baginda mempunyai banyak perkara yang perlu diselesaikan dan para sahabat sentiasa menghulurkan bantuan serta melaksanakan pekerjaan secara beramai-ramai menyebabkan kerja itu boleh disiapkan dalam waktu yang singkat. Contohnya, para sahabat saling tolong-menolong untuk menggali parit sewaktu Perang Khandak berlaku. Namun, mereka menghadapi cabaran yang besar semasa menggali parit iaitu apabila mereka menemui batu yang amat besar bahkan tidak mampu untuk diangkat dan dipecahkan. Berita itu sampai ke pengetahuan Rasulullah dan baginda mendatangi mereka untuk membantu dengan membaca Bismillah,

baginda telah memecahkan batu tersebut serta mempercepatkan urusan penggalian parit. Maka, kita perlulah sentiasa memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Walaupun kita rasa jika bantuan yang diberikan adalah sangat kecil tetapi pertolongan itu sangat besar dan bermakna kepada individu yang kita bantu.

Filem *Zombi Kampung Pisang* sememangnya dipenuhi nilai sosial iaitu nilai tolong-menolong kerana mereka menghadapi penularan wabak zombi itu, mereka bekerjasama untuk berkongsi idea dan pendapat untuk meleraikan masalah yang berlaku di kampungnya. Oleh itu, penerapan nilai sosial dalam kehidupan adalah penting untuk mengekalkan perasaan yang mengambil berat perihal masyarakat sekeliling.

### Nilai Toleransi

Nilai toleransi merupakan satu kesanggupan bertolak ansur, bersabar dan mengawasi diri bagi menghadapi cabaran dalam mencegah berlakunya pertengkaran dan perselisihan faham demi ketenteraman hidup masyarakat. Masyarakat yang mempraktikkan toleransi dapat menyesuaikan diri mengikut keadaan dan persekitaran yang berlainan serta menjadikan masyarakat lebih bersikap terbuka dan hidup secara bahagia bersama dalam pelbagai situasi.

Pengaplikasian teori pendekatan sosiologi di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* telah menyerlahkan kepentingan menerapkan nilai sosial dalam kehidupan. Contoh petikan di bawah telah membuktikan bahawa nilai toleransi mampu membentuk masyarakat yang harmoni iaitu:

“Husin tetap bersabar untuk terus membantu menyelesaikan masalah penularan zombi yang berlaku di Kampung Pisang walaupun sudah jelas dapat dilihat apabila sestengah penduduk tidak mahu mendengar pendapatnya kerana dia tidak mempunyai kelulusan pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) jika dibandingkan dengan Saufi. Bahkan dari perlakuan Saufi juga nampak dia berbangga dengan pendidikan yang dimiliki dan sentiasa merendahkan penduduk kampung terutama Husin.”

(Filem *Zombi Kampung Pisang*, 2007, Minit 18.50)

Berdasarkan contoh di atas, nilai toleransi yang ada dalam diri Husin adalah sangat tinggi. Hal ini demikian kerana, Husin hanya bersabar ketika dirinya direndah-rendahkan kerana tidak mempunyai kelulusan pendidikan bahkan penduduk kampung juga meremehkannya berbanding cadangan yang dikemukakan oleh Saufi. Namun, Husin tetap bertekad untuk meleraikan masalah zombi di Kampung Pisang kerana dia berpendapat bahawa sudah menjadi tanggungjawabnya sebagai penduduk kampung dan golongan muda di kampung itu. Semangat toleransi yang wujud dalam diri mampu membantu seseorang individu menjadi lebih tabah dan mempunyai tahap kesabaran yang tinggi.

Kunci toleransi adalah mengambil berat, kasih sayang dan bertimbang rasa. Untuk menanam sikap toleransi dalam diri adalah penting untuk kita mengamalkan fikiran terbuka dengan menerima segala cadangan dan teguran lantas sentiasa mementingkan sikap yang saling memahami dan menghormati antara masyarakat. Selain itu, kita haruslah sentiasa mengawal diri

untuk bersabar dan berbaik sangka apabila mendengar kata-kata cemuhan dari orang. Maka, disitulah akan lahirnya persefahaman antara masyarakat yang mampu mencapai kesejahteraan untuk kehidupan masyarakat. Oleh itu, jika tiadanya sikap toleransi dalam diri seorang ketua dalam satu kelompok akan menimbulkan perselisihan faham yang sukar untuk dileraikan serta akan mewujudkan perasaan berprasangka buruk antara satu masa lain dalam komuniti yang akan mengakibatkan keharmonian perhubungan masyarakat akan tergugat.

Jelaslah, untuk memimpin satu komuniti demi memperolehi kesejahteraan bersama telah membuktikan bahawa nilai toleransi yang menjadi pemacu untuk merealisasikan kejayaan tersebut. Oleh itu, elakkan sikap suka merendahkan orang lain dengan kelebihan yang dimiliki kerana ianya mampu menjejaskan keyakinan diri mereka untuk tampil menyerlah di khalayak ramai. Nilai sosial yang diterapkan dalam filem *Zombi Kampung Pisang* memberikan banyak dampak yang positif kepada penonton.

### Nilai Bekerjasama

Nilai bekerjasama adalah suatu pekerjaan yang dilaksanakan oleh dua orang atau lebih ataupun secara berkumpulan. Melalui kerjasama ini menggalakkan terwujudnya interaksi antara setiap ahli kumpulan dan memudahkan lagi pekerjaan diselesaikan kerana adanya pencampuran pelbagai idea. Menurut Ban Baalki (1998) menyatakan bahawa nilai bekerjasama sememangnya sudah lama wujud dalam setiap tamadun dunia malahan nama kerjasama adalah berbeza untuk setiap tempat. Contohnya, dalam istilah Arab kerjasama dikenali sebagai "*Amal Jama'ie*" manakala dalam kalangan orang barat pula memanggil kerjasama dengan nama "*teamwork*".

Bagi masyarakat Melayu, nilai bekerjasama dapat dilihat jika berlangsungnya majlis-majlis kesyukuran, kenduri, aktiviti gotong-royong dan sebagainya. Aktiviti yang dilaksanakan dapat menerapkan nilai kerjasama antara masyarakat tanpa mengharapkan balasan melainkan memperolehi kepuasan dan kebahagiaan dalam melaksanakan majlis tersebut. Kerjasama untuk membentuk dan menyerlahkan kegiatan seseorang individu yang bekerja dalam kelompok yang besar dan melakukan sesuatu perkara bersama-sama.

Melalui penggunaan teori pendekatan sosiologi, terdapat beberapa nilai sosial yang digambarkan melalui filem *Zombi Kampung Pisang*. Hal ini kerana dapat dikenal pasti dengan lebih jelas menerusi hasil kajian yang telah dilaksanakan. Contohnya:

"Husin dengan penduduk kampung yang lain bekerjasama untuk menutup pintu yang ditolak oleh zombi-zombi untuk menyelamatkan diri mereka yang berada di dalam balai raya".

(Filem *Zombi Kampung Pisang*, 2007, Minit 35.24-36.10)

Berdasarkan contoh di atas, Husin mempunyai peranan yang besar untuk membantu menjaga keselamatan penduduk Kampung Pisang. Nilai kerjasama yang diterapkan oleh Husin dengan penduduk kampung membuktikan bahawa mereka akan tetap bersatu-padu menyelamatkan diri mereka daripada diserang oleh zombi-zombi yang sedang menyerang di sebalik pintu. Bahkan

Husin hanya menahan rasa sakit apabila tangannya digigit oleh zombi dan tidak memberitahu kepada sesiapa perihal tersebut. Maka, terserlah sikap Husin yang sangat mementingkan keselamatan diri sendiri dan para penduduk kampung.

Jelaslah, penerapan nilai bekerjasama dalam diri membolehkan kita mempunyai nilai fokus yang tinggi untuk mencapai matlamat atau misi yang diimpikan sekaligus melahirkan sifat yang positif antara masyarakat dan pekerjaan yang dilaksanakan akan berjaya dihasilkan dengan baik. Menyelesaikan masalah secara bekerjasama mempunyai kepentingan dalam penyelesaian masalah atau melaksanakan sesuatu perkara dan langkah yang paling efektif berbanding melakukan pekerjaan secara bersendirian.

Kesimpulannya, nilai bekerjasama adalah amat penting dalam menentukan keharmonian dalam kalangan masyarakat melainkan nilai kerjasama mampu menyerlahkan sumbangannya dalam memastikan kecemerlangan komuniti masyarakat dan negara. Bahkan nilai moral ini menggalakkan negara untuk berdaya saing kerana sahsiah terpuji yang dimiliki oleh rakyatnya. Sama juga seperti filem *Zombi Kampung Pisang*, penduduk kampung itu sentiasa mengamalkan nilai kerjasama dengan melakukan pelbagai idea untuk mengekang zombi yang menyerang sehinggalah mereka berjaya bebas daripada zombi dan menyelesaikan masalah yang membelenggu mereka berkaitan penularan wabak zombi di Kampung Pisang.

### **Nilai Kesetiaan**

Maksud kesetiaan ialah satu sikap yang sanggup untuk sentiasa berada disamping seseorang tidak kira dalam hal perkahwinan, persahabatan mahupun kekeluargaan. Sikap ini seharusnya dipuji kerana bukan semua sanggup untuk terus setia. Kesetiaan ini juga boleh dikatakan banyak berlaku selagi ada rasa kasih sayang, serta rasa kompromi antara satu sama lain.

Dalam filem *Zombi Kampung Pisang* melalui pendekatan sosiologi juga mempunyai nilai sosial seperti kesetiaan. Hal ini dapat dibuktikan apabila boleh dilihat melalui watak Husin dan juga Maimun. Maimun adalah anak kepada Pak Abu yang telah bertukar menjadi zombi sanggup menemani Husin untuk pergi ke kampung seberang bagi mendapatkan pertolongan dan menggunakan pondok telefon di sana. Kesetiaan Maimun juga dapat dilihat apabila Husin menyuruhnya untuk berpusing ke arah lain kerana ingin mencuba seluar yang ada pada pagar kampung seberang. Maimun sanggup menunggu dengan penuh sabar. Selepas itu, Husin menggunakan telefon awam tetapi wayar telefon tersebut telah pun dipotong dan mereka berdua tidak dapat untuk meminta bantuan.

Tambahan itu, sikap kesetiaan Maimun juga dapat dilihat apabila dia dan Husin berhadapan banyak zombi penduduk kampung. Maimun berteriak dan tidak lari. Pada akhirnya, mereka berdua berlari bersama dalam menyelamatkan diri mereka berdua daripada diserang oleh zombi-zombi tersebut.

Jelaslah di sini, sikap kesetiaan antara Husin dan Maimun itu sangat utuh walaupun mereka berdua berada dalam keadaan yang getir dalam menghadapi semua zombi-zombi tersebut. Oleh

itu, nilai kesetiaan ini sangat penting semasa kita susah dan juga senang. Sikap kesetiaan tidak dapat dilihat sekiranya seseorang itu tidak sanggup untuk berkorban untuk satu sama lain. Nilai kesetiaan ini juga yang menjadi semangat untuk mereka bertahan bersama-sama menentang zombi yang semakin berleluasa jika berbanding Saufi yang memilih untuk menyembunyikan diri di dalam klinik kesihatan di kampungnya.

### RUMUSAN

Kesimpulannya, terdapat banyak nilai sosial melalui teori pendekatan sosiologi yang ada dalam filem Melayu Zombi Kampung Pisang. Nilai sosial ini boleh dilihat dari dalam kehidupan masyarakat. Dalam kajian yang pengkaji pilih ini ialah menggunakan pendekatan sosiologi yang sesuai untuk menghuraikan berkenaan dengan nilai sosial yang ada dalam filem Melayu Zombi Kampung Pisang. Filem arahan Mamat Khalid ini sememangnya mempunyai mesej tersirat yang ingin disampaikan kepada masyarakat pada era ini. Banyak gejala sosial yang tidak sepatutnya berlaku secara berleluasa tetapi tetap berlaku kerana kurang penguatkuasaan yang ketat. Seperti yang kita ketahui, nilai sosial ini adalah satu nilai yang baik dan telah digunakan sejak turun-temurun lagi. Nilai sosial yang ada juga menjadi pedoman kepada masyarakat supaya tidak terus tersasar jauh dari landasan. Walau bagaimanapun, masih ada masalah sosial lain yang sukar untuk diubah kerana banyak kes-kes berlaku seperti gejala vandalisme, rempit dan sebagainya. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam membanteras masalah yang berlaku supaya tidak mencemarkan masyarakat yang ada serta negara. Tanggungjawab yang dilakukan bersama dapat memupuk masyarakat yang bijak dan cerdas.

### RUJUKAN

- Adnan, A. F. M., & Abd Rahim, N. (2014). Kritikan Sosial dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 62-73.
- Munandar, A. A. (2016). Kisah-kisah dan Kepercayaan Rakyat di Seputar Kepurbakalaan. *Paradigma: Jurnal Kajian Budaya*, 2(1), 1-20.
- Rachmawati, N. (2018). Konsep dan Aplikasi Antropologi Dalam Kesehatan. *Buku Antropologi Kesehatan: Konsep dan Aplikasi Antropologi Dalam Kesehatan*. Yogyakarta: PT Pustaka Baru
- Adnan, A. F. M., & Abd Rahim, N. (2014). Kritikan Sosial dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 62-73.
- Arshad, M. M., Ismail, I. A., Krauss, S. E., & Suandi, T. Fenomena Mat Rempit: Cabaran Dan Peluang Kepada Pengisian Gagasan 1 Malaysia. *Malaysia Journal Of Youth Studies*. 2(4), 55-67.
- Mohd Rahimi Husin. (2020). Faktor Utama Vandalisme dalam Kalangan Pelajar di Sekolah.

*Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 2, no. 2, pp. 52-61.

Karim, M. F. A., Ismail, R., & Sukimi, M. F. (2009). Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiobudaya. *Malaysian Journal of Society and space*, 3, 26-43.

Husin, M. R., Sufizi, N. A. N., Nasarudin, N. F. N., Yuslam, A. U., Zainal, S. A., Aspanizam, A. A., ... & Aini, M. H. M. (2020). Faktor Utama Vandalisme dalam Kalangan Pelajar di Sekolah. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 2(2), 52-61.

Adnan, A. F. M., & Abd Rahim, N. (2014). Kritikan Sosial dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 62-73.

Shuki, M. S. M., & Bakar, M. S. A. (2021). The Depiction of Social Realism in Yasmin Ahmad's Film: *Talentine* (2009). *Development*, 10(3), 382-395.

Aisah, S. (2015). Nilai-nilai sosial yang terkandung dalam cerita rakyat "Ence Sulaiman" pada Masyarakat Tomia. *Jurnal Humanika*, 3(15), 1689-1699.



**ASPEK MORAL DALAM NOVEL DI SEBALIK DINARA BERDASARKAN TEORI  
PENGKAEDAHAN MELAYU**

Che Wan Muhammad Othman Bin Che Wan Md Azam, Nur Ameliya Binti Roslan, Nur Hanis Athirah Binti Rosazlan, Nur Hanis Binti Mohd Ramlee, Nurul Syazwani Farhana Binti Mohd Isa & Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[ameliya.c19a0468@siswa.umk.edu.my](mailto:ameliya.c19a0468@siswa.umk.edu.my), [othman.c19a0072@siswa.umk.edu.my](mailto:othman.c19a0072@siswa.umk.edu.my),  
[athirah.c19a0521@siswa.umk.edu.my](mailto:athirah.c19a0521@siswa.umk.edu.my), [hanis.c19a0522@siswa.umk.edu.my](mailto:hanis.c19a0522@siswa.umk.edu.my),  
[farhana.c19a0691@siswa.umk.edu.my](mailto:farhana.c19a0691@siswa.umk.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek moral dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Objektif kajian adalah bertujuan untuk mengenal pasti aspek moral secara tersurat dan tersirat dalam novel serta mengkaji aspek moral tersebut secara tuntas. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah kepustakaan, kaedah melayari internet dan kaedah analisis teks novel Di Sebalik Dinara ini. Kaedah kepustakaan ini dilaksanakan dengan merujuk sumber berautoriti untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat mengenai tajuk kajian. Kajian ini menumpukan kepada aspek moral berlandaskan teori pengkaedahan Melayu. Analisis kajian ini melibatkan pembacaan rapi dan teliti bagi setiap sudut aspek moral yang ditonjolkan dalam novel Di Sebalik Dinara ini. Hasil analisis kajian mendapati pelbagai aspek moral digarap secara ketara sama ada diadun secara langsung atau tidak langsung dalam novel ini. Aspek moral ini ditonjolkan melalui aspek intrinsik seperti tema, persoalan, watak perwatakan, nilai dan pengajaran dalam novel ini. Dapatan kajian juga mendapati aspek moral ini memberikan kekuatan dan keistimewaan kepada novel untuk menonjol sebagai novel fiksyen sains yang sarat nilai dan pengajaran sehingga terpilih sebagai teks komponen sastera (KOMSAS) bagi negeri Zon Selatan. Secara holistiknya, pemilihan teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan teori kajian ini dapat mengetengahkan aspek moral menjadi tunjang kekuatan karya sastera yang berfungsi sebagai alat didaktik khususnya kepada generasi pelajar dan kepada khalayak sastera secara amnya.

**Kata Kunci:** Aspek Moral dalam Novel Di Sebalik Dinara Karya Noor Dayang

**PENGENALAN**

Karya Dayang Noor iaitu Novel Di sebalik Dinara telah terpilih untuk dijadikan bahan kajian oleh para pelajar tingkatan 4 bagi Zon Johor, Labuan, Sarawak dan Sabah. Novel Di sebalik Dinara ini merupakan sebuah cerita yang memaparkan ketaksuban manusia terhadap teknologi sehinggakan mereka hilang sifat kemanusiaan. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang gadis bernama Farisha iaitu seorang pakar penggadam sistem komputer telah menjadi mangsa ayah kandungnya sendiri iaitu Karl yang begitu taasub dalam mencipta sesuatu yang baharu. Tambahan pula, teknologi maklumat yang terlalu canggih mampu menguasai pemikiran manusia sehingga hilang rasa sifat kemanusiaan meskipun dalam kalangan ahli keluarga sendiri.

Novel ini berkisar mengenai seorang gadis genius iaitu Farisha. Farisha merupakan watak utama di dalam novel ini. Farisha mula mengenali seorang lelaki yang bernama Aqram dalam sebuah penerbangan dari Lapangan Terbang Senai ke Kuala Lumpur. Farisha dan Aqram berkenalan lalu Aqram telah menawari Farisha dan rakannya sebuah projek mini. Apabila mereka bersetuju, mereka dikenalkan kepada Dr.Maxi dan beberapa pembantunya. Dr.Maxi menawarkan Farisha dan rakannya sebanyak 1.5 juta untuk melakukan penggodaman bagi tiga kelompok komputer Soft Lab dalam masa sebulan.

Berdasarkan jalan cerita novel ini, pengkaji telah memilih untuk mengkaji beberapa aspek moral yang terkandung di dalam Novel Di sebalik Dinara dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu. Oleh itu, pengkaji telah mengenalpasti aspek moral dalam novel Di sebalik Dinara dan juga menganalisis aspek moral itu dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat dua objektif kajian yang akan dikemukakan oleh pengkaji. Kajian ini bertujuan untuk memberikan hasil kajian yang jelas serta mendapat intipati dalaman yang tepat. Antara objektif kajiannya adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti aspek moral secara tersurat dan tersirat dalam Novel Di Sebalik Dinara.
2. Mengkaji aspek moral tersebut secara terperinci.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi metodologi adalah sistem yang meliputi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Definisi lain bagi metodologi adalah kaedah, rentak, teknik, corak, dan sebagainya. Metodologi kajian juga adalah kaedah dan teknik-teknik dalam mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti dalam sesuatu kajian yang telah dilakukan. Sesuatu kaedah atau teknik yang digunakan dalam membuat metodologi kajian ini. Malahan, metodologi kajian juga dapat didefinisikan sebagai kaedah yang paling tepat dalam menggunakan untuk menjalankan kajian penyelidikan dan menentukan tatacara bagi menjawab semua permasalahan kajian.

Oleh hal yang demikian, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan meliputi kaedah kepustakaan, kaedah analisis kandungan teks dan kaedah melayari internet. Hal ini adalah demikian kerana, kaedah kepustakaan ini adalah bagi mendapatkan maklumat yang bersesuaian dengan tepat mengenai tajuk yang dipilih seperti menggunakan buku, jurnal, artikel, penulisan ilmiah, dan tesis. Kaedah kepustakaan ini akan mampu memberikan pengkaji lebih banyak maklumat untuk dijadikan bahan perbincangan. Melalui kaedah analisis kandungan teks pula, pengkaji telah menggunakan teori pengkaedahan Melayu, dengan menggunakan pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan moral. Kaedah melayari internet pula pengkaji telah mengkaji maklumat dengan lebih jelas.

### **Kaedah Analisis Teks Novel**

Seterusnya, pengkaji telah menggunakan kaedah menganalisis teks novel kajian yang dinamakan Novel Di Sebalik Dinara hasil karya Dayana Noor. Melalui novel ini terdapat beberapa aspek yang telah didapati oleh pengkaji iaitu aspek intrinsik seperti tema, watak perwatakan, persoalan, nilai dan pengajaran. Kaedah analisis teks novel ini adalah untuk mendapatkan maklumat serta info yang lebih terperinci berkaitan dengan aspek yang dikaji. Pengkaji juga telah meneliti setiap aspek yang terdapat dalam penceritaan di dalam teks novel.

### **Kaedah Kepustakaan**

Pendekatan keputakaan ini digunakan bagi mencari data-data yang berkaitan kepada penulisan dan dokumentasi bertulis. Pada peringkat ini, pengkaji melawati perpustakaan yang berhampiran dengan lokasi kediaman para pengkaji. Pengkaji telah meneliti beberapa kajian oleh para penyelidik iaitu tesis, ia digunakan dalam mengumpul keseluruhan dapatan kajian yang terkandung mengenai novel yang ingin dikaji. Data sekunder dalam kajian ini di peroleh daripada maklumat yang mendapat kesahan data yang telah diperakui. Tatacara penyelidikan dititikberatkan oleh pengkaji di mana ia berperanan untuk memastikan prosedur etika sesuatu kajian, juga dijadikan sebagai panduan kepada rangka kerja operasi kajian lebih berjalan dengan lancar. Setiap kandungan maklumat dikumpul, dikaji malah disemak semula oleh pengkaji supaya bertepatan dengan kerangka objektif dan skop kajian ini.

### **Kaedah Melayari Internet**

Melalui kaedah melayari internet, pengkaji telah melayari laman sesawang untuk merujuk artikel-artikel, jurnal dan lain-lain di google scholar, academia, dan sebagainya. Rujukan internet ini telah banyak membantu pengkaji dalam mencari maklumat yang diperlukan dengan lebih mudah.

### **Teori Pengkaedahan Melayu**

Teori pengkaedahan Melayu merupakan teori yang menjadi tunjang dalam kajian ini. Secara teoritikalnya, pengkaji mengaplikasikan sub teori atau lanjutan daripada teori pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Gunaan yang dikenali sebagai pendekatan moral. Menurut Kamarudin dan Sujud (2017), menyatakan bahawa pendekatan moral timbul berikutan daripada tanggapan atau penilaian asas yang dianggap sebagai objek alam iaitu suatu kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Kebiasaannya pengalaman tersebut terdiri daripada dua sudut pandangan iaitu tentang pengalaman yang dilalui manusia, maklumat yang berkaitan dengan manusia dan suasana persekitaran mereka. Oleh itu, pendekatan dari segi moral perlu ditonjolkan dalam sesebuah karya untuk mendedahkan nilai-nilai murni ini kepada legasi dan anak bangsa Melayu. Pengkaji berpendapat bahawa aspek moral ini wajar didapati dalam diri setiap individu.

### SKOP KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji tidak mengkaji secara mendalam atau dengan lebih khusus tentang kajian ini, maka pengkaji telah membataskan kajian dengan mengkaji beberapa aspek sahaja dalam kajiannya. Pengkaji telah meletakkan skop yang kecil dalam mengkaji novel ini supaya dapatan kajian adalah dapatan yang agak memuaskan dan mudah pengkaji untuk mengkaji dengan lebih terperinci serta tersusun. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang telah dipelopori oleh Hashim Awang dan pengkaji telah membataskan kajiannya dengan mengkaji aspek moral sahaja di dalam Novel Di Sebalik Dinara. Oleh hal yang demikian, kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek moral yang ditonjolkan melalui aspek intrinsik seperti tema, watak-perwatakan, persoalan, nilai dan pengajaran dalam Novel Di Sebalik Dinara ini.

### Sorotan Kajian

Tinjauan hasil kajian terhadap skop unsur moral dalam novel mendapati banyak kajian ini dilakukan oleh pengkaji-pengkaji daripada Indonesia dalam mengkaji novel-novel mereka. Kajian oleh pengkaji tanah air terhadap novel-novel Melayu masih kurang dan tidak secara langsung menjurus kepada aspek atau unsur moral sebaliknya memfokuskan kepada aspek nilai dan pengajaran. Berikut ialah beberapa tinjauan sorotan kajian berkaitan unsur atau aspek moral daripada genre drama, novel dan sastera hikayat. Kajian aspek moral dalam drama diusahakan oleh Saidah Sakinah Amferim dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017). Bagi genre sastera hikayat kajian telah dilakukan oleh Noor Nazihah (2011) dan Nor Azlina (2011). Selain itu bagi genre novel pula kajian diusahakan oleh Jumali Hj. Selamat (2012) manakala genre manuskrip pula oleh Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Zahir Ahmad (2021). Berikut ialah huraian beberapa sorotan kajian yang dinyatakan:

Saidah Sakinah Amferim dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017) telah memilih genre drama dalam penelitian kajian mereka yang bertajuk aspek moral dalam drama muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu karya Hatta Azad Khan. Kajian ini agak menarik kerana antara kajian terawal tentang aspek moral dalam drama muzikal yang berasal daripada sitkom yang popular di saluran media perdana. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan moral untuk mengkaji aspek dalaman teks serta menyentuh aspek pengajaran yang ditonjolkan dalam drama. Dapatan kajian merumuskan bahawa drama Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu berjaya memartabatkan tema kemanusiaan yang berkisar kepada isu serta persoalan dalam masyarakat. Hasil pengarang Hatta Azad Khan pula dilihat berjaya membangkitkan kesedaran kepada masyarakat tentang konsep perkara baik sebagai teladan manakala perkara buruk dijadikan sempadan. Kajian juga mendapati pengajaran dalam drama Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu secara sedar menerapkan aspek pengajaran dan nilai yang menjadikan khalayak sebagai sasaran untuk didik dan di tarbiah melalui pelbagai pedomam dan panduan kehidupan. Kebijaksanaan Hatta juga terserlah kerana berjaya mengadun isu kemasyarakatan melalui pengupasan pelbagai situasi serta senario semasa sebagai bahan didaktik demi pembentukan moral masyarakat.

Noor Nazihah (2011) pula telah memilih pendekatan moral sebagai wadah mengkaji sastera hikayat. Kajian beliau bertajuk Hikayat Khalilah dan Daminah : Satu kajian dari Pendekatan Moral mempunyai objektif untuk menyingkap aspek moral yang boleh dijadikan pengajaran kepada

pembaca sebagai panduan hidup. Pengaplikasian pendekatan moral berperanan untuk mengetengahkan motif karya yang dihasilkan sebagai wahana meningkatkan kualiti kehidupan serta agen memuhasabah keperibadian masyarakat menjadi lebih akhlar. Hasil perbincangan dan dapatan kajian menggariskan bahawa terdapat aspek moral yang positif dalam teks yang mampu menyumbang kepada pembinaan jati diri individu serta masyarakat berteraskan syariat Islam. Namun begitu, aspek moral yang negatif juga turut digali sebagai sempadan dan iktibar kepada masyarakat.

Selain itu, kajian terhadap genre sastera hikayat menggunakan aplikasi pendekatan moral juga turut dilakukan oleh Nor Azlina (2011) menerusi kajian Hikayat Bakhtiar : Kajian Teks Berdasarkan Pendekatan Moral. Kajian ini membataskan kepada lima buah cerita yang terpilih dinilai daripada persepsi nilai moral sebagai medium didaktik kepada masyarakat. Perbincangan dan analisis kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah yang hampir sama dengan kajian sastera hikayat oleh Noor Nazihah (2011) kerana mengemukakan kedua-dua sisi moral dan tidak bermoral dalam setiap watak dalam teks kajian. Pendekatan moral menelusuri setiap watak serta perwatakan yang terkandung dalam teks untuk meneliti kesungguhan pengarang menerapkan aspek moral dalam novelnya.

Kajian Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Zahir Ahmad (2021) menerusi Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip “Hikayat Saerah dengan Suami” bertujuan untuk mengenal pasti serta mengkaji nilai murni yang wujud dalam sebuah kehidupan bagi seorang isteri. Ianya khusus untuk memperincikan beberapa nilai murni yang terkandung pada Manuskrip “Hikayat Saerah dengan Suami”. Oleh itu, kajian yang dibuat ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah transliterasi sebagai satu garis panduan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan nilai-nilai murni dalam manuskrip tersebut. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral oleh Hashim Awang sebagai landasan untuk meneliti nilai murni yang ada dalam manuskrip ini seperti nilai murni yang menyentuh kepada wanita iaitu isteri terutama daripada aspek positif. Hasil kajian ini telah menemukan beberapa nilai murni iaitu adab ketika bercakap dengan suami, nilai amanah dalam melindungi harta miliki suami, nilai kasih sayang, meminta izin kepada suami sebelum keluar dari rumah dan nilai ketaatan .

Akhir sekali, Jumali Hj. Selamat (2012), telah menjalankan kajian yang bertajuk Analisis Nilai Murni dalam Seteguh Karang. Tujuan kajian dijalankan adalah mengkaji aspek nilai-nilai murni yang terdapat di dalam kehidupan para remaja berdasarkan teks Seteguh karang dan melihat nilai-nilai murni yang disemai di dalam karya bagi membentuk budi pekerti dan sikap remaja. Oleh itu, kajian ini menggariskan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan moral sebagai landasan untuk meneliti nilai murni yang ada dalam Seteguh Karang. Hasil dan pembahasan mendapati terdapat enam nilai murni di dalam teks Seteguh Karang ini iaitu nilai keberanian, kesyukuran, baik hati, rasional, kerjasama dan kasih sayang bagi melihat penyemaian nilai murni menerusi karya tersebut. Nilai murni yang secara berterusan dan tersusun di dalam teks ini telah memupuk budaya membina sahsiah serta dapat membentuk keperibadian para remaja.

Kesimpulannya, bidang sastera terutamanya berkaitan dengan unsur atau aspek moral daripada genre drama, novel dan sastera hikayat telah banyak dilihat di dalam kajian-kajian lepas yang

menjadi pilihan oleh para pengkaji masa kini. Fokus utama iaitu dalam aspek nilai dan pengajaran ini telah memantapkan lagi bidang sastera Melayu pada masa akan datang. Akan tetapi, masih ada kelompongan dalam kajian yang berkaitan dengan aspek nilai serta modal di dalam novel. Oleh itu, kajian ini telah berusaha untuk mengisi kelompongan ini menerusi aspek moral dalam Novel Di Sebalik Dinara. Kesannya, nilai serta moral dalam sesebuah novel Melayu akan dapat menyerap dalam naluri dan jiwa setiap pembaca selain dapat memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada mereka.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Melalui penelitian terhadap beberapa sorotan kajian lepas, pengkaji telah mengenalpasti masalah dan isu yang jelas masih terdapat kerompongan dalam kajian tersebut. Penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang menerapkan aspek moral masyarakat yang terkandung dalam beberapa kajian berjudul Kebijaksanaan Insan dalam Teks-teks Hikayat Melayu Tradisional Selain itu, kajian Bin Muhammad (2016), Novel Di Sebalik Dinara Komsas Tingkatan 4 2015-2020 aspek moral ini.

Pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian lepas berkaitan fiksyen sains dalam karya-karya sastera kurang memberi perhatian terhadap aspek atau pendekatan moral secara khusus. Oleh itu, kajian berkaitan aspek pendekatan moral menggunakan teori pengkaedahan Melayu dalam Novel Di sebalik Dinara wajar diketengahkan supaya nilai-nilai moral yang wujud di dalam karya ini dapat dikenal pasti dan diketengahkan untuk tatapan generasi masa kini. Tambahan pula, kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji lepas kerana kajian ini lebih menumpukan kepada pendekatan moral untuk mengisi kerompongan yang ditinggalkan itu. Kajian ini lebih memberi penelitian untuk mengenalpasti dan menganalisis aspek moral dalam kalangan masyarakat yang terkandung dalam Novel Di Sebalik Dinara dengan menggunakan kaedah pendekatan moral.

Aspek moral ini perlu diamalkan dan diteladani demi melahirkan generasi yang berilmu, berwawasan dan mempunyai matlamat dalam kehidupan. Kajian ini perlu dilakukan agar pembaca dapat dibawa menelusuri keunggulan teknologi dalam bidang komputer dengan memberi penekanan terhadap aspek-aspek moral yang terkandung dalam Novel Di Sebalik Dinara menerusi prinsip Teori Pengkaedahan Melayu berlandaskan kepada kenyataan hidup dan pemikiran masyarakat. Kajian ini bakal merungkai dan membawa penemuan aspek moral seperti keberanian, rela berkorban, bertanggungjawab, kebijaksanaan dan kasih sayang dalam Novel Di Sebalik Dinara yang dianalisis melalui pendekatan moral berdasarkan teori pengkaedahan Melayu.

Di samping itu, kajian ini juga lebih menjurus ke arah nilai-nilai dan pengajaran moral yang terdapat dalam karya ini kerana permasalahan mengenai stigma masyarakat yang tidak tahu dan tidak mengambil berat tentang peristiwa yang berlaku dalam karya sastera kerana menganggap peristiwa dalam karya sebagai remeh, fiksyen dan tidak berkait dengan kehidupan mereka. Hal ini jelas kerana masyarakat terutama dalam kalangan generasi muda ini kurang menghayati karya sastera dan sejarah apatah lagi mahu mengkaji dan mengambil iktibar daripada nilai-nilai yang terkandung di dalamnya.



### ANALISIS KAJIAN

#### Aspek Moral Nilai Kasih Sayang

Novel di sebalik Dinara ini mempunyai pelbagai nilai yang diterapkan antaranya adalah nilai kasih sayang. Novel ini mempunyai tarikan yang tersendiri dan jalan cerita yang agak menarik walaupun tidak logik bagi dunia nyata. Novel ini menunjukkan nilai kasih sayang antara adik beradik. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi hubungan kasih sayang antara dua beradik antara Farisha dengan Azraai iaitu abang kepada Farisha. Nilai ini dapat dilihat di mana Azraai sangat mengambil berat akan keselamatan adiknya Farisha sehingga dia sanggup memasang retinal scanner dan interkom di rumah adiknya. Alatan itu bersambung ke rumahnya. Dia juga selalu menjadi tempat rujukan adiknya dalam pelbagai perkara. Pada suatu malam, Farisha mengunjungi rumah abangnya untuk makan malam. Di sini, kita dapat lihat bahawa hubungan kasih sayang antara mereka sangat kuat. Pada suatu ketika, Farisha telah mengetahui bahawa beliau hanya anak angkat kepada keluarga Azraai. Meskipun Farisha berasa sangat sedih akan hal tersebut, namun beliau tetap menyayangi abangnya itu. Tambahan pula, walaupun Azraai mengetahui Farisha hanya anak angkat dalam keluarganya, dia masih sayang akan adiknya itu. Hal ini dibuktikan dengan Azraai sering mengambil berat dan sentiasa memantau pergerakan adiknya.

#### Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita.

Seterusnya, kasih sayang antara ahli keluarga dapat dilihat di mana Farisha menghadapi hari paling hiba kerana beliau perlu berhadapan dengan seorang insan yang sepatutnya dipanggil ayah iaitu Karl yang hanya terbaring tanpa sebarang kata-kata. Di samping itu, Dr. Haris menyatakan kepada Farisha mengenai ayahnya bahawa peratusan fungsi otak Karl semakin menurun dan tidak mempunyai peluang lagi. Oleh hal yang demikian, Karl telah meninggal dunia pada jam 7.00 malam pada hari ketika Farisha berada di hadapannya. Pada ketika itu, semua yang terlibat dalam projek Dinara berada di rumah agam Karl. Disebabkan kematian Karl, Alia meraung kesedihan manakala Medina menangis teresak-esak. Perkara ini menunjukkan bahawa kasih sayang dalam ahli keluarga mereka begitu teguh.

Selain itu, di dalam novel ini juga dapat dilihat nilai kasih sayang seorang kawan kepada kawan serumahnya. Ini dapat dilihat apabila Shida menyelongkar peti sejuk di bilik Farisha untuk mencari jika ada ubat yang dimakan oleh Farisha yang telah menyebabkan dia pengsan di tempat kerja. Pada ketika itu juga Shida terjumpa fail yang mengandungi dokumen asal usul Farisha. Dia berasa sangat bersalah kerana telah mencuri untuk melihat barang peribadi Farisha. Di samping itu, Rosman dan Shida juga melawat Farisha di wad 2B, iaitu tempat Farisha mendapatkan rawatan selepas pengsan. Contoh lain pula, Rosman berasa bersalah kerana membiarkan Farisha seorang diri melaksanakan projek mini di Soft Lab. Semasa melawat, mereka mendapati Farisha masih lemah dan tidak dapat bercakap dengan banyak. Oleh itu, mereka meminta izin untuk pulang dan berjanji akan datang pada hari esok.

#### Nilai kasih sayang seorang ibu kepada anaknya

Nilai ini dapat dilihat di mana Marilyn@Medina yang sangat sayang akan anaknya, Farisha. Pada suatu hari, dia mengetahui akan perancangan Karl dalam membuat kajian. Oleh itu, beliau



bimbang akan keselamatan Farisha sekiranya Farisha mati akibat uji kaji dan penanaman pelbagai ubat ke dalam badan yang dilakukan oleh Karl. Disebabkan itu, beliau telah melarikan anaknya dan memberikan kepada keluarga lain. Antara contoh lain, Marilyn@Medina ibu kepada Farisha menghantar dua orang suruhannya iaitu Farid dan Amin untuk menyusup masuk ke dalam wad Farisha bagi melakukan aktiviti menembusi pemikiran Farisha dengan memasang peranti di pelipis kiri Farisha. Semasa aktiviti itu dijalankan, mereka merakamkan setiap isyarat yang diterima.

### **Kasih sayang seorang anak kepada keluarga asalnya**

Tuntasnya, walaupun Farisha sudah mengetahui bahawa beliau dilarikan dan dijadikan sebagai anak angkat kepada keluarga lain, perkara itu tidak mematahkan semangat Farisha untuk mendapatkan penjelasan daripada abangnya Azraai tentang ibu kandungnya. Oleh itu, Azraai telah menceritakan kesemua perkara yang beliau ketahui mengenai diri Farisha. Farisha telah menjadi adik angkatnya kerana hendak menyelamatkannya daripada dijadikan bahan ujikaji ibunya sendiri. Azraai menerangkan bahawa dirinya dan beberapa orang lagi telah diamanahkan menjaga keselamatan Farisha. Akan tetapi, apabila Farisha mendedahkan bahawa dia dapat berkomunikasi dengan ibunya, Azraai kelihatan sangat cemas. Lalu, Azraai menyatakan bahawa Farisha dalam bahaya dan dengan segera Azraai terus membawa Farisha keluar dari hospital dan menuju ke arah selatan.

### **Aspek Moral Nilai Keberanian**

Keberanian diertikan sebagai sifat untuk memperjuang dan mempertahankan sebuah kebenaran dengan menempuh segala bentuk kesulitan dan halangan yang akan dihadapi. Menurut Tajul dan Nor'aini (1992), keberanian adalah kesediaan mahupun kesanggupan individu untuk menghadapi cabaran dan halangan dengan penuh keyakinan dan tabah. Keberanian ini diibaratkan seperti tongkat ajaib untuk manusia kerana membolehkan manusia mengatasi segala kesukaran yang menghalang mereka untuk mencapai matlamat dan keinginan mereka. Tambahan pula, nilai keberanian ini boleh kita katakan sebagai suatu sikap dan tindakan yang tidak ragu-ragu walaupun dalam situasi yang bahaya dan berisiko tinggi (Aboebakar Atjeh, 1988). Oleh itu, nilai keberanian ini menjadi kekuatan rahsia yang ada dalam diri setiap insan untuk mengharungi cabaran dan rintangan hidup.

Terdapat beberapa aspek moral iaitu nilai keberanian yang ditonjolkan di dalam Novel Disebalik Dinara karya Dayang Noor ini. Antaranya adalah keberanian dalam mencari kebenaran. Keberanian dalam mencari kebenaran membawa maksud perbuatan seseorang yang sanggup melakukan apa sahaja demi mendapatkan suatu kepastian. Ini dapat dilihat melalui watak Aqram, iaitu seorang pekerja Soft Lab yang berani mengambil cawan minuman milik Farisha secara diam-diam demi mendapatkan DNA Farisha ketika berada di dalam kapal terbang. Meskipun perbuatan Aqram ini adalah salah di sisi undang-undang, namun beliau terpaksa melakukannya demi membantu Dr. Maxi untuk mencari kepastian tentang identiti seseorang yang dicarinya sejak sekian lama. Oleh itu, keberanian yang dimiliki oleh Aqram jelas membuktikan bahawa beliau seorang yang berani melakukan apa sahaja demi membantu atasannya dan ianya wajar dicontohi.

Seterusnya adalah keberanian dalam mengambil risiko. Keberanian dalam mengambil risiko ini bermaksud kesediaan dan kesanggupan dalam melakukan sesuatu perkara yang penuh dengan risiko sama ada perkara itu membawa kebaikan untuk dirinya sendiri mahupun orang lain. Apabila kita berani mengambil risiko, kita haruslah bersedia dari segi mental dan fizikal demi memastikan perkara yang bakal kita harungi akan tercapai. Sebagai contoh, Farisha berani mengambil risiko dengan menerima sebuah tawaran dengan mendapat bayaran sebanyak 1.5 juta daripada Soft Lab untuk menggodam sistem dinara. Nilai keberanian yang ada dalam diri Farisha sememangnya wajar diikuti agar diri kita akan tampil lebih berani untuk melakukan sesuatu perkara baharu yang lebih mencabar.

Selain itu, keberanian dalam menyelamatkan nyawa seseorang. Menyelamatkan nyawa seseorang merupakan suatu tindakan yang mulia kerana tidak semua manusia memiliki keberanian untuk melakukan perkara tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi keberanian seorang ibu dalam menyelamatkan nyawa anaknya daripada jatuh ke tangan orang yang salah. Contohnya, Medina berani menyelamatkan nyawa Farisha dengan membawanya lari daripada dijadikan bahan uji kaji oleh Karl. Medina telah mengambil keputusan untuk memberikan Farisha kepada keluarga angkatnya demi memastikan keselamatan anaknya terjamin. Oleh itu, nilai keberanian yang dimiliki oleh Medina sewajarnya menjadi satu sifat yang dikagumi dan hendaklah wujud dalam diri kita agar terus berani untuk menyelamatkan diri seseorang.

### **Aspek Moral Nilai Bertanggungjawab**

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat tahun 2017*, definisi bertanggungjawab adalah seseorang yang memikul tanggungjawab atau seseorang yang memikul segala-galanya. Namun demikian, Zainal Abidin (1997:1889), telah mendefinisikan bahawa tanggungjawab itu ialah menjadi tugas, tanggungan, beban, pikulan tugas dan amanah. Tambahan pula, bertanggungjawab juga bermaksud kemampuan seseorang dalam menjalankan suatu kewajipan kerana mempunyai dorongan dalam dirinya atau biasanya disebut panggilan jiwa (Abdullah, 2010). Oleh itu, berdasarkan pendapat tokoh di atas, dapat dirumuskan bahawa nilai bertanggungjawab merupakan perkara yang perlu ada dalam diri setiap individu supaya setiap individu tidak mengambil ringan jika sesuatu perkara yang tidak dapat dijangka berlaku.

Dalam Novel *Di sebalik Dinara*, hasil karya Dayang Noor ini memiliki pelbagai aspek moral seperti nilai bertanggungjawab. Antara bukti nilai bertanggungjawab ialah komited dalam melaksanakan tugas. Komited dalam menjalankan tugas bermaksud meletakkan kepentingan tugas mengatasi keperluan peribadi. Contoh ini tergambar dalam novel melalui nilai bertanggungjawab seorang doktor yang bernama Maxi dalam menyelesaikan misi menyelamatkan Dinara. Sifat atau perwatakan ini hendaklah ada pada setiap individu agar mampu menjadi tauladan kepada masyarakat. Sebagai contoh, Dr. Maxi menjalankan tanggungjawabnya untuk memperbaiki teknologi hypervisor di dalam *Dinara* yang dibangunkan oleh Karl telah diceroboh. Pencerobohan itu berjaya menyusupkan satu virus bom jangka yang akan memusnahkan *Dinara* pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Sikap bertanggungjawab Dr. Maxi. Ini jelas membuktikan jati dirinya sebagai seorang yang bertanggungjawab.

Bertanggungjawab menyampaikan kebenaran. Kebenaran bermaksud sesuatu perkara yang diperkatakan akan menepati kenyataan. Antaranya apabila kita berkata ini adalah sesuatu,

bermakna ia menepati semua yang diperkatakan. Contoh ini tergambar dalam novel iaitu nilai bertanggungjawab seorang yang mengenali Farisha memberitahu perkara yang sebenar yang berlaku dalam syarikat Dinara. Perwatakan ini perlulah ada dalam diri setiap individu agar dapat dijadikan pedoman dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, Aqram memberitahu kebenaran yang berlaku kepada Farisha tentang maklumat yang telah diceroboh oleh penggadam Dinara mempunyai unsur dendam peribadi. Aqram memberitahu penggadam juga adalah orang berpengaruh dalam syarikat Dinara dan penggadam juga orang kuat Karl. Jelaslah bahawa sikap ini dapat meninggikan martabat seorang individu yang bertanggungjawab.

### **Bertanggungjawab memastikan keselamatan.**

Keselamatan ini dikatakan perihal selamat, kesejahteraan atau keamanan. Keselamatan juga bermaksud keadaan yang terlindung daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi, pelajaran dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini dan ini juga termasuk dalam konteks terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi. Perkara ini terkandung dalam novel nilai bertanggungjawab seorang abang kepada adik agar keselamatan adiknya terjamin dan sentiasa selamat. Perwatakan Azraai yang bertanggungjawab menjaga keselamatan adiknya Farisha dapat dijadikan contoh kepada masyarakat. Sebagai contoh, Azraai memasang pengimbas retina di pintu apartment Farisha untuk memastikan keselamatan adiknya itu. Tuntasnya, sikap bertanggungjawab ini dapat memberi impak kepada seseorang apabila mempunyai sikap tersebut dalam diri.

### **Aspek Moral Nilai Kebijaksanaan**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat tahun 2017, kebijaksanaan adalah sebuah perihal bijaksana, perihal menggunakan akal budi dan juga mereka menjalankan tugas ini dengan penuh perasaan tanggungjawab dan keberanian. Selain itu, Baltes juga mendefinisikan kebijaksanaan ini adalah kemahiran dalam mengatasi masalah asas dalam kehidupan yang berkait dengan tingkah laku dan makna kehidupan. Baltes juga berpendapat bahawa kebijaksanaan ini merupakan gabungan daripada segi watak dan intelek. Jika daripada sudut intelek, Baltes juga menyatakan bahawa ia adalah pengetahuan tentang kognitif, motivasi dan emosi dalam tingkah laku dan juga makna sesebuah kehidupan. Bukan itu sahaja, (*Sternberg & Jordan, 2005:110*) menyatakan bahawa kebijaksanaan sering kali tidak akan dapat dipisahkan daripada sifat orang yang berakal dengan orang yang kelihatan bijak sering kali mempunyai perwatakan peribadinya yang penuh dengan keamanan dan belas kasihan kepada manusia dan dunia. Oleh hal yang demikian, melalui pendapat tokoh tersebut, dapat disimpulkan bahawa setiap individu haruslah mempunyai nilai kebijaksanaan kerana kebijaksanaan tersebut tidak akan lahir dengan sendirinya, tetapi perlulah menggunakan akal budi dan akal fikiran untuk berfikir dalam melakukan sesuatu perkara.

Berdasarkan Novel Di Sebalik Dinara, hasil karya Dayang Noor terdapat beberapa aspek yang telah ditemui, antaranya ialah nilai kebijaksanaan. Bukti yang dapat ditunjukkan melalui nilai kebijaksanaan ialah kepakaran dalam bidang sains. Kepakaran dalam bidang sains ini bermaksud seseorang itu bijak dan mahir dalam bidang yang diceburinya seperti bidang sains. Contoh yang dapat diketengahkan lagi melalui novel Di sebalik dinara ini adalah apabila seorang

doktor yang digelar Dr. Maxi telah membuat satu kajian dan telah mengatakan bahawa Farisha merupakan seorang individu yang akan berpotensi dalam menyelamatkan sistem dinara. Ini kerana, Aqram telah berjaya mengambil sampel kesan air liur yang melekat pada cawan Farisha lalu memberikan sampel tersebut kepada Dr. Maxi untuk dibuat kajian. Kebijaksanaan yang dapat ditunjukkan adalah Dr. Maxi seorang sangat bijak dalam bidang sains dan terdapat teknologi yang canggih dalam kajian sains kerana mampu mengesan DNA seseorang individu. Sifat kebijaksanaan ini telah jelas menunjukkan bahawa Dr. Maxi merupakan seorang individu yang bijak terutamanya di dalam bidang Sains.

Selain itu, kecerdikan akal fikiran dalam cara pemikiran seseorang insan terhadap banyak perkara. Secara lazimnya, setiap individu dikurniakan akal fikiran supaya mudah untuk berfikir dan membuat sesuatu keputusan setiap perkara yang berlaku. Contoh yang terdapat di dalam novel *Di Sebalik Dinara* hasil karya Dayang Noor ini adalah kebijaksanaan Farisha dalam menggodam sistem komputer. Kebijaksanaan yang terdapat pada Farisha ini adalah kerana terdapat implan yang telah dipasang di dalam badannya sejak kecil dan terdapat juga pelbagai jenis ubat yang hingga boleh menjadikannya dirinya seorang yang genius yang telah dimasukkan ke dalam badannya. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa sifat kebijaksanaan wajarlah ada supaya ia mudah untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan sempurna.

Seterusnya, kemajuan teknologi terutamanya dalam bidang sains dan teknologi adalah bermaksud bidang sains dan teknologi merupakan salah satu bidang yang paling maju berbanding dengan bidang yang lain. Konteks ini terkandung dalam novel *Di sebalik dinara* menerusi nilai kebijaksanaan kerana terdapat sebatang alat penetrator yang mampu membaca ruang minda Farisha dan ia mencatatkan alamat yang diberikan oleh Aqram dengan menggunakan pen tersebut. Ini telah terbukti bahawa kemajuan teknologi pada masa ini telah mampu membaca fikiran manusia dan mengambil segala maklumat yang terdapat di dalam kotak fikiran manusia hanya dengan menggunakan sebatang pen sahaja. Oleh hal yang demikian, kebijaksanaan yang dapat ditunjukkan adalah kebijaksanaan manusia yang mencipta alat penetrator itu sehingga mampu menembusi pemikiran manusia dengan sebatang pen.

### **Aspek Moral Nilai Rela Berkorban**

Novel *Di sebalik Dinara* ini banyak menceritakan tentang kecanggihan teknologi yang sangat maju dan sebenarnya ia tidak wujud di dunia yang nyata. Selain itu juga, novel ini mempunyai pelbagai nilai-nilai moral yang boleh diterapkan di kalangan masyarakat pada masa kini. Nilai rela berkorban ialah sanggup berkorban dan berani dalam melakukan sesuatu hal yang rumit di mana kita sanggup berkorban masa, tenaga dan seumpamanya untuk mencapai sesuatu perkara.

Nilai rela berkorban ialah kita sanggup melakukan sesuatu perkara ini dengan rela hati tanpa ada sebarang paksaan daripada mana-mana pihak. Sebagai contoh, keberanian Aqram yang mendekati Farisha untuk mendapatkan DNA serta mengenalinya demi menyelamatkan Dinara. Di samping itu, Farisha sanggup berkorban untuk kedua ibu bapanya. Ini dapat dilihat apabila Farisha sanggup menghadapi dugaan apabila beliau sanggup diculik oleh kedua ibu bapanya. Tambahan pula, kita hendaklah mengorbankan wang ringgit untuk mencapai sesuatu kejayaan. Sebagai contoh, Dr. Maxi memberi tawaran berupa wang ringgit sebanyak RM1.5 juta kepada Farisha dan Rosman akan tetapi mereka berdua mempunyai misi yang harus diselesaikan iaitu

menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam jangka masa selama empat minggu sahaja. Selain itu juga, sebelum Farisha dan Rosman ini berangkat pulang ke rumah, mereka berdua diberi peluang melihat Karl yang terlantar di atas katil disebabkan penyakit kanser yang dihadapinya itu. Selanjutnya, projek Dinara ini diterajui Karl dan projek Dinara ini seolah-olah terhenti disebabkan Karl menghadapi penyakit barah.

### **Kita hendaklah sanggup berkorban wang ringgit dan masa untuk membahagiakan seseorang.**

Kita seharusnya sanggup berkorban wang ringgit serta masa untuk membahagiakan seseorang. Ini dapat dilihat apabila Farisha teruja apabila melihat jam tangan pemberiannya itu dipakai oleh Aqram kerana jam tangan tersebut merupakan pusat kawalan elektronik miliknya. Seterusnya, Farisha terpaksa menunggu sahabatnya Shida yang sering bermain skuasy dengan android miliknya yang bernama Juju ini untuk masuk ke apartment miliknya. Di samping itu juga, Farisha berasa agak sedih kerana tidak bersemuka dengan Philips Youg yang memberi ucapnama melalui hologram sahaja.

### **Kita hendaklah sanggup berkorban jiwa dan raga untuk sesuatu perkara**

Seterusnya, kita hendaklah rela berkorban apa sahaja seperti sanggup berkorban jiwa dan raga untuk mencapai sesuatu perkara. Sebagai contoh, Aqram telah diberi taklimat yang ringkas kepada sahabatnya iaitu Farisha. Aqram juga turut memberi penjelasan dengan teliti kepada Farisha mengenai Karl yang telah membangunkan sebuah teknologi yang amat canggih yang dikenali sebagai teknologi hypervisor dalam Dinara ini, akan tetapi android Dinara kini sistemnya telah dipecah masuk oleh penceroboh. Penceroboh itu telah berjaya memasukkan virus ke dalam android Dinara yang menyebabkan Dinara ini akan menjadi bom jangka yang boleh menyebabkan Dinara ini meletup pada masa yang telah ditetapkan oleh si penceroboh tersebut. Di samping itu, tawaran yang diberikan kepada Farisha iaitu wang tunai sebanyak RM1.5 juta ini adalah bertujuan untuk Farisha melakukan tugas pembaikpulihan terhadap Dinara daripada virus yang berbahaya dalam android Dinara. Farisha juga perlu menaik taraf Dinara ke tahap yang optimum bagi mengatasi segala kelemahan dan kekurangan yang dimiliki Dinara. Selain itu, Farisha dapat mengetahui bahawa sahabat baiknya iaitu Rosman tidak lagi bersama dengannya untuk berkhidmat di Soft Lab disebabkan Rosman terpaksa meneruskan projek Senawang. Beliau ditawarkan berlipat kali ganda bayaran yang lumayan jika dibandingkan dengan bayaran yang diberikan oleh Karl. Selain itu juga, Farisha turut merasakan kepalanya terlalu sakit kerana tanpa Farisha sedari, Alia telah berjaya menanam mikrochip ke dalam tubuh Farisha sehingga ianya dapat berkomunikasi dengan peneraju projek Dinara iaitu Karl. Karl telah meminta pertolongan daripada Farisha untuk membantunya menyelamatkan Dinara kerana Dinara berada dalam keadaan bahaya.

## **KESIMPULAN**

Intihannya, aspek moral yang digarap dalam Novel Di sebalik Dinara merupakan himpunan nilai-nilai unik dan istimewa. Aspek moral yang ditandai oleh nilai-nilai seperti kebijaksanaan hinggalah kepada rela berkorban yang tergambar pada pengolahan watak dan peristiwa menjadi didikan moral yang berguna sebagai teladan dan sempadan kepada pembaca. Ternyata Novel Di sebalik Dinara, menyajikan pelbagai nilai yang memiliki pelbagai pengalaman kepada pembaca dalam

meneroka ketinggian teknologi yang berkembang pesat dan melestarikan teknologi tersebut pada masa kini. Aspek moral ini perlu digali lebih dalam menggunakan pelbagai pendekatan lain dalam teori pengkaedahan Melayu agar perspektif pengajaran dan didaktik ini akan dapat dihayati dengan lebih luas oleh pembaca.

Banyak pengajaran dan nilai yang disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam Novel Di Sebalik Dinara ini. Tidak kurang dalam babak Dr Maxi sanggup melakukan apa sahaja dalam menyelamatkan syarikat Dinara. Namun dalam segala rasa yang memadat di jiwa ini, pembaca masih lagi dapat mencari iktibar dan pengajaran di dalamnya. Pendek kata, Novel ini adalah pakej lengkap kisah inspirasi masyarakat yang wajar dijadikan ikhtibar dalam membuat keputusan dan dalam situasi menyelesaikan masalah. Atas dasar ini juga, tidak hairanlah Novel Di Sebalik Dinara ini dijadikan teks komsas Tingkatan 5 di zon selatan kerana banyak intipati yang menarik boleh dikaji oleh pelajar di peringkat rendah.

### RUJUKAN

Adnan, M. (2011, November 25). *Huraian nilai murni*.

Noor, D. (2012). *Di Sebalik Dinara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Dewan Bahasa & Pustaka. (2021, November 30) *Definisi Bertanggungjawab*.

Eizah, H., Tengku, A., & Zahir A. (2021). Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami'. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 15-23.

Jumali S. (2012). Analisis nilai murni dalam seteguh karang. *Pusat Akreditasi Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia*, 197-208.

Jamian, M. N., & Idris, Z. (2019). Kebijaksanaan adab dalam hikayat Melayu tradisional. *Akademika*, 89, 81-91.

Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel komsas "Di Sebalik Dinara": Analisis Teori Relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.

Siyanti, H. W. (2011). *Analisis Nilai-nilai Moral dalam Hikayat Kalilah dan Dimnah Karya Baidaba*. Thesis Ph.D. Malang: University of Muhammadiyah Malang.

Sakinah, A., & Nur, A. (2017). Aspek moral dalam drama muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu karya Hatta Azad Khan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society*, 13 (3), 86-96.



## SOROTAN STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU PELAJAR ASING

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh  
Hebei Foreign Studies University (HFSU), Shijiazhuang, China.  
[n.afifahadila@gmail.com](mailto:n.afifahadila@gmail.com)

**Abstrak:** Semenjak kerajaan Malaysia mewajibkan pengambilan kursus Bahasa Melayu kepada pelajar asing yang belajar di Malaysia, kajian-kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran giat dilaksanakan oleh ahli-ahli akademik. Selain itu, bahasa Melayu yang dijadikan sebagai kursus elektif dan program pengajian di universiti-universiti luar negara juga telah membuka ruang dan peluang kepada ahli akademik untuk melakukan pengkajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing. Namun begitu, strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing ini tidak pernah disorot dan dirumuskan oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk diteliti kembali. Kajian ini bertujuan untuk menyorot kajian-kajian lepas yang mengkaji strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing sama ada di universiti-universiti dalam atau luar negara. Sorotan terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing ini amat berguna kepada tenaga pengajar kerana dapat membuat penilaian terhadap strategi yang telah digunapakai. Kajian ini juga turut mencadangkan pendekatan yang lebih segar seperti memanfaatkan teknologi, multimedia dan aplikasi mudah alih. Beberapa kajian lepas yang berkaitan telah dipilih untuk disorot dan dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Diharapkan agar kajian ini dapat memberikan panduan kepada tenaga pengajar baru dan lama untuk melihat kembali strategi yang boleh digunakan dan yang perlu dimodenkan.

**Kata Kunci:** Bahasa Melayu, Pengajaran Dan Pembelajaran, Sorotan Kajian, Pelajar Asing, Kajian Lepas

### PENGENALAN

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewajibkan kepada semua pelajar asing yang belajar di universiti-universiti tempatan untuk mengambil kursus bahasa Melayu sebagai kursus wajib lulus. Menurut Awang Sariyan (2006), Akta Pendidikan dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 menggariskan bahawa kursus bahasa Melayu wajib diambil oleh pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia. Melalui kursus ini, pelajar asing berpeluang untuk mempelajari bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan di negara Malaysia. Kursus bahasa Melayu yang disediakan sama ada IPTA dan IPTS kepada pelajar asing ini bermatlamat untuk memastikan mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu terutamanya melibatkan komunikasi harian. Selain itu melalui kursus ini, pelajar asing dapat mempelajari bahasa Melayu yang pastinya memberikan kepentingan sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Sistem pendidikan di Malaysia juga dilihat amat menitikberatkan aspek kemahiran berbahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa utama di Malaysia (Nurul Ain Ahmad & Rohaidah Kamaruddin, 2019). Oleh itu, pelajar asing perlu mempelajari bahasa Melayu dan berlatih bagi menguasainya.



Selain itu, bahasa Melayu juga turut dipelajari oleh pelajar asing yang belajar di universiti-universiti luar negara. Sebagai contoh di China, lebih 15 buah universiti menawarkan program pengajian bahasa Melayu dan kursus bahasa Melayu sebagai subjek elektif. Selain di China, beberapa negara luar lain seperti Korea, Jepun, Perancis, Thailand, India dan lain-lain turut menawarkan kursus bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu mendapat tempat di dunia kerana bukan setakat dipelajari di dalam negara Malaysia sahaja. Menurut Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2021), bahasa Melayu semakin berkembang di China dan beberapa negara lain dengan berlakunya penambahan universiti yang menawarkan program pengajian bahasa Melayu dan menjadikan bahasa Melayu sebagai kursus elektif. Pakar asing dalam bidang bahasa Melayu dari Malaysia yang bergelar pensyarah atau guru dilihat secara sukarela menabur bakti di luar negara bagi menyebarkan bahasa Melayu agar lebih ramai yang mengenali dan mempelajarinya. Usaha para pendidik yang dianggap sebagai duta kecil Malaysia ini amat dihargai kerana mereka berkorban meninggalkan negara sendiri bagi mengantarabangsakan bahasa Melayu.

Disebabkan bahasa Melayu telah dipelajari oleh pelajar asing di universiti dalam dan luar negara, maka hal ini memberikan peluang dan ruang kepada ahli akademik untuk mengkaji pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu para pelajar asing. Banyak kajian-kajian lepas oleh ahli akademik yang mengkaji bahasa Melayu pelajar asing untuk melihat pelbagai perkara penting. Maka kajian ini akan meneruskan pengkajian berkenaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing dengan membincangkan kembali kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lepas. Kajian berbentuk sorotan ini amat penting kerana dapat melihat apakah yang pernah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas dan pastinya banyak perkara dapat dijadikan rujukan dan panduan. Kejayaan seseorang pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu dipengaruhi oleh strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bersesuaian (Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam, 2012). Hal ini akan menyebabkan pelajar berminat untuk terus mendalami ilmu bahasa Melayu. Oleh itu, strategi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pengajar dan pelajar perlu diberikan perhatian sewajarnya.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Terdapat pengkaji-pengkaji lepas yang mengkaji cabaran dan kekangan pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu seperti kajian oleh Siti Saniah Abu Bakar (2013), Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar, Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2021) dan Zaiton Zakarya & Hawa Mahfuzah (2019). Selain itu, pengkaji-pengkaji lepas juga ada yang menganalisis kesilapan dan kesalahan pelajar asing dalam pembelajaran bahasa Melayu seperti kajian oleh Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy a/p Subramaniam (2012) Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin (2020) dan Salinah Jaafar & Rohaidah Haron (2016). Terdapat juga pengkaji lepas yang berkongsi pengalaman mengajar bahasa Melayu kepada pelajar asing seperti kajian oleh Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah (2014).

Manakala kajian berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing turut dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti kajian oleh Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jalaludin Badusah & Sharala a/p Subramaniam. (2014), Roshidah Hassan (2017), Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim & Mardhiyyah Zamani (2021) dan Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2021). Kajian-kajian lepas berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran ini tidak pernah disorot dan dirumuskan oleh para pengkaji. Sedangkan kajian-kajian berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ini sangat penting untuk disorot dan dibincangkan kerana dapat melihat kembali apakah strategi yang dicadangkan atau digunakan oleh tenaga pengajar yang mengajar bahasa Melayu kepada pelajar asing. Selain itu, hasil kajian ini juga dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada para pendidik bahasa Melayu yang mengajar pelajar asing sama ada di universiti dalam atau luar negara. Oleh itu melalui kajian ini, dapat dilihat secara jelas pelbagai strategi yang telah diaplikasikan dan dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Maka kajian ini mengambil peluang untuk mengisi kekosongan dan kelompangan tersebut agar dapat disumbangkan hasilnya kepada para pendidik dan pelajar asing.

### **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing berdasarkan kajian-kajian lepas. Kajian ini kajian berbentuk sorotan yang menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan bagi melihat strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing.

### **METODOLOGI**

Kajian berbentuk kualitatif ini memilih tujuh buah kajian lepas yang ada membincangkan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Kesemua kajian lepas ini disorot dan dirumuskan agar dapat dilihat dengan jelas apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang dapat dijadikan panduan dan rujukan. Walaupun ada daripada kajian-kajian lepas ini yang tidak mengkaji strategi pengajaran dan pembelajaran secara dominan dalam kajiannya, namun terdapat sedikit perbincangan berkaitannya yang boleh diketengahkan. Kajian-kajian lepas yang dipilih ini ialah kajian yang dilaksanakan dari tahun 2014 hingga 2021. Di bawah ialah senarai kajian-kajian lepas yang dipilih bagi memenuhi objektif kajian ini.

Jadual 1: Senarai kajian lepas yang dipilih

<b>Nama Pengkaji</b>	<b>Tajuk Kajian</b>
Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah, (2014)	Mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing dan cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Salinah Jaafar & Rohaidah Haron, (2016)	Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu
Rohidah Hassan, (2017)	Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis.
Fikri Ghafar & Sa'adiyah Ma'alip, (2020)	Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Yunnan Minzu di UKM dan USM.
Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jalaludin Badusah & Sharala a/p Subramaniam, (2014)	Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing
Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim & Mardhiyyah Zamani, (2021)	Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: pendekatan teknologi (apps) dan program pengukuhan berdasarkan model Kolb
Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar, (2017)	Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing

## **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

### **Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Asing berdasarkan kajian-kajian lepas**

Berdasarkan tujuh kajian lepas yang dipilih, berikut ialah 12 strategi yang digunakan dan dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas yang boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada tenaga pengajar yang mengajar kursus bahasa Melayu dan pelajar yang mengambil kursus bahasa Melayu.

### 1. Strategi kosa kata

Hakikat mempelajari sesuatu bahasa ialah semakin banyak kosa kata yang diketahui oleh seseorang pelajar, semakin cemerlang pengetahuannya tentang bahasa yang dipelajari tersebut. Seorang pelajar yang mempelajari bahasa asing perlu sentiasa menambah kosa katanya dan memahami makna kosa kata tersebut. Menurut Zamri Mahamod et al. (2014), strategi kosakata boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing. Tenaga pengajar perlu memberikan kosa kata baru dalam bahasa Melayu kepada pelajar hari demi hari. Semakin lama mereka mempelajari bahasa Melayu, semakin banyak kosa kata yang didapatinya. Pendidik juga boleh memberikan kosa kata kepada pelajar mengikut tema atau topik pembelajaran. Contohnya tema atau topik ialah “benda di dalam kelas”, “di kedai makan”, “buah-buahan”, “warna” dan sebagainya. Oleh itu, pelajar akan dapat mempelajari pelbagai kosa kata mengikut tema atau topik secara khusus dan lebih tersusun. Pemberian dan pendedahan pelbagai kosa kata dalam bahasa Melayu mampu menambahkan pengetahuan dan meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar asing.

### 2. Strategi perbendaharaan kata

Perbendaharaan kata ialah set perkataan yang diketahui dalam sesuatu bahasa. Pelajar akan mahir dengan penggunaan perbendaharaan kata setelah semakin lama mempelajari sesuatu bahasa. Pelajar perlu mempelajari perbendaharaan kata agar dapat difahami dan mampu menggunakannya dengan betul. Seperti rajah di bawah, penggunaan perbendaharaan kata ialah penggunaan kata yang tepat, kata yang banyak makna dan kata yang hampir sama makna. Pelajar asing perlu mempelajari hal ini agar lebih mudah untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Contoh perbendaharaan kata “meriah” yang dapat ditafsir juga sebagai “riang, gembira, suka ria”.



### 3. Mendedahkan bahan bacaan bercorak akademik dan ilmiah

Fikri Ghafar & Sa’adiah Ma’alip (2020) menyatakan bahasa pelajar asing perlu banyak membaca bahan bacaan bahasa Melayu bercorak akademik dan ilmiah. Hal ini kerana bahan bacaan seperti novel dan majalah hiburan tidak dapat membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Oleh itu, antara strategi yang boleh diaplikasikan oleh tenaga pengajar ialah memberikan bahan bacaan berunsurkan akademik kepada pelajar untuk dibaca agar pelajar mempelajari bahasa Melayu yang baku dan betul. Bagi pelajar asing yang

mempelajari bahasa baru ini, bahan bacaan berbentuk ilmiah dan akademik amat membantu para pelajar untuk lebih menguasai bahasa Melayu yang betul.

#### 4. Aktiviti komunikasi sehala

Aktiviti komunikasi sehala iaitu hanya melibatkan diri pelajar sahaja seperti bercerita, menyanyi dan membaca amat membantu pelajar dalam membiasakan diri menyebut perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu. Walaupun komunikasi sehala ini tiada tindak balas secara terang daripada pihak yang lain, namun impaknya besar kepada si perucap. Menurut Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah (2014), pendekatan komunikatif adalah penting dalam pembelajaran pelajar asing kerana dapat membina kebolehan dan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Sekiranya pelajar melakukan pelbagai latihan komunikasi dalam bahasa Melayu, mereka dapat melatih sebutan dan bunyi. Aktiviti komunikasi sehala ini perlu dijadikan sebagai strategi utama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Pensyarah dan guru boleh menegur jika terdapat kesalahan sebutan bahasa Melayu yang diucapkan oleh pelajar. Perbanyakkan aktiviti bercerita, menyanyi lagu kanak-kanak atau tradisional Melayu dan membaca ayat atau cerita pendek dalam bahasa Melayu.

#### 5. Aktiviti komunikasi dua hala

Salinah Jaafar & Rohaidah Haron (2016) menyatakan bahawa aktiviti komunikasi amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Melalui komunikasi, pelajar dapat mempraktikkan apa yang telah dipelajari dan penguasaan bahasa pelajar akan lebih baik. Komunikasi dua hala sememangnya kerana dapat merangsang pelajar untuk cuba bertutur dalam bahasa Melayu. Pensyarah boleh berbual-bual atau bertanyakan soalan yang mudah setiap kali waktu kelas agar pelajar terbiasa dengan soalan tersebut dan mengingatkannya. Latihan berkonsepkan komunikasi dua hala ini sangat memberikan kesan yang luar biasa kepada para pelajar. Kelas atas talian yang dijalankan buat masa sekarang juga tidak menyekat aktiviti komunikasi dua hala ini.

Strategi melakukan aktiviti dua hala ini boleh dikembangkan lagi dengan pelbagai aktiviti lain seperti aktiviti sosial iaitu “perbualan ketika membeli di kafe”, “perbualan dengan pemandu bas”, “perbualan dengan rakan sekelas” dan sebagainya. Selain itu, aktiviti permainan memainkan peranan penting kerana dapat melibatkan komunikasi sepenuhnya daripada pelajar seperti berlakon di dalam kelas. Kesemua aktiviti yang melibatkan komunikasi dua hala perlu dipergiatkan oleh pensyarah dan pelajar kerana melakukan praktikal akan menjadikan sesuatu itu lebih baik.

#### 6. Kaedah terus, kaedah terjemahan, kaedah dengar dan ajuk serta kaedah khusus

Keempat-empat kaedah di atas ini merupakan kaedah elektrik yang boleh diaplikasikan ketika mengajar dan belajar bahasa melayu sebagai bahasa asing. Kaedah terus ialah pendidik mengajar secara terus tentang sesuatu perkara seperti mengajar sebutan. Kaedah terus ini boleh diajar terhadap pelajar perseorangan dan secara beramai-ramai. Kaedah terus memerlukan

perhatian yang tinggi daripada pelajar dan teknik pengajaran yang berkesan oleh pengajar. Selain itu, kaedah terjemahan ialah pengajar perlu menterjemahkan sesuatu perkataan baru dalam bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh pelajar. Sebagai contoh, menggunakan bahasa Inggeris untuk menerangkan makna sesuatu perkataan bahasa Melayu. Hal ini akan dapat difahami secara maksimum oleh para pelajar.

Seterusnya ialah kaedah dengar dan ajuk. Pelajar akan mempelajari sesuatu topik dan terus diberikan latihan iaitu latihan agar apa yang dipelajari akan melekat di ingatan. Inilah yang dipanggil sebagai kaedah dengar dan ajuk. Manakala kaedah khusus pula ialah bergantung kepada kemahiran pengajar untuk menggunakan cara khusus mengajar sesuatu topik seperti tatabahasa. Pengajaran berkaitan tatabahasa sangat rumit dan memerlukan kaedah khusus yang dikuasai oleh pengajar. Oleh itu, pengajar perlu berlatih terlebih dahulu sebelum mengajar agar kaedah yang digunakan berkesan dan dapat difahami.

### 7. Memanfaatkan penggunaan multimedia

Penggunaan multimedia mampu menarik minat pelajar asing untuk mempelajari bahasa Melayu. Di zaman yang serba canggih ini, pelbagai perkara yang berasaskan multimedia dapat digunakan untuk membuat aplikasi mudah alih, bahan pengajaran dan pelbagai lagi. Oleh itu, pengajar perlu menerokai kemudahan ini agar dapat dimanfaatkan kepada para pelajar.

### 8. Strategi ingatan

Strategi ingatan ialah pelajar menulis sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu berulang kali sambil menyebutnya sehingga perkataan tersebut diingati. Ini juga dipanggil sebagai hafalan yang sememangnya satu strategi yang wajar diaplikasi apabila mempelajari sesuatu bahasa yang baru. Pelajar asing yang tidak mahir dan baru mula belajar sesuatu bahasa perlu mengaplikasikan strategi ingatan dalam mengingati pelbagai kosa kata, istilah atau frasa dalam bahasa Melayu. Roshidah Hassan (2017) strategi ingatan untuk menguasai kosa kata kerap digunakan oleh pelajar asing.

### 9. Strategi tampungan

Strategi tampungan ialah seorang individu meneka secara bijak makna sesuatu perkataan asing. Sekiranya seorang individu menggunakan strategi tampungan dalam menguasai kosa kata bahasa sasaran, maka mereka akan kurang bergantung kepada penggunaan kamus (Roshidah Hassan, 2017). Pengajar boleh melakukan aktiviti berbentuk kaedah tampungan yang menyebabkan pelajar perlu meneka jawapan yang betul. Kesalahan yang dilakukan melalui aktiviti meneka ini akan meninggalkan ingatan yang lebih kepada para pelajar.

### 10. Penggunaan kamus

Istilah bersahabat dengan kamus perlu diterapkan kepada pelajar asing. Pelajar boleh menggunakan kamus secara maksimum agar dapat mengetahui makna sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu secara terus. Penggunaan kamus amat berkesan dalam usaha pelajar ingin mengetahui makna sesuatu perkataan yang tidak diketahuinya.

### 11. Stail pembelajaran Model Kolb berbantuan apps

Sekumpulan pengkaji telah mencadangkan agar pelajar asing memanfaatkan strategi Model Kolb dalam usaha mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan Model Kolb dapat membantu penguasaan bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa melalui empat peringkat iaitu pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit (Juwairiah Osman et al, 2021). Selain itu, pelajar boleh menggunakan apps dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hasil kajian Juwairiah Osman et al (2021) menunjukkan bahawa strategi pembelajaran Model Kolb membantu penguasaan bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa mahupun penutur asing sekali gus menarik minat untuk terus mempelajari bahasa Melayu.

### 12. Penggunaan gambar dan video

Penggunaan gambar dan video mampu merangsang pemikiran pelajar apabila sedang mempelajari sesuatu topik dalam bahasa Melayu. Melalui strategi penggunaan gambar dan video akan menjadikan pelajar lebih memahami pembelajaran tersebut kerana mereka dapat melihat selain hanya mendengar apa yang dituturkan oleh pendidik.

## **Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Asing**

Selari dengan kemajuan teknologi dan arus semasa, strategi pengajaran dan pembelajaran perlu memanfaatkan teknologi, multimedia dan aplikasi mudah alih. Hal ini kerana para pelajar akan lebih tertarik dengan penggunaan dan pengaplikasian tersebut. Telefon pintar yang dimiliki dan sentiasa ada dengan diri para pelajar semestinya dapat membantu para pelajar mempelajari bahasa Melayu dengan lebih pantas dan mudah. Tenaga pengajar boleh membangunkan aplikasi mudah alih iaitu apps dalam telefon pintar yang dapat diakses dengan mudah dan pada bila-bila masa oleh pelajar. Jika dilihat, sudah banyak pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan di dalam apps semenjak pandemik Covid-19 berlaku. Hal ini kerana pembelajaran secara atas talian seperti apps akan memberikan impak yang besar terhadap kefahaman pelajar apabila mempelajari sesuatu bahasa.

Oleh itu, para pendidik perlu mengikuti kursus untuk membangunkan apps yang semestinya berguna untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu. Rujukan melalui video yang dimuat naik di dalam saluran YouTube juga dapat membantu para pendidik untuk mempelajari kemudahan teknologi dan multimedia yang serba canggih. Kajian oleh Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim & Mardhiyyah Zamani (2021) menunjukkan bahawa penggunaan apps iaitu aplikasi mudah alih



sangat membantu pelajar asing untuk lebih memahami pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, para pendidik perlu ke hadapan dengan membiasakan diri dengan penggunaan teknologi dan multimedia yang sememangnya banyak memberikan manfaat.

### RUMUSAN

Kajian ini memberikan manfaat kepada tenaga pengajar dan pelajar kerana dapat melihat strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing agar dapat dijadikan panduan dan rujukan. Kajian ini berjaya menyenaraikan 12 strategi yang dicadangkan dan digunakan oleh tenaga pelajar dan pelajar melalui kajian-kajian lepas. Diharapkan agar lebih ramai pengkaji-pengkaji akan datang berkongsi strategi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing agar dapat memberikan manfaat yang sewajarnya. Kajian ini telah mengisi kekosongan dan kelompangan iaitu kajian-kajian berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing tidak pernah disorot dan dibincangkan kembali. Oleh itu, kajian ini menjalankan sorotan terhadap kajian-kajian lepas bagi mengisi kekosongan dan kelompangan tersebut. Pengkaji semasa iaitu ahli akademik boleh menyambung kajian ini dengan menyorot lebih banyak kajian-kajian lepas agar dapat melihat lebih banyak strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing.

### RUJUKAN

- Ab Karim, A. R. (2015). (2012, Oktober). *Pengintenasionalan bahasa Melayu Oleh Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya di China, Thailand dan Singapura*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Internasional, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Prosiding Seminar International, 46-59.
- Alim, A. (2015). Bahasa Melayu sebagai bahasa asing: kajian kes pelajar China di Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(2) 157-168.
- Sariyan, A. (2011). Kursus Wajib Bahasa Melayu kepada Pelajar Asing: Mengharapkan Susulan Konkrit. Dicapai daripada <http://klikweb.dbp.my/?p=1330> (27 Jun 2021).
- Cohen, A.D. (1999). *Strategies in Learning and Using A Second Language*. London: Longman.
- Ma'alip, S. & Ghafar, F (2020). Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Yunnan Minzu di UKM dan USM. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember*, 548-564.
- Osman, J., Omar, M. S., Jaafar, S., Ali, Z., Awang, S., Hashim, H., & Zamani, M. (2021). Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing: Pendekatan Teknologi (Apps) Dan Program Pengukuhan Berdasarkan Model Kolb. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5(1), 65-82.
- Zakaria, K., & Abdullah, T. (2014). Mengajar Bahasa Melayu kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. Seminar Teaching

- & Learning in the 21<sup>st</sup> Century: Challengers for Lecturers and Teachers, OUM, 148-154.
- Salleh, N.A. A. M. (2021). Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Pelajar di Universiti Pengajian Asing Hebei (HFSU), Shijiazhuang, China. *Persidangan Antarabangsa Peradaban dan Warisan Melayu (PERWARA)*, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 86-94.
- Ahmad, N. A. & Kamaruddin, R. (2019). Faktor Ekstralinguistik Terhadap Sikap Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Terpilih Malaysia. *International Journal of Malay World and Civilization*. 7(1), 69-76.
- Zulkifli, N. Z. M & Bakar, S. S. A. (2017). Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing. *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL)*, 414-425.
- Sabiran, R. (2005). Mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Hassan, R. (2017). Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *Jurnal GEMA Online*, 17(1), 125-146.
- Jaafar, S., & Haron, R. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 196-209.
- Bakar, S. S. A. (2016). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 52-61.
- Chye, Y. C. (2012). Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar asing. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).
- Zakarya, Z. & Rusidin, H. M. (2019). *Isu dan cabaran pengajaran bahasa Melayu di luar negara: Pengalaman di Universiti China*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara, Universiti Malaysia Perlis, 15(1), 44-58.
- Mahamod, Z., Badusah, J., Yusoff, N. M. R. N., Embi, M. A., & Subramaniam, S. (2016). Penggunaan dan Kekekapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 25-35.
- Mahamod, Z., Yusoff, N. M. R. N., Embi, M. A., & Badusah, J. (2014). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred. *Jurnal Personalita*, 17, 75-81.

**PENGARUH IMPERIALISME TERHADAP SALMAH BINTI ISMAIL @ SALOMA DI TANAH MELAYU**

Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, Wan Hasmah Wan Teh, Norasmahani Hussain, Norazilawati Abd Wahab

Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA),  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya  
Bahagian Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia  
Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia  
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin  
mfa@ukm.edu.my

**Abstrak:** Salmah binti Ismail @ Saloma ialah seorang penyanyi, pelakon dan ikon fesyen yang terkenal pada zaman kegemilangannya ketika zaman penjajahan di Tanah Melayu. Ketika di puncak kegemilangannya, Saloma dilihat menerima pengaruh imperialisme yang begitu besar sehingga menyebabkan beliau meraih kemasyhuran di Tanah Melayu dan negara sekitarnya. Pengaruh imperialisme terhadap perkembangan bidang seni beliau dilihat tidak disedari oleh Saloma sendiri dan penyelidikan mengenai beliau sebelum ini hanya menyimpulkan Saloma sekadar seorang penyanyi yang mempunyai suara yang merdu, pelakon, ikon fesyen dan merupakan seorang isteri kepada seniman P. Ramlee. Maka dengan itu, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana Saloma membawa imej imperialisme dalam karier seni beliau sehingga kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan sejarah dan sepenuhnya menggunakan kaedah kualitatif. Dokumen, fail dan visual berkaitan Saloma diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara, Pustaka Peringatan P Ramlee, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), Perpustakaan IPTA dan lain-lain lagi. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa Saloma sememangnya telah membawa imej imperialisme yang sangat dominan dalam bidang seni di Tanah Melayu melalui imperialisme muzik, imperialisme media dan imperialisme budaya. Penemuan ini juga dilihat memberi sumbangan besar terhadap bidang sejarah negara kita dan dalam rumpun Melayu apabila memperlihatkan betapa sumbangan anak seni yang merujuk kepada Saloma telah memberi impak terhadap peradaban negara kita. Penulisan ini mampu dijadikan panduan bagi mengetengahkan peranan dan sumbangan anak seni yang dilihat kurang disedari dalam peradaban dan sejarah tanah air. Malah, penulisan ini juga dilihat mampu memberikan nafas baharu terhadap penulisan berkaitan imperialisme di Tanah Melayu dan negara sekitarnya. Hal ini demikian kerana, sehingga kini penulisan berkaitan imperialisme di Tanah Melayu dilihat tidak menyedari hakikat bahawa penjajah British telah menjadikan bidang seni Tanah Melayu sebagai dasar dan polisi imperialisme baharu di Tanah Melayu sehingga kemerdekaan tanah air.

**Kata kunci:** Saloma, Penyanyi, Imperialisme, Wanita, Tanah Melayu

## Pengenalan

.....*Bila larut malam*  
*Suasana sepi*  
*Tiada pun insan*  
*Yang ku lihat lagi*  
*Mengapa hatiku*  
*Merasa terharu*  
*Di malam ini*  
*Terasa sunyi*  
*Ingin kukatakan*  
*Tapi pada siapa*  
*Purnama membisu*  
*Embun pun membeku.....*  
(Pilihan Emas Saloma, 2014)

Bait-bait lirik di atas dipetik daripada senikata lagu yang berjudul *Bila Larut Malam* nyanyian merdu Saloma yang merupakan sebuah lagu yang masih diminati dan kekal malar sehingga kini. Apabila kita menghayati makna di sebalik lagu di atas dan menikmati suara merdu Saloma, secara automatik, kita akan turut menyanyi, menggerakkan bahu dan membayangkan kita berada dalam era pra-kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) yang merupakan zaman kegemilangan Saloma mengukir kejayaan dalam karier beliau pada masa tersebut. Berdasarkan situasi yang dinyatakan, hal ini menunjukkan betapa berpengaruhnya Saloma dalam dunia seni negara ekoran lagu-lagu beliau dari dahulu sehingga kini, kekal mendapat sambutan meskipun figura ini sudah sekian lama meninggalkan kita. Namun begitu, fokus perbincangan ini bukanlah tentang keindahan sebuah lagu dan kemerduan suara Saloma yang menikam kalbu, sebaliknya penyelidikan ini akan menganalisis sejauh mana Saloma membawa imej imperialisme dalam karier seni beliau sedari era penjajahan sehingga era pasca kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Artikel ini berpendapat, Saloma bukan sahaja seorang penyanyi terkenal, malah figura ini dilihat telah memberi sumbangan besar terhadap sejarah negara kita yang kononnya tidak disedari oleh para penyelidik sebelum ini. Timbulnya persoalan, bagaimana hendak mentafsir saloma melalui pendekatan sejarah? Apakah dapatan kajian yang akan diperolehi ekoran masyarakat melihat dan hanya mengetahui Saloma sekadar seorang penyanyi dan tidak lebih daripada itu? Malah, adakah penyelidikan ini mampu memberi sumbangan besar terhadap penulisan sejarah negara kita? Sememangnya persoalan yang disenaraikan akan berlegar-legar dalam minda masyarakat ekoran stereotaip masyarakat yang menganggap seorang anak seni tidak memberi sebarang sumbangan terhadap sejarah negara kita. Situasi ini juga merupakan cabaran untuk mengubah persepsi masyarakat yang sekian lama diprogramkan bahawa individu yang bergiat aktif dalam

seni kreatif seperti Saloma tidak memberi sebarang sumbangan sebaliknya hanya sekadar alat hiburan dalam kehidupan.

### **Kajian Lepas**

Masih kurang kajian mengenai Saloma dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Hal ini menunjukkan bahawa isu mengenai Saloma masih lagi kurang mendapat perhatian sewajarnya walaupun beliau telah meninggalkan kita dengan khazanah seni yang tak ternilai harganya. Antara khazanah seni yang ditinggalkan oleh Saloma adalah seperti koleksi lagu piring hitam, filem, majalah dan lain-lain lagi hingga menjadikan beliau kekal diingati sehingga kini. Bagi mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai Saloma, khazanah-khazanah seni tinggalan Saloma inilah yang seringkali dirujuk oleh para pengkaji terdahulu dalam menilai sumbangan dan pencapaian Saloma.

Walau bagaimanapun, sebilangan besar penyelidik tidak menyedari bahawa sumbangan dan pencapaian Saloma bukan sekadar melalui lagu dan gambar beliau yang cantik di majalah semata-mata. Sumbangan Saloma adalah lebih daripada itu dan bagi membuktikan hal ini, isu mengenai Saloma perlu dikaji dengan penuh teliti melalui dokumen dan bahan-bahan berkaitan berdasarkan pendekatan sejarah. Namun begitu, masih terdapat beberapa penyelidikan lepas berkaitan Saloma yang boleh dijadikan rujukan dalam penulisan ini.

Rajah 1: Salmah binti Ismail (Saloma) Ketika Puncak Kegemilangannya



Sumber: Zamrul Amri Zakaria & Hadijah Mohd. Yunus (Ed), 2017. *Saloma: Ikon Fesyen Retro/Retro Fashion Icon*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.



Melalui kajian lepas yang sedia ada, para pengkaji ada menyimpulkan bahawa Saloma adalah merupakan seorang penyanyi, ikon fesyen, mempunyai raut wajah yang cantik dan seorang isteri kepada legenda seni tanah air iaitu P. Ramlee. Malah dapat dilihat dengan jelas bahawa, kajian lepas yang sedia ada masih lagi mengaitkan sumbangan dan pencapaian Saloma dibayangi oleh figura suaminya iaitu P. Ramlee. Jika dianalisis dengan lebih mendalam dan terperinci, akan didapati bahawa sumbangan dan pencapaian Saloma terhadap negara kita sebenarnya adalah atas usaha serta kejayaan beliau sendiri tanpa dibayangi oleh figura yang lain. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat ruang dan peluang yang ditinggalkan oleh penyelidikan sebelum ini yang boleh diisi oleh kajian artikel ini. Malah, turut didapati bahawa ahli sejarah juga tidak menyedari bahawa sumbangan dan pencapaian Saloma adalah melebihi daripada dapatan kajian yang sedia ada pada masa kini. Situasi ini dilihat agak mendukacitakan kerana pencapaian dan sumbangan Saloma ini tidak seharusnya diabaikan memandangkan beliau pernah diangkat dan diiktiraf sebagai Biduanita Negara pada tahun 1978 (Berita Harian, 3 Disember 1978).

Jabatan Muzium Negara pada tahun 2017 dilihat telah mengambil inisiatif menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Saloma Ikon Fesyen Retro*. Penyelidikan tersebut telah menghimpunkan dan membukukan semua fesyen yang pernah digayakan oleh Saloma dengan paparan visual yang sangat menarik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa evolusi fesyen Saloma telah dihimpunkan sejak dari awal penglibatan beliau sehingga ke hujung hayatnya. Penyelidikan oleh Jabatan Muzium Negara tersebut secara tidak langsung turut mengiktiraf Saloma sebagai ikon fesyen sepanjang zaman. Namun begitu, penyelidikan ini tidak menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai sejarah dan simbolik di sebalik fesyen dan busana yang disarung oleh Saloma. Perkara ini meninggalkan ruang dan peluang yang boleh diisi oleh penyelidikan ini (Zamrul Amri Zakaria & Hadijah Mohd. Yunus (Ed), 2017).

Selain itu, penyelidikan yang berjudul *Saloma* oleh Ahmad Fauzee Samad juga dilihat mempunyai pelbagai maklumat dan dapatan kajian yang menarik mengenai Saloma. Melalui penyelidikan ini, penulis mengabadikan segala kenangan dan maklumat berkaitan penglibatan Saloma dalam dunia seni sepanjang tempoh yang digunakan. Penulis juga dilihat turut memperoleh bahan dan maklumat berkaitan figura ini dari Arkib Negara Malaysia dan perkara ini menunjukkan bahawa penulis berusaha untuk menggunakan dokumen-dokumen primer dalam penyelidikannya. Namun begitu, penyelidikan tersebut sekadar memaparkan maklumat berkaitan penglibatan Saloma dalam filem, senarai lagu yang didendangkan oleh Saloma, imej dan visual dalam majalah dan sebagainya. Penulis dilihat tidak mentafsir dan mengkritik bahan-bahan yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia itu dari sudut pendekatan sejarah. Hal ini menyebabkan penyelidikan oleh Ahmad Fauzee itu hanyalah sekadar penyelidikan yang bersifat naratif tanpa analisis terhadap fakta dan maklumat lengkap mengenai Saloma (Ahmad Fauzee Samad, 2012). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapatnya ruang kosong yang ditinggalkan oleh kajian tersebut yang telah membuka peluang kepada artikel ini untuk mengkaji isu Saloma dari perspektif dan disiplin sejarah.

Selain itu, teknik nyanyian Saloma turut dikaji oleh Nur Fardilla Nadia Abu Bakar dalam penyelidikannya yang berjudul *Mengkaji Stail Nyanyian Saloma Daripada Perspektif Teknik Vokal Klasikal Barat Penggunaan Vokal Register*. Penyelidikan tersebut menyimpulkan bahawa Saloma

sememangnya mempunyai asas teknik vokal yang baik apabila beliau telah mengimplementasikan teknik nyanyian vokal klasikal barat dalam nyanyiannya. Dengan menguasai teknik tersebut dengan baik, *vocal cord* Saloma dapat dilindungi daripada rosak. Malah, teknik tersebut juga dapat disesuaikan dengan nyanyian lagu-lagu Melayu yang dipopularkan oleh Saloma pada era kegemilangan beliau. Walau bagaimanapun, pengkaji ini tidak mengkaji kaitan antara teknik vokal klasikal barat yang dikuasai oleh Saloma itu dengan perkembangan imperialisme muzik di negara kita dan juga sumbangannya kepada perkembangan industri muzik tanah air. Kekurangan ini adalah dapat difahami memandangkan penyelidikan yang dilakukan oleh Nur Fardilla Nadia itu tidak menggunakan pendekatan sejarah, sebaliknya hanya memfokuskan kepada aspek muzik Saloma yang dilihat sangat menarik dan unik (Nur Fardilla Nadia Abu Bakar, 2018).

### **Latar belakang Salmah binti Ismail (Saloma)**

Penulisan mengenai seseorang tokoh tertentu adalah lebih baik dimulakan dengan mengenali lebih dekat tokoh yang menjadi subjek kepada penyelidikan ini. Saloma atau nama sebenar beliau ialah Salmah binti Ismail. Beliau lahir pada tanggal 22 Januari 1935 di Pasir Panjang, Singapura. Beliau merupakan kakak kepada Aminah Ismail (Mimi Loma) yang juga seorang penyanyi selain adik kepada seniwati Mariani (Mariam binti Ismail) yang merupakan ibu kepada pelakon terkenal, Melissa Salla. Kerjaya awal Saloma dilihat bermula pada usia 13 tahun pada ketika beliau masih menuntut di Sekolah Melayu Kampung Gelam, Singapura. Beliau telah berpeluang mengadakan persembahan bersama kumpulan "The Singapore Boy" di New World Cabaret dan nyanyian pertama beliau ialah lagu yang berjudul *Seven Lovely Days* nyanyian asal Georgia Gibbs. Pada usia 19 tahun, Saloma telah ditawarkan untuk merakamkan lagu piring hitam HMV. Lagu *Pandang Kasih* ciptaan Rahmat Ali telah menjulang nama Saloma ke mercu kejayaan. Meskipun Saloma dilihat menonjol dalam dunia nyanyian, beliau turut berlakon dalam beberapa filem seperti *Azimat* (1958), *Kaki Kuda* (1958), *Bujang Lapok* (1961), *Ragam P. Ramlee* (1964) dan *Ahmad Albab* (1968) (Ahmad Fauzee Samad, 2012)





Rajah 3: Seniwati Mariani (Mariam binti Ismail) kakak kepada Saloma



Sumber: National Museum of Singapore

### **Saloma: Imperialisme dan Muzik**

Saloma sememangnya telah membuktikan bahawa beliau merupakan biduanita negara yang mempunyai pelbagai koleksi lagu yang kekal diminati sehingga kini. Malah jika ditinjau melalui koleksi lagu nyanyiannya, dapat dilihat beliau merupakan penyanyi yang sangat versatil kerana beliau mampu mendendangkan lagu-lagu yang pelbagai rentak dengan baik. Selain usaha Saloma dalam mengangkat lagu-lagu Melayu, beliau juga dilihat turut mendukung perkembangan imperialisme muzik sebelum kemerdekaan Tanah Melayu kerana beliau turut mendendangkan koleksi lagu berbahasa Inggeris. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa permulaan karier Saloma berlaku pada awal kemunculannya dalam era zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Apakah itu imperialisme muzik? Bagaimana Saloma dikaitkan dengan imperialisme muzik di Tanah Melayu? Secara umumnya, imperialisme muzik merupakan sebahagian daripada imperialisme budaya. Pada era penjajahan baharu, corak imperialisme di tanah jajahan dalam kalangan penjajah dilihat telah berubah warna. Hal ini berlaku apabila bentuk penjajahan itu tidak lagi menumpukan terhadap penaklukan politik semata-mata, sebaliknya turut menekankan

kepada dominasi budaya penjajah terhadap pihak yang dijajah. Kedatangan British di Tanah Melayu dilihat tidak hanya sekadar mementingkan penaklukan bagi tujuan ekonomi dan politik semata-mata. Sebaliknya British turut memperkenalkan budaya mereka di tanah jajahan dan perkara ini disifatkan sebagai salah satu bentuk penjajahan baharu (John Tomlinson, 2001).

Rajah 4: Saloma bersama Percy Proctor Yang merupakan penyanyi Jazz terkenal sedang membuat rakaman lagu “Anyone Can Fall In Love” untuk Radio Malaya pada tahun 1955.



Sumber: Ahmad Fauzee Samad, 2012. *Saloma*. Selangor: AF Cendana Publications.

Rajah 5: Piring Hitam Saloma: “His Master’s Voice”



Sumber: National Musuem of Singapore

Perkembangan muzik di Britain dilihat bergerak seiring dengan perkembangan imperialisme di tanah jajahan. Menurut Jeffrey Richards dalam penyelidikannya yang berjudul *Imperialism and Music: Britain 1876-1953*, beliau telah menjelaskan bahawa sememangnya perkembangan imperialisme adalah seiring dengan perkembangan muzik pada ketika itu. Hal ini demikian kerana pengaruh penjajah di tanah jajahan dapat dikukuhkan melalui muzik dan ideologi yang mewakili imperialisme Inggeris pada zaman kegemilangannya. Beberapa unsur dominan seperti keagamaan, kekuatan empayar dan ketenteraan, peperangan dan percintaan turut terdapat dalam ideologi imperialisme muzik. Melalui imperialisme muzik, muzik telah digunakan untuk mendramatisasi, menggambar dan memperkuatkan imej dan budaya penjajah selain



menekankan identiti Inggeris dalam peradaban manusia. Hal ini jelas dilihat ketika penjajahan British di Tanah Melayu apabila muzik dari Eropah seperti Jazz, Klasikal Barat, Pop dan sebagainya berkumandang di corong-corong Radio Singapura dan Radio Malaya. Selain itu, ruangan iklan dalam akhbar *The Straits Times* turut mempromosi muzik Eropah melalui iklan-iklan kelab malam, opera, filem dan berita perkembangan muzik semasa (Jeffrey Richards, 2001).

Dalam konteks Saloma, dapat dilihat bahawa pada penglibatan awal beliau dalam dunia seni, beliau telah mengikuti secara rapat dan dekat pendekatan muzik yang terdapat dalam imperialisme muzik. Sejak berumur belasan tahun, beliau telah menjadikan nyanyian Ella Fitzgerald sebagai contoh untuk membentuk cara nyanyiannya (Stuart Nicholson, 2014 Ahmad Fauzee Samad, 2012). Seperti yang dinyatakan di bahagian latar belakang, ketika berumur 13 tahun, beliau juga telah membuat persembahan kali pertama di New World Cabaret, Singapura pada tahun 1948 dan mendendangkan sebuah lagu barat yang popular seperti *Seven Lonely Days* nyanyian Georgia Bisbs. Bermula daripada persembahan pertama beliau itu, Saloma telah diangkat sebagai seorang penyanyi yang berpotensi di Tanah Melayu sebaris dengan penyanyi sedia ada seperti Nona Asiah, Lena Momo La dan sebagainya (Ahmad Fauzee Samad, 2012). Saloma berupaya menyanyikan lagu-lagu Inggeris dengan baik. Malah, jika ditinjau video nyanyian Saloma dalam bahasa Inggeris yang terdapat dalam *Youtube* pada ketika ini, sudah pastinya ramai akan tergamam dengan kebolehan beliau mengalunkan muzik Inggeris dengan baik sekali. Situasi ini menunjukkan Saloma mempunyai keistimewaannya yang tersendiri yang tidak terdapat pada penyanyi lain di Tanah Melayu.

Selain itu, Saloma juga bijak meletakkan dirinya maju ke hadapan berbanding artis lain. Kelebihan beliau yang mendukung muzik dalam imperialisme muzik telah meletakkan beliau pada kedudukan yang tinggi dalam perniagaan muzik. Kelab-kelab malam yang muncul *bagai cendawan tumbuh selepas hujan* telah menyebabkan beliau berjaya memonopoli kontrak persembahan di kelab-kelab malam sama ada dalam mahupun luar Tanah Melayu. Malah, persembahan Saloma yang mengalunkan aliran muzik dalam imperialisme muzik di kelab-kelab malam dan hotel-hotel sering kali diiklankan dalam *The Straits Times* sehingga beliau turut diminati oleh pegawai Inggeris di Tanah Melayu. Meskipun situasi ini bukanlah suatu yang baharu pada ketika itu, namun ini menunjukkan bahawa perkembangan imperialisme muzik Barat di Tanah Melayu telah mempengaruhi jiwa Saloma (*The Straits Times*, 1954-1957).

Rajah 6: Iklan Pertama Salmah bin Ismail @ Saloma sebagai Penyanyi Kelab Malam Profesional pada tahun 1954.

**ENJOY**  
THE MUSIC OF  
"VAL ORTEGA"  
and his S.M. SEXTETTE  
in the air-conditioned  
**STARLIGHT-ROOM**  
with  
Miss WONG YING &  
Miss SALMAH ISMAIL

**TEA DANCE**  
every Sunday  
3.00 to 6.00 p.m.

**EXTENSION**  
on 11.9.54 and  
18.9.54 till 1 a.m.

**THE SINGAPORE HOTEL**

GEYLANG ROAD & TANJONG KATONG ROAD  
TEL: 41512 & 41513.

Sumber: Ahmad Fauzee Samad, 2012.

Rajah 7: Iklan Persembahan Salmah binti Ismail (Saloma) di The Straits Times, 1957

**SKY PALACE REST. LTD.**

**14th, 15th, & 16th FLOORS.**  
**ASIA INSURANCE BUILDING**



PRESENTS NIGHTLY

**14th floor:** Miss **SALOMA** & Miss **LISA** — well-known singers accompanied by **H. H. Tan & His Rhythm Boys.**

**15th floor:** **Cor Ryf's Trio**  
Come and Dine (Chinese or Continental Food) and Dance.

**SPECIAL ANNOUNCEMENT:—**

Book Early For Chinese New Year's Dinners.  
"Ballet Bastille" Will be appearing  
During the Chinese New Year.  
"Duo Sylvanos" World Famous Acrobatic  
Dancers will be Performing Here.

**Tea Dance Every Sunday 3.30 to 6.30 p.m.**

**BOOK EARLY FOR RESERVATIONS.**

**TEL. NOS. 28606, 24716 & 24314.**

Sumber: *The Straits Times*, 12 Januari 1957, 10

Sebenarnya dukungan dan sumbangan Saloma terhadap perkembangan muzik dalam imperialisme muzik di Tanah Melayu dapat dilihat apabila beliau mengimplementasi teknik vokal klasikal Barat melalui lagu-lagu popular beliau dalam bahasa Melayu. Penggunaan teknik nyanyian vokal klasikal Barat terdapat dalam hampir keseluruhan lagu bahasa Melayu nyanyian Saloma (kecuali lagu-lagu berentak Irama Melayu dan etnik kreatif) seperti *Perwira*, *Bosanova*, *Istana Cinta*, *Apa Guna Berjanji*, *Bila Larut Malam* dan *Tunggu Sekejap*. Saloma menggunakan teknik vokal Barat tersebut adalah disebabkan kerana teknik tersebut merupakan asas kepada teknik nyanyian yang betul selain dapat melindungi peti suara daripada sebarang kerosakan. Penggunaan teknik nyanyian dari Barat oleh Saloma itu telah menunjukkan bahawa beliau telah membawa satu modul nyanyian yang wajar dicontohi oleh mana-mana penyanyi sama ada zaman dahulu mahupun zaman kini. Walaupun Saloma tidak menyedari bahawa beliau sebenarnya telah mendukung dan membawa aliran muzik dalam imperialisme muzik, namun



sumbangannya berjaya memperkasa industri muzik tanah air. Perkara ini menunjukkan bahawa bukan semua yang datang dari Barat tidak baik untuk kita. Sebaliknya perkara yang tidak mendatangkan kemudharatan harus disesuaikan dan digunakan agar kehidupan kita menjadi lebih baik berbanding sebelumnya (Nur Fardilla Nadia Abu Bakar, 2018).

Rajah 8: Notasi lagu Apa Guna Berjanji  
Apa Guna Ber Janji

P. Ramlee

$\text{♩} = 160$

Intro

7

13 **A** head register middle register head

20 head register head register head middle

A - pa gu-na ber- jan - ji ka - lau  
Ja - ngan ma-in - as - ma - ra ber-  
tak - di te - pa - ti ke - lak me - ra cun ha - ti tu - an sen - di  
mu - dah ber - cin - ta yang di - tung - gu tak - ti - ba ti - dur tak le -

27 middle register 1. 2. **B** head register

35 head register head register head

ri meng - gi git - ja - ri. sah. De - ngar - lah na - si - hat  
na man - di tak - ba - hi - bur kan ha - ti A - pa gu - na ber - du -

43 middle head register **C** head register

ka ci - ta nan - ti tu - an me - ra - na oh oh A - was -

50 middle head register

lah wa hai - tau - lan Cin - ta bu - kan ma - i - nan Bi - la

58 head register middle register **Fine**

su - dah ter - ta - wan tak ta kut - ri - but a - tau pun tau fan -

Sumber: Nur Fardilla Nadia Abu Bakar, 2018. *Mengkaji Stail Nyanyian Saloma Daripada Perspektif Teknik Vokal Klasikal Barat: Penggunaan Vokal Register*. Tesis Sarjana. Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.

### Saloma dalam Imperialisme Media

Selain medium muzik, pihak penjajah juga melaksanakan imperialisme media bagi mengukuhkan penjajahan dan dominasi mereka di tanah jajahan dengan melancarkan propaganda bagi isu-isu tertentu melalui media sama ada media massa mahupun media cetak. Misalnya, British menguasai media-media yang terdapat di Tanah Melayu terutamanya akhbar, televisyen, radio

dan sebagainya. Perkara ini telah mewujudkan hegemoni global yang menjadi asas kepada imperialisme budaya. Akhbar-akhbar penjajah di Tanah Melayu dan di luar negara dilihat mengawal kandungan laporan berita di semua kawasan tanah jajahan. Perkara ini menunjukkan bahawa media merupakan satu alat jajahan baharu dan perkara ini membuktikan bahawa tindakan penjajahan bukan sekadar melalui senjata dan penaklukan, tetapi juga melalui media massa dan juga media cetak. Melalui imperialisme media, pihak penjajah British tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar dalam mengukuhkan penguasaan mereka di Tanah Melayu. Penjajah British sebaliknya hanya perlu menguasai medium media massa dan media cetak bagi membentuk psikologi dan pemikiran para pembaca seperti yang dikehendaki oleh mereka (John O. Springhalt, 2017). Perlu diingat bahawa, pengaruh yang disebarkan melalui media massa dan media cetak boleh meninggalkan kesan yang lebih hebat dan mendalam. Bak kata pepatah *mata pena lebih tajam daripada pedang*. Justeru, dominasi dari aspek media ini dapat membentuk stigma-stigma tertentu terhadap para pembaca (Mohd Firdaus Abdullah et al, 2021).

Dalam konteks Saloma, sememangnya beliau sentiasa mendapat tempat dan perhatian dalam media cetak dan elektronik seperti akhbar serta majalah sama ada luar dan dalam Tanah Melayu terutamanya yang dimiliki oleh British. Kebanyakan media massa dan media cetak menjadikan Saloma sebagai subjek dalam laporan dan penulisan masing-masing. Hal ini demikian kerana pihak media melihat Saloma sebagai contoh wanita Melayu moden yang mendukung imej imperialisme sepanjang zaman kegemilangan beliau. Oleh sebab itu, akhbar-akhbar ini cuba mendominasi dan mensensasikan laporan berita mengenai Saloma kepada pembaca di tanah jajahan dengan pelbagai strategi tertentu lalu menjadikan Saloma seolah-olah alat penjajahan imperialisme baharu. Misalnya, pihak media memperlihatkan elemen barat dalam kehidupan Saloma yang merangkumi fesyen, gaya hidup, nyanyian dan lain-lain lagi seolah-olah Saloma adalah merupakan contoh wanita moden yang menyahut seruan penjajah untuk mentamadunkan dan memodenkan masyarakat di Tanah Melayu yang dilihat masih mundur dan terkebelakang. Laporan demi laporan berita yang dikeluarkan oleh media massa mahupun media cetak menunjukkan Saloma merupakan seorang tokoh yang berjaya menempatkan diri dalam media-media barat dan menjadi topik perbualan seluruh dunia. Pencapaian ini dilihat sukar ditandingi oleh anak seni dan tokoh lain di Tanah Melayu yang sezaman dengan Saloma. Dari aspek yang lain, tindakan ini sebenarnya dilihat mempunyai matlamat tersendiri iaitu mahu menunjukkan kejayaan Saloma adalah hasil daripada produk imperialisme British. Bagi penjajah British, sekiranya Saloma tidak mengadaptasi dan menyuntik elemen Inggeris dalam kariernya, sudah semestinya Saloma tidak akan memperoleh kejayaan seperti yang dimiliki olehnya pada ketika itu.

Rajah 9: Percintaan Saloma dengan Ken Davis telah mendapat perhatian oleh *Daily Mirror*, sebuah akhbar terkenal di Britain pada tahun 1956



Sumber: *Daily Mirror*, 10 Julai 1956

Selain media cetak di Tanah Melayu, laporan mengenai Saloma turut dipaparkan oleh media luar Tanah Melayu. Terdapat empat buah akhbar dari Britain telah menerbitkan laporan mengenai Saloma pada tahun 1956. Empat akhbar tersebut adalah seperti *Daily Mirror*, *Belfast Newsletter*, *The Yorkshire Observer* dan *Evening Express* yang berpusat di Britain. Secara keseluruhan, akhbar-akhbar tersebut telah memperkenalkan Saloma sebagai wanita moden dari Tanah Melayu; penyanyi hebat dan bersuara merdu yang mempunyai kelebihan menyanyikan lagu-lagu Inggeris dengan baik; dan seorang wanita Melayu yang telah bertunang dengan jejaka dari Scotland iaitu Ken Davis. Malah kisah putus tunang antara Saloma dengan Ken Davis selepas itu dilihat turut dilaporkan oleh akhbar-akhbar tersebut dan situasi ini menunjukkan Saloma telah dikenali di dunia Barat melalui kisah-kisah yang dinyatakan (*Daily Mirror*, 10 Julai 1956; *Belfast Newsletter*, 28 Ogos 1956; *The Yorkshire Observer*, 16 Jun 1956; *Evening Express*, 27 Ogos 1956). Di sini jelaslah bahawa, ciri-ciri dan kelebihan yang dimiliki oleh Saloma dan pertunangannya dengan jejaka Scottish telah menarik perhatian akhbar-akhbar dari Britain untuk

berkongsi kisah hidup wanita Melayu yang dilihat sebagai menarik untuk dikongsikan dengan rakyat tempatan di Britain.

Selain akhbar dari Britain, majalah dari Australia iaitu *The Australian Women Weekly* pada tahun 1959 dilihat turut memuatkan laporan mengenai Saloma dalam ruangan *Holiday in Malaya dan Singapore*. Saloma telah diberi julukan sebagai “*The Dream of The East*”. Hal ini bermaksud, majalah tersebut telah memperkenalkan Saloma sebagai seorang penyanyi yang berasal dari Tanah Melayu; seorang yang memiliki suara merdu yang merdu; dan penyanyi kelab malam yang mampu menyanyikan lagu-lagu dalam pelbagai bahasa seperti lagu Inggeris, lagu Jepun, lagu Cina dan lagu Melayu. Berdasarkan laporan oleh majalah berkenaan, dapat difahami bahawa Saloma telah ditonjolkan sebagai seorang ikon terkenal. Malah, Saloma dilihat sebagai duta pelancongan tidak rasmi kepada Tanah Melayu dan Singapura kerana persona beliau itu telah berjaya menarik pelancong dari Australia untuk datang bercuti ke Tanah Melayu dan Singapura. Hal ini membuktikan bahawa negara-negara luar telah memperakui Saloma sebagai salah satu daya tarikan berharga yang terdapat di Tanah Melayu. Perkara ini sekali gus mengiktiraf pencapaian beliau yang mampu menarik perhatian pelancong luar untuk datang ke Tanah Melayu. Maka jelas bahawa Salome telah memberi satu sumbangan yang tak terhingga terhadap industri pelancongan Tanah Melayu pada ketika itu meskipun pada tahun 1959 Tanah Melayu masih dalam fasa-fasa awal kemerdekaan (*The Australian Women Weekly*, 21 Januari 1959).

Rajah 10: Majalah *The Australian Women Weekly* menyatakan Salmah bin Ismail @ Saloma Merupakan Tarikan Utama Apabila Berkunjung ke Singapura dan Tanah Melayu



Sumber: *The Australian Women Weekly*, 21 Januari 1959



Selain akhbar luar negara, akhbar-akhbar barat yang dimiliki oleh penjajah di Tanah Melayu seperti *The Straits Times* dilihat tidak ketinggalan dalam menyiarkan laporan berkenaan Saloma ketika zaman kegemilangannya. Laporan-laporan berita mengenai Saloma oleh akhbar ini wajar dianalisis dalam sebuah penyelidikan yang baharu ekoran akhbar ini mempunyai strategi tertentu dalam mengangkat Saloma sebagai produk penjajah. Secara keseluruhannya, *The Straits Times* meletakkan Saloma pada posisi sebagai seorang penyanyi yang mempunyai suara merdu; wanita Melayu moden yang mempunyai hubungan dengan jejak Inggeris; eksploitasi gender (wanita) dalam akhbar apabila memperlihatkan wanita dilaporkan dengan stereotaip tertentu; isteri kepada P. Ramlee; pencapaian di luar negara; penyanyi di kelab malam; dan mengangkat Saloma sebagai Marilyn Monroe Malaya (*The Straits Times*, 1954-1957). Malah, Marlon Brando yang merupakan seorang pengarah, aktivis filem dan pengarah filem yang berpengaruh di Amerika Syarikat turut mengelarkan Saloma sebagai "*Marilyn Monroe of The East*" (Zamrul Amri Zakaria & Hadijah Mohd. Yunus (Ed), 2017). Di sebalik gelaran yang diberikan, timbulnya persoalan siapakah Marilyn Monroe, apakah perkaitan Marilyn Monroe dengan Saloma dan apakah imej yang terdapat di sebalik imej Marilyn Monroe?.

Marilyn Monroe yang lahir pada 1 Jun 1926 merupakan seorang pelakon, model, dan penyanyi terkenal dari Amerika Syarikat pada tahun 1950-an dan awal 1960-an. Di puncak kegemilangan, beliau dilihat sangat memberi impak kepada perkembangan industri muzik dan perfileman di seluruh dunia melalui pencapaian beliau yang dilihat luar biasa berbanding artis sezamannya. Antara lagu beliau yang kekal sehingga kini ialah *I Wanna Be Loved By You, I'm Through With Love, Happy Birthday Mr. President* dan lain-lain lagi. Selain itu, filem-filem yang dilakonkan oleh beliau dilihat turut mencatat kutipan pecah panggung seperti *Niagara, How to Marry a Millionaire, The Seven Year Itch* dan lain-lain lagi. Di sebalik kemasyhuran dan pencapaian yang tiada tolok bandingnya, Marilyn Monroe dilihat turut terkenal dengan imej wanita moden yang seksi dan menjadi salah satu simbol seks paling popular di seluruh dunia pada ketika itu. Malah beliau juga terpalit dengan skandal hubungan terlarang dengan Presiden Amerika Syarikat, John F. Kennedy, ketika zaman kegemilangannya. Pada 4 August 1962, pada usia 36 tahun, Marilyn Monroe didapati meninggal dunia akibat berlebihan dalam pengambilan dos ubat-ubatan (Donald Spoto, 2001).

Rajah 11: Episod Percintaan Saloma dan Ken Davis Sangat Mendapat Perhatian oleh *The Straits Times* Pada Tahun 1956




Sumber: *The Straits Times*, 24 June 1956

Dalam konteks Saloma, akhbar-akhbar milik British telah meletakkan Saloma sebaris dengan Marilyn Monroe. Hal ini boleh dilihat sebagai sebuah penghargaan ke atas pencapaian Saloma yang dilihat luar biasa di Tanah Melayu dan luar negara. Pencapaian beliau bukan sahaja dari segi kemerdekaan suara tetapi penampilan imej wanita moden acuan barat yang kelihatan seksi sehinggakan berjaya menarik perhatian akhbar-akhbar dalam dan luar negara. Namun, tindakan akhbar-akhbar tersebut dalam menyamakan Saloma dengan Marilyn Monroe sebagai simbol seks di Tanah Melayu adalah keterlaluan dan bertentangan dengan imej ketimuran selain menjatuhkan maruah seorang wanita Islam. Hal ini demikian kerana Islam sememangnya melindungi wanita dalam segala hal yang boleh mencemar kehormatannya, menjatuhkan wibawa dan merendahkan martabatnya. Meskipun gelaran yang dinyatakan merupakan penghargaan



media dan tokoh-tokoh barat terhadap Saloma, beliau didapati kurang menyenangkan dengan tindakan pihak yang dinyatakan dalam menyamakan beliau dengan Marilyn Monroe. Saloma telah meminta pihak media yang berpusat di Tanah Melayu tidak lagi menyamakan beliau dengan Marilyn Monroe selepas kemerdekaan Tanah Melayu (*Singapore Standard*, 28 Jun 1958)

Rajah 12: Marilyn Monroe merupakan seorang pelakon, model, dan penyanyi terkenal dari Amerika Syarikat pada tahun 1950-an dan awal 1960-an



Sumber: Spoto, D. 2001. *Marilyn Monroe: The Biography*. Rowman & Littlefield.

### Saloma: Fesyen dan Gaya Hidup

Secara umumnya, Saloma telah menerima gelaran sebagai “Perintis Fesyen Malaya” dan “Ikon Fesyen Retro” ekoran sumbangan beliau dalam memperkasa industri fesyen negara bermula sejak zaman kegemilangannya hingga kini. Penyelidikan ini berpendapat, Saloma sememangnya layak menerima penghargaan yang dinyatakan dan membuktikan bahawa sumbangan Saloma tidak hanya kepada dunia nyanyian semata-mata sebaliknya sumbangan Saloma adalah jauh lebih besar daripada yang dipaparkan atau diperkatakan mengenai beliau selama ini. Antara sebab-musabab Saloma menerima pengiktirafan seperti yang dinyatakan adalah disebabkan kerana beliau dilihat sentiasa menjaga penampilan melalui personaliti yang menarik, menitikberatkan paras rupa apabila bekerja dan sentiasa cakna terhadap perkembangan fesyen semasa. Malah, beliau juga berani menyuntik elemen barat dan timur terhadap busana yang dipakai olehnya ketika beraksi dalam sesuatu filem, persembahan pentas dan imej yang dirakam

oleh media-media sama ada dalam mahupun luar negara. Fesyen-fesyen yang dibawa oleh Saloma ini telah menghubungkan dua budaya yang sering bertentangan sejak sekian lama. Fesyen yang digayakan oleh Saloma dilihat telah menggabungkan konsep fesyen timur dan barat dalam pembentukan imej beliau dan menitikberatkan keseimbangan antara dua aspek tersebut. Meskipun beliau tidak mendapat pendidikan Inggeris secara formal di Tanah Melayu, tetapi melalui pengalaman dan pendedahan beliau dalam mengadakan persembahan di luar negara, maka ternyata pengalaman tersebut telah memberikan ilham kepada beliau dalam penghasilan gaya fesyen ala barat yang disesuaikan dengan adat ketimuran. Hal ini juga menunjukkan bahawa walaupun Saloma dilihat seolah-olah mendukung imperialisme fesyen, beliau sebenarnya tidak mengadaptasi sepenuhnya fesyen barat ke dalam fesyen Melayu. Sebaliknya beliau melihat, menganalisis, mengadaptasi dan menyesuaikan imej yang dinyatakan dengan fesyen tempatan (Zamrul Amri Zakaria & Hadijah Mohd. Yunus (Ed), 2017).

Selain itu, Saloma juga bertanggungjawab atau berperanan penuh dalam membentuk fesyennya yang tersendiri yang merangkumi dari aspek pemilihan fabrik sehingga aspek jahitan dan kekemasan. Secara keseluruhannya, Saloma sangat terkenal dengan kebaya ketat (kebaya moden kontemporari) yang digabungkan dengan pemakaian korset berwarna hitam sebagai pakaian bahagian dalam agar kelihatan lebih anggun dan stylo. Malah, beliau turut menggunakan fabrik yang didatangkan dari luar negara seperti gaun dan blaus yang diperbuat daripada polister. Hal ini demikian kerana Saloma sangat mementingkan kualiti dalam aspek pemakaiannya. Fesyen yang menggabungkan budaya timur dan barat itu sering digayakan oleh Saloma pada zaman kegemilangannya. Pakaian yang mempunyai elemen dua benua tersebut adalah seperti Blous, Kebaya Ketat Kontemporari dan Gaun. Blous pendek ketat yang sarat dengan labuci berwarna kemerahan yang berjahit pada bahagian tangan adalah seberat 126 gram. Manakala kain kapas telah digunakan sebagai asas untuk menghasilkan blous berpotongan leher berbentuk sweetheart. Blous yang dinyatakan ini dikatakan pernah digayakan oleh Saloma dalam filem *Ragam P. Ramlee* pada tahun 1964 ketika adegan Saloma mendendangkan lagu "Hancur Badan Dikandung Tangan". Apabila dibandingkan perincian blous yang digayakan oleh Saloma itu dengan perincian blous dari luar negara, dapat dilihat terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-duanya. Blaus dari barat (baju wanita dengan kancing) kebiasaannya mempunyai butang yang diterbalikkan agar kelihatan berbeza dengan butang baju kemeja lelaki. Hal ini menunjukkan bahawa Saloma tidak menyuntik atau meniru fesyen blous dari barat secara sepenuhnya, tetapi beliau sebaliknya telah menyesuaikan blous tersebut dengan gaya dan idea yang dekat dengan budaya tempatan. Perkara ini menunjukkan bahawa Saloma adalah lebih ke hadapan dalam aspek fesyen dan tindakan beliau yang mendukung imej barat telah memberi implikasi yang besar terhadap perkembangan fesyen di Tanah Melayu (Zamrul Amri Zakaria & Hadijah Mohd. Yunus (Ed), 2017).

Rajah 13: Blous pendek ketat yang sarat dengan labuci kemerahan yang berjahit tangan ini adalah seberat 126 gram dengan kain kapas sebagai fabrik asas pernah digayakan oleh Saloma dalam filem *Ragam P. Ramlee* pada tahun 1964 ketika beliau mendendangkan lagu “Hancur Badan Dikandung Tangan”.



Sumber: Zamrul Amri Zakaria & Hadijah Mohd. Yunus (Ed), 2017. *Saloma: Ikon Fesyen Retro/Retro Fashion Icon*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.

Rajah 14: Blous tanpa lengan antara kegemaran Saloma ketika membuat persembahan



Sumber: Berita Harian, 16 Ogos 2017

<https://origin.bharian.com.my/wanita/fesyen/2017/08/313080/saloma-dapat-jolokan-marilyn-monroe-east>

Di samping itu, Saloma juga turut dilihat telah mengubah suai dan menyuntik busana fesyen tempatan seperti kebaya dengan elemen barat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui Kebaya Kontemporari Ketat yang dilihat menjadi pilihannya ketika itu. Umum mengetahui bahawa kebaya merupakan pakaian tradisi yang memperlihatkan ciri-ciri fesyen wanita Melayu di Tanah Melayu yang telah berevolusi secara berperingkat. Jika dilihat kepada sejarah kebaya ini, dapat dilihat bahawa pakaian ini telah melalui satu proses perkembangan secara berterusan. Dikatakan bahawa baju kebaya sebenarnya berasal dari Tanah Arab dan baju ini telah berasimilasi dengan persekitaran di Tanah Melayu. Saloma secara kreatif telah memberi nilai tambah kepada fesyen baju kebaya apabila beliau melakukan pengubahsuaian dalam rekaan baju kebaya mengikut acuannya yang tersendiri. Kebaya ketat kontemporari yang dihasilkannya adalah daripada material cetakan polyester dengan rona biru terang bermotifkan jambangan bunga berwarna merah jambu. Kebaya ini mempunyai potongan leher berbentuk bulat pada bahagian hadapan, manakala potongan berbentuk V pada bahagian belakang. Rekaan zip pada bahagian belakang dengan bukaan bawah ke atas adalah merupakan daya tarikan utama kebaya ini. Kemasan kebaya ini dilihat melalui jahitan sembat tangan (Zamrul Amri Zakaria & Hadijah Mohd. Yunus (Ed), 2017). Saloma telah memadankan baju kebaya ini dengan kain batik lepas era 1950-an sehingga 1960-an. Secara jelasnya sumbangan Saloma dalam fesyen negara dilihat berada dalam kelasnya yang tersendiri dan telah menjadi ilham kepada pereka fesyen pada masa kini. Malah Dato' Seri Siti Nurhaliza turut mengembalikan nostalgia dan memori indah gaya penampilan klasik Saloma melalui persembahan konsert khas beliau bagi mengenang sumbangan P.Ramlee dan Saloma kepada industri seni tanah air ketika Konsert Istana Cinta, Nostalgia Tan Sri Dr. P.Ramlee & Puan Sri Saloma oleh Dato' Siti Nurhaliza pada tahun 2007. Walaupun fesyen yang diperkenalkan oleh Saloma mempunyai ciri-ciri imperialisme barat, namun pengekalannya corak dan gaya fesyen tempatan menunjukkan bahawa pengaruh tempatan tidak dapat dibuang sepenuhnya oleh penjajah British. Sehubungan itu, Saloma telah diiktiraf sebagai ikon fesyen negara.



Rajah 15: Konsert Istana Cinta, Nostalgia Tan Sri Dr. P. Ramlee & Puan Sri Saloma oleh Dato' Siti Nurhaliza pada tahun 2007



Sumber: Siti Nurhaliza Production Sdn. Bhd

Jelaslah bahawa fesyen-fesyen yang dibincangkan tadi telah membentuk gaya hidup Saloma yang lebih moden, *stylish* dan *trendy*. Saloma sememangnya mempunyai gaya hidup yang moden dan lebih kebaratan. Hal ini demikian kerana Saloma telah terpengaruh dengan imperialisme budaya yang telah memberi impak yang agak besar pada ketika beliau di puncak kegemilangannya. Dapat dilihat bahawa gaya hidup Saloma adalah lebih terhadap. Malah, media-media di Tanah Melayu sering memaparkan imej Saloma yang gemar menyarung busana yang seksi seperti artis-artis barat pada ketika itu. Tidak dapat dinafikan bahawa gaya hidup yang diamalkan oleh Saloma sememangnya bertentangan dengan norma-norma kehidupan orang Melayu di Tanah Melayu sehingga menyebabkan masyarakat tempatan menganggap orang seni seperti Saloma tidak bermoral ekoran tidak menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat (Hamzah Hussin, 2004).

Bagi masyarakat Melayu, penglibatan Saloma dalam bidang seni seolah-olah 'menjual dirinya' dan meletakkan maruah seorang wanita pada peringkat yang paling bawah. Hal ini dilihat bertentangan dengan norma kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu kerana seolah-olah Saloma dilihat terkeluar daripada landasan yang dibentuk oleh masyarakat Melayu sejak sekian lama. Masyarakat Melayu misalnya telah meletakkan wanita di dalam ruangan domestik. Bagi masyarakat Melayu, anak perempuan merupakan satu bebanan berbanding anak lelaki yang membawa nama keluarga. Wanita Melayu dilihat terkenal dengan kesopanan dan kesusilaan, serta pakaian mereka adalah menepati adat dan budaya ketimuran. Malah terdapat wanita yang melibatkan diri dalam sektor ekonomi seperti perniagaan dan perdagangan. Namun begitu, masyarakat tetap meletakkan wanita di belakang lelaki yang perlu dilindungi daripada paparan umum. Penglibatan Saloma sebagai anak seni dilihat tidak menepati norma budaya Melayu seperti yang dinyatakan tadi. Tindakan Saloma yang berpakaian seksi dalam filem dan majalah dilihat sebagai sebagai satu tindakan yang tidak bermoral oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu (Ruhana Padzil, 2017).

Rajah 16: Saloma Gemar Berpakaian Seksi Sepanjang Zaman Kegemilangannya



Sumber: National Museum of Singapore

Rajah 17: Salmah binti Ismail @ Saloma memakai baju mandi ketika berkelah pada hari raya Cina, 1956



Sumber: Majalah Bintang, 21 Mac 1956

Rajah 16 dan 17 menunjukkan imej Saloma yang berpakaian seksi dan imej ini dilihat lebih kebaratan berbanding wanita-wanita Melayu tempatan pada ketika itu. Situasi ini menunjukkan bahawa Saloma telah mengadaptasi gaya kehidupan ala barat dalam kehidupannya. Penyelidikan ini melihat kecenderungan Saloma ke arah budaya kebaratan adalah bertujuan untuk kesinambungan dan kelancaran karier beliau sebagai anak seni yang terkenal pada era penjajahan British di Tanah Melayu. Penyelidikan ini juga melihat tindakan



Saloma yang mengamalkan gaya hidup moden adalah bertujuan untuk memperkenalkan gaya hidup ideal dalam kehidupan seperti yang ditekankan oleh masyarakat barat. Dikatakan bahawa pengamalan kehidupan yang moden dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan lebih berdaya saing sekali gus masyarakat dilihat lebih cakna dengan perkembangan semasa. Situasi ini menunjukkan bahawa Saloma antara pelopor kepada gaya hidup yang moden di Tanah Melayu yang dilihat telah diikuti oleh anak seni dan masyarakat di Tanah Melayu selepas itu.

### **Kesimpulan**

Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa sememangnya Saloma telah membawa imej imperialisme yang sangat dominan dalam bidang seni di Tanah Melayu melalui imperialisme muzik, imperialisme media dan imperialisme budaya. Penemuan ini juga dilihat memberi sumbangan besar kepada bidang sejarah negara kita dan juga rumpun Melayu dengan menonjolkan sumbangan anak seni iaitu Saloma yang sememangnya telah memberi impak kepada pembangunan peradaban negara ini. Kejayaan Saloma dalam membawa imej imperialisme dalam perjalanan karier beliau telah menyebabkan beliau begitu terkenal sebagai tokoh seni dan tokoh wanita yang berjaya pada ketika itu. Malah, kejayaan yang dicapai oleh Saloma pada era sebelum kemerdekaan tanah air adalah datang daripada hasil usahanya sendiri dan bukannya menumpang populariti P. Ramlee. Penulisan ini mampu dijadikan panduan bagi mengetengahkan peranan dan sumbangan anak seni yang dilihat kurang disedari dalam peradaban dan sejarah tanah air. Malah sehingga kini, penulisan berkaitan imperialisme di Tanah Melayu dilihat tidak menyedari bahawa penjajah British sebenarnya telah menjadikan bidang seni di Tanah Melayu sebagai satu platform untuk melaksanakan dasar dan polisi imperialisme baharu di Tanah Melayu. Penyelidikan ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya penulisan sejarah negara kita seharusnya dinilai dan dikaji semula iaitu dengan tidak mengabaikan peranan dan sumbangan anak seni seperti Saloma sebagai tokoh penting kepada peradaban negara pada era penjajahan.

### **RUJUKAN**

Samad, A.F. (2012). *Saloma*. Bangi: AF Cendana Publications.

Hussin, H. (2014). *Memoir Hamzah Hussin Dari Keris Film ke Studio Merdeka*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Abdullah, M. F., Sharif, M. S. A. M., Hussain, N., & Abd Wahab, N. (2021). Di Sebalik Isu Natrah, 1950: Reaksi Pembaca The Straits Times terhadap Tragedi Natrah: Behind the Issue of Natrah, 1950: The Straits Times Reader's Reaction to the Natrah Tragedy. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 47-64.

Nicholson, S. 2014. *Ella Fitzgerald: A Biography Of The First Lady Of Jazz*. Routledge.

Nur Fardilla Nadia, A. B. (2018). *Mengkaji Stail Nyanyian Saloma Daripada Perspektif Teknik*

*Vokal Klasikal Barat: Penggunaan Vokal Register.* Thesis Ph.D. Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Univeristi Malaya

Richards, J. 2017. *Imperialism And Music: Britain 1876–1953.* Manchester: Manchester University Press.

Padzil, R. (2017). *Perjuangan Wanita Dalam Aktivisme Sosial Dan Nasionalisme di Tanah Melayu, 1929-1957.* Tesis Ph.D, Rancangan Pengajian Gemder, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: University Malaya.

Spoto, D. 2001. *Marilyn Monroe: The Biography.* Lanham, Maryland: Rowman & Littlefield.

Springhalt, J. O. (Ed). 2017. 'Up Guards and At them!': British Imperialism And Popular Art, 1880–1914. In *Imperialism and Popular Culture.* Manchester: Manchester University Press.

Tomlinson, J. 2001. *Cultural imperialism: A critical introduction.* Edinburgh: A&C Black.

Zakaria, Z. A. & Yunus, HM. (Ed). (2017). *Saloma: Ikon Fesyen Retro /Retro Fashion Icon.* Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.

## PEMIKIRAN DALAM NOVEL BIMASAKTI MENARI BERDASARKAN TEORI SPB4K

Rohayati Junaidi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

[rohayati@fbk.upsi.edu.my](mailto:rohayati@fbk.upsi.edu.my)

**Abstrak:** Karya sastera merupakan salah satu saluran untuk penulis menerapkan pelbagai aspek pemikiran yang mampu memberi manfaat dan ilmu kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek pemikiran penulis dalam novel *Bimasakti Menari*, (2015) karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Novel tersebut merupakan teks komponen sastera (KOMSAS) Tingkatan 5 bagi zon Negeri Melaka, Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Aspek pemikiran dalam novel tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Teori Sistem Pemikiran bersepadu 4L (SPB4K) oleh Mohd Yusof Hasan, (2012) diaplikasikan dalam menganalisis aspek pemikiran dalam teks tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis menerapkan aspek pemikiran kesaintifikan, kekreatifan, kebitaraan dan kerohanian dalam teks terpilih melalui watak dan perwatakan tokoh dalam karya. Kesimpulannya, karya sastera yang dipilih sebagai teks KOMSAS sarat dengan pelbagai pemikiran yang tercetus dari idea dan kreativiti penulis sebagai wadah menyalurkan maklumat dan ilmu kepada pembaca.

**Kata kunci:** Pemikiran; *Bimasakti Menari*; Teori SPB4K, KOMSAS

### PENDAHULUAN

Karya sastera merupakan salah satu medium yang dapat digunakan oleh penulis untuk menerapkan idea atau gagasan berkaitan pelbagai perkara yang memberi ilmu dan bermanfaat kepada masyarakat. Bahan-bahan sedemikian harus berupaya mengetengahkan pemikiran baru, memberi ruang penjana berfikir secara kritis dan global serta kreatif ke arah pembinaan warga yang matang dan bijaksana (Farra Humairah & Nik Rafidah, 2016). Othman Puteh, (2010, hlm. 95) pula menyatakan bahawa pemikiran ialah teras tamadun sesuatu bangsa iaitu menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan menganalisis diri. Oleh hal yang demikian, melalui karya sastera dapat dilihat pemikiran pengarang berkaitan pelbagai aspek kehidupan yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Aspek pemikiran tersebut diterjemahkan dalam bentuk penceritaan yang direalisasikan oleh watak dan perwatakan.

Sehubungan dengan itu, teks komsas dianalisis kerana idea dan gagasan yang terkandung di dalamnya pelbagai aspek pemikiran pengarang yang memberi ilmu kepada pembaca. Menurut Hasrina & Nordiana, (2017), teks komsas dapat menjana dan memperkembang kemahiran pelajar dalam bidang estetik. Oleh hal yang demikian, pihak

Pusat Perkembangan Kurikulum boleh mempertimbangkan teks-teks sastera yang bermutu dari aspek penggunaan gaya bahasa sebagai satu daripada kriteria pemilihan novel yang akan diangkat sebagai teks komsas pada masa akan datang. Selain daripada aspek gaya bahasa, aspek pemikiran pengarang juga perlu diambil kira dalam pemilihan teks komsas. Justeru, kajian ini akan menganalisis aspek pemikiran pengarang dalam novel *Bimasakti Menari*, (2015) karya Sri Rahayu Mohd Yusop dengan menggunakan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan, (2012). Novel *Bimasakti Menari* (2015) merupakan sebuah karya teks komsas yang dipelajari oleh pelajar Tingkatan 5 bagi zon Negeri Melaka, Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Novel tersebut sarat dengan pelbagai aspek pemikiran yang bermanfaat berkaitan sains dan teknologi yang dapat memberi ilmu pengetahuan yang berguna kepada para pelajar.

### **SOROTAN LITERATUR**

Kajian lepas berkaitan aspek pemikiran dalam karya sastera telah banyak dilakukan oleh para pengkaji. Antaranya, Nor Huda & Norazimah, (2018) mengkaji pemikiran tokoh Puteri Sa'dung dalam teks histografi *Hikayat Seri Kelantan* menggunakan Teori SPB4K. Dapatan kajian menunjukkan watak Puteri Sa'dung diterapkan dengan pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran saintifi dan pemikiran kreatif. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan keistimewaan tokoh dari segi hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia serta kemahiran tokoh menyelesaikan masalah. Farra Humairah & Nik Rafidah, (2016) membincangkan pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak terpilih dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Kajian mendapati bahawa pengarang menerapkan unsur pemikiran kerohanian yang memberi kesan positif kepada kanak-kanak.

Seterusnya, Norazimah, Naffi Mat, Hasrina & Minah, (2016) mengkaji unsur pemikiran kreatif yang terdapat dalam pantang larang, peribahasa dan Sejarah Melayu serta menghuraikan peranan unsur pemikiran kreatif terhadap pembentukan sahsiah pelajar dengan menggunakan Teori SPB4K. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur pemikiran yang terdapat dalam teks sastera tulisan dan lisan dapat dianalisis dengan Teori SPB4K. Mahaletchimi Balakrishnan, (2011) menggunakan pemikiran bersepadu 4K untuk mengenal pasti unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam petikan prosa Melayu tradisional komsas. Hasil kajian menunjukkan bahawa prosa Melayu tradisional dapat menjana pemikiran pembaca untuk membuat pertimbangan, perhitungan, penelitian, pendapat dan berupaya menggunakan akal fikiran untuk menyelesaikan masalah. Kajian juga membuktikan bahawa petikan prosa Melayu tradisional mampu menyemai nilai-nilai murni melalui pemaparan dalam karya sastera sekali gus pemikiran yang terdapat dalam prosa tradisional ini bertepatan dengan pendidikan kanak-kanak dan remaja.

Siti Khariah & Norol Nizam, (2011) meneliti aspek pemikiran pengarang dalam Novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan teori SPB4K sesuai untuk mengkaji kesepaduan dan keseimbangan nilai yang perlu ada pada diri seseorang manusia. Kajian ini juga membuktikan bahawa pemikiran pengarang, teknik kepengarangan atau aspek gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menghidupkan cerita bersesuaian sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Keempat-empat pemikiran teori SPB4K dapat dilihat melalui watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut. Oleh hal yang demikian, pengaplikasian teori SBP4K sesuai untuk menganalisis karya sastera.

Bertitik tolak daripada kajian-kajian lepas yang menganalisis aspek pemikiran dalam karya memperlihatkan bahawa karya sastera sarat dengan pelbagai pemikiran yang berguna kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pengarang dalam novel *Bimasakti Menari* (2015) dengan menggunakan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan, (2012).

### PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertitik-tolak daripada pernyataan yang telah diutarakan Farra Humairah, Nordiana, Hasrina, Nik Rafidah & Nur Farahkhanna, (2020, hlm.103) berikut:

Pemikiran dalam karya sastera kebanyakannya lebih memfokuskan kepada karya sastera dewasa berbanding dengan karya sastera kanak-kanak.

Berdasarkan pernyataan tersebut, menunjukkan bahawa aspek pemikiran dalam karya sastera kanak-kanak belum banyak dilakukan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, kajian aspek pemikiran perlu diperbanyakkan supaya idea dan gagasan penulis dalam karya sastera dapat diperjelaskan kepada pembaca dan menunjukkan bahawa karya sastera sarat dengan pelbagai pemikiran yang bermaklumat dan bermanfaat.

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- i. Menenal pasti pemikiran penulis dalam novel kanak-kanak terpilih.
- ii. Menganalisis pemikiran penulis dalam novel kanak-kanak terpilih menggunakan Teori SPB4K.

### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks, iaitu pembacaan secara teliti yang dilakukan terhadap teks, diikuti dengan pemilihan pemikiran yang dijadikan fokus kajian.

Pemikiran yang diterapkan oleh penulis dalam novel dianalisis dengan menggunakan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan.

### **TEORI SPB4K OLEH MOHD YUSOF HASAN**

Gagasan Teori SPB4K telah diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan pada tahun 2012. Pemikiran yang disampaikan melalui sesebuah karya sama ada puisi atau prosa merupakan cerminan pemikiran sesuatu bangsa atau masyarakat. Bagi meneliti konsep “pemikiran” sesebuah karya, teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) dirasakan sesuai diaplikasikan untuk meneliti pelbagai aspek dalaman dan luaran karya tersebut. Melalui teori SPB4K, sesebuah karya dapat dikaji melalui pendekatan intrinsik, iaitu mengkaji aspek dalaman sesebuah karya seperti tema dan persoalan, perwatakan atau manusia, latar atau situasi dan teknik, serta stail atau gaya bahasa. Aspek luaran sesebuah karya atau dikenali sebagai pendekatan ekstrinsik pula dapat dikaji dari sudut falsafah dan kepercayaan, psikologi dan kemanusiaan, sejarah dan kemasyarakatan, serta aspek estetika atau keindahan bahasa.

Unsur terpenting yang dikemukakan dalam teori ini ialah empat jenis pemikiran, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Kaedah intrinsik karya sastera boleh ditinjau dari aspek tema dan persoalan melalui pemikiran kerohanian; aspek perwatakan manusia melalui pemikiran kebitaraan; aspek latar atau situasi melalui pemikiran kesaintifikan; dan aspek stail atau gaya bahasa melalui pemikiran kekreatifan. Seterusnya, kaedah ekstrinsik karya sastera boleh dikaji dari aspek falsafah dan kepercayaan melalui pemikiran kerohanian; aspek psikologi dan kemanusiaan melalui pemikiran kebitaraan; aspek sejarah dan kemasyarakatan melalui pemikiran kesaintifikan, dan aspek estetika atau keindahan bahasa melalui pemikiran kekreatifan. Pengkajian karya sastera dengan mengaplikasikan teori SPB4K melalui kaedah intrinsik dan ekstrinsik dijelaskan seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

*Jadual 1: Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan*

<b>Jenis Pemikiran dalam Teori SPB4K</b>	<b>Kaedah Intrinsik (Dalaman)</b>	<b>Kaedah Ekstrinsik (Luaran)</b>
<b>Pemikiran kerohanian</b>	Tema dan persoalan	Falsafah dan kepercayaan
<b>Pemikiran kebitaraan</b>	Perwatakan manusia	Psikologi dan kemanusiaan
<b>Pemikiran kesaintifikan</b>	Latar atau situasi	Sejarah dan kemasyarakatan



<b>Pemikiran kreatififan</b>	Stail atau gaya bahasa	Estetika atau keindahan bahasa
------------------------------	------------------------	--------------------------------

### **Pemikiran Kerohanian**

Pemikiran kerohanian ialah pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2012, hlm.32) dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Tuhan. Pemikiran kerohanian ini berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Dalam konteks agama Islam, pemikiran kerohanian menunjukkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal dan horizontal. Hubungan manusia secara vertikal ialah manusia sebagai hamba sekaligus sebagai khalifah yang berhubungan secara terus dengan Tuhan. Seterusnya, hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

### **Pemikiran kebitaraan**

Pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang melibatkan kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kelestarian dan kepandaian. Pemikiran kebitaraan ini hanya khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat dalam menyelesaikan sesuatu konflik supaya menjadi pengajaran kepada pembaca.

### **Pemikiran kesaintifikan**

Pemikiran kesaintifikan ialah pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Pertuturan, pembacaan dan pendengaran manusia harus menggunakan ilmu logik. Logik merupakan proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea dan fakta. Sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan perlu mengemukakan latar belakang yang benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

### **Pemikiran Kekreatifan**

Pemikiran kreatififan ialah pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Dalam pemikiran kreatififan, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara mengembangkan dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan

mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Dalam sesebuah karya, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran kekreatifan seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi.

### **DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

#### **Pemikiran Kerohanian dalam Novel *Bimasakti Menari***

Pemikiran kerohanian ialah pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya (Mohd. Yusof Hasan, 2012, hlm.32). Berdasarkan novel *Bimasakti Menari*, (2015), pengarang memasukkan pemikiran kerohanian melalui ungkapan-ungkapan yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Maha Pencipta. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

Hal ini kerana ilmuwan Islam menganggap ilmu falak adalah sebagai ilmu yang terpisah daripada tanggapan dan emosi manusia. Ilmuwan Islam percaya bahawa alam semesta hanya diperintah oleh satu undang-undang, iaitu undang-undang keesaan dan kekuasaan Tuhan. Putaran planet pada orbitnya, cahaya dan tenaga beroperasi di bawah undang-undang keesaan dan kekuasaan Tuhan. Undang-undang ini tiada kaitan langsung dengan kepercayaan karut atau emosi manusia. (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm.6 &7)

Nabi Muhammad SAW telah bersabda, gerhana matahari ialah suatu kejadian alam dan tiada kena mengena dengan kematian dan kelahiran seseorang manusia (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm.7)

Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan bahawa segala bentuk kekuasaan dan kebesaran di dunia tidak mampu menandingi kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Pengarang menerapkan pemikiran kerohanian dalam teks komsas *Bimasakti Menari* (2015) secara tidak langsung dapat mendidik pembaca khususnya para pelajar yang mempelajari teks komsas tersebut berkaitan nilai-nilai ketakwaan dan keagungan Allah SWT. Pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang berkait rapat hubungan manusia dengan dengan Tuhan iaitu mengagumi kebesaran Allah SWT dan semua tidak ada yang lebih berkuasa daripada Allah SWT. Farra Humairah & Nik Rafidah (2016, hlm.37) menyatakan bahawa pengolahan aspek pemikiran kerohanian dalam pengkaryaan menjadi tunjang kepada pandangan pembaca terhadap kewujudan kreativiti penulis terhadap karyanya.

#### **Pemikiran kebitaraan dalam Novel *Bimasakti Menari***

Pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat dalam

menyelesaikan sesuatu konflik supaya menjadi pengajaran kepada pembaca (Mohd Yusof Hasan, 2012). Pengarang menerapkan pemikiran kebitaraan melalui watak utama dalam karya, iaitu Nurul Hafsa. Nurul Hafsa digambarkan sebagai seorang wanita yang bijaksana dan telah melanjutkan pelajaran di Universiti Jordan dalam bidang fizik dan kaji falak. Kebijaksanaan Nurul Hafsa diserlahkan lagi oleh pengarang apabila beliau dapat menjawab pertanyaan yang sukar daripada pelawat yang datang ke Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor untuk melihat buruj Orion.

Hal ini bukannya tentang mahu menggerakkan bintang-bintang. Bintang-bintang memang sedia ada di langit. Hanya mata manusia sahaja yang tidak dapat melihat. Pelik bukan? Sedikit cahaya membuka deria kita. Terlalu banyak cahaya pula menutup deria kita. Begitu Tuhan mencipta deria manusia dengan penuh keterhadan agar kita tidak leka dengan apa-apa yang dapat dilihat oleh deria (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm.11)

Watak Nurul Hafsa telah berjaya menjawab pertanyaan Puan Wickham berkaitan bagaimana seorang manusia dapat menggerakkan bintang agar kembali semula dapat dilihat di Balai Cerap Sultan Salahuddin yang merupakan tempat untuk melihat bintang-bintang di langit. Secara tidak langsung, penerapan pemikiran kebitaraan pada watak utama merupakan salah satu usaha yang dapat menjadi pedoman dan motivasi kepada pembaca untuk berjaya dalam kehidupan. Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan, (2016) menjelaskan bahawa aspek pemikiran akan memberi informasi dan impak yang baik kepada pembaca.


### **Pemikiran Kekreatifan dalam Novel *Bimasakti Menari***

Pemikiran kekreatifan ialah menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi dengan cara mengembangkan dan menggunakan kreativiti dalam menyampaikan idea-idea yang menarik dan bermanfaat (Mohd Yusof Hasan, 2012). Kekreatifan berkait rapat dengan proses penciptaan yang melibatkan idea dan bagaimana pengarang menyampaikan penulisannya. Berdasarkan novel *Bimasakti Menari* (2015) memaparkan kekreatifan pengarang menggabungkan ciri-ciri tradisional dan moden dalam binaan bangunan yang dicipta oleh watak Muhammad Taufik.

Dia mendongak dan mendapati bumbung ala limas itu dilengkapi dengan panel fotovoltan keseluruhannya. Panel-panel itu terdiri daripada semikonduktor silikon. (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm. 58)

Pengarang telah menerapkan pemikiran kekreatifan pelukisan bangunan tersebut dengan terperinci dengan penyatuan elemen tradisional dan moden secara rinci sehingga gambaran bangunan tersebut seolah-olah dapat diterjemahkan dalam bentuk lukisan. Selain itu, kekreatifan pengarang turut dikesan apabila pengarang menggambarkan Taman bandar Raya Hijau Kuala Lumpur dengan mengaitkan empat sungai di dalam

syurga firdaus menjadikan keindahan yang begitu memukau. Selain itu, gambaran tersebut dipaparkan melalui lukisan dalam karya.



*Rajah 1: Taman bandar Raya Hijau Kuala Lumpur (Bimasakti Menari, 2015, hlm.66)*

Berdasarkan pemaparan lukisan Taman bandar Raya Hijau Kuala Lumpur yang dipaparkan dalam novel menunjukkan idea kreatif pengarang dalam menterjemahkan idea dan penulisannya. Hal ini kerana, gambar penting untuk memberikan makna dan menjelaskan teks atau idea pengarang supaya memberi kefahaman dan menarik perhatian pembaca sekaligus menunjukkan kebijaksanaan akal pengarang memperlihatkan sesuatu idea dan gagasan secara menyeluruh.

### **Pemikiran Kesaintifikan dalam Novel Bimasakti Menari**

Pemikiran kesaintifikan ialah pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka (Mohd Yusof Hasan, 2012). Hal ini menjelaskan bahawa pengarang menerapkan pemikiran yang bersifat logik, objektif, saintifik, berfakta, berangka, tersurat, konkrit yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta serta angka (Siti Khariah & Nur Aisyah, 2015). Berdasarkan analisis kajian menunjukkan bahawa pemikiran kesaintifikan dalam novel *Bimasakti Menari* (2015) ditonjolkan oleh pengarang melalui ilmu-ilmu berkaitan buruj dan Skala Langit Gelap Bortle yang diterangkan dengan rinci seperti di bawah:

Menurut peta langit yang menjadi pendamping setia, mereka sepatutnya boleh melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar tanpa sebarang bantuan alat pencerap. Buruj Orion ialah buruj yang boleh dilihat dari mana-mana tempat di seluruh dunia. Sepatutnya, buruj Orion dianggotai oleh tujuh jujuk bintang. Namun, yang boleh dilihat hanyalah bintang Betelgeuse dan Alnitak. (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm.3)

Adakah adik-adik semua tahu bahawa nama bintang-bintang dalam buruj Orion iaitu Betelgeuse, Rigel, Saiph, Alnitak, Mintaka, Alnilam, dan Bellatrix diambil daripada perkataan Arab? Hal ini kerana tamadun Islam dari Timur Tengah ialah penyumbang besar kepada khazanah pengetahuan ilmu falak. (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm.5)

Budiman mendapati yang Nurul Hafsa sedang menggunakan Skala Langit Gelap Bortle untuk menilai masalah kecerahan langit melampau yang kini dialami Kuala Selangor. Skala Langit Gelap Bortle ialah skala dengan sembilan nombor yang mengukur kecerahan langit dan kejelasan objek di langit yang boleh dilihat oleh mata kasar di sesuatu tempat. Skala ini dicipta oleh John E. Bortle, seorang ketua balai bomba yang telah bersara dan seterusnya menjadi seorang kolumnis majalah astronomi amatur (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm. 32)

Petikan di atas menunjukkan watak Nurul Hafsa telah menerangkan kepada para pelawat berkaitan buruj dengan panjang lebar dan terperinci. Selain itu, penggunaan Skala Langit Gelap Bortle turut dijelaskan dengan detail sehingga memberikan ilmu tambahan kepada para pembaca. Hal ini menunjukkan pengarang menerapkan pemikiran kesaintifikan dalam karya dengan baik melalui watak utama. Selain itu, penulis menerapkan pemikiran kesaintifikan dengan menjelaskan perihal berkaitan sistem kumbahan yang menggunakan sistem teknologi yang canggih dan selamat. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Cara terbaik untuk tidak menggunakan grid kumbahan awam adalah dengan memasang satu sistem kumbahan sendiri. Sistem kumbahan terdiri daripada satu tangki besi konkrit bawah tanah yang mengumpulkan dan melepaskan cecair kumbahan rumah. Pada permulaannya, bakteria-bakteria di dalam tangki menguraikan bahan kumbahan. Bahan ini terpisah secara semula jadi kepada lapisan atas yang berminyak dan bersaki-baki pepejal yang kecil, lapisan pejal di bawah dan lapisan tengah yang berair... (*Bimasakti Menari*, 2015, hlm. 59).

Berdasarkan petikan di atas memaparkan pemikiran saintifik pengarang dengan idea sistem kumbahan yang berteknologi dan mesra alam. Idea sistem kumbahan tersebut diperjelaskan oleh pengarang secara rinci. Pengarang telah menonjolkan satu bentuk ciptaan sains teknologi yang belum pernah dicipta dalam dunia sebenar. Dengan pemaparan ciptaan yang canggih, moden dan mesra alam sekitar dapat memberi idea dan ilmu kepada pembaca khususnya para pelajar di sekolah yang mempelajari teks komsas.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pemikiran yang terkandung dalam novel *Bimasakti Menari*, (2015) dilihat menerusi watak utama dan idea-idea yang dibangunkan dalam karya boleh dijadikan contoh dan tauladan yang berguna kepada pembaca pada masa kini. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa novel *Bimasakti Menari*, (2015) sarat dengan pelbagai aspek pemikiran seperti mana yang terdapat dalam Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan, (2012). Namun aspek pemikiran kesaintifikian yang paling dominan dipaparkan dalam teks. Penulis banyak menjelaskan aspek-aspek saintifik yang menjadi pemikiran penulis khususnya berkaitan ilmu sains merangkumi ilmu falak, pencemaran alam sekitar dan kecanggihan sains teknologi yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan untuk kelangsungan hidup, namun tidak mengabaikan keharmonian alam sekitar.

## RUJUKAN

- Mohd, F. H., & Affendi, N. R. N. M. (2016). Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan positif kepada Kanak-kanak. *PENDETA*, 7, 35-51.
- Baharum, H., & Hamzah, N. (2017). Teks KOMSAS sebagai Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Peribahasa Melayu Melalui Pendekatan Kontekstual. In *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL)* (pp. 151-165).
- Balakrishnan. M. (2010). Pemikiran bersepadu dalam prosa Melayu tradisional komsas. Tesis PHD Sastera Melayu. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Putra Malaysia.
- Hasan, M. Y. (2004). *Pembinaan paradigma pemikiran peradaban Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Hasan, M. Y. (2012). *Pembinaan paradigma pemikiran peradaban Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Zakaria, N., Mat, N., Baharum, H., & Sintian, M. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisi melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. *Educatum—Journal of Social Science*, 2(1), 67-74.
- Razali, N. H. A., & Zakaria, N. (2018). Pemikiran Puteri Sa'dung dalam Hikayat Seri Kelantan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1), 70-87.
- Kelantan, O. (1997). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Mahfood, S. Z. (2018). Kedudukan politik dan sosioekonomi masyarakat Melayu dalam akhbar dan majalah terbitan negeri Johor sebelum perang dunia kedua. Thesis Ph.D. Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia.

Norol, S. K. M. Z., & bin Sarkawi, N. (2011). Pemikiran pengarang dalam novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdu Rashid. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 17, 147-169.

Zubir, S. K. B. M., & Abdullah, N. A. B. (2014). Pemikiran Khadijah Hashim dalam novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk membangunkan sahsiah belia. *PENDETA*, 5, 145-174.

**KEISTIMEWAAN SENIBINA RUMAH DATO' HAJI AHMAD MAHER SEBAGAI  
KHAZANAH WARISAN YANG PERLU DIPELIHARA**

*Farrah Atikah Saari, Mohamad Rahimi Akmal Mat Hassan, Siti Nur Anis Muhammad  
Apandi, Sahrudin Mohamed Som*

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

*atikah.s@umk.edu.my*

**Abstrak:**Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Keistimewaan Senibina Rumah Dato’ Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara”. Dato’ Haji Ahmad Maher merupakan bekas Mufti ke-7 Kelantan yang memegang jawatan pada tahun 1945 hingga 1968. Kediaman bekas mufti ini dibina selepas era Kolonial British di Tanah Melayu dan lokasinya di Kota Bharu. Objektif kajian adalah bagi mengenal pasti sejarah dan keistimewaan pengaruh seni bina rumah Dato’ Haji Ahmad Maher. Kaedah pemerhatian dan temuramah digunakan bagi melengkapkan data kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa rumah tersebut mempunyai sejarah yang cukup unik. Pembinaan rumah melibatkan kepakaran daripada luar seperti pemasangan bumbung atap singgora yang melibatkan petukang mahir daripada Pattani dan atap singgora berkenaan ditempah khas daripada Songkhla, Thailand. Manakala, pembinaan beberapa struktur berukir melibatkan petukang Melayu dari Besut, Terengganu. Pengaruh seni bina tradisional Melayu pula dapat dilihat melalui binaan struktur bumbung, tiang, lantai, dinding dan struktur-struktur lain. Setiap struktur mencerminkan budaya, falsafah hidup dan tamadun masyarakat Melayu. Terdapat juga pengaruh Cina dan Inggeris pada binaan rumah tersebut yang amat menarik. Kesimpulannya, kajian telah memberi kesedaran tentang kepentingan nilai warisan rumah Dato’ Haji Ahmad Maher kepada semua pihak dan langkah pemuliharaan perlu dilaksanakan agar khazanah yang berharga ini dapat diselamatkan untuk tatapan generasi akan datang.

**Kata kunci:** *Dato’ Haji Ahmad Maher, keistimewaan, khazanah warisan, pemeliharaan, rumah, seni bina.*

## **1.0 Pengenalan**

Identiti seni bina di Malaysia mempunyai reka bentuk dan gaya unik yang dipengaruhi oleh budaya tempatan dan budaya asing. Wendy Khadijah Moore (2004), mengatakan bahawa seni bina di Malaysia berkembang mengikut pola pemikiran luar. Pihak penjajah juga bersifat diplomasi terhadap budaya masyarakat Melayu Islam. Sikap ini dapat dilihat dalam menterjemahkan seni bina berdasarkan ruang lingkup pemahaman mereka sendiri tanpa mengkaji dengan mendalam sehingga ke akar umbinya. Misalnya dalam konteks seni bina di negeri Kelantan, bangunan seperti rumah penduduk tempatan dan individu yang berjawatan dalam negeri, pejabat daerah, masjid dan lain-lain juga telah mengalami asimilasi pemikiran reka bentuk yang cuba menampilkan ciri-ciri tempatan. Bagaimanapun, pengaruh luar khususnya

daripada negara penjajah masih sukar untuk dihapuskan sepenuhnya walaupun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Mohd Tajuddin (2014) mengatakan identiti keunikan sesebuah bangunan pada hari ini telah mewarisi bangunan-bangunan yang bercirikan seni bina zaman penjajah atau seni bina kolonial. Misalnya negeri Melaka mengadunkan pengaruh-pengaruh Portugis, Belanda dan Inggeris manakala di negeri Perak pula dipengaruhi oleh senibina kolonial Inggeris. Pengkaji berpendapat bahawa perlunya satu kajian tentang pengaruh seni bina pada rumah yang dibina pada zaman kolonial terutama rumah pemimpin yang disegani masyarakat di Kelantan. Hal ini kerana negeri Kelantan menerima banyak pengaruh luar dari segi sejarah, adat budaya dan seni bina yang dibawa masuk dari negara kolonial. Seni bina ini juga telah sebatikan di dalam jiwa masyarakat tempatan sehingga mereka menganggap keunikan tersebut harus dikekalkan untuk disaksikan oleh generasi masa hadapan. Pemeliharaan juga penting agar warisan ini terus dijaga dan menjadi salah satu khazanah warisan yang menjadi kebanggaan dengan kemegahan rumah tersebut yang pernah dimiliki oleh pemimpin Islam yang disegani sewaktu ketika dahulu.

## 2.0 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Penyelidikan adalah tertumpu kepada rumah bekas Mufti Kelantan yang ke-7 iaitu Dato' Haji Ahmad Maher yang berlokasi di Kampung Wakaf Siku di Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan. Rumah tersebut yang terselindung di belakang sebuah restoran berada di dalam keadaan yang tidak terjaga dan tidak mendapat perhatian orang ramai. Menurut Lindsay (2019), beliau menegaskan bahawa kegagalan memupuk kesedaran di kalangan masyarakat menyebabkan usaha menggembelng aset warisan untuk pelbagai kegunaan semasa menjadi sukar. Menyedari hal ini, rumah tersebut perlu diambil perhatian dan kerja-kerja untuk pemeliharaan diperlukan agar rumah tersebut terus dapat dipelihara. Rumah yang megah dan mempunyai pengaruh seni bina yang menarik melambangkan bahawa jawatan Mufti di Kelantan pada masa tu dipandang tinggi oleh rakyat tempatan. Pelbagai struktur binaan dilihat mempunyai karakter identiti tersendiri. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan berbentuk kualitatif. Creswell (1994) mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrumen pemerhatian dan temubual. Instrumen yang digunakan adalah seperti alat rakaman yang menghasilkan data dalam bentuk gambar, video dan audio. Data kajian yang didapati di lapangan juga dihuraikan secara deskriptif. Beberapa responden telah dikenalpasti bagi membantu pengkaji dalam menjawab persoalan berkaitan dengan penyelenggaraan yang dilaksanakan di bangunan rumah kedai lama. Pengkaji telah menemubual pewaris atau pemilik rumah iri yang dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh binaan ketika era penjajahan terdahulu. Oleh itu, nilai estetika pada bangunan tersebut berpotensi besar untuk dijadikan produk pelancongan berupa galeri, tempat penginapan, dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk memartabatkan kembali nilai warisan ketara yang kian terpinggir ini dengan menyedari bahawa ianya sesuatu yang amat jarang ditemui di era modenisasi ini.

**Rajah 1:** Lokasi Rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Kota Bharu.

(Sumber: Aplikasi *Goggle Maps*)

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Dato' Haji Ahmad Maher, pakar bidang seni bina, pakar bidang konservasi bangunan dan masyarakat yang terdapat di sekitar kawasan kajian.

### 4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dato' Haji Ahmad Maher atau nama penuh beliau ialah Haji Ahmad Maher Bin Haji Ismail Al Azhari Bin Haji Abdul Hamid. Beliau yang berketurunan Melayu jati merupakan anak kepada Haji Ismail Al-Azhari atau Tok Kemuning atau Tok Kemuning Muda. Menurut Hajah Sharifah Alawiyah (2007), Dato' Haji Ahmad Maher dilahirkan pada tahun 1324 Hijriah (1905 Masihi) di Maa'la, Mekah. Dari segi pendidikan, beliau mempunyai ramai tokoh ulama nusantara termasuk Tok Kenali, Tok Khurasan, Haji Yaakob Bin Ahmad dan lain-lain lagi. Menurut Haji Daud al-Ahmadi (2007), bekas Mufti Mesir iaitu Syeikh Muhammad Bakhit telah menggelarnya dengan gelaran "Maher" kerana kemahiran beliau dalam usul feqah. Beliau juga merupakan anak Melayu pertama mendapat Syahadah Alimiyyah (Sijil Tinggi) di Mesir dalam tempoh masa yang singkat. Dato' Haji Ahmad Maher telah dianugerahkan beberapa bintang kebesaran negeri termasuklah digelar "Dato' Kaya Purba", penerima Pingat Darjah Seri Paduka Mahkota Kelantan (SPMK) dan Pingat Darjah Dato' Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (DMK). Beliau kekal menabur jasa sebagai Mufti dari Jun 1941 sehingga ke akhir hayatnya pada 16 Mac 1968, sewaktu berumur 65 tahun..

**Rajah 2:** Allahyarham Dato' Haji Ahmad Maher.  
(Sumber: <http://balaiadat.e-maik.my/index.php/khazanah-balai.html>)

Rumah Dato' Haji Ahmad Maher terletak di Kampung Wakaf Siku daerah Kota Bharu, Kelantan. Rumah tersebut merupakan rumah bekas Mufti Kelantan Ke-7 yang telah dibina pada tahun 1940, setahun sebelum Tanah Melayu melalui zaman Perang Dunia Kedua yang bermula pada tahun 1941. Rumah tinggalan ini mempunyai keluasan sebanyak 701640.41 kaki persegi dan dibina di atas tanah persendirian. Lokasi kedudukan rumah Dato' Haji Ahmad Maher juga terletak di kawasan bandar yang strategik dan menjadi tumpuan oleh masyarakat kerana ia dikelilingi oleh kawasan yang padat seperti kawasan zon perumahan, zon perindustrian, dan zon perniagaan. Rumah tinggalan Dato' Haji Ahmad Maher ini pernah dibawah penjagaan pewaris sebelum terbiar dan kelihatan usang ekoran kekangan masa serta jarak jauh daripada kediaman.

**Rajah 3:** Pandangan Hadapan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.  
(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

**Rajah 4:** Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Yang Terselindung.  
(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Pihak yang terlibat dalam pembinaan awal rumah Dato' Haji Ahmad Maher adalah melibatkan kepakaran dari individu yang datang daripada tempat yang berbeza. Misalnya, pada pembinaan

atau pemasangan struktur bumbung iaitu atap singgora rumah berkenaan melibatkan petukang yang mahir daripada Pattani. Atap singgora berkenaan dikatakan ditempah khas daripada Songkhla (selatan Thailand) kerana pada masa itu sememangnya sukar sekali untuk menemui perusahaan atap singgora khususnya di Kelantan sebelum muncul satu-satunya perusahaan tersebut pada tahun 1960 di Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan yang masih dihasilkan sehingga kini. Di samping itu, pembinaan rumah ini juga melibatkan kepakaran daripada petukang daripada Besut, Terengganu yang melibatkan pembinaan struktur berukir.

Rumah ini jarang didiami oleh Dato' Haji Ahmad Maher sendiri kerana sering kali mempunyai urusan kerja di luar negeri. Setelah kematian beliau pada tahun 1968, rumah berkenaan hanya didiami sementara oleh anak beliau sebelum berpindah ke kediaman yang baharu. Oleh hal yang demikian, rumah berkenaan hanya dibiarkan tanpa berpenghuni walaupun tanah di kawasan rumah tersebut di bawah pusaka adik-beradik daripada arwah isteri Dato' Haji Ahmad Maher yang pertama. Mengenai sejarah pembinaan rumah ini juga, pernah melalui penambahan struktur yang amat berbeza dengan binaan asal pada bahagian belakang yang pernah dijadikan sebagai Pusat Asuhan Tadika (PASTI). Tapak rumah tersebut pernah di dalam perancangan untuk dijadikan tempat penginapan dengan mengekalkan struktur asal tetapi tidak mendapat kelulusan oleh pihak kerajaan negeri pada ketika itu.

### **Ciri-Ciri Pengaruh Seni Bina Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.**

Senibina pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher mempunyai pengaruh Melayu Tradisional serta beberapa pengaruh luar iaitu Inggeris dan Cina. Walaupun sebahagian fasad bangunan telah mengalami beberapa kerosakan dan sukar dikenalpasti pengaruhnya, beberapa ciri tertentu seperti bahan binaan dan reka bentuk masih dengan identiti ketiga-tiga elemen pengaruh.

### **Pengaruh Seni Bina Melayu**

#### *Bumbung Atap Singgora*

**Rajah 5:** Bumbung Atap Singgora.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Senibina Melayu dapat dilihat dengan teknologi pembinaan yang minimalis, ringkas dan mudah menggunakan bahan-bahan alam semulajadi. Pengaruh Melayu boleh dilihat dengan ciri binaan atap atau bumbung yang merupakan salah satu karakter bangunan bersejarah tempatan. Jika dilihat daripada fasad bumbung rumah Dato' Haji Ahmad Maher, kemas yang digunakan adalah bercirikan Melayu iaitu atap genting singgora dan genting bentuk U dan V. Genting Singgora atau atap bata tradisional merupakan jenis kemas yang diperbuat daripada bahan tanah liat dan sangat meluas digunakan hampir kebanyakan rumah-rumah tradisional di Malaysia. Genting singgora mempunyai kelebihan dalam menanggung beban, bersifat estetik, tahan lasak dan lebih tahan lama.

### Pengaruh Seni Bina Inggeris

#### *Ornamen Tiang*

**Rajah 6:** Ornamen Tiang.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Struktur ini merupakan satu unsur susunan seni bina klasik Inggeris yang merujuk kepada pengaruh Yunani daripada unsur kolum Komposit (composite). Dalam seni bina, kolum Komposit adalah gaya lajur yang direka oleh Rom yang menggabungkan ciri-ciri lajur Ionik kuno Yunani dan lajur Korintus. Tiang daripada kolum Komposit mempunyai ukuran yang tinggi dan mempunyai hiasan di bahagian atas. Unsur hiasan bunga dari kapital Komposit digayakan mengikut daun gaya Korintus yang digabungkan dengan reka bentuk tatal (volute) Pengaruh unsur Komposit ini dianggap salah satu susunan unik seni bina klasik bagi orang Yunani di mana bahagian struktur adalah lebih relatif dengan bahagian tubuh manusia.

### Lubang Angin Atas

**Rajah 7:** Struktur Lubang Angin Atas.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Struktur lubang angin atas merupakan sistem pengudaraan bangunan yang mempunyai watak khas dalam bentuk hiasan tebuk tembus. Secara fungsional, lubang angin bukan sahaja sebagai elemen peredaran udara yang merentas rumah (*cross ventilation*) bahkan ia juga menjadi penghias kepada bangunan yang menampakkan unsur flora. Pada era 50-an hingga 60-an, penerapan salur angin konkrit berkembang luas di Tanah Melayu pada kesan penjajahan Barat yang turut mempengaruhi binaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

### Beranda

**Rajah 8:** Beranda.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Beranda adalah lanjutan kecil secara tertutup atau terbuka untuk rumah yang mempunyai asas yang sama dengannya atau bersebelahan dengan ruang masuk utama rumah. Beranda pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher adalah jenis sambungan secara terbuka di mana berfungsi sebagai tempat berehat dan menjadi fasad tambahan kepada rekaan rumah. Struktur bahagian lain seperti penggunaan laminat atau jubin seramik pada serta tiang batu berbentuk botol menunjukkan pengaruh rekaan Eropah. Pembinaan siling beranda juga bersifat kolonial dengan rekaan diperbuat daripada papan berbentuk segi empat sama atau persegi panjang, kosong (*plain*), selain warna yang lembut iaitu putih susu. Rekaan siling diaplikasi kebanyakan rumah di negara Eropah ekoran kesan daripada pengaruh rekaan Renaissance.



### Tingkap

#### **Rajah 9:** Tingkap.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Tingkap gaya Inggeris dicirikan oleh simetri dan keseimbangan dengan perhatian yang khusus terhadap struktur pintu dan tingkap. Walaupun penggunaan tingkap seperti itu popular pada abad ke-17, penjajah mula membawa idea ini ke negara-negara yang dikuasai dan menjadi titik penentu gaya penjajah Inggeris. Ciri-ciri tingkap gaya Inggeris adalah berbentuk simetri dan terdapat juga beberapa ciri tambahan yang membantu reka bentuk dengan betul dan kukuh iaitu panel. Panel direka dalam pelbagai bentuk dan saiz dengan arah mendatar dan menegak. Struktur jenang tingkap rumah mengandungi 5 panel di bahagian atas dan 10 panel kecil pada bahagian tengah tingkap secara mendatar. Dalam hal ini, sekiranya lebih banyak panel diletakkan di ruang tingkap atau pintu, ciri-ciri sesuatu bangunan itu akan lebih bernilai estetik.

### Pintu Masuk Utama

#### **Rajah 10:** Pintu Masuk Utama Rumah.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Rekaan asal pintu masuk utama rumah Dato' Haji Ahmad Maher sangat berlainan daripada keadaan yang asal di mana terdapat satu rekaan pintu jenis panel yang mempunyai dua daun pintu yang diperbuat daripada kayu. Pada struktur di kawasan bingkai pintu (*architrave*), gaya senibina Roman jelas kelihatan terutama pada bahagian ordinan tiang yang dibina secara bukaan melengkung dan mengapit pintu berkenaan. Rekaan yang unik ini bertujuan untuk menyambut kedatangan tetamu rumah berkenaan. Dalam hal ini, apabila kita melihat fungsi dan tujuan pembinaan gerbang di Rom pada ketika dahulu, The Arch of Titus yang dibina di Rom merupakan gerbang besar bagi menyambut kembali Titus (komander tentera Rom) yang mengepung dan menakluk pemberontakan Yahudi di Yudea. Rentetan itu, rekabentuk gerbang telah menjadi pengaruh senibina inggeris secara minimalis dan mengembangkan ruang secara visual.

### Pengaruh Seni Bina Cina

#### *Kekisi / Lubang Angin Bawah*

#### **Rajah 11:** Lubang Angin Bawah.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Bahan pembuatan lubang angin bawah rumah diperbuat daripada simen konkrit yang diukir secara ukiran tebuk timbus. Secara fizikal, lubang angin bawah bukan sahaja bertindak sebagai elemen peredaran udara malah menjadi penghias rumah untuk tampak lebih estetik. Corak pada lubang angin ini menampilkan rekaan yang berbentuk oktagon dan corak seperti pasu atau porselin Cina. Dalam catatan sejarah, pembuatan porselin meluas dilakukan di China dan dieksport ke Semenanjung Tanah Melayu semenjak di zaman kerajaan awal. Kebarangkalian corak berkenaan dari pengaruh Melayu adalah kurang tepat memandangkan pembuatan seramik tempatan lebih tertumpu kepada jenis tembikar tanah seperti buyung, kendi, mangkuk, geluk, periuk dan sebagainya.

### Hiasan Jenang Tingkap

**Rajah 12:** Hiasan Jenang Tingkap Bahagian Atas.  
(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

**Rajah 13:** Hiasan Jenang Tingkap Bahagian Bawah  
(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

Hiasan jenang tingkap adalah struktur luaran yang mempunyai jalur yang melingkari sekitar tingkap dan pintu untuk semua sisi termasuk menegak dan mendatar. Menurut Lucio Cortella (2015), rekaan seni bina ini dikembangkan untuk memperhiaskan kemas pada reka bentuk bangunan akan memberikan gaya arkitek yang dapat dibezakan yang kita lihat hari ini, terutama di kediaman yang lebih bergaya tradisional. Hiasan jenang tingkat ini diperbuat daripada simen batu tiruan dan terletak pada atas dan bawah tingkap secara mendatar yang mempunyai beberapa lapisan garisan yang seakan terlihat semakin melekok ke arah dalam. Lapisan ini dikenal sebagai salah satu ciri seni bina di China yang disebut sebagai *Horizontal Emphasis* yang memberikan penekanan rekaan adalah secara mendatar dalam binaan. Pada bahagian bawah pula, terdapat bentuk ukiran timbul bersimbolkan *classical flower* yang banyak menghiasi binaan bangunan, tokong, rumah atau ornamen klasik di China.

## 5.0 CADANGAN

Rumah Dato' Haji Ahmad Maher merupakan salah satu aset warisan yang mempunyai identiti seni bina yang tersendiri dan adanya nilai sentimental terhadap peristiwa bersejarah sejak Zaman Penjajahan Jepun sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan di dalam kajian berkenaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher dikenalpasti untuk penyelidik di masa hadapan. Antaranya adalah:

### **Memperkuh Bukti Sejarah Sebagai Aset Warisan di Kelantan.**

Pengkaji berharap agar rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini menjadi salah satu ikon tempat yang bersejarah dari segi khazanah sejarah pembinaan, tokoh sejarah, pengaruh seni bina dan rekaannya agar dapat menjadi bukti sejarah dan kebudayaan yang kekal di samping menjadi bahan rujukan ilmiah kepada para pengkaji lain serta masyarakat tempatan. Warisan tidak ketara terutamanya yang tidak terpelihara dan terpulihara keasliannya lazimnya akan pupus tanpa disedari dan merupakan satu perkara yang amat merugikan sesuatu bangsa dan negara.

### **Merekomendasi Keberadaan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.**

Usaha mempromosi atau memartabatkan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa secara konsisten bagi memperkenalkannya di mata penduduk tempatan lebih-lagi kepada pihak berkuasa tempatan. Hal ini kerana, bagi pengkaji cadangan ini sesuai untuk diperhalusi oleh pengkaji masa hadapan melalui pembentangan kertas kerja dan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan negeri melalui badan-badan utama

seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan agensi-agensi swasta.

### **Pendokumentasian Penuh Rumah Dato Haji Ahmad Maher.**

Cadangan penting yang harus diperanankan oleh pengkaji masa hadapan adalah melalui pendokumentasian secara keseluruhan berkenaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini. Jika dilihat dalam kajian lepas sebelum ini, jurusan Konservasi Warisan dari Universiti Malaysia Kelantan pernah membuat kajian mengenai kajian dilapidasi dan pendokumentasian kerosakan pada rumah berkenaan. Oleh itu, ia menjadi rujukan utama oleh pengkaji masa kini khususnya dalam mengenal pasti struktur fasad yang asal di dalam pendokumentasian tersebut. Justeru itu, pengkaji lepas, seharusnya mengambil manfaat ini dalam menghasilkan keterangan atau bukti secara lebih terperinci dari rumah Dato' Haji Ahmad Maher agar nilai warisan dan sejarahnya terus kukuh dan tidak lekang dek hujan, tidak karat dek panas.

## **6.0 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, identiti sesuatu seni bina itu diibaratkan sebagai permata yang berharga kerana bernilai estetik dan merupakan jati diri sesuatu bangsa. Rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang diperbuat daripada konkrit menjadikan dinding dan struktur rumah tersebut masih kukuh sehingga sekarang walaupun sudah menjangkau usia lebih 80 tahun. Oleh itu, rumah ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan negeri disebabkan nilai estetika serta sentimental sejarahnya yang sangat berharga. Hal ini penting bagi memaparkan budaya sesuatu masyarakat setempat malah bangunan warisan merupakan aset warisan yang berharga pada negara. Rumah tinggalan Mufti Kelantan ke-7 ini perlu dipelihara dan dipulihara bagi memastikan khazanah warisan ketara ini terus terjaga. Justeru, setiap pihak perlu menggembelng usaha dan tenaga demi melestarikan warisan budaya yang menjadi identiti sesuatu bangsa.

## **RUJUKAN**

- Ahmad, R. (2006). *Prinsip dan praktis penyelenggaraan bangunan*. Pustaka Ilmi.
- Anuar Alias, A. S. (2011). *Pengurusan Penyelenggaraan Dan Pengubahsuaian Bangunan*. Universiti Tun Hussein Onn
- Azni Mohd Dian, N. C. (2013). *Public participation in heritage sites conservation in Malaysia : Issues and challenges. Procedia - Social and Behavioral Sciences 101 (2013) 248 – 255*
- A.F. Mohd Isa, Z. Z. (2011). *Built heritage maintenance : A Malaysia perspectives*. Procedia Engineering 20 ( 2011 ) 213 – 22.
- Cresswell, I. D. (2019). Geoheritage and geoconservation in Australia. *Australian Journal of Earth Sciences*, 66 (6), 753-766.
- Ghafar, A. (2006). *Rangka kerja pemuliharaan bangunan bersejarah*. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/7.geografia-apr%20201Yuszaidy%20Mohd%20Yusoff%20et%20al-edam.pdf>
- Ismail, G. (1988). *Warisan Kelantan XXIV*. United Selangor Press Sdn Bhd.

- Greenlane. (2018, December). *Semua mengenai tiang komposit*. Retrieved from <https://www.greelane.com/ms/kemanusiaan/seni-visual/what-is-a-composite-column>
- Idid, S.Z. A. (1996). *Pemeliharaan warisan rupa bandar Kuala Lumpur*: Badan Warisan Malaysia.
- Jabatan Warisan Negara. (2012). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara
- Lindsay, A. (2019). *Reconsidering Interpretation of Heritage Sites: America in the Eighteenth Century*. Routledge.
- Tajuddin, M. (2014), *Rethinking The Mosque In The Modern Muslim Society*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Nasir, A. (1985). *Pengenalan rumah tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Loyal Press Sdn Bhd.
- Norlizaiha, S. (2020). *Pemuliharaan bangunan warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Su, G. D. (1908). *Chinese architecture: Past and Contemporary*. Bencoolen: Sin Poh Amalgamated.
- Watt, D. & Colston, B. (2003). *Conservation of historic buildings and their contents: Addressing the conflicts*. Donhead Publishing Ltd.
- Moore, W. K. (2004), *Malaysia: A pictorial history 1400-2004*. Malaysia: A Pictorial History 1400-2004 : Wendy Khadijah Moore : 9789814068772 (bookdepository.com), Editions Didier Millet Pte Ltd.

**FUNGSI PEMASARAN PAMERAN TERHADAP KOLEKSI DI MUZIUM DIRAJA NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN.**

Nor Amira bt Sharom

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[amira.c18a0592@siswa.umk.edu.my](mailto:amira.c18a0592@siswa.umk.edu.my)

**Abstrak:** Istana merupakan sebuah tempat atau institusi yang telah menyimpan pelbagai artifak. Muzium juga merupakan suatu tempat menyimpan segala peralatan kesenian, serta warisan dan segala adat resam pada masa dahulu seperti pakaian diraja, manuskrip, senjata yang mempunyai kualiti yang sangat tinggi sehingga menjadi rujukan sehingga hari ini. Dalam kajian ini pengkaji menyatakan tiga objektif kajian yang hendak dikaji. Kertas kerja ini juga akan menjelaskan fungsi pemasaran pameran yang dijalankan di Muzium Diraja Negeri Kedah. Selain itu pengkaji turut menjelaskan jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi serta melihat fungsi setiap koleksi tersebut kepada pelawat yang menjalankan aktiviti lawatan di Muzium Diraja Kedah. Penggunaan kaedah metodologi dalam kajian ini sangat memudahkan pengkaji dalam memperolehi maklumat yang berkaitan. Kajian ini diharap dapat membantu memartabatkan institusi Muzium Diraja di samping dapat meningkatkan pelancongan asing di Malaysia.

Kata Kunci: Muzium Diraja Negeri Kedah, Artifak Muzium, Manuskrip, adat resam

## **PENGENALAN**

Muzium Diraja Negeri Kedah pada asalnya adalah sebuah istana Sultan Kedah yang dikenali sebagai Istana Kota Setar. Manakala, bangunan ini pula dibina oleh Almarhum Sultan Muhammad Jiwa pada tahun 1736. Selepas menjalankan beberapa adat istiadat perkahwinan diraja, istana ini telah dikenali sebagai Istana Pelamin. Selain itu juga, Istana ini juga telah menjadi tempat kediaman keluarga diraja Kedah serta menjadi pusat untuk mendakan upacara-upacara ataupun majlis beradat seperti perkahwinan dan juga istiadat berkhatan putera-putera serta kerabat diraja DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa permasalahan yang berlaku terhadap Muzium Diraja Negeri Kedah. Berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji mengenai kelemahan pelan dalam pengurusan strategik pemasaran bagi koleksi menyebabkan aktiviti melawat menjadi kurang juga kerana kurangnya kajian dan juga penyelidikan yang dijalankan mengenai kajian ini. Menurut, Gilmore et. al. (2002) menyimpulkan bahawa sesebuah muzium yang berjaya adalah dengan menggunakan teknik-teknik pemasaran dengan berkesan. Selain itu, rujukan yang tidak banyak ini menyebabkan masyarakat umum kurang pendedahan mengenai kajian ini. Hal ini telah menyebabkan sesuatu kelemahan itu berlaku di dalam institusi pemuziuman. Pendedahan yang kurang dari segi media elektronik dan media cetak menyebabkan mereka terpaksa pergi sendiri di kawasan tersebut untuk membuat kajian ini.

Selain itu, pengunjung tidak merasakan manfaat dari kunjungan yang dilakukannya kerana, penulisan terhadap artifak kurang berkesan. Menurut, Anne Fahy, 1995 (Teknologi Baru untuk Komunikasi Muzium) mengatakan bahawa maklumat yang disampaikan tidak akan memberikan manfaat disebabkan oleh muzium itu sendiri tidak menjelaskan dengan baik. Bahan rujukan yang tidak banyak mengenai koleksi yang dipaparkan di Muzium telah menyebabkan kunjungan menjadi kurang. Rujukan yang tidak banyak mengenai tajuk ini telah menyebabkan pengkaji terpaksa melihat sendiri keadaan yang berlaku di Kawasan tersebut.

Permasalahan kajian yang dihadapi dalam projek penyelidikan ini adalah, kaedah pameran koleksi yang digunakan oleh pihak Muzium Di Raja Negeri Kedah masih lagi menggunakan kaedah konvensional iaitu dengan menggunakan media cetak mengenai sesuatu koleksi. Melalui penerangan dalam buku Intergenerational Interaction yang telah digunakan pakai oleh Rosenfeld telah menyatakan bahawa

“An exhibit may present a half-dozen option for interaction, but the visitor may choose only one or two. An exhibit case may contain dozens of artifacts, but most visitors will view only some of them and read just a few labels.” Rosenfeld (2011) ada mengatakan bahawa semua berlaku bergantung kepada jenis persembahan kepada pengunjung dan bagaimana teknik itu dipersembahkan kepada pengunjung. Oleh itu, menyebabkan pengkaji memilih kaedah pameran koleksi muzium ini.

Akhir sekali, kaedah seperti ini tidak banyak didedahkan oleh pengkaji yang lain melalui kaedah penerangan yang diberikan oleh muzium terhadap sesuatu fungsi koleksi itu kurang jelas dan sukar untuk difahami oleh pelawat. Menurut, McLean, 1997 fungsi muzium yang berhubungan langsung dengan pengunjung adalah fungsi pameran. Hal ini menunjukkan bahawa muzium itu sangat memainkan peranan penting dalam memberikan info mengenai koleksi bukan saja hanya memaparkan koleksi semata-mata tanpa huraian.

### **OBJEKTIF**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai tiga objektif kajian utama iaitu pengkaji ingin mengenalpasti pelan strategik pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke muzium, menganalisis jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Di Raja Negeri Kedah dan mengetahui kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai fungsi koleksi yang terdapat di Muzium Di Raja Negeri Kedah.

### **METODOLOGI**

Penyelidikan ini merupakan satu kajian kualitatif yang telah menggunakan kaedah temubual informan, Kajian perpustakaan dan Kaedah Pemerhatian. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual responden secara individu di atas talian yang dijalankan selama satu jam dan merakam perbincangan tersebut dan di masukkan ke dalam buku kajian lapangan. Temubual yang dijalankan tersebut berdasarkan kepada tiga elemen utama kajian ini, yang pertama adalah Mengenalpasti pelan strategik pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium, yang kedua adalah Menganalisis jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah dan akhir sekali ialah



mengetahui kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai Fungsi koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Negeri Kedah.

### **Temubual Informan**

Dalam kaedah ini pengkaji telah menebua bual tiga orang responden yang mana disertai dengan dua orang kakitangan Muzium Di Raja dan seorang lagi pelawat secara rawak untuk mendapatkan sedikit sebanyak maklumat. Temubual ini akan dijalankan di sekitar kawasan kajian untuk memperoleh tindak balas daripada responden melalui pengetahuan umum yang mereka perolehi. Selebihnya ia akan dijadikan maklumat perolehan data dalam aktiviti temubual.

### **Kajian perpustakaan**

Untuk mendapatkan maklumat ataupun data yang banyak berkaitan dengan muzium kaedah tersebut telah digunakan sepanjang menghasilkan laporan ini. Pengkaji juga menggunakan beberapa kaedah bacaan yang mana hasil penulisan artikel, thesis dan keratan akhbar telah dijadikan panduan sepenuhnya. Pengkaji juga menggunakan artikel yang mempunyai kaitan dengan pemasaran di dalam aktiviti pameran di Muzium dan mendapat sedikit sebanyak gambaran awal mengenai kajian yang telah dijalankan ini. mendapat sumber-sumber rujukan bahan bercetak seperti buku-buku rujukan serta kajian-kajian lepas di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan serta UMK Repository

### **Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pemerhatian secara langsung dan pemerhatian secara tidak langsung. Kaedah penglibatan secara langsung adalah dengan pengkaji turun padang untuk melihat serta mengumpulkan maklumat sendiri di kawasan kajian. Secara tidak langsung pengkaji akan merekodkan semua data yang telah diperolehi. Selain itu, melalui kajian secara tidak langsung pengkaji akan mencari maklumat di internet sahaja. Kedua-dua kaedah ini sangat berbeza dalam mengumpulkan maklumat.

### **ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

*Kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai Fungsi koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Negeri Kedah*

Mengikut kurator muzium Di Raja Negeri Kedah, setiap maklumat yang hendak dipamerkan perlulah disertakan dengan penerangan yang terperinci mengenai tentang siapa, untuk apa, daripada mana yang sangat penting sekali di dalam penulisan tersebut (Ryan, 2015). Dalam setiap Muzium ini mereka telah menonjolkan tema diraja yang mana, setiap pameran mempunyai peralatan di raja. Antara kaedah yang digunakan semasa penyampaian koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah kepada para pelawat adalah dengan menggunakan kaedah kapsyen atau label. Ia diletakkan berhampiran dengan artifak tersebut mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, piawaian itu telah ditetapkan dengan jenis tulisan yang digunakan adalah seperti tulisan Times New Roman dan saiz sederhana yang membolehkan pengunjung membaca maklumat yang hendak disampaikan. Kapsyen digunakan untuk memberikan keterangan kepada sesuatu gambar atau barangan yang mana ia telah dipamerkan di muzium. Menurut temubual Rahimah mat pada 18/10/2021 beliau menyatakan bahawa, kaedah kapsyen ini digunakan secara ringkas

sahaja dan tidak perlu panjang lebar terutamanya dari segi tatabahasa dan juga pemahamannya. Hal ini demikian kerana, jika pihak muzium menggunakan kaedah penulisan yang panjang maka pelawat atau sesiapa pun pasti akan merasa bosan terhadap sesuatu yang telah ditunjukkan. Sebagai contohnya, menurut beliau pihak Muzium Di Raja Negeri Kedah akan menggunakan kaedah kapsyen dengan menulis pada satu koleksi hanya nama koleksi dan tahun sahaja. Dengan penulisan begini pelancong/ pelawat secara automatik akan memahaminya. Mereka akan menafsirkan dengan penulisan berikut terhadap pembacaan mereka yang sebelum ini. Kaedah ini sangat dititikberatkan oleh setiap muzium untuk memberikan penyampaian yang sangat berguna kepada para pelawat.

Komunikasi di muzium terdapat beberapa jenis yang telah digunakan dalam menyampaikan maklumat yang penting dan jelas kepada pengunjung. Menurut Harvard Business School Press (2006), penyampaian maklumat melalui komunikasi pasif yang melibatkan muzium seperti penggunaan media bercetak seperti brosur, risalah dan ia merupakan proses untuk menyampaikan maklumat melalui potongan kecil yang boleh dipaparkan dalam pelbagai bentuk, format serta warna dan bentuk yang berbeza. Menurut Aini. H.M (2002) ia merupakan komunikasi pasif yang melibatkan sebuah komunikasi sehalu sahaja. Melalui komunikasi secara aktif ia melibatkan komunikasi dua hala di mana ia melibatkan penerima dan penghantar di dalam proses menyampaikan maklumat. Di sini juga pelawat dapat memahami segala maklumat maksud yang diperjelaskan. Pengkaji dapat memahami bahawa komunikasi secara aktif perlu wujud di dalam organisasi muzium supaya maklumat dapat diberikan kepada para pelawat.

Menurut Jay. R (1999) melalui komunikasi secara interaktif ini telah wujud untuk menyokong segala maklumat yang disampaikan kepada pengunjung. Hal ini kerana, pihak muzium perlu memastikan bahawa setiap maklumat yang disampaikan dapat memberikan kesan yang berguna kepada orang ramai untuk menambahkan idea serta memperjelaskan lagi maklumat tersebut. Menurut Ku Amir bin Ku Zaidi (pelawat secara rawak), beliau berpendapat bahawa komunikasi secara interaktif ini merupakan salah satu bentuk komunikasi yang sangat berkesan dalam aktiviti menyampaikan maklumat kepada para pengunjung. Pihak Muzium Diraja Negeri Kedah menggunakan kaedah komunikasi secara interaktif yang lancar serta mempunyai banyak idea semasa memberikan penerangan kepada para pelawat mengenai koleksi yang telah dipaparkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut temubual Rahimah mat pada 18/10/2021 beliau menyatakan bahawa percakapan ini mempunyai sambungan kepada kapsyen yang dibuat. Strategik ini dilakukan kerana, melalui perbentangan secara percakapan ini perlu mempunyai banyak pengetahuan semasa hendak menyampaikan iaitu 90 persen itu daripada pihak muzium itu sendiri. Yang 10 persen ini telah dipersembahkan melalui kapsyen tadi. Oleh sebab itulah, setiap pelawat terdiri daripada pelbagai umur dan kaum dan masing-masing mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam memahami sebuah pameran koleksi yang dipaparkan. Apabila mereka tidak memahami maksud penyampaian melalui koleksi yang dipamerkan mereka pasti akan menanyakan kepada pihak muzium yang mengurus oleh itu melalui kaedah inilah digunakan untuk memberikan keterangan kepada mereka. Selain itu, terdapat para pelajar yang datang untuk membuat kajian mengenai Muzium Diraja Negeri Kedah dan ini juga dapat berfungsi untuk berkongsi maklumat dengan banyak sekali dalam satu masa. Kesimpulannya, komunikasi secara interaktif ini sangat penting untuk menyampaikan maklumat dengan lebih cepat serta memberikan

kefahaman yang baik kepada pengunjung. Melalui komunikasi ini, pengunjung dapat tindak balas sekiranya tidak memahami maklumat yang disampaikan oleh pihak muzium.

Menurut Aini H.M (2002), terdapat medium atau kaedah yang digunakan dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada para pengunjung melalui dua kaedah dalam medium komunikasi iaitu media cetak dan juga medium elektronik. Hal ini kerana, media bercetak merupakan kaedah komunikasi yang sangat berkesan digunakan terutamanya dalam proses komunikasi sehala. Pengkaji turut berpendapat bahawa komunikasi massa merupakan satu bentuk media komunikasi dalam aktiviti penyampaian maklumat. Menurut Rahimah Mat dalam aktiviti temubual, media cetak ini merupakan salah satu daripada media massa semasa aktiviti penyampaian maklumat. Media bercetak ini terdiri daripada brosur, poster, risalah, majalah dan sebagainya. Menurut Ambrose.T (1990) sumber material seperti ini adalah medium ataupun dikenali sebagai saluran komunikasi dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada para pengunjung yang telah dibahagikan terutamanya kanak-kanak, para pelajar sekolah, pelajar university dan ibu bapa mengenai muzium serta artifak yang dipaparkan di dalam muzium ini melalui brosur dan alat media yg lainnya. Pengkaji bersetuju dengan pendapat pengkajian lepas mengenai kenyataan tersebut bahawa media cetak di dalam muzium bukan sahaja suratkhbar tetapi ia telah melibatkan beberapa media cetak yang lainnya. Secara keseluruhannya, media cetak adalah salah satu kaedah yang sangat berkesan dalam penyampaian maklumat yang hendak diberikan kepada pelawat yang datang berkunjung ke Muzium serta dalam masa yang sama ia dapat menambahkan lagi pelawat pada masa akan datang. Dalam masa yang sama juga, pihak muzium perlu mengetengahkan cara yang sesuai untuk mempamerkan bahan bacaan bercetak ini beserta dengan artifak supaya pelawat dapat memahami segala maklumat yang hendak disampaikan.

Menurut Aini. H. M, (2002) menyatakan bahawa media elektronik adalah media massa yang telah digunakan dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada pelawat selepas media bercetak. Jika kita lihat pada masa kini di mana semakin hari semakin maju dengan perkembangan teknologi yang canggih dan terkini, yang sealiran dengan perkembangan teknologi negara-negara maju dengan kewujudan media bercetak dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada orang ramai. Pengkaji telah mengkaji kaedah ini iaitu media elektronik terdiri daripada beberapa bahan dan alat yang sentiasa menggunakan teknologi canggih. Sebagai media elektronik yang terkini terdiri daripada audio, visual, televisyen, computer serta blog yang mempunyai kaitan dengan pemasaran pameran produk. Menurut temu bual Hj Rohaizad bin Rashid (15/12/2021), media elektronik adalah salah satu medium penyampaian maklumat yang berkesan di dalam sesebuah organisasi termasuklah muzium. Penyaluran segala maklumat kepada pelawat dapat dipermudahkan malah mereka dapat memahami segala jenis bentuk pameran yang dipamerkan di Muzium Di Raja Negeri Kedah. Oleh hal yang demikian, media elektronik sangatlah penting dalam menyalurkan segala maklumat yang berkaitan dengan koleksi yang ada di muzium. Media elektronik juga sangatlah diminati oleh semua golongan. Tujuan ini sangat memudahkan mereka melihat bahan pameran yang dijalankan terutama sekali pameran yang dijalankan secara visual ataupun pameran secara maya. Pameran secara ini memudahkan mereka untuk meneroka segala jenis koleksi di mana-mana sahaja apabila mereka perlu. Media elektronik ini sangat memudahkan pengunjung untuk mengingat segala maklumat yang telah disampaikan. Segala

ringkasnya, penggunaan kaedah media elektronik ini sangat dititikberatkan oleh semua golongan dan perlu diperkembangkan lagi daripada satu muzium ke muzium yang lain.

Teknik yang dilakukan pada peringkat yang seterusnya adalah melalui pengiklanan dengan promosi. Menurut Nik Yaacob N.R (1992) pengiklanan ini bermaksud satu perhubungan yang mengaitkan promosi secara tidak langsung di mana ia boleh dikategorikan sebagai teknik untuk mempromosikan barang kepada pihak umum. Oleh sebab itulah, ia bertujuan untuk mempromosikan, memperkenalkan serta meningkatkan penjualan melalui media massa tersebut. Menurut Rahimah Mat, peranan pengiklanan dalam aktiviti pemasaran adalah untuk mewujudkan jualan bagi mempromosikan artifak agar diketahui oleh orang ramai. Kaedah pengiklanan ini juga turut mendorong pengguna untuk memikirkan ataupun memberikan reaksi mengenai tahap pengeluaran yang dilakukan. Pihak muzium juga berperanan untuk membentuk suatu idea yang kreatif serta strategik untuk disasarkan kepada golongan tertentu. Jika teknik ini digunakan secara berterusan maka kaedah penyampaian yang hendak digunakan itu akan mendapat keputusan yang positif daripada masyarakat. Melalui media pengiklanan ini mereka berpeluang untuk melihat harga serta produk yang ditawarkan. Masyarakat umum dapat menilai kelebihan teknik pengiklanan ini dapat memberikan kesenangan kepada mereka untuk mencari atau mengumpulkan artifak daripada rumah sahaja bagi mereka yang gemar menggupul artifak lama.

### **RUMUSAN**

Tuntasnya bahawa, jika kita lihat pada hari ini kejayaan sesebuah organisasi seperti muzium mestilah mempunyai kaitan dengan kewujudan sebuah pemasaran yang baik dan berjaya dalam mengatur strategi pemasaran. Hal ini kerana, pelan pemasaran yang dilakukan itu telah mendapat sambutan daripada masyarakat di sekitarnya. Manakala jenis promosi yang dilakukan oleh pihak muzium tidak mengenakan bayaran tiket untuk masuk ke muzium membuat para pelancong ingin melawat. Jika kita lihat pada hari cuti tahunan terdapat banyak kemasukan para pelawat dan ada juga pelawat daripada Negara Thailand yang datang melawat di Muzium Diraja Negeri Kedah. Pengkaji juga berharap bahawa institusi Muzium Diraja Negeri Kedah boleh beroperasi seperti biasa dengan mengamalkan SOP yang sepatutnya untuk meningkat jumlah pelawat datang ke muzium. Menurut Ahmad Badri (2017), kita perlu melihat muzium sebagai suatu system disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Pertamanya adalah kepentingan artifak dalam kehidupan manusia dan yang kedua adalah sifat suatu institusi yang saling berkait antara satu sama lain. Perkara tersebut dapat ditakrifkan sebagai sebuah set bagi unit-unit ataupun elemen yang sering berinteraksi untuk membentuk hubungan integrasi dalam menjalankan fungsinya.

Muzium juga merupakan suatu identiti yang berperanan besar untuk mewujudkan pembangunan dalam kalangan masyarakat serta lokasi yang strategik untuk para ilmuwan berkumpul dan bertukar idea sesama sendiri. Di sini juga wujudnya Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan serta Badan-badan Bukan Kerajaan. Hal ini kerana, YB. Aminuddin Omar pernah berkata, sesebuah perpustakaan itu diwujudkan kerana ingin seiring dengan penubuhan sesebuah muzium. Penubuhan muzium dikatakan menjadi tempat penyimpanan penulisan-penulisan hasil kajian serta rekod-rekod prasejarah dahulu kala. Hal ini jelas menunjukkan bahawa institusi ini boleh berkembang dengan pesat jika masyarakat menyedari kepentingan dan fungsi sesebuah muzium. Kebanyakan pada hari ini masyarakat

kurang perhatian terhadap penubuhan dan fungsi muzium itu sendiri. Tambahan pula pandemik yang melanda pada hari ini telah menyebabkan masyarakat alpa dengan kewujudan muzium. Penyelidik berharap supaya penubuhan muzium ini sangat menitikberatkan untuk mengadakan pameran secara alam maya yang mana mereka boleh melihat segala ruangan pameran di laman web Muzium Diraja Negeri Kedah itu sendiri walau di manapun mereka berada.

### RUJUKAN

- Ryan, L. (2015). *Transcending boundaries: The arts of Islam: Treasures from The Nassar D. Khalili Collection*. Thesis Phd, Institute For Culture And Society University Of Western Sydney. Sydney:University Of Western Sydney
- Aini.H.M. & Group. (2002) *Pengajian Perniagaan 2*. Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Abdul, R. A. (2017). *Aplikasi metode pemikiran sistem dalam isu polemik antara Nas dan Masalah: Kajian Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah*. PhD Thesis, University of Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Ambrose, T. (1993). *Managing the New Museum*. Edinburgh: Scottish Museum Council.
- Harvard Business school press. (2006). *The essential of corporate communication and public*. Cambridge: Harvard Business School Publishing Corporation
- Jay. R (1999). *The seven deadly skills of communicating*. Canada: International Thomson Business Press.

## KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA PENGUNJUNG DI MUZIUM SUNGAI LEMBING

Nur Athirah Zahirah Azman

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[zahirah.c18a0601@siswa.umk.edu.my](mailto:zahirah.c18a0601@siswa.umk.edu.my)

**Abstrak:** Muzium Sungai Lembing terletak di Kuantan, Pahang dikenali sebagai muzium yang menyimpan serta mempamerkan koleksi sejarah zaman perlombongan di Sungai Lembing. Sejalan dengan perubahan arus semasa, teknologi multimedia dilihat mampu membantu institusi permuziuman dalam menyampaikan maklumat kepada pengunjung. Selain itu, mentaliti masyarakat yang menganggap muzium hanya merupakan tempat penyimpanan barangan lama serta isu penularan wabak Covid 19 di Malaysia sehinggakan institusi permuziuman turut menerima impak yang negatif dan jika hal ini berlarutan maka institusi permuziuman semakin dilupakan oleh orang ramai. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan masyarakat terhadap teknologi multimedia di Muzium Sungai Lembing. Metodologi bagi kajian ini ialah kaedah *mix-method*, kualitatif dan kuantitatif, 100 responden bagi soal selidik. Analisis kajian dilaksanakan melalui kaedah tematik analisis Hasil kajian, teknologi multimedia membantu memberi kefahaman kepada pengunjung dengan peratusan 98% dan 88.8% daripada golongan berumur 17 hingga 26 tahun. Kajian komprehensif tentang multimedia dalam permuziuman perlu dijalankan.

**Kata Kunci:** Keberkesanan, Sistem Penyampaian Maklumat, , Muzium, Muzium Sungai Lembing.

### PENGENALAN

Kajian dan penyelidikan adalah berkisarkan tentang keberkesanan sistem penyampaian maklumat kepada pengunjung di Muzium Sungai Lembing . Muzium didefinisikan sebagai tempat mengumpul, menyelidik dan memelihara segala bentuk kesenian, warisan dan adat resam setempat seperti manuskrip, koleksi perlombongan, koleksi persenjataan serta segala hasil kerja yang terbaik dan berkualiti tinggi yang menjadi rujukan sehingga ke hari ini (Jurnal 'Ulwan, 2020). Sejalan dengan perubahan arus kemodenan semasa penggunaan teknologi multimedia dapat membantu institusi permuziuman dalam mencapai objektif penubuhan sesebuah muzium. Terdapat lima elemen atau teknologi utama di dalam multimedia iaitu grafik, teks, audio dan animasi. Setiap elemen tersebut memainkan peranan yang berbeza untuk penyampaian maklumat dan tahap keberkesanan penerimaan maklumat juga turut berbeza mengikut setiap elemen tersebut.



### PERMASALAHAN KAJIAN

Masalah yang pertama yang menjadi isu ialah pameran di muzium kurang menarik minat pengunjung. Masalah ini dapat dikenalpasti apabila penyelidik menjalankan beberapa temubual secara tidak formal bersama 10 orang pengunjung di muzium. 5 orang pengunjung muzium ini terdiri daripada kanak-kanak dan 5 orang lagi terdiri daripada golongan belia berusia 20an. Menurut Cik Nur Aina Athirah, 22 belia menyatakan bahawa konsep pameran di muzium ini agak membosankan kerana ia hanya mempamerkan artifak serta diskripsi berkaitan artifak. Menurut pendapatnya, jika hanya mempamerkan artifak serta diskripsinya maklumat ini juga turut boleh di akses melalui laman sesawang sahaja. Seterusnya pula, hasil temubual bersama Muhammad Haziq, 14 belia menyatakan bahawa beliau merupakan peminat kartun animasi, jadi beliau turut menyatakan tahap kefahaman akan lebih meningkat jika persembahan pameran ini nampak seperti hidup.

Masalah yang seterusnya ialah mentaliti masyarakat menganggap bahawa muzium hanyalah tempat penyimpanan barangan lama (Paiman Keromo, 2005). Menurut seorang responden yang dikenali sebagai Pengunjung Abeliau menyatakan bahawa muzium ini hanya untuk kunjungan kanak-kanak dan pelajar sekolah. Walaupun, bayaran masuk ke muzium hanya berjumlah kurang daripada RM2 berbanding dengan harga masuk ke pawagam yang boleh mencecah sehingga RM20 tetapi masyarakat tetap merasakan ia mahal (Muhammad Ainuddin Bin Mustafa, 2015). Hal ini disebabkan oleh, kurangnya pendedahan tentang institusi permuziuman ini. Harga tiket muzium di Malaysia merupakan yang terendah berbanding dengan negara lain. (Berita Harian, 2019).

Simpulkan permasalahan tersebut yang membawa kepada kajian ini.

### OBJEKTIF

Objektif kajian ini ialah mengenalpasti jenis-jenis teknologi yang digunakan di institusi permuziuman yang diiktiraf oleh *International Council of Museum (ICOM)* dan menganalisis pandangan pengunjung terhadap teknologi multimedia sebagai sistem penyampaian maklumat di Muzium Sungai Lembing.

### METODOLOGI

Penyelidikan ini merupakan kajian kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan soal selidik kepada 100 responden dan sumber perpustakaan. Persampelan yang digunakan ialah persampelan bebola salji (Snowball sampling).

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

*Mengkaji pandangan masyarakat terhadap teknologi multimedia sebagai sistem penyampaian maklumat kepada pengunjung.*

Analisis bagi demografi kategori umur pengkaji menganalisis bermula umur 17 tahun hingga 44 tahun keatas. Bagi umur 17 tahun hingga 25 tahun mencatatkan 89 responden bersamaan (89%). Bagi umur 26 tahun hingga 34 tahun mencatatkan 5 responden bersamaan (5%). Selain itu, bagi umur 35 tahun hingga 43 tahun telah mencatatkan sebanyak 1 orang responden bersamaan (1%). Manakala bagi umur 44 tahun keatas mencatatkan 5 responden bersamaan (5%). Tuntasnya, responden yang berumur 17 tahun hingga 25 tahun merupakan majoriti bagi demografi umur.

Bagi soalan yang dikemukakan pula ialah *sebagai pengunjung adakah anda rasa tertarik dengan penggunaan teknologi multimedia dalam pameran di muzium yang anda pernah lawati*. Seramai 93 responden bersamaan (93%) telah menjawab ya dan 7 responden menyatakan tidak. Keseluruhannya, majoriti responden merasa tertarik dengan penggunaan teknologi multimedia dalam muzium. Walakin itu, 88.1% responden daripada 93% telah diwakili oleh golongan yang berumur 17 tahun hingga 26 tahun. Jelaslah bahawa, golongan muda lebih tertarik kepada penggunaan teknologi kerana ia meningkatkan ketertarikan untuk mengambil tahu tentang sesuatu perkara dan mempelajari sesuatu. Hal ini telah disokong oleh kenyataan yang dinyatakan oleh Razana Bahrudin, Noriza Nayan, Nir Saadah Fathil, Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Saridan Abd Hamid, Azman Uyub dan Abd Harith Hasan (2014), bahan persembahan seperti gabungan elemen teks, grafik, animasi, audio dan video bersifat dinamik dan dapat menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan.

Selain itu, berdasarkan kenyataan Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003) menyatakan elemen-elemen multimedia yang ditawarkan juga berupaya menarik perhatian dan juga mampu membantu seseorang melakukan proses visualisasi. Tambahan pula, Siti Fadzilah Mat Noor dan Shereena Mohd Arif (2002) menyatakan bahawa peranan teknologi multimedia menjadikan pengajaran lebih menarik, efektif aktif dan menyeronokkan kerana melibatkan hampir semua panca indera manusia. Menurut kenyataan yang dinyatakan oleh Fisher (1994) melalui teknologi multimedia mampu mewujudkan satu konsep interaktif yang lebih menarik berbanding sistem pembelajaran tradisi.

Soalan keempat pula menyatakan *sebagai pengunjung adakah anda berpendapat bahawa penggunaan teknologi multimedia membantu memberi kefahaman dalam menyampaikan maklumat kepada pengunjung*. Seramai 98 responden bersamaan (98%) telah memberi respon ya manakala 2 responden bersamaan (2%) telah memberi respon tidak. Secara am, hampir keseluruhan atau majoriti pengunjung telah berpendapat bahawa teknologi multimedia dapat membantu memberikan kefahaman dalam penyampaian maklumat kepada pengunjung muzium. Namun demikian 88.8% responden daripada 98% diwakili oleh golongan berumur 17 tahun hingga 26 tahun. Hal ini juga telah disokong oleh kenyataan daripada Che Suriani Kiflee, Siti Aishah Hassan, Fariza Khalid, Noorlin Maaulot dan Rorlinda Yusof (2020), penambahan elemen multimedia membolehkan pelajar meningkatkan pemahaman mereka tentang model simulasi yang dipaparkan dan ia menjadi perangsang bagi pelajar untuk meneruskan pembelajaran dan meningkatkan kefahaman dalam sesuatu topik. Selain itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari dan

Kesavan Nallaluthan (2020) menyatakan bahawa 50% pelajar sangat bersetuju tentang penggunaan multimedia mampu meningkatkan kefahaman tentang sesuatu perkara.

Tambahan pula, Manuel Alfonseca, Juan De Lara (2000), menyatakan bahawa penambahan elemen multimedia mampu meningkatkan pemahaman mereka tentang model simulasi yang dipaparkan. Hal ini kerana pengintegrasian elemen multimedia sangat membantu kerana elemen multimedia menggunakan media seperti teks, grafik, audio dan video. Oleh itu, multimedia mampu menjadi perangsang bagi mempelajari sesuatu perkara dan meningkatkan pemahaman.

Jadual 1.2: Analisis keberkesanan teknologi multimedia sebagai sistem penyampaian maklumat kepada pengunjung.

<b>Keberkesanan teknologi multimedia sebagai sistem penyampaian maklumat kepada pengunjung.</b>	<b>YA</b>	<b>%</b>	<b>TIDAK</b>	<b>%</b>
Adakah anda pernah melawat mana-mana muzium di dalam Malaysia	93	93%	7	7%
Adakah anda sedar tentang penggunaan teknologi multimedia dalam institusi permuziuman	74	74%	26	26%
Sebagai pengunjung adakah anda rasa tertarik dengan penggunaan teknologi multimedia dalam pameran di muzium yang anda pernah lawati	93	93%	7	7%
Sebagai pengunjung adakah anda berpendapat bahawa penggunaan teknologi multimedia membantu memberi kefahaman dalam menyampaikan maklumat kepada pengunjung.	98	98%	2	2%

Berikan penjelasan berkaitan jadual di atas.

## **RUMUSAN**

Kajian tentang pandangan masyarakat terhadap teknologi multimedia sebagai sistem penyampaian maklumat di muzium. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan teknologi multimedia di muzium membantu memberi kefahaman dalam penyampaian maklumat kepada pengunjung berada di tahap yang tinggi dengan peratusan 98%. Peratusan ini dimonopoli oleh golongan yang berumur 17 tahun hingga 26 tahun iaitu 88.8%. Selain itu, kajian tentang minat pengunjung terhadap penggunaan teknologi multimedia dalam institusi permuziuman turut berada di tahap yang tinggi dengan peratusan 93% dan meyoritinya daripada golongan yang berumur 17 tahun 26 tahun iaitu 88.1%.

**RUJUKAN**

- Dr. Baharuddin Mohd Arus. (2017). *Muzium bukan makam warisan bangsa. Utusan Borneo*. Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2019). Kesedaran muzium baru di Malaysia. *JMS*, 2 (1), 93-111.
- Saiful Sazali, Asyiek Desa, Norfarizah Bakhir. (2014). *Teknologi Navigasi Maya dalam Seni Warisan Balai Besar Kedah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Michitaka Hirose. (2006). *Virtual Reality Technology and Museum Exhibit*. *The International Journal of Virtual Reality*, 2006, 5(2):31-36
- Asmidah Alwi, Elspeth McKay. (2015). *Experiencing Museum Learning Through Multimedia Instruction*. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)* 77:29 (2015) 103–109
- Alexander Kapukotuwa, Onukwube Alex Alfredo Anedo, (2020), *Museum Exhibition Techniques. Sri Lanka : University of Sri Jayewardenepura*
- David Bearman, Jennifer Trant, Jan Van Der Starre, Tine Wanning, (1996), *Introduction to Multimedia in Museums: International Council of Museum (ICOM)*. Paris: International Council of Museums

## INSPIRASI ELEMEN MODEN TERHADAP BAJU KURUNG RIAU : ANALISIS FUNGSI

Nurulahda Binti Sulaiman, Rohaiza Binti Abdul Rahman, Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi, Farrah Atikah Binti Saari, Mohd Zaimmudin Bin Mohd Zain, Sarah Wahida Binti Hasbullah, Norhasliyana Hazlin binti Zainal Amri

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

[Nurulahda.s@umk.edu.my](mailto:Nurulahda.s@umk.edu.my), [generasihebat1994@gmail.com](mailto:generasihebat1994@gmail.com) , [nuranis.m@umk.edu.my](mailto:nuranis.m@umk.edu.my),  
[atikah.s@umk.edu.my](mailto:atikah.s@umk.edu.my), [zaimmudin@umk.edu.my](mailto:zaimmudin@umk.edu.my), [sarahwahida@umk.edu.my](mailto:sarahwahida@umk.edu.my),  
[hazlin.za@umk.edu.my](mailto:hazlin.za@umk.edu.my)

**ABSTRAK:** Baju kurung riau adalah salah satu baju kurung tradisional di Malaysia. Akan tetapi ada sesetengah masyarakat kurang tahu tentang kewujudan baju kurung riau adalah merupakan salah satu pakaian tradisional di Negara kita. Hal ini kerana, baju kurung riau tidak begitu popular seperti baju kurung moden, kurung teluk belanga dan sebagainya kerana baju kurung riau bukanlah baju kebangsaan seperti baju kurung teluk belanga. Baju kurung riau juga makin kurang mendapat sambutan dari golongan remaja kini kerana terdapat banyak pilihan baju kurung yang lebih mengikut citarasa remaja dan mengikut trend semasa. Di Dalam kajian ini, pengkaji cuba menyuntik gaya elemen moden terhadap baju tersebut untuk membawa kembali kurung riau yang mengikut trend ke dalam masyarakat sekarang terutamanya dalam golongan remaja. Elemen dan gaya moden yang disuntik ke dalam reka bentuk busana ini seperti penggunaan warna fabrik terkini, teknik lipatan keatas busana, perincian yang diletakkan serta jenis fabrikasi yang digunakan. Penyelidik menggunakan beberapa kaedah serta instrument penting iaitu menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat serta data berkaitan baju kurung riau. Hasil dari penyelidikan ini telah memberikan sumbangan dari aspek pengekaln kewarisanan baju kurung riau itu sendiri serta meningkatkan minat golongan wanita kini kerana baju kurung riau tersebut masih mengekalkan dasar pola yang sama walaupun telah disuntik elemen dan gaya moden. Penyelidik meletakkan harapan yang tinggi agar hasil penyelidikan ini akan tetap relevan untuk masa hadapan dan dapat menyumbang untuk pembangunan ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang rekaan fesyen dan kurung riau dapat dikekalkan serta menjadi pilihan utama masyarakat wanita kelak.

**Kata kunci:** Transformasi fesyen Melayu, kurung teluk belanga, teori akulturasi, aksesori wanita.

### 1.0 PENGENALAN

Fesyen adalah gaya dan pemakaian yang selalunya digunakan pada setiap masa dan Ketika. Walaubagaimanapun kebiasaan fesyen juga boleh didefinisikan sebagai gaya pemakaian yang popular. Pada masa dahulu individu atau masyarakat menggunakan pakaian dan juga perhiasan sebagai bentuk komunikasi yang bukan lisan untuk menyatakan pekerjaan, kelas sosial, pangkat, kekayaan dan kumpulan organisasi. Fesyen bukan sahaja tentang pemakaian (pakaian) seseorang tetapi fesyen juga termasuk dalam kategori aksesori, barang kemas, gaya rambut, dan kecantikan seseorang. Kesemua kategori tersebut sememangnya berkait rapat dengan imej, taraf ekonomi, idea dan status individu. Dengan ini, tidak hairanlah mengapa setiap individu

menginginkan kelainan setiap masa dan sentiasa berusaha untuk kelihatan cantik dan menawan apabila berada dalam kalangan masyarakat.

Secara khususnya, dunia fesyen dengan wanita sering dikaitkan sejak berkurun lamanya. Hal ini kerana, wanita adalah sumber kepada penghasilan rekaan fesyen baharu. Pelbagai jenis rekaan terkini direka mengikut kemahuan dan kehendak pengguna, golongan remaja terutamanya golongan muda mudi sentiasa inginkan kelainan pada setiap masa jika dibandingkan dengan golongan dewasa. Perhatikan perkembangan dunia fesyen yang semakin berkembang maju, keadaan ini telah menjadikan pemakaian tradisi melayu iaitu baju kurung riau kurang diketahui oleh generasi sekarang. Dengan ini dapat dibuktikan apabila tibanya perayaan hari raya Aidilfitri dan majlis keraian, kebanyakan masyarakat kini memakai baju- baju yang mengikut trend terkini yang sudah dimodenkan mengikut trend semasa. Rentetan itu, kini jarang dapat kita lihat pakaian tradisi melayu seperti baju kurung riau dipakai pada musim perayaan.

Hal ini kerana wujudnya kurung moden yang tampak lebih bergaya dan ringkas serta mengikut trend semasa. Menurut Addy V an Den Krommenacker (2008) didalam sebuah buku yang bertajuk Atlas Of Fashion Designer telah memberi pendapat tentang trend dalam dunia fesyen mengatakan bahawa "Trends are important, but I like to make clothes which are timeless, which you still can wear whenever you want to".

Tambahan pula teknologi kini semakin canggih untuk memudahkan proses penghasilan rekaan baru seperti mesin jahit automatik, bahan pewarna pakaian yang tahan luntur, mesin pencetak pakaian dan sebagainya yang mampu menghasilkan fesyen-fesyen yang terkini selari dengan kehendak dan kemahuan golongan masyarakat kini. Perkembangan teknologi serta kepelbagaian budaya lain akibat wujudnya kaum lain di Malaysia telah menyuntik para pereka fesyen muda untuk menceburi dunia fesyen yang dapat mereka rekaan baju terbaru mengikut perkembangan dan trend semasa. Didalam kajian ini lebih memfokuskan dalam menyuntik elemen gaya moden terhadap baju kurung Riau supaya kewujudan baju kurung Riau ini dapat diketahui oleh generasi akan datang. Dapat dilihat melalui percampuran budaya adalah punca berlakunya fesyen terkini. Oleh itu, apabila membincangkan kurangnya pemakaian baju kurung dalam konteks perubahan budaya dalam moden masyarakat Melayu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada fesyen dan hubungannya dengan sistem kebudayaan universal masyarakat, teknologi dan ekonomi.

Menurut Roland Barthes, "Fashion sendiri adalah sistem budaya makna." Oleh itu, perubahan dalam bentuk dan gaya baju kurung yang kemungkinan besar menandakan perubahan budaya. Pandangan ini juga disokong oleh Gilles Lipovetsky yang menyatakan, "Fesyen adalah satu bentuk tertentu perubahan sosial, bebas daripada sebarang objek tertentu ..." (Dalam Svendsen 2006: 13). Perubahan dalam fesyen ini telah menyebabkan mereka mula mengubahsuai rekaan baju agar menepati cita rasa dan kehendak mereka serta mengikut trend berpakaian. Kesan daripada perkembangan fesyen mengikut trend semasa telah mengakibatkan sehingga tenggelamnya kehadiran baju kurung tradisi. Contohnya seperti baju kurung yang telah diperbaharui menjadi lebih moden iaitu baju kurung Moden yang bergaya serta lain-lain lagi sehingga menjadikan generasi sekarang kurang pengetahuan tentang baju kurung tradisi dan lebih memilih baju kurung moden sebagai pilihan hati mereka.



## **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

Dalam bahagian menerangkan tentang ringkasan literatur terhadap penulisan termasuk buku, jurnal dan laporan kajian dalam bidang berkaitan bagi mendapatkan idea serta metodologi yang sesuai. Selain itu, kajian literatur juga memberi gambaran terhadap tahap pengetahuan yang bakal dilakukan. Didalam bab ini penyelidik akan menjelaskan tentang teori, konsep dan operasi dalam inspirasi elemen moden terhadap baju kurung riau di Malaysia.


### **2.1 SEJARAH BAJU KURUNG RIAU PAHANG**

Riau dan Pahang merupakan dua buah negeri yang berjauhan tetapi mempunyai pertalian sejarah dan sosiobudaya yang agak rapat. Ada beberapa pandangan yang menyatakan bahawa Pahang dan Riau telah menjalinkan hubungan politik dan budaya sejak zaman kerajaan zaman melayu Melaka. Melalui perhubungan inilah terciptanya potongan pakaian melayu yang dipanggil baju riau Pahang. Berdasarkan penulisan Zubaidah Shawal (1994), Baju Riau Pahang telah diilhamkan oleh Tengku Ampuan Mariam iaitu puteri kepada Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah (Sultan Pahang I). Tengku Ampuan Mariam iaitu puteri Sultan Abu Bakar iaitu Sultan Johor telah berkahwin dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Sultan Terengganu ke XIII) yang memerintah mulai dari 27 Mei 1920 hingga 25 September 1942. Mengikut pandangan Raja Fauziah Raja Tun Uda yang merupakan pengarah pertama bagi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang telah bekerja di Istanbul selama beberapa tahun berpendapat bahawa baju kurung Riau mirip pakaian orang Turki dahulu kala. Beliau juga menyatakan Sultan Abu Bakar iaitu Sultan Johor kerap datang ke Turki untuk bercuti. Kemungkinan hasil daripada lawatan tersebut, pakaian orang Turki telah menjadi inspirasi kepada baju Riau Pahang. Walaubagaimanapun, menurut kajian lepas Yasmin Siddik yang bertajuk Pengaruh islam dalam rekaan baju riau Pahang ada menyatakan baju riau Pahang hanya dipakai oleh segelintir masyarakat, malah sehingga kehari ini tidak semua golongan berusia di Malaysia tahu atau pernah melihat baju tersebut. Menurut Yasmin lagi, sesetengah orang menyebut baju riau Pahang sebagai baju kebaya Turki, manakala ada pendapat lain pula ada menyatakan ia merupakan adunan baju kurung cekak musang dan kebaya labuh.

### **2.2 POTONGAN BAJU KURUNG RIAU PAHANG**


Baju Pahang dihasilkan berdasarkan lakaran pola khusus bagi menampakkan potongan badan si pemakai. Kedua-dua baju bahagian tepi berpesak kembang berbeza sekali dengan baju kurung teluk belanga kerana baju kurung riau tidak mempunyai kekek malahan ia mempunyai kekek gantung. Bahagian baju ini lebar dan lurus seperti baju kurung dan di bahagian bawah lengan disambung dengan kekek gantung. Baju Riau Pahang dikancing dengan tujuh atau Sembilan butir butang yang bertahta permata asalnya direka untuk persalinan diraja kerana angka tujuh dan Sembilan digunakan oleh raja. Baju kurung riau Pahang ini dipakai dengan kain sarung yang diikat secara ombak mengalun di sisi bahagian pinggang dengan kain kepala diletakkan dibahagian belakang (Azah Aziz 2006). Berdasarkan penulisan zubaidah Shawal (1994), untuk memotong sehelai baju kurung riau ini, ia memerlukan lebih kurang 2.5 – 3 meter kain termasuk untuk kegunaan membuat pesak-pesak kembang. Menurut Yasmin Siddik, penggunaan fabrik terdapat sekurang-kurangnya tujuh jenis fabrik yang digunakan oleh wanita daripada golongan

istana iaitu songket, telapuk, pelangi, suji/tekat, serasah, taftah dan cindai. Kesemua jenis kain yang digunakan menampilkan ciri-ciri khas agung dan kelihatan mewah.




Gambar 2.1 : baju kurung riau

Sumber: Busana Melayu, Zubaidah Shawal (1994)



Gambar 2.2 : pecahan dasar baju kurung riau

Sumber: Busana Melayu, Zubaidah Shawal (1994)




Gambar 2.3 : baju kurung riau



Baju Riau Pahang sedang diperagakan masakini

Gambar 2.4 : Baju Kurung Riau Pahang diperagakan pada 1994

Sumber : Busana Melayu, Zubaidah Shawal (1994)



Gambar 2.5 : Baju kurung Riau kurung Pahang kain broked India

Sumber : Busana Melayu, Zubaidah Shawal (1994)

## 2.3 TEORI FESYEN

Fesyen dan trend fesyen terutamanya merujuk kepada apa-apa yang popular dalam budaya pada waktu tertentu. Ini adalah termasuk seperti elemen berpakaian, bentuk pola pakaian dan sebagainya. Trend fesyen sering berubah dengan cepat, dan fesyen sering digunakan untuk menggambarkan versi terbaru trend ini. Beberapa pereka mempunyai kata-kata tersendiri tentang dunia fesyen. *“fashion is something that exists in dress only. Fashion in the sky, in the street, fashion has to do with ideas, the way we lives, what is happening”* – Coco Chanel. *“if fashion is for everyone, it is fashion ? the answer goes far beyond the collections and relates to the speed of fast fashion. These is no longer a time gap between a small segment of fashion- consciuos people pick up a trend and when it is all over the sidewalks”* – Suzy Menkes.

Berita harian, (Disember 17,2013) setiap gaya adalah luahan rasa si pemakainya. Setiap individu inginkan identiti yang tersendiri tidak mahu dikongsi dengan orang lain. Fesyen sepatutnya membuatkan kita lebih menarik dan kreatif serta yakin terhadap diri apabila berhadapan dengan masyarakat. Setiap individu berhak berfesyen mengikut kemampuan dan cita rasa namun ia perlu disesuaikan dengan budaya, latar belakang masyarakat. Namun, setelah disajikan dengan arus fesyen dunia yang begitu pantas, penggayaan pakaian wanita yang berunsurkan budaya asal di Malaysia perlu diperbanyakkan dan digunakan bagi menggalakkan keindahan penampilan yang bertujuan untuk menonjolkan keistimewaan sendiri dan berorientasikan populasi dan perhatian ramai. Kajian yang pengkaji lakukan juga adalah untuk memberi kebaikan kepada golongan wanita melayu di Malaysia dalam menggayakan pakaian budaya masing-masing yang menggunakan pola asal baju walaupun telah disuntik kepada budaya barat seperti mana yang telah disokong oleh teori kedua bahawa penggayaan ini muncul dengan mengemukakan karakternya sendiri.

Variasi dan perubahan telah menyebabkan fesyen berubah-ubah mengikut perkembangan semasa globalisasi dan aspek perubahan pula berlainan terutamanya dalam penggayaan pakaian. Oleh itu, melalui kajian yang berkaitan dengan masalah penggayaan pakaian wanita melayu di Malaysia ini, pereka mestilah bijak dan tidak terlalu mengubah pola asal sesuatu pakaian ke arah rekaan pakaian yang baru sehingga hilang identiti asal baju tersebut. Dalam menguruskan sesuatu rekaan pakaian dan isu yang berkaitan dengan fesyen mestilah didedahkan kepada semua golongan kerana ianya merupakan simbolik atau perlambangan status sebagai individu kontemporari dan berupaya untuk bergaya seiring dengan perkembangan semasa. Kesimpulannya, kemodenan terhadap sesuatu rekaan pakaian bukannya sesuatu yang tidak bagus tetapi perlulah dilihat dari aspek positif dan penekanan terhadap gaya luar tidak sepatutnya terlalu diketengahkan sehingga pola asal pakaian wanita melayu di Malaysia hilang ditelan zaman.

### 2.4 TEORI AKULTURASI

Mengenai pengertian tentang akulturasi, menurut Koentjaraningrat dalam bukunya pengantar ilmu antropologi (1979: 247-248) mengemukakan bahawa akulturasi adalah proses yang timbul apabila suatu kelompok manusia dengan suatu kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur-unsur dari suatu kebudayaan asing dengan sedemikian rupa, sehingga unsur-unsur kebudayaan asing itu lambat laun diterima dan diolah dalam kebudayaan sendiri tanpa menyebabkan hilangnya keperibadian kebudayaan itu sendiri.

Menurut Nardy, (2012) menjelaskan “Akulturasi (acculturation atau culture contact) adalah proses sosial yang timbul bila suatu kelompok manusia dengan kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur-unsur dari suatu kebudayaan asing dengan sedemikian rupa, sehingga unsur-unsur kebudayaan asing itu lambat laun diterima dan diolah ke dalam kebudayaan sendiri tanpa menyebabkan hilangnya keperibadian kebudayaan itu sendiri”. Selanjutnya, menurut Hasyim,(2011) menjelaskan bahawa akulturasi merupakan gabungan antara kedua budaya yang terjadi dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Dapat disimpulkan bahawa akulturasi adalah bersatunya dua kebudayaan atau lebih sehingga membentuk kebudayaan baru tanpa



menghilangkan unsur kebudayaan asli. Proses akulturasi akan berlaku apabila seorang transmigran memasuki budaya tempatan. Proses akulturasi akan terus berlaku selama transmigran masih mengamalkan budayanya sendiri dan terus dibawa masuk ke sistem sistem sosio-budaya tempatan.

Disini dapat kita lihat bahawa akulturasi budaya barat ke dalam busana melayu iaitu melalui reka bentuk baju kurung moden dan tradisional amat berbeza dari segi kelonggaran pakaian serta gaya yang di ada pada baju kurung sekarang. Percampuran budaya barat dari luar telah menyebabkan perubahan dalam gaya pakaian tradisi melayu. Antaranya dari segi pola baju, dari segi gaya pemakaian dan sebagainya. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan proses akulturasi budaya barat kedalam baju kurung tradisional. Antara faktornya yang menyebabkan proses akulturasi itu berlaku ialah:

- 1)Aspek Ekonomi
- 2) Teknologi
- 3) Ekologi
- 4) Sosiologi

Justeru pergaulan antarabangsa semakin kuat, kesan daripada itu, maka terjadinya proses akulturasi, saling meniru, dan saling mempengaruhi di antara budaya masing-masing. Proses akulturasi tersebut adalah proses menghakisnya nilai budaya suatu bangsa itu sendiri, sebagai contoh munculnya sikap individualistik, konsumerisme, semakin menonjolnya sikap materialistik, dan terhakisnya budaya itu sendiri dari mulanya. Teknologi yang semakin canggih mengakibatkan pemikiran masyarakat terhadap nilai-nilai asing yang negatif semakin besar sehingga melupakan serta kurang pengetahuan tentang warisan bangsa. Apabila hal ini tidak segera dibendung akan mengakibatkan lebih serius dan menjadikan masyarakat tidak bangga lagi pada bangsa dan negaranya. Pada generasi muda hal ini merupakan masalah yang serius kerana mereka adalah tunas penerus bangsa.

Melalui media masa, unsur budaya asing berupa gaya berpakaian, peralatan hidup, gaya hidup, dan makanan semakin cepat tersebar dan mampu mengubah perilaku masyarakat. Misalnya, gaya rambut dan pakaian dari luar negeri yang banyak ditiru oleh masyarakat. Walaubagaimanapun, kemasukan budaya lain ke dalam budaya melayu tidak menjadi masalah besar kerana masyarakat melayu menerima budaya yang dibawa masuk dari Negara lain adalah sebagai satu trend terkini. Sebagai contoh, modifikasi busana tradisional tersebut ternyata dapat diterima oleh masyarakat dan mulai dijadikan alternatif pilihan gaya berbusana selain model busana barat. Selain konsep fenomena kewujudan budaya, J. C. Flugel juga membincangkan perubahan dalam pakaian dalam bukunya "*The Psychology of Pakaian*". Beliau menyebut bahawa manusia meliputi badan mereka kerana tiga sebab utama: hiasan, perlindungan dan kesopanan. ramai sarjana terlepas pandang mata beliau di "hiasan" dan mencadangkan bahawa sebab utama untuk meliputi badan adalah untuk melindungi tubuh daripada keadaan cuaca yang melampau (Ismail 2006; Shawal 1994).

### 2.0 PENYATAAN MASALAH

Pada era globalisasi kini, perkembangan sesebuah negara boleh dikatakan sudah mulai mengalami kemajuan. Mempunyai negara yang maju sememangnya harapan semua masyarakat, dan kini hampir semua negara sudah mengalami kemajuan tersebut. Mulai dari kemajuan ilmu pengetahuan, teknologi, pengangkutan, serta budaya sekalipun, itu semua kerana pengaruh daripada globalisasi. Akibat dari pengaruh globalisasi tersebut banyak kesan yang positif mahupun negatif yang ditimbulkan. Kesan positif dari pengaruh globalisasi sudah dapat kita rasakan sendiri, iaitu teknologi yang semakin canggih, kemajuan alat pengangkutan dan ilmu pengetahuan lebih luas. Tetapi dalam komposisi negatifnya adalah kerana pengaruh dari globalisasi ini, banyak budaya lain yang masuk di negara kita, terutamanya budaya barat dan sebagainya. Didapati pula di Malaysia mempunyai pelbagai kaum, oleh itu percampuran pelbagai budaya dalam suatu tempat itu akan terjadi samada dari segi adat perkahwinan, pakaian, dan lain-lain lagi.

Akibat pengaruh budaya tersebut, banyak generasi muda yang lebih memilih budaya lain dari pada budaya tradisionalnya. Itu kerana mereka menganggap jika budaya lain itu lebih moden dan lebih popular, sehingga kesedaran mereka dalam melestarikan budaya tradisional menurun. Hal ini kerana, menurut kata-kata pereka fesyen tentang dunia fesyen iaitu Oscar de la Renta didalam buku *next level* mengatakan "*fashion is about dressing according to what's fashionable. Style is more about being yourself*".

Itu semua membawa kepada kewujudan budaya tradisional di negara kita mula membimbangkan apabila generasi muda lebih memilih pakaian yang lebih mengikut trend semasa berbanding pakaian tradisi tradisionalnya sendiri, cepat atau lambat pasti pakaian tradisi kaum Melayu kita akan jauh lebih terhakis. Oleh kerana itu, sebelum itu semua berlaku, kita sebagai para generasi muda harus memperkenalkan kembali pakaian tradisional kaum Melayu yang sudah nenek moyang kita wariskan kepada kita supaya di gemari ramai walaupun telah disuntik elemen moden.

### 3.0 METODOLOGI

#### 4.0

Kaedah penyelidikan yang digunakan oleh Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) melalui proses semakan model, dan jenis kajian, dan pelbagai kajian tentang bentuk falsafah dan maksud pakaian tradisional Melayu di Riau. Ini jenis penyelidikan menggunakan deskriptif kualitatif dengan menghuraikan penemuan lapangan dalam bentuk data visual, temu bual, dan kajian literasi yang menyokong untuk menganalisis subjek kajian ini. Dalam penyelidikan ini, pelbagai langkah kajian diambil seperti berikut: kajian literatur, pemerhatian, dokumentasi, eksperimen, data, dan data visual yang digunakan sebagai asas hasil kajian pakaian adat Riau dalam masyarakat Melayu

### 5.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Untuk mengenalpasti punca kurangnya pemakaian baju kurung Riau dalam kalangan remaja sekarang.
- 2) Untuk menarik minat remaja kini dengan penghasilan baju kurung Riau yang telah disuntik elemen moden terhadap baju tersebut.

### 6.0 ANALISIS PERBINCANGAN

Rasional kajian ini dijalankan ingin memperkenalkan kembali baju kurung riau yang semakin dilupakan oleh masyarakat kini. Elemen moden sebagai inspirasi dalam penghasilan baju kurung riau adalah amat menarik supaya baju tersebut dapat dipopularkan sejajar dengan baju kurung moden kini yang mempunyai pelbagai gaya dan rekaan terkini. Selain itu juga, organisasi, pelajar, serta penyelidik boleh menjadikan kajian ini untuk membuat kajian berkaitan dengan fesyen pada masa akan datang. Segala sumber dan maklumat yang diperolehi akan dijadikan rujukan oleh pelajar-pelajar lain dalam menyiapkan tugas mereka serta mengukuhkan lagi hasil kajian yang mereka jalankan pada masa akan datang. Segala hasil keputusan daripada hasil kajian akan digunakan untuk mengetahui kepentingan kumpulan rujukan dan sasaran sebenar hasil kajian.

Kajian ini juga akan memberi manfaat kepada industri pakaian tempatan agar dapat menjelaskan identiti melayu melalui gaya berpakaian, berlandaskan kepada elemen-elemen estetik yang telah dikenalpasti. Hasil penyelidikan berpotensi untuk membangun dasar kebudayaan Negara yang memberi impak kepada pembangunan citra masyarakat melayu. Kajian ini dijalankan agar pakaian tradisi melayu akan sentiasa diingati serta digemari oleh masyarakat kini serta masa akan datang. Walaupun pelbagai budaya masuk ke Malaysia, pakaian tradisi melayu ini harus dikekalkan supaya tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas.

### 7.0 KESIMPULAN

Pakaian tradisional Melayu di Riau mungkin berbeza dengan pakaian tradisional yang lain. Jenis pakaian ini bergantung kepada keadaan si pemakai dan aktiviti yang di jalankan, sebagai contoh, untuk acara rasmi atau dalam aktiviti harian. Ia mempunyai nilai estetik berkaitan dengan kecantikan. Berdasarkan sejarah panjang interaksi dan akulturasi dengan bangsa lain, pakaian Melayu mempunyai keunikan dan ciri-ciri indah, dan persamaan dalam persepsi wilayah bersekutu. Lambang tradisional Pakaian Melayu di Riau merupakan nilai murni yang sangat dijunjung tinggi oleh masyarakat. Kewujudan simbol budaya yang tertanam

dalam pakaian Melayu mempunyai kedudukan dan peranan pakaian ialah penting dalam kehidupan orang Melayu. Kewujudan peruntukan adat mengawal bentuk, (motif), warna, penggunaan, dan fungsi pakaian. Peruntukan itu digunakan untuk mendidik akhlak pemakai.

## 8.0 CADANGAN

Cadangan penyelidikan ini adalah berdasarkan pada dapatan dan kesimpulan yang diperoleh. Cadangan ini terdiri kepada empat iaitu;

- i. Cadangan penambahan elemen dan menerapkan gaya mengikut trend semasa tanpa mengubah asas pada baju tersebut.
- ii. Cadangan memupuk rasa minat anak muda dengan memperkenalkan kembali rekaan kurung riau yang mengikut trend semasa serta citarasa masyarakat sekarang.

## 9.0 RUJUKAN

Ahmad Fazrul. (2015, julai 25). Asal Busana Popular Melayu. Utusan Online.

<http://www.utusan.com.my>

Alias, A., & Nawawi, N. M. (2003). *Pakaian Melayu sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aziz, A. (2006). *Rupa & gaya busana Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.

Bahauddin, A. *Naratif dan Protagonis dalam Reka Bentuk Warisan: Satu Penceritaan Budaya (Penerbit USM)*. Gelugor: Penerbit USM.

Davis, F. (1992). Do clothes speak? What makes them fashion: Fashion, Culture and Identity

Effendy, T. (2005). *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Han, A., Kim, J., & Ahn, J. (2021). Color Trend Analysis using Machine Learning with Fashion Collection Images. *Clothing and Textiles Research Journal*, 0887302X21995948.

Ismail, S. Z. (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laurie Pressman. ( 2017, September 14). Colour Trend Report London Fashion Week Spring 2018. Pantone. [https:// www. Pantone.com](https://www.pantone.com)

Na'am, M. F., Wahyuningsih, S. E., Setyowati, E., Prasetyaningtyas, W., Kamis, A., & Susanto, M. R. (2019). Riau Malay Traditional Clothes: Functional, Symbolic, Aesthetic, and Cluster State Studies. *International Journal of Recent Technology and Engineerin Vol. 8*.

## **LAMPIRAN**

### **JAWATANKUASA PENGELOLA**

Penasihat: Dr. Hanisa Hassan  
Pengarah: Dr. Raja Iskandar Raja Halid  
Timb. Pengarah: Puan Siti Nur Anis Muhammad Apandi  
Setiausaha: Puan Farrah Atikah Shaari  
Penyelaras Penerbitan: Puan Siti Nur Anis Muhammad Apandi  
Penyelaras Rekabentuk 1: Puan Mosalihah Mohamod  
Penyelaras Rekabentuk 2: Puan Wan Nor Azah Wan Khairul Asri  
Penyelaras Teknikal: Encik Sudirman Kiffli  
Penyelaras Pendaftaran: Puan Nurulahda Sulaiman  
Penyelaras Jemputan & Publisiti: Dr. Fatimah Muhd Shukri  
Penyelaras Video & Montaj: Encik Hidayat Hamid  
Ucap Tama: Ybhg. Prof. Dr. Datuk Awang Sariyan  
Penceramah Jemputan: Dr. Rohayati Junaidi  
Encik Sudirman Kiffli  
Puan Farrah Atikah Saari  
Moderator: Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob  
Puan Siti Rohanafizah Abu Aziz  
Puan Zaiton Zakaria

### **JAWATANKUASA PENASIHAT ANTARABANGSA**


PM. Dr. Mohd Rashid Mohd Idris (Universiti Pendidikan Sultan Idris)  
Dr. Rohayati Junaidi (Universiti Pendidikan Sultan Idris)  
Dr. Wanjun Li (Guangdong University Of Foreign Studies)  
Pn. Zaiton Zakaria (Guangdong University Of Foreign Studies)  
Dr. Yang Lin (Sichuan International Study University)  
Pn. Siti Rohanifizah Abu Aziz (Sichuan International Study University)  
En. Zhao Dan, Guangxi Minzu University.

### **Ketua Editor:**

Siti Nur Anis Muhammad Apandi

### **Editor Bersama:**

Farrah Atikah Saari  
Sudirman Kiffli  
Rohayati Junaidi  
Sahrudin Mohamed Som  
Nurulahda Sulaiman  
Mumtaz Farhani Mohamad




Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan  
Malaysia.

+6097797260

ftkw@umk.edu.my

e ISBN 978-967-0021-14-0



9 789670 021140